

Taqiyuddin an-Nabhani

# **NEGARA ISLAM**

(Edisi Mu'tamadah)

Dikeluarkan Oleh

**HIZBUT TAHRIR**

**Tajuk Asal** : Ad-Daulah Al-Islamiyah

**Penerbit** : Daar al-Ummah Li At-Thibaah Wa An-Nasyr Wa At-Tauzi',  
Beirut, Labenon.

**Pengarang** : Taqiyuddin An-Nabhani

**Tahun** : Cetakan ke-7, Tahun 1423 H/2002 M

**Penterjemah** : Abu Muhammad

Rasulullah s.a.w bersabda:

تَكُونُ النَّبُوءَةُ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ، ثُمَّ يَرْفَعَهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَىٰ مِنْهَاجِ النَّبُوءَةِ ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ، ثُمَّ يَرْفَعَهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا عَاضًا ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ، ثُمَّ يَرْفَعَهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا جَبْرِيًّا ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ، ثُمَّ يَرْفَعَهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَىٰ مِنْهَاجِ النَّبُوءَةِ ، ثُمَّ سَكَتَ

*“Period kenabian akan berlangsung pada kalian dalam beberapa tahun, kemudian Allah mengangkatnya. Setelah itu datang period khilafah aala minhaj nubuwah (kekhilafahan sesuai manhaj kenabian), selama beberapa masa hingga Allah ta’ala mengangkatnya. Kemudian datang period mulkan aadhhan (penguasa-penguasa yang menggigit) selama beberapa masa. Selanjutnya datang periode mulkan jabbriyyan (penguasa-penguasa yang memaksakan kehendak) dalam beberapa masa hingga waktu yang ditentukan Allah ta’ala. Setelah itu akan terulang kembali period khilafah ‘ala minhaj nubuwah. Kemudian Nabi Muhammad saw diam.” (HR Ahmad; Sahih).*

# ISI KANDUNGAN

<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	iv
<b>Pendahuluan</b> .....	vi
<b>Titik Permulaan Dakwah</b> .....	1
<b>Pembentukan Kumpulan Para Sahabat</b> .....	4
<b>Ledakan Dakwah</b> .....	6
<b>Penentangan Terhadap Dakwah</b> .....	9
<b>Reaksi Dakwah</b> .....	17
<b>Dua Peringkat Dakwah</b> .....	23
<b>Perluasan Medan Dakwah</b> .....	28
<b>Baiah Aqabah Pertama</b> .....	30
<b>Dakwah Di Madinah</b> .....	31
<b>Baiah Aqabah Kedua</b> .....	35
<b>Menegakkan Negara Islam</b> .....	44
<b>Pembangunan Masyarakat</b> .....	46
<b>Menyiapkan Suasana Perang</b> .....	52
<b>Permulaan Peperangan</b> .....	55
<b>Kehidupan Di Madinah</b> .....	60
<b>Perdebatan Yahudi Dan Nasrani</b> .....	62
<b>Peperangan Badar</b> .....	67
<b>Pengusiran Bani Qainuqa'</b> .....	70
<b>Penyelesaian Terhadap Goncangan Di Dalam Negeri</b> .....	72
<b>Peperangan Ahzab</b> .....	80
<b>Perjanjian Hudaibiyah</b> .....	89
<b>Penghantaran Utusan Ke Negara-Negara Jiran</b> .....	101
<b>Peperangan Khaibar</b> .....	105
<b>Umrah Qadha</b> .....	108
<b>Perang Mu'tah</b> .....	109
<b>Pembukaan Makkah</b> .....	114
<b>Peperangan Hunain</b> .....	119

<b>Perang Tabuk .....</b>	<b>127</b>
<b>Dominasi Negara Islam Terhadap Semenanjung Arab .....</b>	<b>132</b>
<b>Struktur Negara Islam .....</b>	<b>135</b>
<b>Kedudukan Yahudi Dalam Negara Islam .....</b>	<b>140</b>
<b>Kelangsungan Negara Islam .....</b>	<b>146</b>
<b>Politik Dalaman Negara Islam .....</b>	<b>152</b>
<b>Politik Luar Negeri Negara Islam .....</b>	<b>159</b>
<b>Pembukaan Islam Adalah Penyebaran Islam .....</b>	<b>165</b>
<b>Fokus Pembukaan Islam .....</b>	<b>169</b>
<b>Melenyapkan Semangat Kebangsaan Dan Membentuk Umat Yang Satu .....</b>	<b>175</b>
<b>Faktor-Faktor Kelemahan Negara Islam .....</b>	<b>182</b>
<b>Kelemahan Negara Islam .....</b>	<b>189</b>
<b>Serangan Misionari .....</b>	<b>198</b>
<b>Permusuhan Salib .....</b>	<b>209</b>
<b>Pengaruh Serangan Misionaris .....</b>	<b>214</b>
<b>Serangan Politik Terhadap Dunia Islam .....</b>	<b>221</b>
<b>Melenyapkan Negara Islam .....</b>	<b>225</b>
<b>Halangan Tertegaknya Negara Islam .....</b>	<b>238</b>
<b>Mendirikan Negara Islam Kewajiban Terhadap Kaum Muslimin .....</b>	<b>246</b>
<b>Kesukaran-Kesukaran Mendirikan Negara Islam .....</b>	<b>253</b>
<b>Bagaimana Mendirikan Negara Islam .....</b>	<b>262</b>
<b>Draf Perlembagaan .....</b>	<b>268</b>

# Pendahuluan

Generasi sekarang tidak pernah menyaksikan negara Islam yang menerapkan Islam. Begitu juga generasi yang hidup di akhir era negara Islam iaitu negara Uthmaniyah yang berjaya diruntuhkan oleh Barat. Mereka hanya dapat menyaksikan saki baki negara tersebut melalui tiggalan pemerintahan Islam. Oleh kerana itu, amat sukar seorang muslim untuk memperolehi gambaran tentang pemerintahan Islam yang menghampiri fakta yang sebenar sehingga dapat dicerna dalam pemikirannya. Anda juga tidak akan mampu menggambarkan bentuk pemerintahan tersebut, kecuali dengan penanda aras sistem demokrasi yang rosak yang anda saksikan secara paksa terhadap negara-negara umat Islam. Kesukarannya bukan hanya terhad berkenaan itu sahaja. Masih ada perkara yang lebih sukar lagi iaitu mengubah pemikiran yang sudah terbelenggu oleh ilmu pengetahuan Barat. Ilmu pengetahuan Barat tersebut merupakan senjata yang digunakan Barat untuk menikam negara Islam, dengan tikaman yang panjang sehingga mematikannya. Barat memberikan senjata itu kepada generasi muda negara tersebut, dalam situasi darah ibu mereka yang baru sahaja terbunuh masih menitis lagi, sambil berkata dengan bangganya, "Saya telah membunuh ibu anda yang lemah itu, yang sememangnya berhak untuk dibunuh kerana pendidikan yang buruk terhadap anda. Saya menjanjikan kepada anda pendidikan yang akan menjadikan anda boleh merasai kehidupan bahagia dan kenikmatan yang sentiasa." Kemudian, mereka mengulurkan tangannya untuk bersalaman dengan pembunuh, sedangkan senjata pembunuh itu masih berlumuran dengan darah ibu mereka. Perlakuan pembunuh itu terhadap mereka seperti serigala yang membiarkan mangsanya lari, lalu dikejar lagi agar dapat ditangkap dan dimangsakan. Mangsanya itu tidak akan bangun lagi kecuali diterkam kembali sehingga darahnya mengalir atau dihumban ke dalam dasar lembah, kemudian serigala itu memakannya.

Bagaimana pemikiran orang-orang yang telah terpengaruh tersebut dapat mengetahui bahawa senjata beracun yang pernah digunakan untuk menghapuskan negara Islam milik mereka itu adalah senjata yang sama juga digunakan untuk menghapuskannya selama mereka berpegang teguh kepadanya dalam kehidupan dan kewujudan mereka. Pemikiran-pemikiran yang mereka bawa seperti nasionalisme, dan memisahkan agama daripada negara, serta

fahaman-fahaman lain yang digunakan untuk menikam Islam. Ini adalah sebahagian racun yang dibawa oleh ilmu pendidikan tersebut kepada mereka. Dalam bab serangan misionari dari buku “Negara Islam” ini dan secara keseluruhannya merupakan realiti dan data yang dapat berbicara yang menunjukkan kepada kita perihal pembunuh serta penjenayah tersebut. Ia juga memberi kefahaman kepada kita tentang pelbagai sebab yang mendorongnya melakukan tindakan jenayah tersebut, serta memperlihatkan kepada kita pelbagai wasilah yang digunakan untuk merealisasikan perbuatannya. Tidak ada sebab lain kecuali dengan maksud untuk melenyapkan Islam dan tidak ada wasilah yang paling penting kecuali melalui ilmu pengetahuan Barat tersebut yang datang bersama-sama dengan serangan misionari.

Kaum Muslimin telah lupa tentang bahaya ilmu pengetahuan Barat ini. Memang mereka memerangi penjajah, tetapi pada masa yang sama mereka juga mengambil ilmu pengetahuan Barat. Sedangkan ilmu pengetahuan Barat itulah menjadi penyebab terjajahnya mereka, sekaligus fokus penjajahan di negeri-negeri mereka. Seterusnya mereka juga menyaksikan betapa banyak pandangan-pandangannya yang saling bertentangan, mengejek, dan mentertawakan. Mereka memalingkan belakangnya dari orang-orang asing dengan mendakwa bahwa perkara tersebut dilakukan untuk memerangi mereka pada masa yang sama mengulurkan tangan kepada Barat dari arah belakang dengan maksud untuk mengambil racun-racunnya yang mematikan itu kemudian menelannya. Akibatnya, mereka jatuh tersungkur di hadapannya dalam keadaan binasa. Orang-orang bodoh menyangka mereka adalah para syuhada yang gugur di medan perang. Sedangkan mereka hanyalah pejuang yang lupa dan sesat.

Apakah sebenarnya yang mereka hendak? Adakah mereka menghendaki negara yang tidak berasaskan Islam? Atau menginginkan banyaknya negara terbentuk di negeri-negeri Islam? Sememangnya Barat semenjak kekuasaan beralih kepadanya, telah memberikan banyak negara kepada mereka untuk menyempurnakan konspirasinya dalam menjauhkan Islam melalui pemerintahan, memecah-belahkan negeri-negeri kaum Muslimin, serta membius mereka dengan sikap tidak prihatin terhadap kekuasaan. Setiap ketika Barat selalu memberikan mereka negara baru untuk semakin menyesatkan dan menambah perpecahan mereka. Barat selalu bersedia untuk memberikan mereka lebih banyak lagi, selama mereka masih menjunjung ideologi dan pemahamannya disebabkan mereka adalah pengikut setia Barat.

Persoalannya bukanlah untuk mendirikan banyak negara, melainkan mendirikan negara yang satu di seluruh dunia Islam. Demikian juga persoalannya bukan mendirikan negara seperti negara lain. Bukan juga membangunkn sesebuah negara yang diberikan sebutan Islam dan berhukum dengan selain yang diturunkan Allah. Bahkan juga bukan mendirikan sebuah negara yang dinamakan Islam dan berhukum dengan undang-undang Islam saja tanpa mengembangkan Islam sebagai kepimpinan pemikiran. Sekali lagi, persoalannya bukan untuk mendirikan sebuah negara seumpama itu, melainkan membangunkan sebuah negara yang akan dapat meneruskan kehidupan Islam yang bersumberkan akidah sekaligus mempraktikkan Islam di kalangan masyarakat. Tetapi terlebih dahulu Islam perlu meresap ke dalam jiwa, sebati di dalam akal, serta mengembangkan dakwah Islam ke seluruh dunia.

Negara Islam bukanlah khayalan seseorang yang bermain-main dengan mimpi. Ini kerana terbukti negara Islam telah memenuhi pentas sejarah selama 13 abad. Ini adalah suatu realitinya. Kewujudan negara Islam merupakan suatu realiti di masa lalu dan akan menjadi realiti juga pada masa hadapan tidak lama lagi. Sebabnya adalah faktor-faktor yang mendukung kewujudannya jauh lebih kuat untuk diingkari oleh zaman atau lebih kuat untuk ditentang. Ketika ini ramai orang-orang yang mempunyai pemikiran yang cemerlang. Mereka itu adalah sebahagian umat Islam yang sangat dahagakan kejayaan Islam.

Negara Islam bukan sekadar harapan yang dipengaruhi oleh hawa nafsu, tetapi kewajiban yang telah Allah SWT tetapkan terhadap kaum Muslimin. Allah SWT memerintahkan mereka untuk menegakkannya dan mengancam mereka dengan seksaan-Nya jika mengabaikan pelaksanaannya. Bagaimana mereka mengharapkan keredhaan Allah, sedangkan kemuliaan di negeri mereka bukan milik Allah, Rasul-Nya, dan kaum Muslimin? Bagaimana mereka akan selamat daripada seksaan-Nya, sedangkan mereka tidak menegakkan negara yang mempersiapkan pasukan tentera, menjaga kawasan-kawasan sempadan, melaksanakan hudud Allah SWT dan menerapkan pemerintahan dengan segala perkara yang telah Allah SWT turunkan?

Oleh kerana itu, wajib ke atas kaum Muslimin untuk menegakkan negara Islam. Ini kerana Islam tidak akan wujud dalam bentuk yang berkesan kecuali dengan adanya negara. Begitu juga negeri-negeri mereka tidak dapat dianggap sebagai negara Islam kecuali jika negara Islam tersebut melaksanakan pemerintahan Islam.



Negara Islam seumpama ini bukan sesuatu yang mudah untuk diwujudkan dengan sekadar melantik baik individu atau parti, kemudian mereka menjadi sebahagian menteri-menteri berada dalam kabinet pemerintahan. Sesungguhnya jalan menuju tertegaknya negara Islam dihampari onak dan duri, penuh dengan pelbagai akibat, dan musibah. Ini belum lagi ditambah dengan ilmu pengetahuan bukan Islam yang akan menyukarkan lagi, terdapatnya pemikiran dangkal yang akan menjadi penghalang, dan pemerintahan yang tunduk kepada Barat yang membahayakan.

Sesungguhnya orang-orang yang melalui jalan dakwah Islam untuk mewujudkan negara Islam iaitu mereka yang melakukannya untuk mendapatkan pemerintahan yang akan mereka gunakan sebagai wasilah dalam meneruskan kehidupan Islam di negeri-negeri Islam dan mengembangkan dakwah Islam ke seluruh dunia. Oleh sebab itu, anda menyaksikan mereka tidak akan menerima pemerintahan Islam yang dipisah-pisahkan walaupun banyak perkara yang menggodanya. Mereka juga tidak akan menerima pemerintahan yang sempurna kecuali jika memberi peluang untuk menerapkan Islam secara menyeluruh.

Buku negara Islam ini tidak dimaksudkan untuk menceritakan sejarah negara Islam, melainkan untuk menggambarkan kepada masyarakat bagaimana Rasulullah SAW mendirikan negara Islam. Buku ini juga memaparkan bagaimana golongan kafir penjajah itu menghancurkan negara Islam dan bagaimana kaum Muslimin menegakkan kembali negara Islam agar dapat mengembalikan semula cahaya kepada dunia yang akan menerangi jalan petunjuk dalam kegelapan.

# Titik Permulaan Dakwah

Ketika Rasulullah SAW diutuskan, baginda berdakwah kepada isterinya, Khadijah, maka isterinya beriman kepada baginda. Kemudian baginda berdakwah kepada sepupunya Ali, maka beliau juga beriman. Baginda juga mengajak hambanya iaitu Zaid lalu beliau juga beriman. Baginda juga mengajak sahabat karibnya Abu Bakar, maka beliau juga beriman. Seterusnya baginda mula berdakwah kepada masyarakat. Sebagian yang beriman dan sebagian yang lainnya masih kafir.

Ketika Abu Bakar memeluk Islam, beliau menzahirkan keislamannya kepada orang-orang yang beliau percaya lalu beliau berdakwah untuk beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Beliau adalah seorang lelaki yang menjadi tempat tumpuan kaumnya. Beliau seorang yang disayangi dan banyak memberikan kemudahan kepada mereka. Kaumnya selalu mendatanginya dan bergaul mesra dengannya untuk pelbagai urusan samada berkaitan dengan ilmunya, kepakarannya dalam berbisnes, mahupun akhlaknya yang baik. Maka melalui jasanya, Uthman bin Affan, Zubair bin Awwam, Abdurrahman bin Auf, Sa'ad bin Abi Waqash dan Talhah bin Ubaidillah yang kesemuanya memeluk Islam. Abu Bakar bersama mereka menemui Rasulullah ketika mereka menerima dakwah baginda lalu semuanya memeluk Islam dan bersama-sama melaksanakan solat. Kemudian Abu Ubaidah yang nama asalnya Amir bin Jarah, Abu Salamah yang nama asalnya Abdullah bin Abdul al-Asad, Arqam bin Abi al-Arqam, Uthman bin Mazh'un dan yang selainnya secara bersama-sama memeluk Islam. Seterusnya ramai lagi baik lelaki-lelaki mahupun wanita secara beramai-ramai memeluk Islam sehingga sebutan Islam tersebar di kota Makkah dan menjadi topik perbincangan masyarakat.

Pada masa awal dakwah baginda, Rasulullah SAW mendatangi rumah-rumah mereka, sambil mengatakan, "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu untuk menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun." Baginda berdakwah kepada masyarakat Makkah untuk memeluk Islam secara terang-terangan, semata-mata untuk melaksanakan perintah Allah:

يَتَأْتِيهَا الْمُدَنِيُّ ۝ قُمْ فَأَنْذِرْ ۝

*“Wahai orang yang berselimut, bangunlah, lalu berilah peringatan.”* (Surah al-Muddathir [74]: 1-2).

Setiap kali berjumpa dengan masyarakat, baginda selalu menjelaskan agamanya kepada mereka, dan berusaha untuk menghimpun mereka di sekeliling baginda untuk menjadi kumpulan Islam dengan asas agama itu secara rahsia. Untuk melaksanakan solat, para sahabat Rasulullah SAW pergi ke celah-celah bukit dan menyembunyikan pelaksanaan solat tersebut dari perhatian kaumnya. Rasulullah SAW menghantar para sahabat yang terlebih dahulu memeluk Islam dan telah memahami agama Islam untuk mengajarkan al-Quran kepada orang-orang yang baru memeluk Islam. Baginda menghantar Khabab bin al-Arat untuk mengajarkan al-Quran kepada Zainab bin al-Khattab dan Sa'id, suaminya. Ketika mereka berada di rumah Sa'id dan Khabab pula sedang membacakan al-Quran kepada mereka, tiba-tiba Umar datang. Kemudian Umar memeluk Islam melalui halaqah tersebut.

Usaha Rasulullah SAW tidak hanya sekadar itu sahaja. Baginda juga menetapkan sebuah rumah untuk dijadikan tempat mengajarkan Islam kepada kaum Muslimin dan menjadikannya sebagai markas kumpulan orang-orang yang beriman sekaligus sebagai madrasah untuk dakwah baru tersebut. Rumah itu adalah rumah Arqam bin Abi al-Arqam. Beliau mengumpulkan kaum Muslimin di dalam rumahnya dan membacakan al-Quran kepada mereka, menjelaskannya dan memerintahkan mereka untuk memahami dan mengamalkannya. Setiap kali ada orang yang memeluk Islam, maka baginda menggabungkannya ke dalam rumah Arqam. Baginda tinggal di sana selama tiga tahun dan membentuk kaum Muslimin tersebut. Antaranya dengan solat berjemaah dengan mereka, dan solat tahajud di malam hari, sehingga mereka juga bertahajud. Di kalangan mereka telah muncul suasana kerohanian dengan pelaksanaan solat dan membaca al-Quran tersebut. Baginda mencetuskan aktiviti berfikir di kalangan mereka tentang ayat-ayat Allah dan mentadabburnya terhadap makhluk-makhluk-Nya. Baginda membentuk akal mereka dengan maksud-maksud al-Quran serta lafaz-lafaznya, pemahaman-pemahaman Islam serta pemikiran-pemikirannya. Baginda menjadikan mereka orang yang sabar dalam menghadapi penderitaan, dan redha dalam ketaatan serta kepatuhan. Sehingga mereka ikhlas kerana Allah, zat yang Maha Luhur dan Maha Kuasa. Nabi dan kaum Muslimin ketika itu masih menyembunyikan keislamannya di rumah Arqam bin Abi al-Arqam sehinggalah turun firman Allah SWT:

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

*"Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah kamu dari orang-orang yang musyrik." (Surah al-Hijr [15]: 94).*

## **Pembentukan Kumpulan Para Sahabat**

Pada permulaan dakwah baginda, Nabi SAW mengajak masyarakat yang telah bersedia menerima dakwahnya tanpa melihat usia, kedudukan, jantina, dan asal usulnya. Baginda tidak pernah memilih orang yang akan diseru kepada Islam, tetapi mengajak semua umat manusia, dan meneliti persiapan mereka untuk menerima Islam. Oleh kerana itu, ramai orang yang memeluk Islam. Baginda sangat bersemangat mendidik semua orang yang memeluk Islam dengan hukum-hukum agama dan meminta mereka untuk menghafal al-Quran.

Kemudian mereka berhimpun dalam satu kumpulan dan bersama-sama mengembangkan dakwah (jumlah mereka ketika diutusny Rasul sehingga turunnya perintah untuk menzahirkan dakwahnya adalah seramai 40 orang). Kumpulan ini terdiri daripada golongan lelaki dan wanita dari pelbagai lingkungan dan umur. Kebanyakan mereka adalah kalangan pemuda. Di antara mereka juga ada yang lemah, kuat, kaya, dan miskin. Sejumlah orang telah beriman dengan Rasulullah SAW, mentaatinya, dan bersungguh-sungguh berdakwah bersama-sama baginda. Mereka itu adalah (1) Ali bin Abi Thalib yang berusia 8 tahun, (2) Zubair bin al-Awwam 8 tahun, (3) Talhah bin Ubaidillah seorang anak muda berumur 11 tahun, (4) Arqam bin Abi al-Arqam anak muda berusia 12 tahun, (5) Abdullah bin Mas'ud berusia 14 tahun, (6) Sa'id bin Zaid berumur kurang dari 20 tahun, (7) Sa'ad bin Abi Waqash 17 tahun, (8) Mas'ud bin Rabi'ah 17 tahun, (9) Ja'far bin Abi Thalib 18 tahun, (10) Shuhaib ar-Rumi di bawah 20 tahun, (11) Zaid bin Harithah sekitar 20 tahun, (12) Uthman bin Affan sekitar 20 tahun, (13) Thulaib bin Umair sekitar 20 tahun, (14) Khabab bin al-Arat sekitar 20 tahun, (15) Amir bin Fuhairah 23 tahun, (16) Mush'ab bin Umair 24 tahun, (17) Miqdad bin al-Aswad 24 tahun, (18) Abdullah bin Jahsy 25 tahun, (19) Umar bin Khattab 26 tahun, (20) Abu Ubaidah bin Jarrah 27 tahun, (21) Utbah bin Ghazwan 27 tahun, (22) Abu Huzaifah bin Utbah sekitar 30 tahun, (23) Bilal bin Rabah sekitar 30 tahun, (24) Ayasy bin Rabi'ah sekitar 30 tahun, (25) Amir bin Rabi'ah sekitar 30 tahun, (26) Na'im bin 'Abdillah sekitar 30 tahun, (27) Uthman, (28) Abdullah, (29) Qudamah, dan (30) As-Saib bin Mazhun bin Hubaib. Umur Uthman sekitar 30 tahun, Abdullah 17 tahun, Qudamah 19 tahun dan As-Saib sekitar 20 tahun, (31) Abu Salmah Abdullah bin Abdul al-Asad al-Makhzumi yang umurnya sekitar 30 tahun, (32) Abdurrahman bin Auf sekitar 30 tahun, (33) Ammar bin Yasar berumur antara 30 hingga 40 tahun, (34) Abu Bakar ash-Siddiq berumur 37 tahun, (35) Hamzah bin Abdul Muthalib berumur 42 tahun, dan (36)

Ubaidah bin al-Harith berumur 50 tahun. Begitu juga terdapat beberapa golongan wanita yang beriman.

Ketika ilmu pengetahuan para sahabat sudah matang, akal mereka telah terbentuk menjadi akal yang Islamik, dan jiwa mereka sudah menjadi jiwa yang Islamik dalam tempoh 3 tahun. Rasulullah SAW merasa tenang dan meyakini kematangan pemikiran dan kemuliaan jiwa mereka. Baginda menyaksikan betapa kesedaran mereka terhadap hubungannya dengan Allah SWT semakin menonjol pengaruhnya dalam perilaku mereka. Oleh kerana itu, perasaan baginda menjadi sangat senang kerana kumpulan kaum Muslimin ini sangat kuat dan mampu berhadapan dengan seluruh masyarakat, maka baginda menzahirkan dakwah Islam ketika Allah SWT memerintahkannya.

## Ledakan Dakwah

Dakwah Islam nampak jelas semenjak hari pertama Rasulullah SAW diutus lagi. Ketika itu masyarakat Makkah mengetahui bahawa Muhammad mengajak manusia kepada agama baru. Mereka juga mengetahui ramai orang yang telah memeluk Islam bersama baginda. Mereka juga turut mengetahui bahawa Muhammad membentuk para sahabatnya dalam satu kumpulan serta menjaga kelangsungan perjalanannya. Mereka juga mengetahui bahawa kaum Muslimin menyembunyikan kumpulan dan keyakinannya terhadap agama baru. Perkara itu menunjukkan bahawa masyarakat telah menyedari terdapatnya dakwah baru dan telah terbentuknya sekumpulan orang yang mengimaninya, walaupun mereka tidak mengetahui di mana tempat orang-orang tersebut berkumpul dan siapakah di antara mereka yang beriman itu.

Oleh kerana itu, Rasulullah SAW tidak menghebahkan Islam sebagai perkara baru terhadap kaum kafir Makkah. Mereka menganggap baru adalah hanya berkenaan kemunculan kelompok kaum Mukmin dalam kalangan masyarakat. Hamzah bin Abdul Motalib telah memeluk Islam, kemudian disusuli Umar bin al-Khattab setelah tiga hari keislaman Hamzah. Sehingga dukungan terhadap kaum Muslimin semakin kuat dan turun kepada Rasulullah SAW firman Allah:

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾ إِنَّا كَفَيْنَاكَ  
الْمُسْتَهْزِئِينَ ﴿٩٥﴾ الَّذِينَ يَجْعَلُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

*“Maka sampaikanlah olehmu apa yang telah diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang musyrik. Sesungguhnya Kami telah membalaskan bagimu kepada orang-orang yang suka memperolok-olok. Iaitu orang-orang yang menjadikan tuhan lain menyertai Allah. Maka nanti mereka akan mengetahuinya.”* (Surah Al-Hijr [15]:94-96)

Maka Rasulullah SAW segera menyampaikan perintah Allah SWT segera menampakkan keberadaan kumpulan ini kepada seluruh masyarakat secara terang-terangan, walaupun sebahagian kaum Muslimin masih menyembunyikannya sehingga pembukaan kota Makkah. Uslub cara yang digunakan Rasulullah SAW untuk menampakkan keberadaan kumpulan tersebut adalah dengan keluar bersama-sama para sahabat dalam dua kumpulan.

Pemimpin kumpulan pertama adalah Hamzah bin Abdul Mutalib dan untuk kumpulan kedua pula adalah Umar bin al-Khattab. Rasulullah SAW pergi bersama mereka ke Kaabah dengan peraturan tersusun yang sebelumnya tidak diketahui oleh bangsa Arab. Baginda melakukan tawaf di sekitar Kaabah bersama-sama para sahabat.

Rasulullah SAW bersama para sahabatnya telah beralih dari peringkat dakwah secara sembunyi kepada peringkat dakwah secara terang-terangan. Bermula peringkat hanya berhubung dengan orang-orang yang simpati dan bersedia menerima dakwah menuju peringkat menyeru seluruh masyarakat. Semenjak saat itu, maka bermulalah penentangan antara keimanan dengan kekufuran di dalam masyarakat, dan berlaku pergeseran antara pemikiran yang benar dengan pemikiran yang rosak. Maka dakwah mula memasuki peringkat dakwah yang kedua, iaitu peringkat interaksi dan perjuangan. Kaum kafir mula memerangi dakwah dan menyakiti Rasulullah SAW serta para sahabatnya dengan pelbagai cara. Peringkat ini iaitu berinteraksi dan perjuangan adalah peringkat yang dikenali sebagai paling menakutkan berbanding peringkat dakwah yang lain.

Tempat-tempat yang biasa dilalui oleh Rasulullah SAW akan dilontar oleh orang-orang kafir. Ummu Jamil iaitu isteri Abu Lahab melontarkan najis di depan rumah baginda. Rasulullah SAW cukup memadai dengan membersihkan kotoran-kotoran tersebut. Abu Jahal melontarkan terhadap baginda dengan kotoran kambing yang telah disembelih untuk sembahen berhalal. Baginda menghadapi situasi tersebut dan pergi ke rumah anaknya Fatimah agar beliau dapat membersihkan dan menyucikannya. Semua itu tidak memberi kesan kepada Rasulullah SAW, selain bertambah kesabarannya dan kesungguhan dalam berdakwah. Kaum Muslimin juga diancam dan disakiti. Setiap kabilah melakukan penyeksaan dan memfitnah orang-orang yang memeluk Islam. Bahkan orang tersebut dipaksa untuk keluar dari Islam. Seorang kalangan mereka menyeksa seorang hamba Habsyi iaitu Bilal di atas pasir di bawah sinaran matahari yang panas membakar. Dadanya pula ditindih dengan batu, lalu ditinggalkan begitu sahaja agar dia mati. Tindakan itu dilakukan bukan kerana perkara lain melainkan dia tetap bertahan dalam Islam. Dalam situasi seperti ini, Bilal tidak melakukan apa-apa respon selain mengulang-ulang perkataan "*ahad, ahad*", sambil menahan sekeksaan di jalan Allah. Seorang wanita juga telah diseksa sehingga mati, disebabkan dia tidak mahu keluar dari Islam dan kembali ke agama nenek moyangnya. Kaum Muslimin keseluruhannya didera dengan



pelbagai macam seksaan. Mereka menghadapi pelbagai bentuk penghinaan yang sangat menyakitkan. Mereka tetap bersabar dalam menghadapi semua itu, semata-mata kerana mencari keredhaan Allah SWT.

## Penentangan Terhadap Dakwah

Ketika Rasulullah SAW diutus dengan membawa agama Islam. Masyarakat pula memperkatakan tentang dirinya dan dakwahnya. Golongan Quraisy adalah yang paling sedikit berkomentar tentang perkara tersebut. Ini kerana mereka pada mulanya belum menyedarinya dan menganggap topik tersebut tidak lebih dari sekadar cerita para pendeta dan ahli hikmah sahaja. Mereka meyakini bahawa manusia akan kembali kepada agama nenek moyangnya. Oleh kerana itu mereka tidak mempedulikan dan tidak pula melarangnya. Ketika Muhammad melalui majlis-majlis mereka, mereka hanya mengatakan, *“Inilah anak Abdul Mutalib yang memperkatakan sesuatu dari langit.”* Sikap seperti itu terus berlangsung sedemikian.

Namun selepas dakwah baginda berjalan dalam masa yang singkat, mereka mula menyedari bahaya dakwah tersebut dan bersepakat untuk menentang, memusuhi, dan memerangnya. Mereka memperlihatkan fikiran yang dangkal untuk memerangi dakwah Muhammad dengan berbagai tekanan dan mendustakan berkenaan kenabian baginda. Kemudian mereka datang berjumpa baginda sambil mengajukan pelbagai pertanyaan tentang mukjizat yang menjadi penguat risalah baginda. Mereka berkata, mengapakah Muhammad tidak mampu mengubah bukit Sofa dan Marwah menjadi emas? Mengapakah tidak diturunkan suatu kitab yang tertulis dari langit yang membicarakan tentang dirinya? Mengapakah Jibril yang panjang lebar diperkatakan oleh Muhammad tidak pernah menampakkan diri kepada mereka? Mengapakah baginda tidak mampu menghidupkan orang mati, tidak boleh memindahkan gunung, sehingga Makkah tidak berterusan terpenjara di sekelilingnya? Mengapakah baginda tidak mampu menciptakan mata air yang lebih segar dari air zam zam, sedangkan baginda lebih mengetahui keperluan penduduk negerinya terhadap air? Mengapakah Tuhannya tidak mewahyukan kepada baginda tentang harga barang-barang dagangan sehingga mereka boleh mendapat keuntungan pada masa hadapan.

Begitulah mereka berterusan menyerang Rasulullah SAW dan dakwahnya dengan cara hina dan menyakitkan. Mereka berterusan memberi tekanan perkara tersebut, tetapi perkara itu tidak memalingkan Rasulullah SAW dari dakwahnya. Baginda tetap meneruskan seruannya kepada manusia menuju agama Allah SWT

disertai dengan memperkatakan perihal berhala-berhala itu, mencelanya, merendahnya, dan menganggap bodoh terhadap akal orang-orang yang menyembahnya dan menyucikannya. Urusan Quraisy menjadi semakin besar. Mereka menggunakan pelbagai usaha untuk memalingkan Muhammad dari dakwahnya, namun ianya tidak berjaya. Usaha-usaha terpenting yang mereka gunakan untuk menyerang dakwah ini ada tiga cara iaitu: (1) Penganiayaan, (2) Propaganda di dalam dan di luar kota Makkah, dan (3) Pemboikotan.

Penganiayaan berlaku terhadap Nabi SAW, walaupun berada dalam perlindungan kaumnya. Penganiayaan turut menimpa seluruh kaum Muslimin yang menjadi pengikutnya. Mereka telah merancang pelbagai cara untuk melakukan penganiayaan dan menggunakan semua jenis tindakan tersebut. Keluarga Yasir telah disiksa dengan seksaan yang amat pedih agar mereka meninggalkan agamanya. Seksaan itu tidak mempengaruhi sedikitpun terhadap keluarga ini kecuali semakin teguh keimanan mereka. Sewaktu mereka sedang menyiksa keluarga Yasir, Rasulullah SAW melalui di depan mereka, lalu memberikan kabar gembira, *"Sabarlah, wahai keluarga Yasir. Sesungguhnya tempat yang dijanjikan kepada kalian adalah syurga. Sesungguhnya aku tidak memiliki apa pun dari Allah untuk kalian."* Ketika Rasulullah SAW mengatakan pada mereka bahawa tempat yang dijanjikan untuk mereka adalah syurga, maka tidak ada yang dilakukan Sumayyah iaitu isteri Yasir kecuali berkata, *"Sesungguhnya aku telah melihatnya dengan jelas, wahai Rasul."* Demikianlah kafir Quraisy secara berterusan menyiksa Nabi SAW dan para sahabatnya.

Ketika kafir Quraisy melihat bahawa penentangan terhadap dakwah dengan menggunakan cara tersebut tidak membawa hasil, maka mereka beralih pula dengan senjata yang lain iaitu dengan senjata propaganda memusuhi Islam dan kaum Muslimin di mana-mana, baik di dalam kota Makkah mahupun di luar Makkah seperti di Habsyah. Mereka menggunakan cara propaganda tersebut dengan segala bentuknya dan modelnya, seperti berdebat, mengugut, mencaci, melemparkan pelbagai bentuk isu atau tuduhan. Propaganda itu juga digunakan untuk menyerang akidah Islam dan para pemeluknya, membuat tuduhan terhadap akidah dan isi kandungannya. Mereka melontarkan pembohongan-pembohongan tentang Rasulullah SAW dan menyediakan semua kata-kata yang ditujukan untuk propaganda memusuhi Muhammad, baik di Makkah mahupun di luar Kota Makkah terutama propaganda di musim haji. Mengingat betapa pentingnya propaganda memusuhi Rasulullah SAW oleh kafir Quraisy, maka sekumpulan Quraisy berkumpul di rumah Walid bin al-Mughirah. Di rumah itu

mereka bermesyuarat mengenai apa yang akan mereka katakan tentang Muhammad kepada orang-orang Arab yang datang ke Makkah di musim haji. Sebahagian mereka mencadangkan agar Muhammad dilabelkan sebagai seorang dukun. Namun, Walid menolaknya lalu mengatakan bahawa Muhammad itu tidak memiliki karakter seorang dukun, baik kata-kata jampi serapah mahupun gaya percakapannya. Sebahagian yang lain pula mencadangkan agar menuduh Muhammad sebagai orang gila. Cadangan ini turut ditolak oleh Walid. Ini kerana tidak ada satu pun tanda-tanda yang menunjukkan Muhammad itu gila. Sebahagian lagi mencadangkan agar melabelkan Muhammad sebagai tukang sihir. Cadangan ini juga ditolak oleh Walid. Ini kerana Muhammad tidak pernah meniupkan mentera-mentera sihir pada buhul-buhul tali dan juga tidak pernah melakukan perbuatan penggunaan sihir sedikitpun.

Selepas mereka berdebat dan berbincang, akhirnya mereka mencapai kata sepakat untuk menuduh Muhammad sebagai tukang sihir melalui ucapan lalu mereka mengakhiri perbincangan. Kemudian mereka menyebarkannya di kalangan delegasi haji dari kalangan orang-orang Arab untuk memperingatkan mereka supaya berhati-hati terhadap ucapan-ucapan Muhammad kerana baginda seorang penyihir melalui ucapan dan apa pun yang baginda katakan adalah sihir yang dapat memisahkan seseorang dari saudara, ibu, bapa, isteri, dan keluarganya. Mereka juga menakut-nakutkan sesiapa sahaja yang mendengar daripada Muhammad maka akan terkena sihirnya yang dapat memisahkan dirinya dari keluarganya. Tetapi propaganda-propaganda tersebut tidak membawa hasil yang signifikan dan tidak mampu menghalang manusia daripada dakwah Islam. Kemudian mereka menemui Nadhar bin al-Harith dan menugaskannya untuk melakukan propaganda memusuhi Rasulullah SAW. Nadhar melaksanakan tugas tersebut dengan cara setiap kali Rasulullah berada di suatu tempat untuk mengajak manusia kepada agama Allah SWT, maka Nadhar mengambil tempat duduk di belakang majlis baginda, lalu mengisahkan kisah-kisah Parsi dan agamanya. Dia mengatakan, "Dengan apa Muhammad akan menceritakan sesuatu yang lebih baik dari kisahku. Bukankah dia hanya bercerita tentang orang-orang terdahulu seperti yang juga saya lakukan?" Kaum Quraisy turut menggunakan kisah-kisah tersebut dan menyebarkannya di kalangan masyarakat. Mereka juga melontarkan isu bahawa apa yang Muhammad sampaikan tidak lain adalah ajaran yang pernah disampaikan oleh seorang pemuda Nasrani yang bernama Jabr dan bukan berasal dari sisi Allah. Isu tersebut terus menyebar luas dan ramai yang terpengaruh sehingga Allah menolaknya dalam surat an-Nahl: 103:

وَلَقَدْ نَعَلْمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ  
 أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُّبِينٌ ﴿١٠٣﴾

*“Dan sesungguhnya Kami mengetahui bahwa mereka berkata, ‘Sesungguhnya al-Quran itu diajarkan oleh seorang manusia kepadanya (Muhammad).’ Padahal bahasa orang yang mereka tuduhkan (bahwa) Muhammad belajar kepadanya bahasa ‘Ajm, sedang al-Quran ini dalam bahasa Arab yang nyata.” (Surah an-Nahl [16]: 103)*

Begitulah pelbagai propaganda kafir Quraisy sehingga sampai ke kawasan semenanjung Arab. Mereka tidak merasa cukup dengan itu sahaja. Ketika mendengar bahawa sebahagian kaum Muslimin berhijrah ke Habsyah, mereka segera menghantar dua orang utusan untuk menyebarkan isu menentang kaum Muslimin di hadapan Raja Najasyi sehingga dia akan menghalau dari negerinya. Dua orang utusan itu adalah Amru bin Ash dan Abdullah bin Rabi’ah. Keduanya tiba di Habsyah dan segera mempersembahkan hadiah kepada pasukan pengawal Raja Najasyi agar mereka membantu kedua-duanya untuk memulangkan kembali kaum Muslimin ke Makkah. Kemudian kedua-duanya menghadap Raja Najasyi dan berkata, *“Wahai Raja, anak-anak bodoh dari golongan kami telah melarikan diri dan berlindung di negeri anda. Mereka adalah kaum pemecah belah agama kaum mereka sendiri. Mereka tidak akan masuk ke dalam agama anda. Mereka datang dengan membawa agama yang mereka reka sendiri. Kami tidak mengetahuinya demikian juga anda. Orang-orang mulia dari kaum mereka, bapa-bapa mereka, bapa-bapa saudara mereka, dan keluarga-keluarga mereka telah menghantar kami berdua untuk mengadap anda, agar anda mengembalikan mereka kepada kaumnya. Kaum mereka lebih tinggi dan lebih mengetahui kekurangan-kekurangan mereka.”*

Kemudian Raja Najasyi memutuskan untuk mendengar secara terus dari kaum Muslimin tentang pendapat mereka dalam perkara tersebut. Dia meminta wakil dari kaum Muslimin dan selepas wakil itu hadir, maka Raja Najasyi bertanya, *“Agama apa ini yang telah memisahkan diri dari kaum kamu, dan dengan agama itu juga kamu tidak akan masuk ke dalam agamaku, dan ke dalam agama sesiapa pun dari pelbagai agama yang ada?”* Ja’far bin Abi Thalib memberikan jawapan dengan menjelaskan keadaan mereka di masa Jahiliah beserta sifat-sifat mereka.- Kemudian beliau juga menjelaskan tentang hidayah yang dibawa Islam dan perubahan keadaan mereka selepas memeluk Islam. Ja’far juga memaparkan bagaimana kejarnya seksaan kaum Quraisy kepada mereka *“Tatkala mereka menindas, menganiaya, menghadkan ruang bergerak, dan berusaha*

memisahkan kami dengan agama kami, maka kami keluar menuju ke negeri anda. Kami memilih anda berbanding yang lain, dan kami berharap dapat berjiran dengan anda. Kami juga mengharap tidak mendapatkan penganiayaan dari pihak anda". Raja Najasyi kembali bertanya kepada Ja'far, "Adakah kamu membawa sesuatu yang datang bersama Rasul kamu yang berasal dari Allah yang boleh kamu bacakan kepadaku?" "Ya ada," jawab Ja'far. Kemudian dia membacakan kepadanya surah Maryam dari permulaan sehingga firman Allah:

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْأَمْهِدِ صَبِيًّا ﴿٢٩﴾

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ ءَاتَنِي الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا مَّا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

وَبَرًّا بِوَالِدَتِي وَلَمْ يَجْعَلْنِي جَبَّارًا شَقِيًّا ﴿٣٢﴾

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ﴿٣٣﴾

"Maka Maryam menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata, 'Bagaimana kami akan berbicara dengan anak kecil yang masih dalam buaian?' [Tiba-tiba] Isa berkata, 'Sesungguhnya aku ini hamba Allah. Dia memberiku Al-Kitab (Injil) dan Dia menjadikanku seorang nabi. Dan Dia menjadikanku seorang yang diberkati di mana saja aku berada dan Dia memerintahkanku [mendirikan] solat dan [menunaikan] zakat selama aku hidup dan berbakti kepada ibuku. Dan Dia tidak menjadikanku seorang yang sombong lagi celaka. Dan kesejahteraan semoga dilimpahkan kepadaku pada hari aku dilahirkan, pada hari aku meninggal, serta pada hari aku dibangkitkan hidup kembali.'" (Surah Maryam [19]: 29-33).

Sewaktu para pembesar istana mendengar ayat ini, mereka berkata, "Ini adalah kata-kata yang keluar dari sumber yang sama, yang menjadi sumber kata-kata junjungan kita al-Masih." Raja Najasyi lalu berkata, "Demi Zat yang 'Isa datang dengan kata-kata ini, sesungguhnya ini benar-benar keluar dari sumber yang satu." Selepas itu Raja Najasyi menoleh kepada dua orang utusan kafir Quraisy dan berkata kepada kedua-duanya, "Pulanglah kamu berdua! Demi Allah, saya tidak akan menyerahkan mereka kepada kamu berdua."

Dua orang utusan tersebut keluar dari ruang pertemuan Najasyi dan kedua-duanya berfikir untuk menggunakan cara lain. Sehingga pada hari

kedua Amru bin Ash kembali berjumpa dengan Najasyi dan berkata kepadanya, *“Kaum Muslimin benar-benar memperkatakan ‘Isa bin Maryam dengan kata-kata buruk, maka hantarlah seseorang kepada mereka dan tanyakan kepada mereka apa yang akan mereka ungkapkan tentang perkara itu”*. Lalu Najasyi menghantar utusan kepada kaum Muslimin dan menanyakan pendapat mereka mengenai ‘Isa. Maka Ja’far menjawab, *“Kami berkata mengenai ‘Isa sesuai dengan apa yang kami dapat dari Nabi kami. Baginda mengatakan bahawa ‘Isa adalah hamba Allah, utusan Allah, ruh Allah, dan kalimat Allah yang dihembuskan kepada Maryam, seorang wanita suci.”* Raja Najasyi kemudian mengambil sepotong kayu dan membuat garis di atas tanah lalu berkata kepada Ja’far, *“Antara agama kami dan agama kami (perbezaannya) tidak lebih dari garis ini.”* Maka kedua-dua orang utusan kafir Quraisy keluar lalu pulang melalui pedalaman Hunain ke kota Makkah.

Demikianlah pelbagai propaganda tersebut menemui kegagalan. Kekuatan kebenaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dengan amat jelas, dan terserlah pada lisan baginda, mengatasi seluruh propaganda buruk tersebut. Cahaya Islam yang baru terbit mampu menceraai-beraikan semua propaganda. Oleh sebab itu, Quraisy beralih pada senjata ketiga, iaitu pemboikotan. Mereka bersepakat untuk memboikot Rasulullah SAW dan kaum kerabatnya. Mereka membuat perjanjian tertulis, yang isi kandungannya untuk memboikot Bani Hasyim dan Bani Abdul Muthallib secara total. Quraisy tidak akan melakukan perkahwinan dengan mereka kalangan Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib tidak boleh mengahwini mereka. Quraisy tidak akan menjual sesuatupun kepada mereka dan tidak juga membeli sesuatupun daripada mereka. Mereka menggantung naskhah perjanjian tersebut di bahagian dalam Kaabah dengan diberi penjelasan tambahan serta rekod. Mereka meyakini bahawa strategi pemboikotan tersebut akan memberi pengaruh lebih besar berbanding dua strategi sebelumnya iaitu penyeksaan dan propaganda. Tempoh pemboikotan berlangsung selama 3 tahun dan mereka menunggu adakah Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib akan meninggalkan Muhammad dan adakah kaum Muslimin mahu meninggalkan keislaman mereka. Sehingga Muhammad akan benar-benar keseorangan dengan kemungkinan baginda akan meninggalkan dakwahnya atau dakwahnya tersebut tidak lagi berbahaya baik bagi Quraisy mahupun agama mereka. Namun perkara tersebut tidak memberi kesan kepada Rasulullah SAW melainkan semakin berpegang teguh kepada tali agama Allah, makin kuat menggemang agama Allah dan semakin bersemangat di jalan dakwah mengajak manusia kepada Allah SWT. Demikian juga kekuatan dan keteguhan orang-orang Mukmin yang menyertai baginda tidak surut. Penyebaran dakwah Islam di kota

Makkah dan di luar Makkah tidak mengalami kemunduran yang signifikan. Hingga akhirnya berita pemboikotan kafir Quraisy pada Muhammad sampai ke telinga suku-suku Arab yang berada di luar Kota Makkah. Akibatnya dakwah tersebar keluar dan tersebar meluas di kalangan kabilah-kabilah Arab. Begitu juga sebutan nama Islam menyebarluas di semenanjung Arab. Para musafir selalu memperkatakan isu pemboikotan tersebut. Walau bagaimanapun tindakan boikot terus berlangsung dan kelaparan berlaku di mana-mana. Sementara itu naskah pemboikotan yang telah dicanangkan oleh kafir Quraisy masih berlangsung perlaksanaannya. Rasulullah SAW dan seluruh keluarganya berlindung di bukit-bukit sekitar pinggiran kota Makkah. Mereka didera dengan pelbagai penderitaan, kelaparan, kekurangan, kefakiran, dan kesempitan. Kadang-kadang mereka tidak mendapatkan apapun yang dapat membantu kelemahan mereka. Begitu juga tidak ada satu peluang bagi mereka untuk berkumpul dan bercakap dengan masyarakat, kecuali pada bulan-bulan yang dimuliakan ketika Rasulullah SAW berada di Kaabah. Baginda dalam kesempatan tersebut selalu mengajak bangsa Arab menuju agama Allah SWT dan memberi kabar gembira kepada mereka dengan pahala dari-Nya, serta memberikan peringatan keras kepada mereka dengan seksaan dan azab dari-Nya. Selepas itu baginda kembali ke kawasan bukit-bukit.

Situasi ini membangkitkan rasa simpati bangsa Arab kepada kaum Muslimin. Bahkan ada di antara mereka yang menerima dakwah Islam. Ada juga yang menghantarkan makanan dan minuman secara sembunyi. Hisyam bin Amru kebiasaan datang dengan membawa unta yang membawa makanan dan gandum yang dia tuntun pada tengah malam sehingga sampai ke kawasan berbukit tersebut. Di sanalah dia melepas tali ikat untanya, kemudian dia pukul tubuh untanya sehingga pergi sendiri ke arah bukit. Kaum Muslimin mendapatkan unta tersebut dan membahagi-bahagikan muatannya, sedangkan untanya mereka sembelih dan dagingnya mereka makan bersama-sama. Keadaan tersebut terus berlaku selama 3 tahun berturut-turut sehingga dunia terasa menghimpit mereka. Kemudian Allah menghantar kemudahan dan pemboikotan itu berakhir. Lima pemuda Quraisy iaitu Zuhair bin Abi Umayyah, Hisyam bin Amru, Muth'im bin 'Adi, Abu al-Bukhturi bin Hisyam, dan Zam'ah bin al-Aswad berkumpul dan membahas tentang naskah perjanjian dan masalah pemboikotan. Mereka semuanya marah, antara satu dengan lainnya menampakkan kemarahan. Kemudian mereka sepakat dan berjanji untuk membatalkan perjanjian tersebut dan mengoyakkan naskahnya. Pada hari seterusnya, mereka pergi bersama-sama menuju Kaabah, tiba-tiba Zuhair datang dan tawaf di Baitullah sebanyak 7



pusingan kemudian dia berteriak menyeru manusia, *“Wahai penduduk Makkah, mengapa kita boleh makan minum senang dan boleh berpakaian, sedangkan Bani Hasyim mengalami kemusnahan. Mereka dilarang berdagang dan berjual beli. Demi Allah, aku tidak akan duduk sehingga naskah pemboikotan yang zalim ini dikoyak-koyak!”*. Abu Jahal hampir tidak mendengar perkara tersebut lalu berteriak dengan kuat, *“Kamu bohong! Demi Allah, jangan kamu koyakkanya!”* Tiba-tiba dari beberapa sudut Baitullah terdengar teriakan bersahut-sahutan. Zam’ah, Abu al-Bukhturiy, Muth’im, dan Hisyam, semuanya mendustakan Abu Jahal dan mendukung Zuhair. Semenjak saat itu Abu Jahal menyadari bahawa pemboikotan telah berakhir pada malam itu juga. Kebanyakan orang Arab bersetuju penghapusan pemboikotan tersebut. Penentangan mereka iaitu suku-suku Arab telah membangkitkan pelbagai usaha buruk dan jahat. Sehingga dalam diri Abu Jahal timbul rasa takut, yang memaksanya bermuhasabah. Muth’im segera mengoyak naskah perjanjian tersebut. Beliau mendapati naskah perjanjian itu telah dimakan ulat, kecuali bahagian permulaannya yang berbunyi: *“Bismika Allaahumma.”*

Dengan demikian, peluang untuk Rasulullah SAW dan para sahabatnya kembali terbuka untuk turun dari kawasan berbukit menuju kota Makkah. Rasulullah SAW dan kaum Muslimin dengan pertolongan Allah berjaya menamatkan pemboikotan dan mereka dapat kembali semula. Baginda SAW dapat meneruskan aktiviti dakwahnya sehingga jumlah kaum Muslimin bertambah ramai. Demikianlah, pelbagai tindakan Quraisy dalam bentuk penganiayaan, propaganda, dan pemboikotan telah menemui kegagalan dan tidak mampu memaksa kaum Muslimin meninggalkan agamanya. Tindakan tersebut tidak berjaya menghentikan Rasulullah SAW dari dakwahnya sehingga Allah SWT memenangkan dakwah Islam walaupun dihalang dengan pelbagai kesukaran dan seksaan.

## Reaksi Dakwah

Penentangan kafir Quraisy terhadap dakwah Islam merupakan perkara yang normal. Ini kerana baginda SAW mengembangkan dakwah dan menzahirkan kumpulan dakwahnya yang membawa dakwah dan menentang secara terbuka. Lebih dari itu lagi dakwah sememangnya mengandungi penentangan terhadap kafir Quraisy dan masyarakat Makkah. Ini disebabkan dakwah Rasulullah SAW mengajak untuk mengesakan Allah SWT, beribadah hanya kepada-Nya, dan meninggalkan penyembahan berhala, serta melepaskan diri dari semua sistem yang rosak di mana mereka hidup di dalamnya.

Oleh sebab itu dakwah Rasulullah SAW bertentangan dengan kafir Quraisy secara menyeluruh. Bagaimana mungkin dakwah Rasulullah SAW tidak bertentangan dengan kafir Quraisy sedangkan baginda selalu membodohkan khayalan mereka, merendahkan tuhan-tuhan mereka, menyebarkan rosaknya kehidupan mereka yang melampaui batas, dan mencela etika kehidupan mereka yang sesat. Al-Quran senantiasa turun kepada baginda dan menyerang mereka dengan jelas;

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنْتُمْ لَهَا وَارِدُونَ ﴿٩٨﴾

*"Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah adalah umpama neraka jahannam umpam neraka jahannam."* (Surah al-Anbiya' [21]: 98).

Al-Quran juga menyerang pelaksanaan riba yang telah mewarnai kehidupan mereka dengan ancaman yang sangat kuat terhadap asas-asasnya. Dalam surat ar-Rum [30]: 39, Allah SWT berfirman:

﴿ وَمَا آتَيْتُم مِّن رِّبَا لِّيَرْبُوَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا عِندَ اللَّهِ ﴾

*"Dan segala hal yang kamu datangkan berupa riba agar dapat menambah banyak pada harta manusia, maka riba itu tidak menambah (apa pun) di sisi Allah."*

Al-Quran mengancam orang-orang yang melakukan kecurangan dalam takaran dan timbangan. Allah SWT berfirman:

﴿وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾﴾

﴿وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾﴾

*“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (yaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain mereka minta dipenuhi, dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi.” (Surah. al-Muthaffifin [83]: 1-3).*

Akibatnya orang kafir Quraisy mengambil sikap menghalang dan menyakiti baginda serta para sahabatnya. Kadang-kadang dengan penyiksaan, pemboikotan, mahupun propaganda menentang baginda dan agamanya. Baginda terus menerus menyerang mereka, meneruskan serangan terhadap pelbagai pemikiran yang salah, memusnahkan keyakinan-keyakinan yang rosak, dan berjuang bersungguh-sungguh dalam menyebarkan dakwah. Baginda menyerukan Islam secara terang-terangan, tidak dengan sindiran, tidak dengan isyarat, tidak dengan lemah lembut, tidak dengan merendah, tidak dengan belas kasihan, dan tidak dengan bermanis muka, walaupun yang baginda dapatkan dari kafir Quraisy adalah pelbagai penganiayaan dan kesengsaraan. Sedangkan baginda bersendirian tanpa pembantu mahupun penolong, tidak ada seorang pun yang menyertainya, tanpa senjata, namun baginda tetap bergerak dan menentang dalam mengajak manusia kepada agama Allah dengan kekuatan dan keimanan. Sedikitpun tidak ada kelemahan yang menyusup ke dalam diri baginda dalam mengembangkan tugas dakwah dan selalu bersedia menanggung beban berat demi dakwah. Oleh sebab itu, perkara tersebut sangat berpengaruh dalam mengatasi pelbagai kepayahan yang diletakkan secara sengaja di hadapan baginda oleh kafir Quraisy agar menjadi penghalang antara baginda dengan masyarakat. Walaupun demikian, Rasulullah SAW tetap dapat berinteraksi dengan masyarakat dan menyampaikan dakwah kepada mereka. Sehingga mereka menerima agama Allah dan kekuatan kebenaran dapat mengalahkan kebatilan. Cahaya Islam setiap hari makin menyebar di kalangan bangsa Arab. Ramai para penyembah berhala dan orang-orang Nasrani yang memeluk Islam. Bahkan para pemimpin Quraisy selalu mendengarkan al-Quran dan hati mereka amat tersentuh mendengarkannya.

Thufail bin Amru ad-Dausiy datang ke Makkah. Dia adalah seorang lelaki mulia, seorang penyair dan cerdik. Sementara itu kaum Quraisy meniupkan fitnah

kepadanya agar berhati-hati dengan Muhammad dan menyatakan bahwa ucapan Muhammad adalah sihir yang dapat memisahkan seseorang dari keluarganya. Mereka juga menakutkan Thufail dan kaumnya sebagaimana yang dilakukan mereka terhadap orang-orang Makkah dan menyarankan kepadanya bahwa sebaik-baiknya adalah dia tidak bercakap dengan Muhammad dan tidak mendengarkannya. Pada suatu hari, Thufail pergi ke Kaabah dan Rasulullah SAW ada di sana. Dengan tidak sengaja Thufail terdengar sebahagian sabda Rasulullah SAW dan dia mendapati bahwa itu merupakan ucapan yang baik. Lalu dia bercakap dalam hatinya, *“Demi kemuliaan ibuku, demi Allah, sesungguhnya aku seorang penyair yang cerdas, yang tidak satu pun hal yang terpuji maupun tercela yang tersembunyi dariku. Lantas apa yang menghalangku untuk mendengarkan apa yang dikatakan lelaki ini. Jika dia datang dengan membawa perkara yang terpuji, pasti aku menerimanya, dan jika dia datang dengan membawa perkara tercela, maka aku akan tinggalkan.”* Kemudian dia mengikuti Rasulullah SAW sehingga ke rumahnya dan menjelaskan urusannya serta apa yang berkecamuk dalam dirinya kepada Rasulullah SAW. Baginda membacakan al-Quran kepadanya, maka dia masuk Islam dengan mengucapkan syahadah kemudian kembali kepada kaumnya untuk mengajak mereka memeluk Islam.

20 orang lelaki Nasrani menemui Rasulullah SAW di Makkah, ketika sampai berita kepada mereka tentang Rasulullah SAW. Mereka pun duduk di hadapan baginda, bertanya kepada baginda, dan mendengarkan daripada baginda. Kemudian mereka menerima ajakan dakwah baginda, beriman, dan membenarkan baginda. Perkara tersebut menyebabkan kafir Quraisy marah dan mengejek mereka dengan kata-kata, *“Celakalah kamu! Kamu dihantar oleh kaum yang seagama dengan kamu, agar kembali dengan membawa berita dari lelaki tersebut. Pertemuan kamu dengan lelaki tersebut tidak mendatangkan ketenangan, sehingga kamu sanggup meninggalkan agama kamu dan membenarkan segala perkara yang diucapkan lelaki tersebut”.*

Ucapan orang-orang kafir Quraisy ini tidak mampu memalingkan rombongan tersebut daripada mengikuti Nabi SAW. Ia juga tidak mampu memurtadkan mereka dari agama Islam. Bahkan iman mereka kepada Allah SWT semakin bertambah. Oleh sebab itu, pengaruh Nabi SAW semakin kuat, dan kerinduan manusia untuk mendengar al-Quran semakin bertambah. Sehingga orang Quraisy yang paling memusuhi Islam pun mula tertanya-tanya pada diri mereka sendiri, benarkah bahwa dia (Muhammad) menyeru kepada agama yang

lurus dan segala apa yang dia janjikan dan ancamkan kepada mereka adalah benar?

Pertanyaan-pertanyaan mereka tersebut telah mendorong mereka untuk secara sembunyi untuk mendengarkan al-Quran. Abu Sufyan bin Harb, Abu Jahal, Amru bin Hisyam dan al-Akhnas bin Syariq, keluar pada suatu malam untuk mendengarkan Muhammad SAW yang sedang berada di rumahnya dan setiap mereka mengambil tempat duduk untuk melakukan perkara tersebut. Antara satu sama lain tidak mengetahui lokasi setiap mereka. Ketika itu Muhammad SAW sedang tahajud sambil membaca al-Quran secara tartil. Mereka mendengarkan ayat-ayat Allah SWT. Hati dan jiwa mereka terpesona. Mereka terus mendengarkan secara diam sehingga tiba waktu fajar, lalu mereka kembali ke rumahnya masing-masing. Namun, di tengah-tengah perjalanan mereka saling bertemu, kemudian saling mengejek antara satu sama lainnya. Sebahagian dari mereka berkata kepada yang lainnya, *“Janganlah kamu mengulanginya lagi. Seandainya sebahagian orang-orang bodoh dari kamu mengetahui apa yang kamu telah lakukan, nescaya perkara tersebut akan melemahkan kedudukan kamu dan Muhammad pasti dapat mengalahkan kamu”*

Malam keduanya pula setiap mereka kembali diselubungi perasaan seperti yang mereka rasakan semalam. Seolah-olah kedua-dua kaki mereka menyeretnya tanpa mampu dihalang lagi. Mereka mahu melakukan perkara yang sama seperti malam sebelumnya, iaitu mendengarkan Muhammad SAW membaca kitab Tuhannya. Ketika mereka akan pulang waktu fajar, mereka kembali bertemu dan saling mencela, namun perkara tersebut tidak mencegah mereka untuk mengulanginya lagi pada malam yang ketiga. Ketika mereka menyedari kelemahan mereka terhadap dakwah Muhammad SAW, maka mereka berjanji untuk tidak mengulangi lagi tindakan yang telah mereka lakukan tersebut. Mereka pendamkan sahaja keinginan untuk mendengarkan lagi daripada Muhammad SAW. Akan tetapi, semua yang telah mereka dengar pada tiga malam tersebut telah meninggalkan pengaruh dalam jiwa mereka yang mendorong mereka untuk saling bertanya pendapat masing-masing tentang apa yang telah mereka dengar. Mereka semua ditimpa keraguan dalam dirinya dan bimbang dirinya menjadi lemah, sedangkan mereka adalah pemimpin kaumnya. Mereka takut perkara tersebut akan melemahkan kaumnya dan beralih mengikuti Muhammad SAW.

Begitulah dakwah terus berjalan di semua tempat, walaupun pelbagai halangan berupa penindasan dari kafir Quraisy terus menghalang. Perkara

tersebut semakin memburukkan situasi kafir Quraisy dan kebimbangan mereka semakin kuat terhadap penyebaran dakwah di kalangan kabilah-kabilah Arab yang sebelumnya telah tersebar di Makkah. Oleh sebab itu, mereka meningkatkan tahap penganiayaan terhadap para pengembangnya dan memperbanyak lagi bentuk-bentuk penindasannya. Maka, pelbagai tindakan kejam mereka terhadap baginda sehingga benar-benar menghimpit baginda. Lalu baginda pergi ke Thaif untuk mencari pertolongan dan perlindungan dari Bani Thaif, sekaligus mengharapkan mereka memeluk Islam. Namun mereka menolak baginda dengan jawapan yang sangat menyakitkan dan menyuruh anak-anak mereka serta orang-orang bodoh untuk mencaci maki Nabi SAW dan melemparkannya dengan batu sehingga kedua-dua kaki baginda berdarah. Baginda meninggalkan mereka dan pergi sehingga sampai di sebuah kebun anggur milik Utbah dan Syaibah yang merupakan dua orang anak Rabi'ah. Di kebun itu baginda berfikir tentang urusan diri baginda dan dakwahnya. Ketika itu baginda tidak boleh memasuki Makkah kecuali dengan perlindungan salah seorang pemimpin Makkah yang musyrik. Di aspek yang lain, baginda juga tidak boleh pergi ke Thaif selepas menghadapi penganiayaan tersebut. Baginda juga tidak mungkin tetap berada di kebun anggur tersebut kerana kebun tersebut dimiliki oleh dua lelaki musyrik. Kepayahan semakin menekan baginda, lalu baginda mendongakkan kepalanya ke arah langit, mengadu situasinya kepada Allah dalam keadaan yang sangat terseksa. Baginda membesarkan kepercayaannya pada Allah, mengharap keredhaan-Nya lalu berdoa:

*“Ya Allah, hanya kepada-Mu aku mengadukan lemahnya kekuatanku, betapa sedikitnya kemampuanku, betapa hinanya aku pada pandangan manusia. Ya Arhamar-Rahimin, Engkau adalah Tuhan orang-orang yang lemah dan juga Tuhanku. Kepada siapa Engkau serahkan diriku, adakah kepada seseorang yang sangat jauh yang membenciku, ataukah orang dekat yang menguasai urusanku?. Asalkan tiada kemurkaan-Mu terhadap diriku, tentu aku tidak peduli. Akan tetapi, keampunan-Mu lebih luas untukku. Aku berlindung dengan cahaya wajah-Mu yang menyinari kegelapan dan memperbaiki urusan dunia dan akhirat daripada turunnnya kemarahan-Mu atau menghilangkan kemurkaan-Mu ke atasku. Hanya kepada-Mu rintihanku sehingga Engkau redha, tidak ada daya dan kekuatan kecuali dari-Mu.”*

Kemudian baginda kembali ke Makkah dengan perlindungan Muth'im bin 'Adiy. Sementara itu orang-orang kafir Quraisy mengetahui apa yang menimpa Muhammad di Thaif. Oleh kerana itu, mereka semakin meningkatkan lagi penganiayaannya dan memperhebatkan kesukaran kepada baginda. Mereka berusaha melarang masyarakat untuk mendengarkannya. Sehingga penduduk

Makkah dari kalangan Musyrik berpaling darinya dan menolak untuk mendengarkannya lagi. Namun, perkara tersebut tidak menghalang Nabi SAW dari aktiviti dakwah yang menyeru kepada agama Allah. Baginda sendiri yang berdepan dengan kabilah-kabilah Arab pada musim-musim keramaian untuk mengajak mereka kepada Islam, menyampaikan kepada mereka bahawa dirinya adalah Nabi yang diutus dan meminta mereka untuk membenarkannya. Bapa saudara baginda Abdul 'Uzza bin Abdul Mutalib Abu Lahab tidak pernah membiarkan baginda. Bahkan dia selalu mengikuti baginda ke mana sahaja pergi dan menggesa masyarakat untuk tidak mendengarkannya. Perkara tersebut sangat memberi kesan kepada mereka dan akhirnya tidak mahu lagi mendengarkannya. Rasulullah SAW pergi berjumpa pelbagai kabilah di pemukiman-pemukiman mereka dan menawarkan dirinya sendiri kepada mereka. Baginda pergi berjumpa Kindah dan Kalb di tempat mereka, juga Bani Hanifah dan Bani 'Amir bin Sha'sha'ah. Namun, tidak ada seorang pun mereka yang mahu mendengarkannya, dan mereka semua menolaknya dengan kasar. Bahkan Bani Hanifah menolak baginda dengan cara yang sangat biadab. Sedangkan Bani 'Amir pula sangat bercita-cita apabila dia (Muhammad) menang atas mereka (orang-orang Arab), maka kekuasaan akan beralih kepada mereka setelahnya (Nabi wafat). Namun ketika Nabi berkata kepada mereka bahawa seluruh urusannya terserah Allah yang akan Dia berikan kepada sesiapa sahaja, maka mereka memalingkan wajahnya dari baginda dan menolak baginda seperti yang lainnya.

Dengan demikian penduduk Makkah menolak Islam, begitu juga penduduk Thaif. Kabilah-kabilah Arab yang lainnya juga menolak dakwah Rasulullah SAW. Kabilah-kabilah yang datang untuk menunaikan haji ke Makkah menyaksikan pengasingan yang dialami Muhammad SAW. Begitu juga permusuhan Quraisy yang sangat menghimpit baginda. Quraisy telah menjadikan sesiapa sahaja yang menjadi penolong Nabi sebagai musuhnya dan sesuatu yang perlu dibalas. Oleh sebab itu, Quraisy makin meningkatkan penolakannya, sehingga keterasingan Rasulullah SAW dari masyarakat semakin kuat. Akibatnya dakwah di Makkah dan sekitarnya semakin sukar dan masyarakat Makkah memperlihatkan kekufuran dan penentangan yang amat kejam. Ini menjadikan cita-cita dakwah semakin lemah.

## Dua Peringkat Dakwah

Rasulullah SAW menjalankan aktiviti dakwahnya di Makkah dalam dua peringkat. Pertama, adalah peringkat pengajaran, pendidikan, persiapan pemikiran dan spiritual. Kedua, adalah peringkat penyebaran dakwah dan perjuangan. Peringkat pertama adalah peringkat pemahaman pemikiran dan personifikasi ke dalam individu-individu serta menghimpunkan mereka dalam kumpulan berdasarkan pemikiran tersebut. Peringkat kedua adalah memindahkan pemikiran menjadi kekuatan penggerak dalam masyarakat yang dapat mendorong penerapan pemikiran itu dalam realiti kehidupan. Ini kerana pemikiran akan tetap sekadar informasi selama mana ia tidak diterapkan. Sehingga tidak ada perbezaan antara informasi yang masih terdapat di dalam pelbagai buku dengan informasi yang ada dalam pemikiran, iaitu perlu tersimpan di suatu tempat. Oleh kerana itu, pelbagai pemikiran tidak akan memiliki apa-apa nilai, selama mana belum diterapkan dalam kehidupan. Untuk sesuatu pemikiran tersebut boleh diterapkan, maka ianya mesti berjalan melalui peringkat-peringkat yang mampu mengubahnya dari bentuk pemikiran menjadi kekuatan yang dapat menggerakkan manusia. Dengan cara seperti itu sebahagian besar masyarakat akan menyakininya, memahaminya, mengembangkannya, dan memperjuangkannya untuk diterapkan. Dengan demikian penerapannya menjadi suatu kepastian dan merupakan natijah yang terhasil.

Demikianlah, Rasulullah SAW telah melaksanakan dakwah di Makkah dalam dua peringkat tersebut. Peringkat pertama adalah dakwah mengajak manusia memeluk Islam, membentuk mereka dengan pemikiran-pemikiran Islam, membimbing mereka dengan hukum-hukumnya, dan menghimpun sesiapa saja yang dapat dibentuk dalam suatu kelompok dengan asas akidah Islam. Peringkat ini adalah peringkat pembentukan kumpulan dakwah secara rahsia. Perkara ini menunjukkan bahawa Rasulullah tidak pernah lekang dari dakwah dan senantiasa bersungguh-sungguh membentuk sesiapa sahaja yang telah memeluk Islam dengan pemikiran-pemikiran tersebut. Baginda mengumpulkan mereka di rumah al-Arqam, dan mengutuskan seseorang yang akan membentuk mereka sebagai kumpulan dalam pelbagai halaqah. Kaum Muslimin berkumpul di rumah-rumah mereka, di bukit-bukit, dan di rumah al-Arqam secara rahsia disertai usaha mereka untuk membentuk sebuah kumpulan. Setiap hari keimanan mereka semakin bertambah, hubungan mereka antara satu sama lainnya semakin erat. Begitu juga kesedaran mereka tentang hakikat penting



terhadap apa yang dikembangkan setiap hari semakin kuat. Mereka mempersiapkan diri untuk berkorban di jalan Islam, sehingga dakwah sebat di dalam jiwa mereka dan Islam mengalir seiring dengan aliran darah dalam tubuh mereka. Mereka menjadi personifikasi Islam yang berjalan.

Dengan demikian dakwah tidak boleh terkurung dalam jiwa mereka, walaupun mereka berusaha menyembunyikan diri mereka, merahsiakan kewujudan kumpulan mereka dan selalu menjaga rahsia perhimpunan mereka. Lalu mereka berdialog dengan sesiapa sahaja yang percaya dan simpati kepada mereka sebagai persiapan menerima dakwah, sehingga masyarakat dapat merasakan dakwah dan keberadaan mereka. Dengan demikian, dakwah telah melewati titik permulaan sehingga mesti meneruskannya ke arah titik pergerakan. Pelbagai usaha untuk melalui titik tolak dakwah dan menyeru semua manusia juga dilakukan. Ini bermaksud peringkat pertama telah berakhir, iaitu tahap pembentukan kumpulan secara rahsia dan pembinaan untuk membangun kumpulan ini. Dengan sendirinya peringkat dakwah mesti beralih menuju peringkat kedua, iaitu peringkat berinteraksi dan perjuangan dengan memahami Islam terhadap masyarakat sehingga mereka dapat berinteraksi dengan Islam dan menerimanya lalu Islam menyatu dengan jiwa mereka. Atau sebaliknya mereka menolak Islam, lalu menyerangnya sehingga terjadi penentangan terhadap pemikiran-pemikirannya. Penentangan itu telah menghasilkan serangan terhadap kekufuran dan kerosakan. Menghasilkan kemantapan iman sehingga akhirnya pemikiran yang benar memperoleh kemenangan. Ini kerana akal itu walau sedegil mana pun, tidak mungkin ia akan tertutup di hadapan pemikiran yang benar dan ia pasti tidak dapat menolaknya, walaupun dia melarikan diri daripadanya dengan jauh sekali sehingga tidak mempengaruhinya lagi.

Dengan demikian, bermula peringkat interaksi dan perjuangan di antara pemikiran Islam dengan pemikiran kufur, antara kaum Muslimin dan orang-orang kafir. Perkara itu dimulakan dari kumpulan hizbiyah (kumpulan politik), ketika Rasulullah SAW bersama para sahabatnya keluar dalam suatu yang bersistematik yang belum pernah disaksikan sebelumnya oleh bangsa Arab, dalam suatu kumpulan. Baginda tawaf di keliling Kaabah dan mengiklankan Islam. Semenjak saat itu Rasulullah SAW terus menyebarkan dakwah di tengah-tengah umat manusia secara terang-terangan, siang-malam, terus menerus, dan dengan cara penentangan terbuka.

Permulaan ayat-ayat yang turun kepada Rasulullah SAW mengajak pada tauhid, mengingkari agama berhala dan kesyirikan serta mengutuk keduanya dan mencela bersikap taqlid kepada bapa-bapa dan nenek moyang mereka tanpa merenung. Kemudian turun pula ayat-ayat yang mencela pelbagai muamalah yang rosak, menyerang aktiviti riba, serta menyerang perniagaan yang rosak dan penipuan dalam takaran dan timbangan. Rasulullah SAW menjadi individu yang berbicara kepada masyarakat tentang Islam dalam bentuk jamaah. Baginda mengumpulkan kaumnya dalam jamuan makan di rumahnya, kemudian baginda berbicara kepada mereka seluruhnya. Baginda meminta mereka untuk memeluk Islam dan mendukungnya, namun mereka menolak dengan keras. Baginda juga mengumpulkan penduduk Makkah di bukit Sofa lalu mengajak mereka berdialog. Serta merta emosi para pemimpin kafir Quraisy terbakar dan Abu Lahab turut menolak dengan keras ajakan tersebut. Permusuhan antara Nabi Muhammad SAW dan kafir Quraisy semakin bertambah. Begitu juga antara baginda dengan bangsa Arab yang bukan Quraisy.

Demikianlah, dakwah itu pada asalnya berkumpulan dalam bentuk pembentukan yang berpusat melalui pelbagai halaqah di rumah rumah, di celah antara bukit-bukit, dan di rumah al-Arqam; menjadi proses pembentukan secara berkumpulan. Begitu juga dakwah beralih dari peringkat dakwah yang terhad kepada orang-orang yang simpati dan bersedia menerima Islam, menuju peringkat dakwah mengajak manusia secara umum. Dakwah dan pembentukan secara kolektif ini memiliki pengaruh yang amat kuat dalam diri kaum Quraisy. Kedengkian kafir Quraisy semakin bertambah dan mereka makin merasakan bahaya yang mendekati mereka. Mereka mula mengambil langkah-langkah permusuhan yang lebih serius untuk melakukan penentangan yang sebelumnya tidak menghiraukan Muhammad dan dakwahnya. Sehingga penganiyaan dan seksaan yang menimpa Nabi SAW beserta para sahabatnya semakin meningkat. Dakwah jama'ie itu sendiri sebenarnya memiliki pengaruh yang kuat dalam dakwah itu sendiri. Perkara ini terbukti bahawa perkataan Islam didengar oleh semua orang dan dakwah kepada agama Allah SWT telah tersebar luas di tengah-tengah seluruh penduduk Makkah. Tidak ada hari kecuali sebahagian mereka memeluk Islam kerana Allah SWT semata. Setiap orang baik yang perwatakan keras, lemah, mahupun yang dihalang mula beriman. Semua orang yang tidak pernah disibukkan oleh perdagangan dan jual-beli melakukan pengamatan terhadap apa yang disampaikan Rasulullah SAW kepada mereka. Sebahagian peniaga Makkah, tokoh-tokohnya, para pemimpinnya, dan orang-orang yang jiwanya mengetahui kesucian, kemurnian hati, dan kebenaran telah beriman.

Mereka membuang permusuhan dan kesombongan yang ada pada diri mereka. Mereka telah menyerahkan seluruh jiwa raganya kepada Allah SWT, semata-mata kerana menyedari kebenaran dakwah dan kejujuran para pendakwahnya. Islam tersebar luas di Makkah dan masyarakat, baik lelaki mahupun wanita dan ramai yang memeluk Islam. Dakwah jama'ie mempunyai pengaruh yang mampu membawa dakwah ke seluruh penjuru dunia yang lebih luas, walaupun perkara tersebut membawa para pengembangnya dalam kesusahan, seksaan, dan pelbagai jenis penganiayaan. Perkara tersebut semakin menambah api dendam yang membakar jiwa para pemimpin kafir Quraisy untuk lebih meningkatkan lagi serangan kepada Rasulullah SAW dengan penganiayaan, kekerasan, dan penindasan yang hampir menyeliputi seluruh Makkah. Baginda juga semakin mudah menjadi sasaran kejahatan dan tingkah laku buruk orang-orang kafir.

Antara Rasul dan para sahabatnya di satu pihak, dengan kafir Quraisy pada pihak lain, mula memasuki peringkat yang paling sukar dan kejam. Walaupun peralihan dari peringkat pembentukan ke peringkat interaksi merupakan peringkat yang sangat kritikal. Ini kerana ianya memerlukan kebijaksanaan, kesabaran, dan berhati-hati dalam bertindak. Maka, peringkat interaksi adalah peringkat dakwah yang paling sukar kerana memerlukan sikap terus terang dan menentang, tanpa mengambilkira akibat mahupun keadaannya. Dalam situasi seperti ini, berlakulah fitnah kaum kafir terhadap kaum Muslimin tentang agamanya, juga perlu diperlihatkan keimanan, kemampuan menanggung risiko serta menampakkan sikap kejujuran.

Dalam situasi seperti inilah Rasulullah SAW melalui dalam peringkat dakwahnya. Baginda dan para sahabatnya menanggung beban yang amat berat, beban yang layak ditanggung gunung-gunung yang menjulang tinggi, dalam bentuk kezaliman, kepenatan, penindasan, dan kekangan. Akibatnya, di antara mereka ada yang berhijrah ke Habsyah untuk menyelamatkan agamanya. Ada yang mati disebabkan penyeksaan, ada juga yang menanggung seksaan yang sangat kejam dan menyakitkan. Namun, mereka tetap meneruskan dakwah dalam situasi seperti ini, dalam masa yang lama, yang cukup untuk mempengaruhi masyarakat Makkah dengan cahaya Islam sekaligus menceraiberaikan pelbagai bentuk kezaliman. Rasulullah SAW tinggal di Daar al-Arqam selama tiga tahun untuk berdakwah, mengakhiri peringkat pertama ini. Baginda membentuk kumpulan secara rahsia dan melakukan pembentukan sepanjang 3 tahun tersebut. Selepas itu, Rasulullah SAW menghabiskan masa selama 8 tahun untuk melakukan perjuangan (dengan diperlihatkan mukjizat kepada

masyarakat) secara terang-terangan. Sementara itu, tekanan kafir Quraisy untuk melakukan penyiksaan kepada kaum Muslim dan semangat mereka untuk memerangi Islam tidak pernah berkurang.

Memang benar, pertembungan yang berlaku antara kaum Muslimin dan kafir Quraisy menyebabkan seluruh pelosok semenanjung Arab mendengar Islam. Atmosfera dakwah berhembus ke seluruh penjuru semenanjung Arab dengan memindahkan dakwah kepada mereka dengan hujjah-hujjah, dan berdiskusi berkaitan perkara-perkara tersebut. Akan tetapi, bangsa Arab pada masa itu hanya berdiri sebagai penonton, belum melangkah ke arah keimanan. Reaksi mereka hanya sekadar usaha memendamkan kemarahan kafir Quraisy dan menjauhi Rasulullah SAW, sehingga mereka terhindar dari kemarahan kafir Quraisy. Keadaan tersebut semakin menguatkan Rasulullah SAW dan para sahabatnya sekaligus untuk segera berpindah ke peringkat ketiga, iaitu peringkat penerapan Islam. Tetapi, kerasnya sikap masyarakat Makkah tidak memungkinkan usaha penerapan tersebut berlaku. Meningkatnya penganiayaan terhadap kaum Muslimin tidak memungkinkan mereka untuk mencurahkan semua daya dalam berdakwah, bahkan perkara tersebut menjadi penghalang antara mereka dengan dakwah. Menjauhnya masyarakat dari dakwah semakin menambah penderitaan dan kesedihan mereka.

## Perluasan Medan Dakwah

Kejahatan-kejahatan kafir Quraisy terhadap Rasulullah SAW dan kaum Muslimin semakin bertambah hebat. Akibatnya, medan dakwah mereka menjadi semakin sempit. Tidak ada lagi pertolongan yang boleh diharapkan Rasulullah SAW dari kabilah-kabilah Arab selepas berlaku penolakan yang menyakitkan dan pengusiran yang dilakukan oleh Bani Tha'qif terhadap baginda dari Thaif. Begitu juga selepas penolakan Bani Kindah, Kilab, Bani 'Amir bin Sha'sha'ah, dan Bani Hanifah ketika baginda menjelaskan kerasulannya kepada mereka di musim haji. Tidak ada sesuatu yang diinginkan untuk seorang dari golongan Quraisy menuju kepada Islam.

Kabilah-kabilah selain Quraisy yang berjiran dengan Makkah dan kabilah yang datang ke Makkah dari berbagai penjuru negeri Arab memandang perlunya untuk mengasingkan Muhammad SAW. Permusuhan kafir Quraisy yang mengepung baginda, menganggap sesiapa sahaja yang menolongnya sebagai musuh mereka dan pasti akan dibalas. Kafir Quraisy semakin memusuhi baginda. Sementara itu baginda SAW melihat bahawa risalah Tuhannya hanya beredar di kalangan pengikutnya ketika itu. Hari-hari terus berlalu, keberadaan Rasulullah SAW di tengah-tengah kaumnya semakin terasing. Dendam kafir Quraisy terhadap baginda semakin mendalam dan masyarakat pula semakin menjauhkan diri. Walaupun demikian, keyakinan baginda SAW dan para sahabatnya semakin kuat terhadap pertolongan Allah dan kemenangan agama-Nya terhadap seluruh agama-agama yang ada. Baginda tanpa mengenal penat lelah terus mengajak manusia di setiap kesempatan yang ada.

Apabila datang musim haji dan ramai orang dari pelbagai penjuru semenanjung Arab datang berkumpul di Makkah. Baginda berjumpa dengan kabilah-kabilah tersebut dan mengajak mereka kepada Islam tanpa menghiraukan lagi adakah kabilah-kabilah tersebut menerima dakwahnya atau berpaling dengan cara yang tidak demokratik. Sebahagian orang-orang bodoh kafir Quraisy berusaha untuk mengganggu baginda ketika menyampaikan risalah Tuhannya kepada manusia dan mereka berjaya mendatangkan keburukan kepadanya. Keredhaan diri baginda dan ketenangan menghadapi hari esoknya tidak berjaya mengubah kejahatan-kejahatan mereka.

Sesungguhnya Allah mengutuskan baginda dengan membawa Islam dan baginda tidak pernah meragui pertolongan dan bantuan-Nya serta kemenangan

untuk agama-Nya. Baginda selalu setia menanti pertolongan Allah, sedangkan ketika itu baginda berada dalam kesusahan akibat terhalangnya dakwah, menerima pelbagai kesusahan dan kesempitan hidup dari orang-orang kafir Quraisy. Penantian itu tidak lama sehingga kabar gembira akan kemenangan tiba dari Madinah. Perkara itu berlaku ketika beberapa orang Khazraj datang ke Makkah di musim haji. Rasulullah SAW bertemu dengan mereka, mengajaknya berdialog, menanyakan keadaan mereka, dan mengajak mereka kepada agama Allah SWT. Mereka saling berpandangan antara satu sama lain, *“Demi Allah, sesungguhnya dia seorang Nabi yang pernah dijanjikan kepada kamu oleh orang-orang Yahudi. Oleh itu, jangan sampai ada orang yang akan mendahului kamu.”* Mereka menerima dakwah Rasulullah SAW dan memeluk Islam sambil berkata kepada baginda, *“Sesungguhnya kami meninggalkan kaum kami (Aus dan Khazraj). Tidak ada kaum yang permusuhan dan kejahatannya seperti permusuhan dan kejahatan mereka. Semoga melalui anda, Allah mempersatukan mereka. Jika Allah berjaya menyatukan mereka dengan kepemimpinanmu, maka tidak ada orang yang lebih mulia darimu.”*

Mereka pun kembali ke Madinah dan menceritakan keislaman mereka kepada kaumnya. Terjalinlah hubungan batin yang melapangkan dada dan mempertautkan jiwa, penuh dengan kesyahduan terhadap agama yang baru itu. Semenjak saat itu, tidak ada satu rumah pun di perkampungan Aus dan Khazraj kecuali di dalamnya disebut-sebut nama Muhammad SAW.

## **Baiah Aqabah Pertama**

Ketika tahun berikutnya tiba dan musim haji datang lagi, seramai 12 orang lelaki dari penduduk Madinah datang. Mereka dan Nabi SAW bertemu di Aqabah, lalu mereka membaiah baginda dalam peristiwa Baiah Aqabah Pertama. Mereka membaiah baginda bahawa seorang pun di kalangan mereka tidak akan menyekutukan Allah dengan sesuatu, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak mereka, tidak akan berbohong yang diada-adakan di antara dua tangan dan kakinya dan tidak akan melakukan maksiat dalam perkara yang makruf. Seandainya dia memenuhinya, maka baginya syurga dan jika dia mengingkari sedikit saja perkara tersebut, maka urusannya dikembalikan kepada Allah. Apabila Allah SWT menghendaki, maka Dia akan mengazabnya dan jika Dia menghendaki, maka Dia akan mengampunkannya. Selepas mereka menyempurnakan baiah tersebut dan musim haji berakhir, mereka kesemuanya kembali ke Madinah.

## Dakwah Di Madinah

Ibnu Ishaq berkata, “Ketika orang-orang Madinah itu hendak kembali, Rasulullah SAW menghantar Mus’ab bin Umair bersama-sama mereka. Mus’ab diperintahkan baginda agar membacakan al-Quran, mengajarkan Islam, dan memberi kefahaman agama kepada mereka. Sehingga beliau dinamakan sebagai *Muqarri’* Madinah. Mus’ab tinggal di rumah As’ad bin Zurarah.”

Mus’ab berjumpa dengan penduduk di rumah-rumah dan di kabilah-kabilah mereka, mengajaknya memeluk Islam dan membacakan al-Quran kepada mereka. Seorang demi seorang memeluk Islam sehingga Islam mulai terzhahir dan tersebar di rumah-rumah orang Ansar, kecuali di penempatan penduduk Aus, iaitu Khuthmah, Waail, dan Waaqif.

Mus’ab membacakan al-Quran dan mengajarkan mereka, lalu beliau menulis surat kepada Rasulullah SAW untuk meminta keizinan solat Jumaat bersama mereka. Rasulullah SAW mengizinkan, dan membalas suratnya: *“Adapun perhatikan hari di mana kaum Yahudi membacakan Zaburnya dengan lantang kerana datangnya hari Sabtu. Apabila siang hari telah condong lebih dari separuhnya, maka bertaqarrublah kamu kepada Allah dengan menunaikan solat dua rakaat dan engkau berkhutbah di kalangan mereka.”*

Mus’ab bin Umair bersolat Jumaat dengan mereka di rumah Sa’ad bin Khaithamah, seramai 12 orang. Pada hari tersebut tidak ada yang disembelih kecuali seekor kambing. Oleh itu Musab adalah orang yang pertama kali melaksanakan solat Jumaat di dalam Islam. Mus’ab terus mengelilingi Madinah menemui penduduk dan mengajak mereka memeluk Islam serta mengajarkan Islam pada mereka.

Pada suatu hari, As’ad bin Zurarah keluar bersama Mus’ab bin Umair ke penempatan Bani Abdul Asyhal dan penempatan Bani Zhafar (Sa’ad bin Mu’adz adalah anak ibu saudara As’ad bin Zurarah). Kedua-duanya memasuki ke sebuah kebun di antara kebun-kebun Bani Zhafar dan berada di berhampiran telaga yang bernama telaga Muraq. Kedua-duanya duduk di kebun itu sementara kaum Muslimin datang dan berkumpul dengan mereka. Sa’ad bin Mu’adz dan Usaid bin Hudhair ketika itu menjadi pemimpin Bani Abdul Asyhal. Kedua-duanya adalah orang musyrik pemeluk agama kaumnya. Apabila kedua-duanya mendengarkan ucapan Mus’ab, Sa’ad bin Mu’adz berkata kepada Usaid bin



Hudhair: *“Saya tidak membenci kamu. Temuilah dua orang itu yang datang ke tempat kita hanya untuk membodohkan orang-orang lemah di antara kita. Halaulah dan halanglah kedua-duanya daripada hendak datang ke tempat kita. Seandainya As’ad bin Zurarah tidak berasal dari kaum saya sebagaimana yang telah kamu ketahui, tentu saya sendiri yang akan melakukannya. Dia adalah anak ibu saudara saya, dan saya tidak menemui alasan untuk mencegahnya.”* Usaid bin Hudhair mengambil belatinya, kemudian berangkat menemui kedua-duanya. Ketika As’ad bin Zurarah melihatnya, maka dia berkata kepada Mus’ab bahawa orang itu adalah pemimpin kaumnya yang datang kepadamu, mudah-mudahan dia membenarkan Allah SWT. Mus’ab menjawab, *“jika dia bersedia duduk, aku akan bercakap denganya”*.

Usaid bin Hudhair akhirnya duduk di hadapan kedua-duanya dengan wajah tidak berpuas hati, lalu berkata, *“Apa yang kamu berdua bawa kepada kami akan membodohkan orang-orang lemah kami. Tinggalkanlah kami, jika kamu berdua ada kepentingan yang berkaitan dengan diri kamu sendiri”* Mus’ab berkata: *“Atau sebaiknya kamu duduk dan mendengarkan dulu? Jika kamu menyukainya maka kamu boleh menerimanya. Sekiranya kamu membencinya, maka cukuplah bagimu apa yang kamu benci,”* Usaid menjawab: *“Boleh juga.”*

Kemudian dia menancapkan belatinya dan duduk di hadapan kedua-duanya. Kemudian Mus’ab menjelaskan Islam dan membacakan al-Quran kepadanya. Kedua-duanya iaitu Mus’ab dan As’ad bin Zurarah berkata – berkenaan dengan yang diperkatakan tentang keduanya–: *“Demi Allah, sesungguhnya kami telah mengetahui Islam ada di wajahnya, sebelum dia berkata untuk menerimanya dengan suka cita”*. Tidak berapa lama Usaid berkata, *“Alangkah baik dan indahnya kata-kata ini! Apa yang kamu lakukan ketika hendak memeluk agama ini?”* Kedua-duanya menjelaskan kepadanya: *“Mandi, lalu sucikan dirimu dan pakaianmu, kemudian ucapkanlah syahadah, selepas itu solatlah dua rakaat”*. Usaid berdiri, lalu mandi dan menyucikan pakaiannya. Dia mengucapkan syahadah, kemudian berdiri menunaikan solat dua rakaat. Usaid berkata, *“Bersama-samaku ada seorang lelaki. Jika dia mengikuti kamu, maka tidak seorang pun dari kaumnya yang akan menentangnya. Sekarang aku akan menghantar Sa’ad bin Muaz menemui kamu berdua.”*

Usaid mengambil belatinya dan segera pergi menemui Saad serta kaumnya. Ketika itu mereka sedang duduk di tempat pertemuan, maka ketika Saad bin Muadz melihatnya segera menyambutnya dan berkata, *“Aku bersumpah atas nama Allah. Sungguh Usaid bin Hudhair telah datang pada kamu bukan dengan wajah seperti ketika dia pergi dari kamu”*

Ketika Usaid duduk di hadapan orang yang menyambutnya itu, Sa'ad bertanya kepadanya, "Apa yang telah kamu lakukan?" Usaid menjawab, "Aku memang telah bercakap kepada dua orang lelaki itu. Demi Allah, aku tidak melihat sebarang bahaya pada kedua-duanya. Aku telah melarang kedua-duanya, namun kedua-duanya berkata, 'Kami akan melakukan apa yang kamu suka.' Aku juga telah menceritakan bahawa Bani Harithah keluar dari perkampungannya menemui As'ad bin Zurarah untuk membunuhnya. Ini kerana mereka mengetahui bahawa As'ad adalah anak ibu saudaramu. Tujuannya agar mereka boleh melindungimu."

Lantas Sa'ad berdiri penuh kemarahan serta bimbang terhadap apa yang dikabarkan kepadanya tentang Bani Harithah. Dia mengambil belati yang berada di tangan Usaid, lalu berkata, "*Demi Allah, aku melihatmu sama sekali tidak berguna!*". Kemudian dia segera keluar dan menemui mereka berdua. Tatkala Sa'ad melihat kedua-duanya dalam keadaan tenang, dia menyedari bahawa Usaid hanya menginginkan dia mendengar perkataan dua orang yang ada di hadapannya. Dia berdiri tegak menghadap kedua-duanya dengan wajah tidak berpuas hati dan berkata, "*Wahai Abu Umamah!, seandainya antara aku dan kamu tidak ada hubungan kerabat, tentu belati ini sudah aku halakan kepadamu. Kamu datang ke tempat kami dengan membawa apa yang kami benci.*"

As'ad menoleh kepada Mus'ab lalu berkata, "*Wahai Mus'ab, telah datang kepadamu seorang pemimpin. Demi Allah, di belakangnya ada kaumnya. Jika dia mengikutimu, maka tidak seorang pun dari mereka yang akan menentangmu.*"

Mus'ab berkata kepadanya, "*Lebih baik kamu duduk dan dengarkan. Jika kamu suka dan menginginkannya maka kamu boleh menerimanya. Namun, jika kamu membencinya, kami akan menjauhkan dari kamu segala perkara yang kamu benci.*" Sa'ad berkata, "*Boleh juga.*" Belati di tangannya dicucukan ke tanah, lalu dia duduk. Kemudian Mush'ab menyampaikan Islam dan membacakan al-Quran kepadanya. Kedua-duanya berkata, "*Demi Allah, kami melihat Islam di wajahnya sebelum dia bercakap untuk menerimanya dengan gembira.*" Sa'ad bertanya kepada kedua-duanya, "*Apa yang kamu lakukan ketika hendak memeluk Islam dan masuk agama ini?*" Kedua-duanya menjawab, "*Mandi dan sucikan diri dan pakainmu, kemudian bacalah syahadah dan solat dua rakaat*"

Saad berdiri lalu mandi dan menyucikan pakaiannya, kemudian mengucapkan syahadah dan solat dua rakaat. Selepas itu ia mencabut belatinya, dan segera untuk menemui kaumnya. Dia berjalan dengan tegap disertai oleh

saudara sepupunya, Usaid bin Hudhair. Ketika kaumnya melihat dia, mereka berkata, *“Kami bersumpah dengan nama Allah, sungguh Sa’ad telah kembali kepada kamu bukan dengan wajah seperti waktu dia pergi dari kamu”*

Ketika Saad berdiri menghadap kaumnya, dia berkata, *“Wahai Bani ‘Abdul Asyhal, apa yang kamu ketahui tentang urusanku di tengah-tengah kamu?”* Mereka menjawab serentak, *“Engkau adalah pemimpin kami dan yang paling cerdas di antara kami serta memiliki peribadi paling baik”*. Saad kembali berkata, *“Sesungguhnya ucapan kaum lelaki dan wanita kamu kepadaku adalah haram sehingga kamu semua beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.”*

Tidak berapa lama, kedua-duanya iaitu Usaid bin Hudhair dan Saad bin Muad berkata, *“Demi Allah, tidak akan ada seorang lelaki mahupun wanita, di siang hari di penempatan Bani ‘Abdul Asyhal, kecuali dia akan jadi muslim dan muslimah”*

Mus’ab kembali ke rumah As’ad bin Zurarah dan tinggal bersamanya. Beliau tidak pernah berhenti mengajak orang lain kepada Islam, sehingga tidak satu pun rumah kaum Anshar kecuali di dalamnya dihuni lelaki dan wanita-wanita Muslim. Mus’ab tinggal di Madinah selama setahun. Beliau hidup di tengah-tengah Bani Aus dan Khazraj. Setiap waktu dia mengajarkan mereka agama Islam. Beliau gembira menyaksikan perkembangan penolong-penolong agama Allah dan kalimat kebenaran yang tumbuh dengan pesat. Beliau tidak jemu untuk mengetuk pintu masyarakat agar dapat berhubungan dengan mereka dan menyampaikan dakwah Allah SWT kepada mereka. Beliau pergi kebun-kebun untuk melakukan hubungan dengan para petani ketika mereka bekerja dan mengajak mereka masuk Islam. Beliau juga menemui pemilik tanah dan mengajak mereka kepada agama Allah. Beliau melakukan gerakan yang terancang untuk mencapai target, seperti yang lakukan bersama As’ad bin Zurarah dalam menggunakan berbagai cara untuk berinteraksi dengan masyarakat, sehingga mampu membawa mereka untuk mendengar suara kebenaran.

Dengan demikian, dalam masa satu tahun, Mus’ab berjaya membalikkan pemikiran di Madinah dari penyembahan berhala yang hina dan berbagai perasaan yang salah menjadi wacana tauhid dan keimanan, serta perasaan Islam. Kejayaan itu menjadikan mereka benci terhadap kekufuran dan menjauhkan diri dari berlaku pengurangan dalam takaran dan timbangan. Demikianlah, kejayaan Mus’ab dan orang-orang yang memeluk Islam bersamanya dalam merubah Madinah dari suasana musyrik menjadi Islam dalam tempoh satu tahun.

## Baiah Aqabah Kedua

Baiah Aqabah pertama berjaya dengan jayanya dan penuh keberkatan. Sememangnya tidak ramai jumlah orang-orang yang memeluk Islam. Tetapi jumlahnya cukup untuk mereka bersama seorang sahabat Rasulullah SAW iaitu Mus'ab untuk mengubah situasi Madinah, mengubah pemikiran kafir, dan perasaan-perasaan negatif yang terdapat di kalangan masyarakat. Berbeza situasi yang berlaku di Makkah, walaupun jumlah mereka yang memeluk Islam cukup ramai, namun majoriti masyarakat meminggirkan diri dari kaum Muslimin disebabkan mereka belum beriman. Masyarakat Makkah belum terpengaruh dengan pemikiran dan perasaan Islam. Sebaliknya di Madinah, majoriti masyarakatnya telah memeluk Islam. Mereka telah terpengaruh dengan Islam, samada pemikiran ataupun perasaannya. Ini menunjukkan bukti bahawa keimanan individu-individu yang terpisah daripada masyarakat dan majoriti anggota masyarakat, tidak akan memberikan pengaruh terhadap masyarakat dan majoriti anggotanya, walaupun sehebat mana individu-individu tersebut. Interaksi-interaksi yang berlaku di antara manusia apabila terpengaruh dengan pemikiran dan perasaan, pasti akan memunculkan perubahan dan revolusi, walaupun sedikit jumlah pengembang dakwahnya. Perkara itu menunjukkan bahawa apabila masyarakat berada dalam situasi jumud dengan kekufuran seperti masyarakat Makkah, maka realitinya jauh lebih sukar diubah berbanding masyarakat yang belum dikuasai oleh pemikiran-pemikiran rosak seperti masyarakat Madinah, walaupun di dalamnya terdapat juga pemikiran-pemikiran tersebut. Oleh sebab itu, masyarakat Madinah lebih banyak terpengaruh dengan Islam berbanding masyarakat Makkah. Penduduk Madinah boleh merasakan kesalahan pemikiran-pemikiran yang mereka kembangkan dan cuba untuk mencari pemikiran-pemikiran dan sistem-sistem lain untuk kehidupan mereka. Penduduk Makkah pula lebih selesa dengan kehidupan yang sedang mereka jalani ketika itu. Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan status quo, terutama para pemimpin kekufuran yang ada seperti Abu Lahab, Abu Jahal, dan Abu Sufyan. Disebabkan faktor tersebut, selama tinggal di Madinah dalam waktu yang singkat, dakwah Mus'ab mendapat sambutan baik. Beliau mengajak manusia kepada Islam dan membentuk mereka dengan pemikiran-pemikiran dan hukum-hukum Islam. Dalam tempoh yang singkat sahaja beliau merasakan sambutan yang cepat dan menyaksikan masyarakat menerima Islam serta kesediaan mereka untuk memahami hukum-hukum Islam dengan sangat

mudah. Beliau juga menyaksikan jumlah kaum Muslimin semakin bertambah dan pesatnya perkembangan Islam di Madinah. Musab sangat gembira dan beliau semakin meningkatkan usaha pemberdayaan melalui pengajaran dan penyebaran dakwah.

Ketika datang musim haji, Mus'ab kembali ke Makkah dan menceritakan kepada Rasulullah SAW tentang kaum Muslimin, kekuatan mereka, berita-berita Islam, dan perkembangan penyebarannya. Beliau juga menggambarkan masyarakat Madinah kepada Rasulullah SAW bahawa tidak ada topik yang dibincangkan di kalangan masyarakat kecuali berkenaan Islam. Tidak ada sesuatu pun dalam persekitaran kecuali Islam. Kekuatan dan kedudukan kaum Muslimin di sana memberikan pengaruh dalam melahirkan kemampuan Islam untuk mengalahkan segenap perkara. Pada tahun tersebut sebahagian kaum Muslimin akan datang dan mereka adalah golongan yang paling tinggi keimanannya kepada Allah, bersedia mengembangkan risalah Allah, dan mempertahankan agama-Nya. Nabi SAW amat gembira mendengarkan berita yang cukup banyak daripada Mus'ab sehingga baginda berfikir panjang mengenai persoalan ini. Baginda cuba membandingkan antara masyarakat Makkah dan Madinah. Di Makkah baginda telah menghabiskan masa selama 12 tahun berturut-turut untuk mengajak penduduk Makkah kepada Allah, berusaha bersungguh-sungguh dalam menyebarkan dakwah. Baginda tidak pernah meninggalkan peluang sedikit pun kecuali mencurahkan segenap kemampuannya untuk dakwah di samping menanggung semua jenis penganiayaan. Akan tetapi, masyarakat masih tidak bertoleransi dan dakwah tidak menemui jalan untuk menuju ke sana. Ini kerana hati penduduk Makkah sangat keras, jiwa mereka penuh kebencian, dan akal mereka jumud bersama masa silamnya.

Ini bermaksud masyarakat Makkah keras seperti batu dan potensi penerimaannya terhadap dakwah sangat lemah. Penyebabnya adalah kerana jiwa penduduknya telah dikuasai berhala kemusyrikan yang sememangnya Makkah adalah merupakan pusatnya. Masyarakat Madinah pula seiring dengan perjalanan Islam, maka beberapa orang dari Khazraj masuk Islam kemudian berlakulah baiah 12 orang lelaki, disusuli kesungguhan dakwah Mus'ab bin Umair selama setahun. Semua itu sudah cukup untuk mewujudkan suasana Islam di Madinah dan kemasukan beramai-ramai orang ke dalam agama Allah dengan cepat lagi menakjubkan.

Di Makkah pula risalah Allah SWT hanya terhad kepada orang-orang yang telah memeluk Islam dan ramai kaum Muslimin yang menghadapi penganiayaan

dan perlakuan kejam kafir Quraisy. Sedangkan di Madinah risalah Allah SWT ini berkembang dengan cepat. Kaum Muslimin di Madinah tidak menghadapi penganiayaan sedikit pun, samada daripada kaum Yahudi mahupun orang-orang musyrikin. Situasi ini menjadikan Islam tersemat dalam jiwa dan membuka jalan di hadapan kaum Muslimin. Oleh kerana itu, sudah jelas bagi Rasulullah SAW bahawa Madinah jauh lebih layak berbanding Makkah untuk pengembangan dakwah Islam. Masyarakat Madinah lebih berpotensi sebagai tempat terpancarnya cahaya Islam berbanding Makkah. Berdasarkan perkara ini, baginda berfikir panjang untuk berhijrah ke Madinah bersama-sama para sahabatnya untuk bertemu saudara-saudara mereka sesama kaum Muslimin. Di samping itu untuk mereka mendapatkan keamanan bersama saudara-saudaranya tersebut dan selamat dari penganiayaan kafir Quraisy. Mereka dapat mengembangkan dakwah dan meneruskan peringkat dakwah kepada peringkat praktikal, iaitu penerapan Islam dan mengembangkan risalahnya dengan kekuatan negara dan pemerintahannya. Inilah satu-satunya yang menjadi penyebab hijrah ke Madinah bukan sebab yang lain.

Perlu diingat bahawa Rasulullah SAW tidak pernah berfikir untuk berhijrah dari Makkah hanya disebabkan baginda mendepani banyak kesusahan dalam berdakwah tanpa mampu bersabar atau tidak berupaya untuk menanggung halangan-halangan tersebut. Sesungguhnya baginda SAW telah bersabar selama 10 tahun di Makkah. Selama itu baginda tidak pernah mengubah fikirannya untuk dakwah. Baginda dan para pengikutnya memang mengalami berbagai keperitan dalam aktiviti dakwahnya, namun kejahatan-kejahatan kafir Quraisy tidak pernah melemahkan dirinya walau sedikit pun. Penentangan mereka tidak pernah menyurutkan tekad baginda dalam berdakwah. Bahkan keimanan baginda semakin bertambah pada dakwah yang datang dari Tuhannya. Keyakinannya terhadap pertolongan Allah SWT semakin kukuh dan kuat. Akan tetapi, baginda SAW menyimpulkan bahawa setelah mencuba pelbagai langkah untuk mengubah keadaan masyarakat Makkah, terbukti mereka berfikiran sempit, berhati keras, dan bergelumang dalam kesesatan yang kesemuanya dapat melemahkan cita-cita dakwah dalam dirinya. Seinggakan jika diteruskan juga langkah-langkah tersebut dalam dakwahnya nescaya akan menjadi cita-cita yang sia-sia. Oleh sebab itu, baginda melihat bahawa dakwah perlu dialihkan dari situasi masyarakat seumpama ini ke situasi masyarakat lainnya. Kemudian baginda berfikir tentang kemungkinan berhijrah dari Makkah. Buah fikiran inilah yang membawa baginda untuk berhijrah ke Madinah, bukan disebabkan baginda dan para sahabatnya selalu mendapatkan penyeksaan.

Memang tepat bahawa Rasulullah SAW pernah mengarahkan para sahabatnya berhijrah ke Habsyah untuk menyelamatkan diri daripada penyeksaan kafir Quraisy. Ini kerana kaum Muslimin boleh melakukan hijrah dari wilayah yang penuh dengan fitnah untuk menyelamatkan agama mereka. Walaupun pelbagai penganiayaan itu sebenarnya akan menyucikan keimanan. Pelbagai penindasan dalam dakwah juga akan menyalakan keikhlasan dan pelbagai penentangan akan menajamkan keazaman. Keimanan akan membawa pemiliknya bersikap memandang remeh segala perkara yang dihadapi di samping mendatangkan kesanggupan untuk berkorban di jalan-Nya dengan harta, kehormatan, masa, dan jiwa. Memang tepat bahawa keimanan kepada Allah SWT akan menjadikan seorang Mukmin itu mampu mengorbankan dirinya dalam menghadapi ancaman bahaya di jalan Allah SWT. Akan tetapi penganiayaan yang berterusan dan pengorbanan yang tidak henti-henti akan menjadikan seorang Mukmin lebih menyibukkan diri dengan kesabaran menahan ujian. Ia juga akan memfokuskan perhatian terhadap bermacam-macam pengorbanan tersebut daripada berfikir secara berhemah yang akan meningkatkan cakerawala sudut pandangannya, sekaligus kesedarannya kepada kebenaran yang semakin kuat dan dalam. Dengan demikian, kaum Mukminin mesti berhijrah dari wilayah-wilayah yang penuh dengan fitnah tersebut. Konsep hijrah seperti itu hanya dapat diterapkan pada peristiwa hijrah kaum Muslimin ke Habsyah sahaja.

Adapun hijrah ke Madinah dilakukan agar memungkinkan mereka mampu melakukan perpindahan risalahnya ke dalam suatu keadaan yang menjadikan risalah itu hidup di kalangan masyarakat yang baru, sekaligus menyebar luas di seluruh permukaan bumi demi meninggikan kalimah Allah SWT. Dari sini Rasulullah SAW berfikir untuk mengarahkan para sahabatnya berhijrah ke Madinah, selepas masuk dan tersebarnya Islam di sana. Sebelum baginda memerintahkan mereka hijrah ke Yatsrib (Madinah) dan memutuskan untuk hijrah ke sana, baginda perlu terlebih dahulu melihat jamaah haji dari Madinah, melihat situasi kaum Muslimin yang datang untuk berhaji, memperhatikan sejauh mana kesediaan mereka untuk melindungi dakwah, menyaksikan sejauh mana kesediaan mereka berkorban di jalan Islam, dan melihat apakah kedatangan mereka ke Makkah bersedia untuk membaiah baginda dengan baiah perang, iaitu baiah yang akan menjadi batu loncatan untuk mendirikan Negara Islam. Baginda menunggu kedatangan rombongan haji tersebut dan itu berlaku pada tahun ke-12 semenjak baginda diutuskan yang bertepatan dengan tahun 622 Masehi.

Akhirnya rombongan haji itu datang ke Makkah dengan jumlah yang cukup ramai. Mereka terdiri dari 75 orang kaum Muslimin, iaitu 73 orang lelaki dan dua orang wanita. Kedua-dua orang wanita itu adalah Nasibah binti Ka'ab Ummu Amarah salah seorang wanita dari Bani Mazin bin an-Najjar, dan Asma' binti 'Amru bin 'Adiy salah seorang wanita dari Bani Salamah yang dia juga adalah Ummu Mani'. Rasulullah SAW menemui mereka secara rahsia dan bercakap tentang baiah yang kedua. Perbincangannya tidak terhad kepada masalah dakwah dan kesabaran dalam menghadapi semua kesengsaraan sahaja, tetapi juga mencakupi tentang kekuatan yang akan mampu mempertahankan kaum Muslimin. Lebih jauh dari itu adalah berkenaan mewujudkan benih yang akan menjadi batu asas dan tiang pertama dalam mendirikan Negara Islam. Sebuah negara yang akan menerapkan Islam di dalam masyarakat, mengembangkannya sebagai risalah universal ke seluruh umat manusia dengan membawa serta kekuatan yang akan menjaganya dan menghilangkan semua rintangan yang menghalang jalan penyebaran dan penerapannya.

Baginda memperkatakan perkara tersebut kepada mereka dan akhirnya mengetahui kesanggupan mereka yang jujur, lalu membuat janji dengan mereka agar menemuinya di Aqabah pada tengah malam ketika pertengahan hari-hari tasyriq. Baginda berpesan kepada mereka, *"Janganlah kamu mengejutkan seseorang yang sedang tidur dan jangan juga kamu menunggu orang yang tidak ada."*

Pada hari yang telah dijanjikan dan setelah satu pertiga awal dari malam telah berlalu, mereka keluar dari penginapannya dengan terhendap-endap dan sembunyi-sembunyi kerana bimbang urusan mereka terbongkar. Mereka pergi ke Aqabah dan mendakinya secara bersama-sama termasuk dua orang wanita yang menyertai mereka. Kemudian mereka menunggu kedatangan Rasulullah SAW yang datang bersama-sama bapa saudaranyanya, Abbas (yang belum memeluk Islam ketika itu) datang menemui mereka. Abbas datang hanya untuk mengawasi dan menjaga keselamatan anak saudaranya. Dialah orang pertama yang bercakap dengan ucapan, *"Wahai kaum Khazraj, sebagaimana yang anda ketahui, sesungguhnya Muhammad berasal dari golongan kami. Kami telah menjaganya dari ancaman kaum kami yang juga memiliki persamaan pandangan dengan kami tentang dirinya. Beliau dimuliakan kaumnya dan dihormati di negerinya. Tetapi beliau enggan melainkan untuk berpihak dengan anda dan bergabung dengan anda. Jika anda menganggap anda dapat memenuhi segala perkara yang beliau dakwahkan, maka penuhilah itu dengan sempurna dan jagalah beliau daripada sesiapa sahaja yang menyalahinya. Maka itu semua menjadi tanggungjawab anda. Jika anda melihat bahawa anda akan melalaikan dan meninggalkannya selepas anda keluar bersamanya menuju tempat anda, maka mula saat*



*ini tinggalkan beliau.” Mendengar pernyataan Abbas tersebut, maka mereka berkata, “Kami mendengar apa yang telah anda katakan.” Lalu mereka beralih kepada Rasul SAW, “Bercakplah, wahai Rasulullah, maka ambillah apa yang anda sukai untuk dirimu dan Tuhanmu”. Selepas membaca al-Quran dan mengharap mereka memeluk Islam, Rasulullah SAW menjawab, “Saya baiah anda agar anada melindungiku seperti anda melindungi isteri-isteri dan anak-anak anda.” Lalu al-Barra’ mengulurkan tangannya untuk membaiah baginda sambil berkata, “Kami membaiahmu, wahai Rasulullah. Demi Allah, kami adalah generasi perang dan pemilik medannya. Kami mewarisinya dengan penuh kebanggaan”. Namun belum selesai al-Barra menghabiskan ucapannya, Abu al-Haitham bin at-Tiihan pula memotong ucapannya dengan mengatakan, “Wahai Rasulullah, di antara kami dan orang-orang Yahudi ada ikatan perjanjian. Kami ingin memutuskannya. Jika kami melakukan perkara tersebut, kemudian Allah memenangkannya, adakah anda akan kembali kepada kaummu dan meninggalkan kami?” Rasulullah SAW tersenyum dan berkata, “Bahkan, darah akan dibalas dengan darah, pukulan dibalas dengan pukulan. Sesungguhnya aku adalah sebahagian daripada kamu, dan kamu adalah sebahagian dari diriku. Aku akan memerangi sesiapa sahaja yang kamu perangi dan aku berdamai dengan sesiapa sahaja yang kamu berdamai dengannya.”*

Orang-orang Madinah tersebut sangat bersemangat untuk memberikan baiah. Namun, Abbas bin Ubadah lantas berdiri dan berkata, *“Wahai kaum Khazraj, adakah kamu menyedari maksud membaiah lelaki ini? Sesungguhnya kamu membaiahnya untuk memerangi manusia samada yang berkulit putih mahupun hitam. Jika kamu menyaksikan harta benda kamu habis dilanda musibah, dan orang-orang mulia kamu mati terbunuh, adakah kamu akan meninggalkannya? Bermula sekarang, demi Allah, jika kamu melakukannya itu adalah kehinaan dunia dan akhirat. Namun, jika kamu melihat bahawa diri kamu akan memenuhinya dengan segala perkara yang telah kamu janjikan kepadanya walaupun kehilangan harta dan terbunuhnya para pemimpin, maka ambillah baginda, dan demi Allah perkara itu merupakan kebaikan dunia dan akhirat.”* Kaum Khazraj pun menjawab, *“Sesungguhnya kami akan mengambilnya walaupun dengan kemusnahan harta benda dan terbunuhnya para pemimpin.”* Kemudian mereka berkata, *“Wahai Rasulullah, apa bahagian kami apabila kami memenuhi perkara itu?”*. Rasulullah SAW menjawab dengan tenang dengan ucapan, *“Syurga”*.

Mereka beramai-ramai mengulurkan tangannya masing-masing lalu menggenggam tangan baginda dan membaiahnya dengan kata-kata, *“Kami membaiah Rasulullah SAW untuk mendengar dan mentaati dalam keadaan sukar, mudah, senang, benci, mahupun musibah sedang menimpa kami. Kami tidak akan merampas (kekuasaan) dari pemiliknya serta akan mengucapkan kebenaran di mana sahaja kami*

*berada. Kami juga tidak akan takut di jalan Allah terhadap celaan orang-orang yang suka mencela." Setelah mereka selesai, Nabi SAW berkata, "Keluarkan kepadaku dari kamu 12 orang wakil yang akan bertanggungjawab terhadap kaumnya dalam segala urusan mereka" Mereka memilih 9 orang dari Khazraj dan 3 orang dari Aus, lalu Nabi berkata kepada para wakil tersebut, "Kamu bertanggung jawab atas kaum kamu dalam segala urusan mereka, seperti Hawariyyun melindungi Isya bin Maryam, dan aku adalah penanggungjawab kaumku". Mereka menjawab, "Ya".*

Selepas itu mereka kembali ke tempat bermalam mereka, mengemaskan barang-barangnya, lalu pulang ke Madinah. Selepas peristiwa itu, Rasulullah SAW memerintahkan kaum Muslimin berhijrah ke Madinah dan mereka bertolak secara berasingan. Kaum Muslimin memulakan hijrah mereka secara perseorangan atau dalam kelompok kecil. Sementara itu, kaum Quraisy akhirnya mengetahui baiah tersebut dan berusaha mengembalikan sesiapa saja yang dapat mereka kembalikan ke Makkah. Mereka berusaha menghalang antara kaum Muslimin dan hijrah sehingga menghalang seorang suami dari isterinya.

Walaupun demikian, keganasan seperti itu tidak mempengaruhi kelangsungan hijrah. Bahkan gelombang hijrah kaum Muslimin ke Madinah datang secara berturutan. Sedangkan Rasulullah SAW sendiri masih tinggal di Makkah. Tiada seorang pun yang boleh memastikan adakah Muhammad akan berhijrah ke Madinah atau akan tetap tinggal di Makkah? Namun yang nampak sememangnya baginda berkeinginan untuk berhijrah ke Madinah. Abu Bakar pernah cuba meminta keizinan kepada baginda untuk turut berhijrah ke Madinah, namun baginda menjawab, *"Janganlah kamu tergesa-gesa, semoga Allah menjadikan untukmu seorang sahabat."* Maka Abu Bakar mengetahui bahawa beliau juga akan berhijrah.

Sementara itu kafir Quraisy mengira kebarangkalian seribu kali tentang kemungkinan hijrahnya Nabi SAW ke Madinah, setelah jumlah kaum Muslimin di sana semakin banyak yang menjadikan kemungkinan mereka memiliki kekuatan yang dominan di Madinah. Perkara tersebut menjadikan mereka beserta orang-orang yang berhijrah dari Makkah membentuk kekuatan yang sangat besar. Seandainya Nabi bergabung dengan mereka dalam keadaan mereka kuat seperti itu, maka keadaan tersebut akan menjadi kecelakaan besar dan kehancuran bagi kafir Quraisy. Atas perhitungan itu, maka kafir Quraisy memikirkan untuk mencari cara mencegah Rasul SAW berhijrah ke Madinah. Tetapi dalam masa yang sama, mereka juga bimbang jika Muhammad tetap berada di Makkah. Perkara ini akan menghadapkan diri mereka kepada penentangan kaum

Muslimin di Madinah ketika bangunan mereka semakin kokoh. Setelah memiliki kekuatan, mereka akan bersama-sama datang ke Makkah untuk mempertahankan Rasulullah SAW yang telah diimaninya. Oleh sebab itu, kafir Quraisy berpikir untuk membunuh Muhammad agar tidak sempat mengikuti kaum Muslimin di Madinah. Di samping itu agar di sana tidak ada suatu perkara yang menyebabkan konflik antara mereka dengan penduduk Madinah, demi Islam dan demi Muhammad SAW.

Banyak buku-buku sirah telah menyatakan bahwa telah disampaikan hadits Aisyah ra. dan Abu Umamah bin Sahn, *"Ketika muncul 70 orang dari sisi baginda SAW, maka jiwanya menjadi lapang. Allah telah menjadikan baginya dukungan dan keberanian dari penduduk ahli perang"*. Keganasan kaum musyrikin terhadap kaum Muslimin yang menyatakan diri untuk berhijrah makin bertambah hebat. Mereka menyukarkan ruang pergerakan para sahabat Nabi SAW dan mengikuti mereka ke mana sahaja mereka pergi. Kaum Muslimin memperolehi seksaan dalam bentuk yang belum pernah mereka perolehi sebelumnya, samada berupa celaan mahupun penganiayaan. Mereka mengadu kepada Nabi SAW. Lalu baginda menjawab, *"Telah diperlihatkan kepadaku tempat hijrah kamu yang menenangkan."* Kemudian baginda masih tinggal di Makkah beberapa hari, lalu keluar menemui para sahabat dengan gembira sambil berkata, *"Telah dikabarkan kepadaku tentang tempat hijrah kamu iaitu Yatsrib, sesesiapa di antara kamu yang ingin pergi ke sana maka pergilah ke sana"*.

Lantas mereka bersiap sedia untuk berhijrah. Mereka saling menjadi sahabat antara satu sama lain, saling pesan memesan, kemudian mereka bertolak untuk berhijrah dengan secara sembunyi. Mereka bergerak dengan cara berpecah-pecah dan berkumpul yang saling terpisah. Sementara baginda SAW masih tinggal di Makkah menunggu keizinan baginya untuk hijrah. Sahabat baginda selalu memohon keizinan kepada Rasulullah SAW untuk berhijrah ke Madinah selepas kaum Muslimin semakin ramai yang berhijrah ke sana. Maka baginda berkata, *"Janganlah kamu tergesa-gesa, Semoga Allah menjadikan bagimu seorang sahabat."* Abu Bakar sangat berharap bahawa orang yang dimaksud itu adalah beliau.

Ketika kafir Quraisy menyaksikan penghijrahan para sahabat Muhammad, dan mereka mengetahui bahwa Muhammad sedang menghimpun kekuatan untuk memerangi mereka, maka mereka segera mengadakan pertemuan di Daar an-Nadwah untuk bermesyuarat apa yang akan mereka lakukan terhadap urusan Muhammad SAW ini. Mereka bersepakat untuk membunuhnya dan berpecah-

pecah untuk melaksanakan keputusan itu. Kemudian Jibril datang menemui Nabi SAW dan memerintahkan baginda agar malam itu tidak tidur di tempat tidurnya di rumahnya sendiri. Jibril memberitahukan Rasulullah SAW tentang perancangan jahat kaum Quraisy. Pada malam itu, baginda tidak tidur di rumahnya dan Allah mengizinkan baginya untuk berhijrah ke Madinah.

Berdasarkan perkara ini, kewujudan kekuatan Islam yang ada di Madinah dan persiapan Madinah untuk menerima kedatangan Rasulullah SAW, serta penegakan negara Islam di sana merupakan perkara yang mendorong Rasulullah SAW untuk berhijrah. Ini adalah penyebab secara langsung penghijrahan Rasulullah SAW. Dengan demikian, salah tanggapan apabila ada orang yang menyangka bahawa Muhammad SAW berhijrah dari Makkah disebabkan takut dengan ancaman orang-orang kafir Quraisy yang hendak membunuhnya dan baginda melarikan diri dari perkara itu. Dalam berdakwah, baginda SAW tidak pernah mengambil kira masalah penderitaan sedikit pun. Kematian bukan menjadi perkiraan baginda di jalan dakwah kepada Islam. Baginda juga tidak pernah menyibukkan dirinya demi keselamatan jiwa dan kehidupannya. Oleh itu, penghijrahan baginda ke Madinah semata-mata disebabkan dakwah Islam dan untuk mendirikan negara Islam. Sedangkan pertemuan kafir Quraisy yang menghasilkan keputusan untuk membunuh Muhammad, semata-mata kerana didasari rasa takut akan penghijrahan Rasulullah ke Madinah dan kejayaannya memperkuat dakwah di sana. Realitinya, memang baginda SAW berjaya mengalahkan mereka dan hijrah ke Madinah walaupun mereka menghalangnya. Mereka sama sekali tidak mampu mencegahnya walau sudah bersepakat membunuh baginda.

Dengan demikian, hijrah merupakan batasan dalam Islam yang memisahkan antara peringkat-peringkat dakwah dengan usaha mewujudkan masyarakat dan negara yang memerintah dengan Islam, menerapkannya, dan berdakwah dengan hujjah, bukti, dan dengan kekuatan yang melindungi dakwah ini dari kekuatan jahat dan kekufuran.[]

## Menegakkan Negara Islam

Nabi Muhammad SAW tiba di Madinah. Ketibaan baginda disambut oleh sejumlah sahabat dari penduduk Madinah, kaum Muslimin, bahkan orang-orang Musyrik dan kaum Yahudi. Seluruh kaum Muslimin berkumpul mengelilingi baginda. Mereka semua sangat teruja dan ingin menyambut kedatangan baginda. Kaum Muslimin sangat bersungguh-sungguh dalam memberikan layanan dan penghormatan kepadanya. Mereka bersedia untuk mempersembahkan jiwa mereka di jalan yang baginda lalui dan agama yang datang bersamanya serta jalan dakwah Islam.

Setiap sahabat mengimpikan Nabi SAW tinggal di rumahnya. Baginda mengetahui perkara tersebut dengan melepaskan tali pengikat untanya dan membiarkannya mencari tempat berhenti. Akhirnya unta itu berhenti di tempat unta milik Sahal dan Suhail, dua orang anak yatim anak 'Amru. Baginda kemudian membeli tanah itu dan di atasnya didirikan masjid dan di sekitarnya dibangun bilik-bilik rumah baginda. Baginda membangun masjid dan rumah tanpa menyakiti orang. Bentuknya sangat sederhana, tidak memerlukan kos yang tinggi, dan tidak memerlukan kerja yang berat. Masjidnya berupa halaman luas yang empat penjuru temboknya dibangun dari batu merah dan tanah liat. Sebahagian atapnya dari pelepah kurma dan sebahagian yang lain dibiarkan terbuka. Salah satu sudut serambinya dikhususkan untuk tempat bermukimnya kaum fakir yang tidak memiliki tempat tinggal. Di waktu malam, masjidnya tidak diberi cahaya lampu kecuali pada waktu salat Isyak. Pencahayaannya diambil dari jerami yang dibakar di tengah-tengah masjid. Tempat tinggal Nabi SAW juga tidaklah lebih baik dari masjid yang dibangunnya, kecuali pencahayaannya yang lebih banyak. Di tengah-tengah penyelesaian pembinaan masjid dan bilik-bilik rumahnya, baginda SAW tinggal di rumah Abu Ayyub Khalid bin Zaid al-Anshariy sehingga pembinaannya selesai. Kemudian baginda SAW berpindah ke tempat tinggalnya yang baru dan menetap di sana. Di tempat tersebut baginda memikirkan kehidupan baru yang baru saja baginda mulakan, yang telah mengalihkan dirinya serta dakwahnya dalam suatu anjakan besar dari satu peringkat ke peringkat yang lainnya. Dakwahnya beralih dari peringkat pembentukan dan interaksi ke peringkat penerapan hukum Islam kepada masyarakat, yang mengatur berbagai hubungan yang ada di dalamnya. Langkah itu juga telah memindahkan dari peringkat dakwah yang semata-mata menuntut

kesabaran dalam menghadapi penderitaan menuju peringkat pemerintahan, kekuasaan, dan kekuatan yang dapat melindungi dakwah tersebut.

Semenjak tiba di Madinah, Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat membangun masjid sebagai tempat solat, berkumpul, bermesyuarat, dan mengatur berbagai urusan kaum Muslimin sekaligus memutuskan perkara yang ada di antara mereka. Baginda menjadikan Abu Bakar dan Umar sebagai dua orang pembantunya. Baginda SAW bersabda, "*Dua (orang) pembantuku di bumi adalah Abu Bakar dan Umar.*" Kaum Muslim senantiasa berkumpul di sekitar baginda dan merujuk semua persoalan kepada baginda.

Dengan demikian, baginda berkedudukan sebagai ketua negara, qadhi dan panglima tentera. Baginda SAW menjaga berbagai urusan kaum Muslim dan menyelesaikan perselisihan-perselisihan di antara mereka. Di samping itu, baginda melantik beberapa penglima ekspedisi dan menghantarkannya ke luar Madinah. Jadi, semenjak tiba di Madinah, baginda telah mendirikan negara Islam. Negara tersebut dijadikan pusat pembangunan masyarakat yang berdiri di atas asas yang kukuh dan pusat persiapan kekuatan yang cukup untuk melindungi negara dan menyebarkan dakwah. Selepas seluruh persoalan stabil dan terkawal, baginda mula menghilangkan rintangan-rintangan fizikal yang menghalang di tengah jalan penyebaran Islam.

# Pembangunan Masyarakat

Allah SWT menciptakan fitrah naluri keabadian dalam diri manusia. Di antara buktinya adalah kecenderungan manusia untuk berhimpun sesama mereka. Kecenderungan ini merupakan perkara yang normal dan bersifat naluri. Perhimpunan manusia itu secara tidak langsung membentuk mereka sebagai satu masyarakat, melainkan perhimpunan itu sekadar kumpulan beberapa individu sahaja. Mereka tetap dianggap sebagai kumpulan sahaja apabila aktiviti mereka terhadap kepada berhimpun. Seandainya berlaku di antara mereka interaksi untuk merealisasikan kemaslahatan dan menolak kerosakannya, maka interaksi yang terhasil daripada kumpulan tersebut akan membentuk sesebuah masyarakat. Namun, interaksi seumpama ini tidak akan menjadikan mereka sesebuah masyarakat, melainkan jika pandangan mereka tentang interaksi tersebut disatukan oleh kesatuan pemikiran. Pandangan tersebut juga mesti menyatukan keredhaan dan kemarahan mereka dengan kesatuan perasaan di samping menyatukan pendekatan mereka dalam berinteraksi, dengan kesatuan sistem melalui pendekatan tersebut.

Dengan demikian, ketika menyoroti masyarakat maka perlu melihat kepada unsur-unsur pemikiran, perasaan, dan sistem. Ini kerana, unsur-unsur itulah yang akan membentuk masyarakat yang khusus dan memiliki corak tertentu. Berdasarkan perkara ini, kami mengkaji masyarakat di Madinah ketika Rasulullah SAW tiba di sana, agar kami mengetahui komposisi masyarakat tersebut.

Pada ketika itu, Madinah didiami oleh tiga kumpulan besar. Pertama, kumpulan Muslim dari kalangan Muhajirin dan Ansar, mereka adalah majoriti penduduk Madinah. Kedua, kumpulan Musyrik yang terdiri dari Bani Aus dan Khazraj yang belum memeluk Islam dan jumlah mereka sedikit di antara kaumnya. Ketiga, kumpulan Yahudi yang terbahagi dalam 4 golongan. Salah satunya bermukim di dalam kota Madinah dan tiga golongan lainnya bermukim di luar kota Madinah. Yahudi yang tinggal di dalam kota adalah Bani Qainuqa', sedangkan yang tinggal di luar kota adalah Bani Nadhir, Yahudi Khaibar, dan Bani Quraizah.

Orang-orang Yahudi sebelum kedatangan Islam merupakan kumpulan masyarakat yang terpisah dari masyarakat di Madinah. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan yang berbeza. Begitu juga perbezaan solusi yang mereka

gunakan dalam menyelesaikan permasalahannya berbeza dari yang lainnya. Oleh sebab itu, masyarakat Yahudi tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat Madinah, walaupun mereka tinggal di dalam kota Madinah dan dekat dengan masyarakat di sana.

Sedangkan orang-orang Musyrik pula walaupun jumlah mereka sedikit. Suasana keislaman yang menyelimuti Madinah telah menutup kewujudan mereka. Dengan demikian, ketundukkan mereka terhadap pemikiran, perasaan, dan sistem peraturan Islam dalam berinteraksi menjadi suatu kemestian walaupun mereka tidak memeluk Islam.

Sementara kaum Muhajirin dan Anshar pula telah disatukan oleh akidah Islam dan Islam juga telah menyatukan di antara mereka. Oleh kerana itu, pemikiran dan perasaan mereka satu, sehingga sistem hubungan di antara mereka dengan menggunakan Islam sudah menjadi kepastian. Maka oleh itu, Rasulullah SAW mula membangun interaksi di antara mereka atas dasar akidah Islam, dan mengajak mereka untuk menjalinkan persaudaraan kerana Allah SWT, iaitu bentuk persaudaraan yang memiliki pengaruh kuat, berkaitan aspek muamalah, harta, dan seluruh urusan mereka. Baginda mempersaudarakan antara kaum Muslimin. Baginda mempersaudarakan dirinya dengan 'Ali bin Abi Talib. Demikian juga bapa saudaranya, Hamzah beserta Zaid (hamba baginda) dipersaudarakan olehnya. Menyatukan Abu Bakar dengan Kharijah bin Zaid sebagai saudara. Baginda juga mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Umar bin al-Khattab dengan Atban bin Malik al-Khazrajiy. Talhah bin Ubaidillah dengan Abu Ayyub al-Anshariy. Abdul Rahman bin 'Auf dengan Sa'ad bin Rabi'. Persaudaraan seumpama ini mempunyai pengaruh kuat dalam aspek material. Orang-orang Ansar sangat dermawan terhadap saudara-saudara mereka dari Muhajirin. Sikap ini menambahkan lagi kekuatan dan eratnya hubungan persaudaraan. Mereka memberikan harta dan pendapatannya serta bersama-sama dalam memenuhi keperluan dunia. Para saudagar dan petani sama-sama menyumbangkan kepakaran masing-masing kepada mereka. Para peniaga pula mengajak mereka untuk menyibukkan diri dalam dunia perniagaan. Abdul Rahman bin Auf memulakan usahanya dengan menjual mentega dan keju. Demikian juga ramai para sahabat, selain Abdul Rahman, melakukan perkara yang sama dan sangat berperanan dalam perdangan mereka, iaitu mereka menjadi pengurus dalam urusan perniagaan. Para sahabat yang tidak memiliki kesibukan perniagaan seperti Abu Bakar, Umar, Ali bin Abi Thalib dan yang lainnya, mengusahakan tanah pertanian di kebun-kebun pemberian kaum Ansar.



Rasulullah SAW bersabda: *“Sesiapa yang memiliki tanah, maka tanamlah atau berikan kepada saudaranya.”* Mereka semua bekerja untuk memperoleh kekuatan mereka masing-masing.

Ada juga sekelompok kecil masyarakat yang tidak memiliki harta sama sekali dan tidak memiliki pekerjaan. Mereka tidak mempunyai tempat tinggal. Hidup dalam kemiskinan dan kefakiran. Mereka ini bukan dari golongan Muhajirin, dan juga bukan dari Ansar. Mereka adalah orang-orang Arab yang datang ke Madinah dan memeluk Islam. Rasulullah SAW sangat prihatin terhadap nasib mereka dan menyediakan tempat khusus bagi mereka di serambi masjid. Mereka tinggal dan berlandung di tempat tersebut. Oleh kerana itu, mereka dinamakan Ahlu Shuffah (penghuni serambi). Nafkah mereka diambil dari harta kaum Muslimin, samada dari orang Muhajirin ataupun Ansar yang memiliki lebih harta.

Dengan demikian, Rasulullah SAW berjaya menyelesaikan fokus dan penyatuan seluruh kaum Muslimin sehingga keadaannya stabil dan kukuh. Baginda juga berjaya mewujudkan interaksi di antara mereka atas dasar asas yang sangat kuat. Ini bermaksud bahawa Rasulullah SAW berjaya membangunkan masyarakat di Madinah di atas landasan yang kukuh, serta dalam situasi yang bersedia menghadapi kaum kafir. Mereka memiliki pegangan yang sangat kuat dalam menghadapi sebarang provokasi dan konspirasi yang tersembunyi dari kaum Yahudi dan Munafik. Mereka berdiri kukuh di bawah payung kesatuan Islam. Rasulullah SAW merasa tenang melihat wujudnya masyarakat dan kesatuannya.

Kaum Musyrik sendiri tunduk pada sistem hukum Islam. Kewujudan mereka beransur-ansur lenyap. Mereka tidak memiliki pengaruh dalam pembentukan masyarakat.

Sedangkan orang-orang Yahudi pula sebelum kehadiran Islam, mereka merupakan masyarakat yang memiliki bentuk tersendiri. Selepas Islam datang, gambaran dan bentuk hubungan antara masyarakat Yahudi dan Islam semakin jelas perbezaannya. Di antara dua golongan ini terdapat perbezaan yang sangat ketara. Oleh itu, perlu dibuat sistem yang mengatur hubungan mereka dengan kaum Muslimin berdasarkan asas tertentu. Maka Rasulullah SAW menetapkan posisi kaum Muslimin terhadap mereka dan menetapkan untuk mereka peraturan yang mesti menjadi dasar interaksi mereka dengan kaum Muslimin. Rasulullah SAW kemudian membuat perjanjian antara kaum Muhajirin dan Ansar. Di

dalamnya disebutkan juga kaum Yahudi dan syarat-syarat yang mesti mereka penuhi. Perjanjian itu merupakan satu manhaj yang mengatur interaksi antara kabilah-kabilah Yahudi dan kaum Muslimin. Sebelumnya telah ditetapkan peraturan yang menjadi dasar interaksi di antara kaum Muslimin sendiri dan sesiapa sahaja yang mengikuti mereka. Teks perjanjian itu dimulakan dengan sabda Rasulullah SAW: *“Bismillaahir-rahmaanirrahiim. Ini adalah perjanjian dari Muhammad Nabi SAW antara kaum Mukmin yang Muslim dari kalangan Quraisy dan Yathrib serta orang-orang yang mengikuti mereka. Mereka antara satu sama lainnya telah bergabung dan berjuang bersama-sama. Sesungguhnya mereka adalah umat yang satu, yang berbeza dengan seluruh umat manusia lainnya.”*

Perjanjian itu menyebutkan apa yang mesti dilakukan di antara sesama kaum Mukmin. Hubungan kaum Yahudi dengan kaum Mukmin diletakkan di bahagian tengah teks perjanjian. Rasulullah SAW bersabda, *“Orang Mukmin tidak boleh membunuh orang Mukmin demi (membela) orang kafir, juga tidak boleh menolong orang kafir untuk menghadapi orang Mukmin. Sesungguhnya jaminan Allah adalah satu. Dia melindungi orang-orang yang lemah (atas orang-orang yang kuat). Kaum Mukmin sebahagian mereka adalah penolong sebahagian yang lain. Orang yang mengikuti kami dari kalangan Yahudi, akan mendapatkan pertolongan dan teladan. Mereka tidak dianiaya dan tidak saling menolong di antara mereka. Sesungguhnya keselamatan kaum Mukmin adalah satu. Orang Mukmin tidak saling menyerahkan (urusannya) kepada selain Mukmin dalam perang di jalan Allah, kecuali atas dasar persamaan dan keadilan di antara mereka.”*

Yang dimaksud dengan kaum Yahudi di sini adalah bukan kabilah-kabilah Yahudi yang hidup berhampiran, tetapi mencakupi setiap orang yang ingin menjadi warganegara negara Islam. Mereka berhak mendapatkan perlindungan dan hak yang sama dalam muamalah bersama-sama kaum Muslim. Oleh sebab ketika itu mereka adalah ahlu zimmah. Kabilah-kabilah Yahudi sendiri yang termasuk dalam perjanjian, disebutkan nama-nama kabilah mereka di bahagian akhir dari perjanjian tersebut, iaitu setelah selesainya pengaturan interaksi antara kaum Mukmin. Perjanjian itu menyebutkan Yahudi Bani 'Auf, Yahudi Bani Najjar, dan seterusnya. Perjanjian tersebut juga mengatur hubungan mereka dengan negara Islam disertai syarat-syarat tertentu. Dalam teks perjanjian ditunjukkan dengan jelas hubungan antara kaum Yahudi dengan kaum Muslimin atas dasar berhukum kepada Islam. Juga berlandaskan ketundukan kaum Yahudi pada kekuasaan Islam, serta ketundukan mereka untuk bekerja sama demi kemaslahatan negara Islam.

Dalam teks perjanjian tersebut ada beberapa poin yang menunjukkan perkara tersebut, di antaranya:

1. Bantuan Yahudi adalah sesama mereka. Tidak ada seorangpun dari mereka yang boleh keluar (Madinah) kecuali dengan izin Muhammad SAW.
2. Kota Yathrib perlu dihormati oleh pihak yang menerima perjanjian.
3. Kejadian dan perselisihan yang timbul di antara pihak-pihak (yang menyetujui) perjanjian ini, yang dibimbangi kerosakannya maka tempat kembalinya adalah kepada Allah dan Muhammad Rasulullah SAW.
4. Tidak boleh menjalin kerjasama dengan kafir Quraisy dan tidak boleh memberi pertolongan kepada mereka.

Demikianlah perjanjian Rasulullah SAW mengatur semua kabilah Yahudi yang berhampiran dengan Madinah. Mereka disyaratkan tidak boleh keluar dari Madinah kecuali dengan izin Rasulullah SAW atau keizinan negara. Mereka diharamkan merosakkan kehormatan kota Madinah, samada dengan memerangi atau memberi bantuan kepada sesiapa sahaja yang memerangi Islam. Mereka juga diharamkan menjalin hubungan dengan kafir Quraisy dan tidak dibolehkan sesiapa sahaja dari mereka yang menolong Quraisy. Pelanggaran yang dilakukan oleh mereka terhadap perjanjian tersebut, maka Rasulullah SAW akan menyelesaikannya. Banyak kabilah Yahudi yang bersepakat dengan isi perjanjian ini, iaitu Yahudi Bani 'Auf, Bani Najjar, Bani Harith, Bani Sa'adah, Bani Jasyim, Bani Aus, dan Yahudi Bani Tsa'labah. Namun, ada juga kabilah-kabilah Yahudi yang tidak ikut serta menandatangani teks perjanjian ini, iaitu Yahudi Bani Quraizhah, Bani Nadhir, dan Bani Qainuqa'. Tetapi, tidak lama kemudian mereka turut menandatangani perjanjian tersebut. Mereka juga tunduk pada syarat-syarat yang sama sebagaimana yang disebutkan dalam perjanjian di atas.

Dengan ditandatanganinya teks perjanjian ini, Rasulullah SAW akan lebih memfokuskan interaksi di dalam tubuh negara Islam yang terbentuk di atas dasar yang kukuh. Baginda juga memusatkan hubungan antara negara dengan kabilah-kabilah Yahudi yang berhampiran dengan kota Madinah. Hubungannya dibentuk di atas dasar yang jelas, iaitu menjadikan Islam sebagai penyelesaiannya. Dengan demikian, Rasulullah SAW berjaya untuk membangun masyarakat Islam dan mengamankannya sehingga pada had-had yang dibimbangi akan munculnya bahaya dan serangan dari jirannya iaitu kaum Yahudi. Baginda melakukan

aktiviti untuk menghilangkan halangan-halangan yang bersifat fizikal yang menghalang jalan dakwah Islam dengan melakukan persiapan perang.

## Menyiapkan Suasana Perang

Selepas Nabi SAW berjaya membangun masyarakat dengan gilang gemilang dan membentuk ikatan perjanjian bersama jiran-jiran dari kalangan Yahudi, baginda mula mempersiapkan suasana jihad di Madinah. Ini kerana tugas utama negara Islam adalah menerapkan Islam secara total di seluruh negeri yang diperintahnya dan mengembangkan dakwah Islam ke luar sempadan negara.

Aktiviti dakwah Islam yang dikembangkan negara Islam tidak sama dengan program kristianisasi yang dilakukan oleh golongan misionaris. Maksud aktiviti dakwah Islam adalah mengajak manusia kepada Islam, membentuk mereka dengan pemikiran Islam dan hukum-hukumnya, serta menghilangkan semua halangan fizikal yang menghalangi dakwah tersebut dengan kekuatan fizikal yang mampu melenyapkannya.

Kaum Quraisy adalah rintangan fizikal yang menghalang dakwah Islam, maka Rasulullah SAW perlu mempersiapkan kekuatan untuk menghilangkan halangan fizikal yang menghalang dakwah tersebut. Baginda mula menyiapkan kekuatan ketenteraan untuk menyebarkan dakwah ke luar Madinah. Di permulaan perjuangannya, baginda membuat beberapa langkah gerak kerja yang terancang. Dalam tempoh 4 bulan, baginda sudah menghantar tiga ekspidisi ketenteraan dari kaum Muhajirin untuk menentang kafir Quraisy sekaligus untuk menggentarkan golongan Munafik dan Yahudi yang tinggal di Madinah dan sekitarnya. Baginda SAW mengutus bapa saudaranya, Hamzah bin Abdul Mutalib, untuk menjadi panglima untuk 30 orang pasukan berkuda dari kalangan Muhajirin saja tanpa disertai oleh Ansar. Pasukan tersebut bertemu Abu Jahal bin Hisyam bersama 300 penunggang kuda di kawasan hutan pesisir pantai. Hamzah sebenarnya sudah bersedia menyerang mereka seandainya tidak ada teguran dari Majdi bin Amru al-Juhni yang berusaha menghalang pertempuran di antara mereka. Mereka berundur dan Hamzah pulang ke Madinah tanpa berlaku peperangan.

Rasulullah SAW juga menghantar Ubaidah bin Haris memimpin 60 orang pasukan berkuda dari kaum Muhajirin tanpa penyertaan Ansar. Pasukan ini bertemu 'Ikrimah bin Abu Jahal yang menjadi pemimpin rombongan kafir Quraisy yang jumlahnya lebih dari 200 orang di lembah Rabigh. Tiba-tiba Saad bin Abi Waqash melepaskan anak panah ke arah musuh, namun sayangnya tidak berjaya membunuh musuh. Pada akhirnya kedua-dua kumpulan ini menarik diri.

Nabi SAW juga menghantar juga Saad bin Abi Waqash bersama 20 orang pasukan berkuda dari kaum Muhajirin menuju Makkah. Mereka juga kembali tanpa peperangan.

Dengan mengutuskan beberapa ekspedisi ketenteraan ini, maka di Madinah muncul suasana perang. Di kalangan kaum kafir Quraisy sendiri, suasananya juga sama iaitu suasana perang. Suasana ini sudah pasti menimbulkan rasa takut dalam diri kafir Quraisy. Mereka mula memperkirakan kekuatan Rasulullah SAW dengan pertimbangan yang belum pernah mereka lakukan sebelumnya. Mereka sememangnya belum pernah mengetahui sejauh mana kekuatan Rasulullah SAW yang sebenarnya seandainya tidak ada ekspedisi-ekspedisi seumpama ini. Usaha Nabi SAW tidak cukup dengan ini saja. Bahkan baginda keluar memimpin sendiri peperangan. Di awal bulan ke-12 kedatangan baginda di Madinah, Nabi SAW keluar dari kota Madinah. Kepimpinan di kota Madinah diserahkan baginda kepada Saad bin Ubadah. Lalu baginda berjalan menuju Abwa' sehingga sampai di Wadan. Baginda ingin bertemu dengan golongan kafir Quraisy dan Bani Dhamrah. Namun baginda tidak berjaya bertemu dengan Quraisy dan hanya membuat persefahaman damai dengan Bani Dhamrah. Setelah berlalu selama satu bulan, baginda keluar menuju daerah Buwath dengan 200 orang pasukan tentera daripada Muhajirin dan Ansar. Yang menjadi sasaran serangan baginda adalah kafilah dagang yang dipimpin Umayyah bin Khalaf yang jumlahnya 2500 ekor unta. Kafilah tersebut dilindungi oleh 100 orang pasukan tentera. Namun, baginda tidak berjaya menemuinya disebabkan kafilah tersebut mengambil jalan rata yang tidak biasa dilalui oleh kafilah-kafilah lain.

Selepas 3 bulan berjalan, semenjak baginda kembali ke Madinah dari daerah Buwath di wilayah Radhwa, baginda melantik Abu Salamah bin 'Abdul Asad untuk memimpin Madinah. Sementara baginda sendiri keluar bersama 200 lebih pasukan Muslim hingga sampai di Al-'Asyirah di pedalaman Yanbu'. Baginda tinggal di sana pada bulan Jamadil Awal sehingga beberapa malam Jamadil Akhir di tahun kedua Hijriyah untuk menunggu kafilah Quraisy di bawah pimpinan Abu Sufyan. Namun, kafilah tersebut telah melewatinya terlebih dahulu dan baginda tidak berjaya menghalangnya. Dalam ekspedisi ini, baginda berjaya menjalin hubungan damai dengan Bani Mudlij dan sekutu mereka dari Bani Dhamrah. Nabi SAW hampir-hampir tidak pulang ke Madinah. Baginda sengaja tinggal di sana selama sepuluh malam. Tiba-tiba, Kurza bin Jabir al-Fuhri dari kalangan penghubung kota Makkah dan Quraisy membunuh sejumlah unta

dan kambing yang ada di Madinah. Serangan tersebut memaksa Nabi SAW keluar Madinah untuk mengejar mereka pasukan Kurza. Sebelum bertolak, kepemimpinan Madinah diserahkan kepada Zaid bin Haritsah. Kemudian, baginda bertolak dengan menyusuri jejak Kurza hingga akhirnya tiba di suatu lembah yang dinamakan Safwan di Lembah Badar. Akan tetapi, Kurza telah melaluinya terlebih dahulu sehingga Nabi tidak sempat menemuinya. Ini adalah peristiwa Badar pertama.

Begitulah Nabi SAW mula mengarahkan pasukannya untuk menentang Quraisy dan melakukan tinjauan di kawasan semenanjung melalui pendekatan perang. Tetapi baginda SAW belum lagi berjumpa dengan pertempuran yang sebenarnya dalam pelbagai ekspedisi ketenteraan ini. Dalam pelbagai ekspedisi tersebut, baginda berjaya mempersiapkan usaha-usaha awal untuk menyahut peperangan yang lebih besar. Dengan ekspedisi ini, bermaksud baginda telah menyiapkan pasukan untuk menghadapi musuh. Penentangan-penentangan inilah yang membawa kaum Muslimin untuk mempersiapkan diri menghadapi peperangan. Melalui penghantaran pelbagai ekspedisi ini, baginda berjaya menebarkan rasa takut dalam diri kaum Yahudi dan orang-orang munafik di Madinah dan sekitarnya. Perkara tersebut yang menghalang mereka untuk melakukan kekacauan terhadap Nabi SAW. Baginda berjaya menghancurkan mental kafir Quraisy melalui cabaran-cabaran seumpama itu. Baginda juga berjaya memperkuat kewibawaan kaum Muslimin pada kaca mata musuh-musuh mereka. Baginda juga berjaya mengambil alih berbagai laluan yang biasa dilalui oleh kafilah-kafilah Quraisy dalam perjalanannya menuju Syam. Perkara itu dilakukan, samada melalui gencatan senjata atau perjanjian damai dengan kabilah-kabilah lainnya yang ada di antara Madinah dan pesisir Laut Merah seperti Bani Dhamrah, Bani Mudlij, dan yang lainnya.

## Permulaan Peperangan

Rasulullah SAW menetap di Madinah. Baginda menerapkan Islam dan wahyu turun berkenaan dengan hukum-hukum syarak. Baginda mewujudkan struktur negara Islam dan membangun masyarakat Islam dengan asas-asas dan peraturan-peraturan Islam. Baginda juga mempersaudarakan sesama kaum Muslimin. Ketika itu hukum dan syariat Islam benar-benar hidup di kalangan masyarakat di mana masyarakat itulah yang memelihara sekaligus mengembangkan dakwahnya. Kaum Muslimin pula semakin bertambah, samada dari segi jumlah, persenjataan, kekuatan, mahupun ketahanan. Semakin ramai orang yang menerima Islam, baik secara individu ataupun berkumpulan, baik dari kalangan Musyrik ataupun Yahudi.

Selepas Nabi SAW berjaya memantapkan Islam dan dakwahnya di Madinah, baginda mula berfikir tentang dakwah Islam di luar Madinah di seluruh semenanjung Arab. Baginda mengetahui bahawa kafir Quraisy adalah penghalang dakwah ini. Mereka adalah rintangan fizikal di jalan Islam. Menghadapi situasi seumpama ini, maka dakwah dengan cara hujjah dan pembuktian tidak ada gunanya, sehingga perlu ada kekuatan fizikal untuk menghilangkan rintangan-rintangan tersebut. Sesungguhnya baginda SAW ketika masih berada di Makkah, belum mampu menghilangkan rintangan fizikal ini disebabkan tidak adanya negara Islam yang mampu mengembangkan kekuatan fizikal yang memadai untuk menghancurkan kekuatan tersebut. Ketika baginda berjaya mendirikan negara Islam, maka baginda mampu menghancurkan rintangan fizikal ini dengan kekuatan fizikal yang telah baginda miliki. Oleh itu, perkara yang perlu baginda lakukan adalah mempersiapkan kekuatan, suasana perang, dan strategi baru untuk dakwah, setelah terlebih dahulu mempersiapkan pelbagai sebab dan wasilah untuk strategi baru tersebut.

Baginda memulakan perkara ini dengan membentuk pasukan-pasukan perang serta langkah-langkah awalnya. Di antaranya dengan baginda menghantar pasukan tanpa penyertaan dirinya dan sebahagian lainnya pula baginda memimpinnya secara langsung. Pengutusan pasukan ini bertujuan untuk menentang kafir Quraisy dan memperlihatkan mereka tentang kekuatan baginda. Ekspedisi ketenteraan terakhir adalah ekspedisi Abdullah bin Jahsyi yang menjadi permulaan kepada perang Badar.



Kisah ekspedisi tersebut adalah pada bulan Rejab tahun kedua Hijrah, Rasulullah SAW menghantar Abdullah bin Jahsyi dengan sekumpulan orang-orang Muhajirin. Baginda memberinya surat dan diperintahkan untuk tidak membukanya kecuali selepas 2 hari dari perjalanannya. Beliau melaksanakan apa yang baginda perintahkan kepadanya dan tiada seorangpun kalangan sahabatnya yang tidak menyukainya. Selepas 2 hari, maka Abdullah membuka surat itu dan di dalamnya terdapat tulisan yang menyatakan: *"Jika kamu telah melihat suratku ini, maka teruskan berjalan sehingga kamu tiba di sebuah pohon kurma di antara Makkah dan Thaif. Lalu intailah kafir Quraisy di sana dan beritahukan kepada kami mengenai berita mereka."*

Abdullah memberitahukan persoalan itu kepada anggota pasukannya dan beliau tidak akan memaksa seorang pun kalangan mereka untuk ikut serta bersamanya. Mereka semua meneruskan perjalanan menyertai beliau sehingga tiba di pohon kurma yang dimaksudkan. Tiada seorang pun dari pasukan ekspedisi ini yang tertinggal kecuali Saad bin Abi Waqash al-Zuhriy dan Utbah bin Ghazwan. Unta kedua-dua sahabat ini hilang tersesat, sehingga mereka berdua mencarinya dan kafir Quraisy berjaya menawan kedua-duanya. Abdullah bin Jahsyi naik ke pohon kurma itu sambil mengintip kafir Quraisy. Dalam intipan itu, tiba-tiba kafilah Quraisy yang membawa banyak barang dagangan melintas berhampiran mereka. Peristiwa itu terjadi pada akhir bulan Rajab yang merupakan salah satu bulan haram. Abdullah dan kawan-kawannya bermesyuarat untuk memutuskan apa yang sepatutnya dilakukan terhadap kafilah Quraisy itu, sedangkan Nabi tidak memerintahkan apa-apa pun sebelum ini terhadap mereka. Antara satu dengan lainnya saling berkata: *"Demi Allah, jika kamu membiarkan kaum ini pada malam ini sesungguhnya bulan haram akan masuk, maka bulan itu akan mencegah kamu darinya. Jika kamu memerangi mereka, maka sesungguhnya kamu telah memerangi mereka di bulan haram"*. Mereka ragu-ragu untuk memerangi kafilah Quraisy itu, tetapi akhirnya mereka mengambil keputusan juga. Salah seorang dari kaum Muslimin melepaskan anak panah ke arah pemimpin kafilah iaitu 'Amru bin al-Hadhramiy dan mengorbankannya. Kaum Muslimin berjaya menawan 2 orang kafir Quraisy dan mengambil unta lalu kembali pulang ke Madinah. Ketika Nabi SAW melihat mereka, baginda berkata kepada mereka, *"Aku tidak memerintahkan kamu berperang di bulan haram!"* Baginda membiarkan unta dan dua orang tawanan tersebut dan menolak untuk mengambil bahagian daripadanya walau sedikitpun.

Inilah ringkasan ekspedisi ketenteraan Abdullah yang diutuskan oleh Rasulullah SAW untuk mencari informasi tentang kafir Quraisy. Namun beliau memerangi mereka, bahkan berjaya membunuh sebahagian dari mereka, menawan beberapa orang dan mengambil hartanya dan semua itu beliau lakukan dalam bulan haram. Maka apakah sikap Islam terhadap tindakannya tersebut? Rasulullah SAW sendiri berfikir tentang persoalan ini dan menangguhkan pengambilan 2 tawanan serta harta rampasan, sambil menanti turunnya hukum dan ayat-ayat Allah mengenai perkara tersebut. Di pihak lain, peristiwa itu sempat menggoncangkan kafir Quraisy dan menjadikannya wasilah untuk melakukan propaganda melawan Muhammad SAW di kalangan bangsa Arab. Mereka melancarkan tuduhan di segenap tempat, bahawa Muhammad dan sahabat-sahabatnya telah menghalalkan bulan haram, menumpahkan darah, merampas harta dan menawan orang. Sehingga di Makkah terjadi perdebatan sengit berkenaan masalah itu, antara mereka dan kaum Muslimin. Mereka menyerang kaum Muslimin disebabkan peristiwa itu dan menyerang Nabi mereka beserta sahabat-sahabatnya. Sementara kaum Muslimin di Makkah membantahnya dengan mengatakan bahawa saudara-saudara mereka melakukan perkara itu di bulan Sya'ban, bukannya di bulan Rajab. Akan tetapi, sanggahan ini tidak cukup untuk menghentikan propaganda yang ada. Tambahan pula kaum Yahudi juga turut mengambil bahagian dalam propaganda ini dan mereka turut mencela tindakan Abdullah bin Jahsyi tersebut. Keadaan semakin mencengkam kaum Muslim akibat propaganda menentang mereka itu. Sementara Rasulullah SAW masih berdiam diri sambil menunggu wahyu dan hukum Allah dalam masalah ini. Tidak berapa lama turun firman Allah Swt dalam surat Al-Baqarah:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ  
وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنهُ  
أَكْبَرُ عِندَ اللَّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يَقْتُلُونَكُمْ  
حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَعُوا وَمَن يَرْتَدِدْ مِنكُمْ  
عَن دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ  
فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

*“Mereka akan bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: ‘Berperang pada bulan itu adalah dosa besar; tetapi menghalang (manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah, (menghalang masuk) Masjid Al-Haram dan mengusir penduduknya dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) di sisi Allah. Dan berbuat fitnah lebih besar (dosanya) daripada membunuh. Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran) seandainya mereka sanggup...”* (Surah. Al-Baqarah [2]: 217)

Ketika ayat ini turun, kaum Muslimin menyambutnya dengan nada gembira dan Nabi SAW segera mengambil unta dan dua orang tawanan itu. Ayat itu mengandung jawaban yang mematikan terhadap pelbagai propaganda kafir Quraisy. Al-Quran telah memberikan jawaban kepada kafir Quraisy tentang pertanyaan mereka berkenaan berperang di bulan haram. Jawabannya, bahawa perkara itu adalah dosa besar, tetapi menghalang manusia dari Masjidil Haram dan mengusir orang-orang yang sedang berada di dalamnya merupakan dosa yang jauh lebih besar di sisi Allah SWT daripada berperang di bulan haram dan melakukan pembunuhan di dalamnya. Apa yang telah dilakukan kafir Quraisy dan fitnah-fitnah yang telah mereka lancarkan terhadap kaum Muslim dan agamanya, dengan cara pujuk rayu, ancaman, penipuan, dan penyeksaan, adalah jauh lebih besar dosanya daripada pembunuhan dan berperang di bulan haram maupun di luar bulan haram. Kafir Quraisy sendiri selalu berusaha menyebarkan berita meresahkan dan propaganda terhadap kaum Muslimin untuk memerangi mereka di bulan haram. Mereka berterusan memerangi kaum Muslimin sehingga berjaya memurtadkan kaum Muslimin dari Islam jika mereka mampu melakukannya.

Jika demikian, perang yang dilakukan kaum Muslimin terhadap kafir Quraisy di bulan haram untuk melawan mereka sama sekali bukanlah dosa. Ini kerana kafir Quraisy sendirilah yang telah melakukan dosa-dosa besar dengan menghalang dakwah Islam, menghalang manusia dari jalan Allah, kufur kepada Allah, menghalau jamaah Masjidil Haram dari dalamnya dan memfitnah kaum Muslim dari agamanya, sehingga kafir Quraisy memang layak untuk diperangi, baik di bulan haram maupun di luar bulan haram. Oleh itu perang yang dilakukan oleh Abdullah bin Jahsyi dalam bulan haram itu tidak membahayakan dirinya mahupun kaum Muslimin.

Dengan demikian, ekspedisi ketenteraan Abdullah bin Jahsy merupakan pembuka jalan dalam politik Islam dan strategi dakwah menuju Islam. Dalam peristiwa itu, Waqid bin Abdullah al-Tamimi berjaya memamah Amru bin al-

Hadhramiy, pemimpin kafilah dan membunuhnya. Ini adalah darah pertama yang ditumpahkan kaum Muslimin di jalan Allah.

Sebelum itu peperangan di bulan-bulan haram selalu dilarang, hingga turun ayat-ayat tentang perang yang memerintahkan perang bila dan di mana sahaja. Dengan demikian, hukum larangan perang di bulan-bulan haram telah dinasakhkan dengan keumuman ayat-ayat perang tersebut.

## **Kehidupan Di Madinah**

Islam memiliki tatacara kehidupan yang tertentu. Tatacara itu terbentuk dari himpunan pemahaman Islam tentang kehidupan. Tatacara tersebut tidak lain dan tidak bukan adalah peradaban Islam yang berbeza dengan peradaban dunia dan bertentangan dengan pelbagai peradaban yang lainnya. Tatacara Islam dalam kehidupan merangkumi 3 perkara. Pertama, asas yang menjadi dasarnya adalah akidah Islam. Kedua, kayu ukur perbuatan dalam kehidupan adalah perintah-perintah dan larangan-larangan Allah SWT. Dengan kata lain, gambaran kehidupan dalam pandangan Islam adalah halal dan haram. Ketiga, maksud kebahagiaan dalam pandangan Islam adalah mencapai keredhaan Allah SWT. Dengan kata lain bahawa kebahagiaan adalah ketenangan yang abadi yang tidak akan tercapai kecuali dengan mencapai keredhaan Allah SWT. Inilah tatacara Islam dalam kehidupan. Ini adalah kehidupan yang dijalani kaum Muslimin di mana mereka berusaha dengan penuh komited untuk meraihnya serta berjalan dalam sistemnya.

Supaya kaum Muslimin dapat mempertahankan kehidupan ini, maka mereka mesti mempunyai negara yang akan menerapkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya. Ketika kaum Muslimin berhijrah ke Madinah, mereka memulakan kehidupannya dalam model kehidupan yang tertentu, yang berasaskan akidah Islam. Ayat-ayat yang mulia mula turun untuk menjelaskan hukum Allah dalam muamalah dan uqubat dan juga tentang ibadah yang selama ini belum diturunkan. Zakat dan puasa diwajibkan pada tahun ke-2 Hijrah termasuk disyariatkannya azan pada tahun yang sama. Sehingga seluruh penduduk Madinah setiap hari mendengar 5 kali seruan azan untuk solat yang dikumandangkan secara tartil dan baik dengan suara serak basah yang indah yang dilaungkan oleh Bilal bin Rabbah seiring hembusan angin yang bertiup ke segenap penjuru. Kaum muslimin memenuhi seruan azan tersebut untuk menunaikan solat tersebut. Belum mencecah 17 bulan Rasulullah SAW tinggal di Madinah, maka berlakulah peristiwa perubahan arah kiblat ke Kaabah.

Turun pula ayat-ayat hukum secara berturut-turut mengenai ibadah, makanan, akhlak, muamalah dan uqubat. Maka turun juga ayat-ayat yang mengharamkan khamar dan daging babi. Di samping itu turun juga ayat-ayat tentang hudud, jenayah, jual-beli, pengharaman riba dan lainnya. Ayat-ayat hukum turun secara berturut-turut untuk menyelesaikan berbagai permasalahan

kehidupan. Sedangkan Rasulullah SAW pula memberikan perincian dan penjelasannya. Baginda juga yang memenuhi berbagai kemaslahatan manusia, menyelesaikan permusuhan di antara mereka, mengatur kepentingan-kepentingan mereka, mengelola urusan-urusan mereka dan menyelesaikan berbagai permasalahan mereka. Semua itu dilakukan Nabi SAW dengan ucapan-ucapannya dalam sesi perbincangan bersama mereka, dengan perbuatan-perbuatan yang baginda lakukan sendiri dan dengan diamnya baginda terhadap perbuatan-perbuatan yang terjadi di hadapannya. Ucapan, perbuatan, dan diamnya Rasul adalah syariat. Ini kerana baginda tidak pernah bercakap mengikut hawa nafsu melainkan seluruhnya adalah wahyu yang disampaikan kepadanya.

Kehidupan di Madinah terus berlangsung dalam tatacara tersebut dan sesuai dengan sudut pandang tertentu iaitu sudut pandang Islam. Maka wujudlah masyarakat Islam yang khusus dalam segala perkara yang dikendalikan oleh pemikiran dan sentimen Islam yang diterapkan di dalamnya sistem Islam terhadap seluruh umat manusia dalam muamalah dan seluruh interaksi mereka.

Hati Rasulullah SAW menjadi tenang dengan segala kejayaan yang telah dicapai oleh dakwah. Kaum Muslimin juga menjadi tenang dalam agama mereka dan menjalankan kewajiban-kewajiban mereka yang kadang secara bersama-sama dan kadang secara individu. Mereka tidak bimbang terhadap penderitaan dan tidak takut fitnah. Mereka menyelesaikan berbagai urusan dengan hukum-hukum Allah SWT dan mengembalikan apa-apa yang belum mereka ketahui kepada Rasulullah SAW. Mereka tidak melakukan perbuatan kecil mahupun besar, kecuali disesuaikan dengan perintah-perintah Allah SWT. Mereka menjauhkan diri dari segala perkara yang dilarang Allah SWT. Mereka merasakan kebahagiaan, sehingga jiwa mereka tenteram. Kebanyakan mereka sentiasa bersama-sama dengan Rasulullah SAW agar dapat mempelajari hukum-hukum Allah, menghafalkan ayat-ayat Allah, memperoleh Al-Quran darinya dan membentuk ilmu pengetahuan di hadapan baginda secara langsung. Perkara ini menjadikan Islam semakin tersebar meluas dan kaum muslimin juga setiap hari semakin meningkat kekuatan dan ketahanannya.

## **Perdebatan Yahudi Dan Nasrani**

Orang-orang bukan Islam akhirnya merasakan kemunculan kekuatan kaum Muslimin. Mereka melihat bahawa kekuatan ini terpancar dari lubuk hati yang paling dalam. Iaitu hati yang mengetahui erti suatu pengorbanan di jalan Islam dan merasakan pelbagai penderitaan yang disebabkan olehnya. Hati yang di waktu pagi tidak menghiraukan waktu petang dan waktu petang tidak menghiraukan waktu pagi. Inilah hati yang boleh menikmati penglihatan agama dan menampakkannya secara terang-terangan, melaksanakan hukum-hukumnya, meninggikan kalimahnyanya dan merasakan kebahagiaan

Dalam aspek yang lain pula musuh-musuh Islam memperlakukan kaum Muslimin dengan layanan buruk. Pengaruh-pengaruh ini jelas kelihatan pada jiran-jiran mereka golongan Yahudi. Ketakutan mereka mula kelihatan. Kaum kafir mula memikirkan kedudukan mereka yang baru terhadap Muhammad dan sahabat-sahabatnya setelah melihat perkembangan kaum Muslimin di Madinah samada aspek kekuasaan maupun kekuatannya. Jumlah manusia yang menerima Islam bertambah ramai dan kemarahan mereka juga semakin bertambah dengan adanya sebahagian kaum Yahudi yang menerima Islam. Mereka bimbang Islam melebarkan sayapnya sehingga menembus barisan mereka dan merosakkan sebahagian besar mereka. Oleh sebab itu, mereka mula menyerang Islam, akidah dan hukum-hukumnya. Semenjak itu, mula berlaku perang perdebatan antara kaum Muslimin dengan Yahudi. Perang ini jauh lebih sengit dan tipu dayanya lebih besar daripada polemik antara kaum Muslimin dan kafir Quraisy di Makkah. Dalam perang pemikiran ini pelbagai isu, kemunafikan, dan pengetahuan tentang kisah-kisah orang-orang terdahulu, tentang para Nabi dan Rasul, menjadi senjata bagi kaum Yahudi untuk menyerang Muhammad SAW, risalahnya dan para sahabatnya kalangan kaum Muhajirin dan Ansar. Para rahib mereka meniupkan isu di tengah-tengah masyarakat dengan menampakkan keislaman, atau di tengah-tengah orang yang memungkinkannya dapat duduk bersama di antara kaum Muslimin dengan menampakkan ketakwaan. Kemudian selepas itu, mereka menimbulkan kebingungan dan keraguan serta melontarkan pertanyaan-pertanyaan pada Muhammad SAW yang menurut mereka boleh menggoncangkan akidah kaum Muslimin dan risalah kebenaran yang diserukan oleh baginda.

Sekumpulan dari Bani Aus dan Khazraj pula yang telah memeluk Islam namun bersikap munafik dengan bergabung dengan Yahudi untuk melontarkan pertanyaan-pertanyaan dan menimbulkan kegusaran di kalangan kaum Muslimin. Perdebatan antara kaum Yahudi dan kaum Muslimin ini telah melampaui batas yang kadang-kadang membawa kepada perlawanan fizikal, sedangkan di antara mereka masih terikat dengan perjanjian. Untuk menggambarkan rosaknya kaum Yahudi dan kerasnya sikap permusuhan mereka dalam bentuk perdebatan, cukup dengan melihat perbuatan mereka yang sempat menguji kesabaran dan ketenangan Abu Bakar. Sedangkan beliau adalah sahabat Rasulullah SAW yang dikenali seorang berperwatakan toleransi, penyabar dan lemah lembut. Diriwayatkan bahawa Abu Bakar pernah berdialog dengan seorang Yahudi yang dipanggil Fanhas. Beliau mengajaknya masuk Islam tetapi Fanhas menolaknya dengan mengatakan, *“Demi Allah, wahai Abu Bakar, kami tidak fakir di sisi Allah, Dialah yang benar-benar fakir di sisi kami. Kami tidak tunduk kepada-Nya sebagaimana Dia tunduk kepada kami. Sesungguhnya kami benar-benar tidak memerlukan-Nya, Dialah yang memerlukan kami. Seandainya Dia tidak memerlukan kami, tentu Dia tidak akan meminjam harta kami sebagaimana yang diyakini oleh sahabatmu. Dia melarang kamu dari riba dan memberikannya kepada kami. Seandainya Dia tidak memerlukan kami, sudah tentu Dia tidak memberikan riba kepada kami.”* Fanhas berkata seperti ini dengan merujuk firman-Nya:

﴿مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَمْضَعًا  
كَثِيرًا﴾

*“Sesiapa sahaja yang memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik, maka Allah akan melipat gandakannya kepadanya dengan gandaan yang sangat banyak.”* (Surah al-Baqarah[2]: 245).

Mendengar jawapan ini, Abu Bakar tidak dapat lagi menahan kesabaran. Dia marah dan memukul wajah Fanhas dengan kuat dan berkata, *“Demi jiwaku yang berada di tangan-Nya, seandainya tidak ada perjanjian antara kami dengan kamu, pasti aku akan penggal kepalamu, wahai musuh Allah!”* Begitulah hebatnya perdebatan antara kaum Muslimin dengan Yahudi yang memakan masa yang cukup panjang.

Pada ketika itu datang ke Madinah delegasi Nasrani Najran yang berjumlah seramai 60 orang penunggang kuda. Delegasi ini mungkin datang ke Madinah kerana mengetahui perdebatan di antara kaum Muslimin dan Yahudi semakin panas, sehingga membawa kepada permusuhan. Dengan demikian,



doktrin Nasrani tersebar dan menghapuskan agama lama mahupun baru yang kedua-duanya pernah saling bersaing dengan doktrin Nasrani tersebut sesuai dengan sangkaan mereka masing-masing. Delegasi ini bertemu dengan Nabi SAW dan kaum Yahudi. Nabi sendiri memandang mereka dan kaum Yahudi sebagai ahli Kitab, lalu baginda mengajak mereka semuanya memeluk Islam dengan membacakan kepada mereka firman Allah:

قُلْ يَتَاهَلِ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ  
وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا  
فَقُولُوا أَشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿١٤﴾

*“Katakanlah: ‘Wahai ahli Kitab, marilah menuju kepada suatu kata yang sama di antara kami dan kalian iaitu kita tidak akan menyembah kecuali kepada Allah dan tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatupun dan sebahagian kita tidak menjadikan sebahagian yang lainnya sebagai tuhan selain Allah.’ Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: ‘Saksikanlah oleh kalian bahawa kami adalah kaum muslimin’.* (Surah Ali ‘Imran[3]: 64).

Orang-orang Yahudi dan Nasrani bertanya kepada Nabi SAW tentang orang yang mengimani para rasul lalu baginda membacakan kepada mereka firman Allah:

قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ  
وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ  
وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ  
مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

*“Katakanlah oleh kalian bahawa kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya’kub dan anak cucunya, dan apa yang diberikan kepada Musa dan Isa serta apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhannya. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka dan kami berserah diri kepada-Nya.”* ((Surah. al-Baqarah[2]: 136).

Mereka tidak menemui sesuatu yang selama ini mereka tuduh kepada diri baginda. Ia juga menolak hujah jiwa mereka dan kebenaran mula tersingkap. Akan tetapi, mereka tetap tidak mahu beriman kerana mempertahankan kedudukannya, malah sebahagian mereka benar-benar menampakkan sikap tersebut.

Diriwayatkan bahawa Abu Harithah, salah seorang anggota delegasi Nasrani Najran yang paling banyak ilmu dan pengetahuannya, melontarkan kata-kata penghinaan kepada kawannya disebabkan dia merasa puas hati dengan ucapan Muhammad SAW. Ketika kawannya bertanya kepada dia, *“Apa yang mencegah kamu dari perkara itu sedangkan kamu mengetahuinya?”* Jawabnya: *“Apa yang akan dilakukan kaum itu kepada kita, mereka akan memuliakan kita, menjadikan kita pemimpin dan tetap menghormati kita. Sudah tentu mereka akan menolaknya kecuali sikap yang menyalahi itu semua. Maka seandainya aku melakukannya (menerima ucapan Muhammad) tentu mereka akan merampas dari kita segala apa yang engkau lihat.”* Jawaban itu menunjukkan imannya tiada lantaran kesombongan dan kekufurannya.

Kemudian Rasulullah SAW menentang kaum Nasrani melakukan mubahalah (perdebatan secara terbuka) lalu membacakan firman Allah kepada mereka:

فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ  
أَبْنَاءَنَا وَابْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ  
فَنَجْعَل لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَاذِبِينَ ﴿٦١﴾

*“Sesiapa sahaja yang membantahmu tentang kisah Isa sesudah datang kepadamu ilmu, maka katakanlah olehmu: ‘Marilah kita menyeru anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu; kemudian marilah kita bermubahalah kepada Allah dan kita minta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta.”* (Surah Ali ‘Imran[3]: 61).

Mereka bermesyuarat kemudian mengumumkan bahawa mereka melihat tidak keperluan untuk bermubahalah dengan baginda dan membiarkan baginda dalam agamanya. Mereka sendiri tetap dengan agamanya. Meskipun demikian, mereka meminta Nabi SAW untuk menghantar seseorang menyertai mereka yang akan menjadi pemutus dalam pelbagai perkara yang mereka perselisihkan dalam

persoalan harta mereka. Nabi SAW menghantar Abu 'Ubaidah bin Jarrah menyertai mereka untuk memutuskan secara Islam perkara-perkara yang mereka perselisihkan tersebut.

Dengan demikian kekuatan dakwah Islam, kekuatan pemikiran Islam, dan hujah bernas yang ditampilkan dalam setiap perdebatan lisan dengan Yahudi, kaum Munafik dan Nasrani tersebut telah memberi implikasi bermakna. Semua pemikiran-pemikiran selain Islam itu menjadi terselindung. Akhirnya tidak ada yang berbaki kecuali Islam yang mampu berdiskusi dalam memahami hukum-hukum dan dakwah terhadap mereka. Perkembangan Islam semakin tersemat dan bendera Islam menyebar melalui aspek pemikiran dan pemerintahan. Sementara itu jiwa kaum Munafik dan Yahudi masih berterusan terbelenggu dalam kebencian terhadap kaum Muslim. Jiwa mereka tersemat dendam kesumat dan kemarahan terhadap umat Islam. Walau begitu, kekuasaan Islam semakin kuat bertapak di Madinah serta masyarakat semakin fokus sehingga mampu mendominasi segala perkara. Pelbagai ekspedisi ketenteraan terus dihantar secara berterusan. Kekuatannya amat jelas dan memiliki pengaruh dalam mendiamkan jiwa-jiwa yang sakit. Kalimah Allah SWT terus membuktikan kemuliaannya serta permusuhan terhadap Islam di Madinah pula dan sekitarnya memasuki peringkat yang berbahaya. Mereka pula tetap diam dan tunduk kepada kekuasaan kaum Muslimin.

## Peperangan Badar

Pada 8 Ramadhan tahun ke-2 Hijrah, Nabi SAW bersama-sama para sahabatnya keluar dari Madinah. Baginda mengarahkan Amru bin Ummi Maktum untuk mengimamkan solat bersama masyarakat dan Abu Lubabah menjadi ketua di Madinah. Rombongan tersebut berjumlah 305 orang, ditambah 70 orang menaiki unta yang ditunggang secara bergilir-gilir. Setiap dua, tiga, dan empat orang akan menunggang seekor unta secara bergilir-gilir.

Mereka bertolak dengan sasaran operasi adalah kafilah Abu Sufyan. Mereka terus berjalan sambil menyelidik pelbagai berita tentang kafilah tersebut, sehingga tiba di suatu lembah yang dinamakan Zafiran, lalu mereka berhenti di sana. Di tempat tersebut mereka mendapat informasi bahawa kafir Quraisy telah bertolak keluar dari kota Makkah untuk melindungi unta-unta mereka. Ketika itu bentuk arahan telah mengalami perubahan, iaitu adakah akan terus menghadapi kafir Quraisy, ataupun tidak. Persoalannya tidak lagi tentang kafilah Abu Sufyan. Kemudian Rasulullah SAW bermesyuarat dengan kaum Muslimin dan menyampaikan kepada mereka informasi yang sampai kepada baginda tentang Quraisy. Abu Bakar dan Umar mengajukan pendapatnya. Kemudian Miqdad bin Amru berkata, *“Wahai Rasulullah laksanakanlah apa yang telah Allah perintahkan kepada anda. Kami semua menyertai anda dan demi Allah, kami tidak akan mengatakan kepada anda seperti yang pernah dikatakan oleh Bani Israil kepada Musa: ‘Pergilah kamu dengan Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua, sementara itu kami di sini sambil duduk sahaja’. Akan tetapi, kami akan mengatakan kepada anda: ‘Pergilah anda bersama Tuhan anda dan berperanglah anda berdua dan kami bersama anda berdua bersama-sama berperang.’ Demi zat yang mengutus anda dengan benar, seandainya anda mengajak kami berjalan melintasi lembah-lembah berair, pasti kami menyertai anda sehingga sampai ke destinasi.”*

Kaum Muslimin terdiam, lalu Rasulullah SAW bersabda, *“Wahai manusia, bantulah diriku”* Ucapan tersebut sebenarnya ditujukan kepada kaum Ansar, yang telah memberikan baiah kepada baginda pada hari Aqabah. Mereka telah berjanji akan melindungi Rasulullah SAW dari segala perkara yang membahayakannya, sebagaimana mereka melindungi anak-anak dan isteri-isteri mereka. Baginda risau kaum Ansar tidak melihat keperluan untuk menolong dirinya, kecuali apabila gangguan dari musuh baginda tersebut berlaku di Madinah. Ketika kaum Ansar menyedari bahawa yang baginda maksudkan adalah diri mereka, maka

Saad bin Muaz yang menjadi pemegang panji Ansar menoleh kepada Rasulullah SAW dan berkata, *“Demi Allah, seakan-akan yang anda maksud adalah kami, wahai Rasulullah”*. Rasulullah SAW menjawab: *“Sudah tentu”*

Saad berkata lagi: *“Kami mengimani dan membenarkan anda. Kami bersaksi bahawa apa yang anda datangkan adalah benar. Atas dasar itu, kami memberikan kepada anda janji dan tekad untuk selalu mendengar dan mentaati anda. Oleh itu, lakukanlah wahai Rasulullah apa yang anda inginkan, maka kami tetap bersama anda. Demi zat yang mengutuskan anda, seandainya anda mengajak kami menyeberangi lautan ini, lalu anda terjun ke dalamnya, pasti kami turut sama terjun bersama-sama anda. Tidak ada seorang pun dari kami yang akan berpatah balik dan kami tidak benci jika besok hari anda mempertemukan kami dengan musuh kami. Sesungguhnya kami pasti sabar dalam peperangan, benar dalam pertemuan. Semoga Allah memperlihatkan kepadamu sesuatu dari kami yang dapat menenangkan matamu. Berjalanlah bersama kami dengan naungan keberkatan Allah.”* Belum sempat Saad menyempurnakan ucapannya, tiba-tiba wajah baginda SAW yang mulia memancarkan cahaya kebahagiaan dan bersabda: *“Berjalanlah kamu dan bergembiralah, kerana Allah SWT telah menjanjikan kepadaku salah satu dari dua kumpulan. Demi Allah, sekarang seakan-akan saya melihat para pahlawan.”*

Pasukan berangkat bersama-sama sehingga mereka menghampiri Badar. Mereka mengetahui bahawa pasukan kafir Quraisy telah ada berhampiran dengan mereka. Rasulullah SAW menghantar Ali bin Abi Talib, Zubair bin Awwam, dan Saad bin Abi Waqash dalam satu rombongan kecil sahabat menuju mata air yang ada di Badar untuk mencari informasi tentang pasukan musuh. Mereka kembali bersama dua orang pemuda. Dari informasi kedua-duanya diketahui bahawa jumlah pasukan kafir Quraisy antara 700 hingga 1000 orang. Semua pembesar Quraisy keluar untuk memerangi baginda. Dengan demikian baginda mengetahui bahawa di hadapannya ada segerombolan pasukan yang berjumlah tiga kali ganda dari pasukannya. Baginda menunggu peperangan yang dahsyat di tempat yang akan menjadi medan pertumpahan darah. Baginda memberitahu kaum Muslimin bahawa Makkah telah memberikan potongan-potongan hatinya kepada mereka. Mereka perlu membulatkan tekad untuk menghadapi keadaan yang kritikal. Kaum Muslimin bersepakat untuk memantapkan diri mereka dalam menghadapi musuh. Mereka berjaya menguasai mata air di Badar dan membuat tempat takungan air serta mengisinya sehingga penuh. Sementara telaga-telaga di belakangnya dibiarkan tidak digunakan agar mereka dapat minum, sementara musuh mereka tidak dapat melakukannya. Kaum Muslimin membangun pos khusus untuk Rasulullah SAW, agar baginda

boleh tinggal di dalamnya untuk memberi arahan kepada pasukan. Manakala kaum Quraisy menduduki beberapa tempat-tempat pertempuran dan bersedia menghadapi kaum Muslimin.

Perang dimulai dengan pertembungan dua pasukan. Aswad bin Abdul Al-Asad Al-Makhzumi dari barisan kafir Quraisy maju ke arah barisan kaum Muslimin untuk menghancurkan tempat takungan air yang telah dibuat. Ketika itu juga Hamzah bin Abdul Muthalib menghalangnya dengan pukulan yang kuat sehingga musuh tersebut jatuh dengan kaki berlumuran darah. Kemudian Hamzah memburunya dengan pukulan yang lain sehingga dia terbunuh di tempat takungan air tersebut. Kemudian Uthbah bin Rabi'ah keluar diapit oleh saudaranya, Syaibah, dan anaknya, al-Walid. Hamzah bin Abdul Muthalib, Ali bin Abi Thalib dan Ubaidah bin Harith keluar menghadapi mereka. Hamzah tidak membiarkan Syaibah lari dan Ali mendapat giliran untuk berhadapan dengan Walid. Tidak berapa lama, kedua-dua orang sahabat ini berjaya membunuh kedua-dua musuhnya. Lalu kedua-duanya segera menghampiri dan membantu Ubaidah yang nyaris terbunuh di tangan 'Uthbah.

Untuk seketika kedua-dua belah pihak menghentikan pertempuran, lalu bertempur kembali pada Jumat pagi tanggal 17 Ramadhan tahun ke-2 Hijrah. Rasulullah SAW berdiri memimpin pasukan kaum Muslimin untuk meluruskan barisan mereka dan memberi motivasi untuk berperang. Kekuatan kaum Muslimin semakin bertambah dengan seruan-seruan jihad Rasulullah SAW kepada mereka. Tambahan pula baginda sendiri berada di tengah-tengah mereka. Kaum Muslimin semakin bermotivasi dan berkobar-kobar berperang dengan bersemangat. Udara semakin panas dan peperangan menjadi lebih dahsyat. Keadaan tersebut menjadikan para pemimpin kafir Quraisy perlu mempertahankan keselamatan diri masing-masing. Sementara kaum Muslimin semakin bertambah kekuatan iman mereka dan melaungkan kata-kata *ahad ... ahad*. Rasulullah SAW berada di tengah-tengah mereka dan mengambil segenggam pasir lalu melemparkannya ke arah kafir Quraisy lalu mengucapkan, "*Hinalah wajah-wajahnya!*" Sementara kepada para sahabatnya pula baginda mengucapkan, "*Bertahanlah kamu!*" Semangat kaum Muslimin makin berkobar-kobar sehingga pertempuran tersebut memihak kepada kaum Muslimin. Kafir Quraisy sendiri lari tunggang langgang, sebahagian ada yang terbunuh dan sebahagian lagi menjadi tawanan. Perkara tersebut menjadi kemenangan yang memperkuat kaum Muslimin. Mereka pulang ke Madinah dengan membawa kekuatan yang semakin bertambah.

## Pengusiran Bani Qainuqa'

Sebelum peristiwa Badar, kaum Yahudi telah memendam api kemarahan mereka. Ketika kaum Muslim memperoleh kemenangan di Badar, kemarahan dan dendam kesumat Yahudi semakin bersangatan. Mereka bersepakat untuk memerangi kaum Muslimin dan melontarkan fitnah serta merusakkan perjanjian mereka dengan kaum Muslimin.

Ini mengakibatkan kaum Muslimin marah dan membalasnya setiap kali terdapat bukti tindakan mereka. Mereka sememangnya bimbang terhadap reaksi kaum Muslimin, namun perkara itu tidak mengurangkan atau menghalang gangguan mereka terhadap kaum Muslimin. Kaum Yahudi ini semakin meningkatkan permusuhannya. Salah satu kes adalah gangguan mereka yang berlaku terhadap seorang wanita Arab yang pergi ke pasar Yahudi Bani Qainuqa' dengan membawa perhiasan. Wanita itu kemudiannya duduk di kedai tukang emas milik salah seorang Yahudi. Tiba-tiba datang seorang Yahudi dari arah belakang wanita itu secara bersembunyi dan mengikat hujung baju wanita itu dengan suatu senjata di belakangnya. Ketika wanita itu berdiri, auratnya tersingkap dan orang-orang Yahudi tertawa terbahak-bahak sambil menghina. Seorang lelaki Muslim yang kebetulan melihat kejadian itu menjadi marah. Dia menikam tukang emas itu lalu membunuhnya. Pembunuhan ini pula mengundang kemarahan kaum Yahudi. Mereka beramai-ramai menyerang lelaki Islam tersebut dan membunuhnya. Keluarga Muslim yang terbunuh tersebut berteriak meminta tolong kepada kaum Muslimin untuk menghadapi kaum Yahudi, lalu mereka datang menyerang kaum Yahudi. Maka tercetuslah perselisihan antara kaum Muslimin dan orang-orang Yahudi.

Sebelum rusuhan semakin meluas, Rasulullah SAW sebenarnya sudah meminta kaum Yahudi agar menghentikan gangguan mereka, namun kumpulan manusia terkutuk ini semakin menampakkan kemarahan. Rasulullah SAW terpaksa keluar bersama-sama kaum Muslimin dan mengepung Bani Qainuqa' dengan dengan kepungan yang ketat. Setelah bermesyuarat dengan kaum Muslimin yang senior, Rasulullah SAW memutuskan untuk membunuh keseluruhannya. Tetapi, Abdullah bin Ubay bin Salul, seorang tokoh Yahudi yang menjadi sekutu Bani Qainuqa' dan kaum Muslimin berjumpa dengan Rasulullah SAW dan berkata, "*Wahai Muhammad, berbuat baiklah kepada anak-anak buahku*". Dia meminta agar Rasulullah SAW melambatkan rancangan baginda berulang kali.

Nabi SAW berpaling darinya, namun dia terus mendesak baginda dengan desakan yang kuat. Akhirnya Nabi SAW mengulurkan tangan kepadanya hingga dia menjadi tenang disebabkan kebaikan dan kasih sayang baginda. Nabi SAW memenuhi permintaannya dan menetapkan bahawa tidak akan membunuh Bani Qainuqa' dengan syarat mereka semuanya mesti keluar dari kota Madinah. Mereka mematuhi dan keluar dari Madinah menuju arah Utara sehingga mereka sampai melepasi wilayah Syam.



## **Penyelesaian Terhadap Goncangan Di Dalam Negeri**

Kaum Muslimin telah memasuki peringkat peperangan dengan kafir Quraisy. Pada peperangan pertama, iaitu peperangan Badar, musuh berjaya dikalahkan dan mengalami kekalahan yang teruk. Sementara kaum Muslim memperoleh kemenangan gilang gemilang sehingga dapat memperkuat kedudukan mereka. Kemenangan ini membawa pengaruh besar yang mencetuskan goncangan yang kuat terhadap kaum Quraisy. Dari aspek yang lain, perkara itu dapat membersihkan Madinah dari keraguan dan fitnah Yahudi, menghalau sebahagian mereka, dan mengadakan perjanjian damai dengan sebahagian kabilah Yahudi yang lainnya. Kekuatan dan kehebatan kaum Muslimin semakin meningkat.

Sebaliknya, situasi tersebut membuatkan fikiran kafir Quraisy tidak keruan. Semenjak perang Badar, mereka lebih bersungguh-sungguh menyiapkan kekuatan dengan persiapan menyeluruh untuk memerangi kaum Muslimin dan menuntut bela kepada mereka serta merebut kembali hari kemenangan sebagai menebus kekalahan dalam perang Badar.

Kemudian berlaku pula peperangan Uhud. Pada peperangan ini, kafir Quraisy memperoleh kemenangan disebabkan pasukan pemanah tidak mematuhi perintah ketua mereka. Pasukan kaum Muslimin akhirnya terpecah. Kafir Quraisy kembali ke Makkah dengan jiwa yang dipenuhi kegembiraan yang meluap-luap kerana boleh menebus dan menghilangkan rasa malu atas kekalahan mereka dalam peperangan Badar. Sementara kaum Muslimin pulang ke Madinah dalam keadaan kecewa. Kesan-kesan kekalahan perang kelihatan pada diri mereka, walaupun selepas peperangan tersebut mereka sempat mengejar musuh sampai di Hamra al-Asad.

Kekalahan kaum Muslimin amat melukakan mereka, mengakibatkan sebahagian masyarakat yang tinggal di Madinah memandang sinis dan membangkang seperti yang dilakukan oleh kabilah-kabilah Arab yang tinggal di sekitar Madinah. Kaum Yahudi dan Munafiq di Madinah selepas perang Badar melihat semakin kuatnya kaum Muslimin, mereka tunduk dan menyerah pada kekuasaan kaum Muslimin. Begitu juga kabilah-kabilah Arab yang tinggal di luar Madinah. Jiwa mereka diselimuti rasa takut terhadap kekuatan kaum Muslimin.

Namun, segala-galanya itu berubah selepas peperangan Uhud. Kabilah-kabilah Arab yang berada di luar Madinah mula berfikir untuk menentang Muhammad SAW. Kaum Yahudi dan kaum Munafiq di Madinah mula melakukan provokasi dan memusuhi kaum Muslimin. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW secara serius ingin menamatkan isu-isu yang dicituskan oleh penduduk Madinah serta kabilah-kabilah Arab di luar Madinah. Perkara itu baginda lakukan agar dapat mengembalikan kedudukan kaum Muslimin dan kewibawaannya dalam benak fikiran mereka. Untuk mencapai target itu, baginda berusaha semaksimum yang mungkin untuk menghilangkan kesan buruk kekalahan tersebut dengan bertindak tegas terhadap setiap orang yang memperkecilkan kaum Muslimin dalam ucapan atau mendapatkan kepentingan mereka.

Genap sebulan selepas peperangan Uhud, Bani Asad merancang untuk menyerang Madinah agar dapat merampas penternakan kambing kaum Muslimin yang digembala di sekitar Madinah. Nabi SAW berkeinginan untuk menyerang mereka terlebih dahulu ketika mereka masih di tempat tinggalnya sebelum mereka menyerang baginda. Disebabkan itu, baginda memanggil Abu Salamah bin Abdul Asad dan memberikan Liwa' (bendera) kepadanya untuk memimpin pasukan yang jumlahnya seramai 150 orang. Di dalam pasukan tersebut terdapat banyak pahlawan terbaik kaum Muslimin iaitu Abu Ubaidah bin Jarrah, Sa'ad bin Abi Waqash, Usaid bin Hudhair, dan yang lainnya. Baginda memberikan beberapa arahan kepada mereka iaitu agar mereka bertolak pada waktu malam, bersembunyi pada waktu siang dan mengambil laluan yang tidak biasa dilalui sehingga tiada seorang pun yang akan mengetahui perkarabaran mereka. Tujuannya agar pasukan Islam menyerang musuhnya secara tiba-tiba. Abu Salamah dan pasukannya terus bergerak sehingga tiba di perkampungan Bani Asad. Beliau mengepung mereka dalam suasana kegelapan subuh seterusnya melakukan serangan secara tiba-tiba. Abu Salamah memberikan semangat pasukannya untuk berjihad sehingga mereka semuanya terjun ke medan pertempuran, menyerang musuh dan akhirnya berjaya mengalahkan Bani Asad, merampas kekayaannya sebagai harta rampasan perang. Kemudian mereka pulang ke Madinah dengan kemenangan gilang gemilang. Dengan demikian mereka berjaya mengembalikan kewibawaan kaum Muslimin dan pengaruhnya ke dalam masyarakat.

Informasi sampai kepada Rasulullah SAW bahawa Khalid bin Sufyan al-Hazaliy yang bermukim di daerah pedalaman atau perkebunan kurma telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang Madinah. Baginda memanggil

Abdullah bin Anis dan menghantarnya untuk mengintip sehingga mendapat maklumat yang jelas tentang Khalid. Abdullah bertolak dan akhirnya bertemu Khalid, lalu dia bertanya kepadanya: *“Siapa engkau?”* Abdullah menjawab: *“Aku adalah lelaki Arab yang pernah mendengarmu yang menghimpun pasukan untuk menyerang Muhammad, lalu dia datang kepadamu untuk perkara itu.”*

Khalid tidak menyembunyikan bahawa sememangnya dia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang Madinah. Sementara itu Abdullah mencari peluang ketika Khalid tidak bersama-sama dengan orang-orangnya. Setelah perkara itu berjaya dilakukannya, beliau mengekori Khalid sehingga mendapat peluang terbuka, Abdullah segera menyerangnya dengan pedang dan membunuhnya. Abdullah kembali ke kota Madinah dan melaporkan hasil laporan kerjanya kepada Rasulullah SAW. Dengan terbunuhnya Khalid, gerakan Bani Lihyan dari Huzail menjadi padam dan tidak muncul lagi. Rasulullah SAW berjaya mematahkan rancangan jahat serangan Khalid dan usahanya untuk mengumpulkan orang-orang Arab dalam memerangi baginda.

Demikianlah pendekatan Rasulullah SAW dalam menangani kabilah-kabilah Arab di luar Madinah. Pendekatan ini berjaya menggagalkan suku-suku Arab yang hendak menyerang Madinah, tetapi belum boleh untuk menangani suku-suku Arab yang masih merendah-rendahkan kekuasaan kaum Muslimin selepas peristiwa Uhud.

Sekumpulan kecil kabilah yang berjiran dengan Bani Huzail mendatangi Rasul SAW dan berkata kepada baginda, *“Sesungguhnya di kalangan kami ada yang Islam. Kirimkan bersama kami beberapa orang dari sahabatmu yang akan memberikan pemahaman kepada kami tentang agama, membacakan kami al-Quran dan mengajarkan kami syari’at Islam.*

Baginda menghantar 6 orang sahabatnya untuk menemani mereka. Para utusan ini berjalan bersama-sama sehingga tiba di sebuah sumber mata air milik Bani Huzail di suatu lembah yang dinamakan Raji’. Tiba-tiba mereka mengkhianati para utusan Rasul dan keenam orang tersebut berteriak meminta pertolongan kepada Bani Huzail. Utusan kaum Muslimin itu didatangi sekumpulan lelaki yang bersenjatakan pedang dan bermaksud untuk menyerang mereka. Secara serentak keenam-enam sahabat Rasul SAW menghunus pedangnya masing-masing, lalu berlawan bermati-matian untuk mempertahankan diri dari serangan musuh sehinggalah 3 diantara mereka syahid. Sedangkan 3 orang sahabat lagi dipaksa menyerah diri. Bani Huzail

menangkap dan menjadikan mereka tawanan, kemudian membawanya ke Makkah untuk dijual di sana. Di tengah perjalanan menuju Makkah, salah seorang dari tiga tawanan ini yang bernama Abdullah bin Thariq mengambil kesempatan untuk meloloskan diri ketika mereka tidak sadar. Dia berjaya melepaskan ikatan tangannya, lalu mengambil pedangnya untuk menyerang mereka. Namun, jumlah musuh yang besar tidak memungkinkannya untuk melawan sehingga akhirnya mereka berjaya membunuhnya. Dua lagi tawanan lainnya segera dibawa dan mereka menjual kedua-duanya kepada penduduk Makkah. Salah seorang yang bernama Zaid bin Dathinah dibeli oleh Shafwan bin Umayyah untuk dibunuh sebagai tebusan bapanya iaitu Umayyah bin Khalaf. Ketika Zaid akan dibunuh, Abu Sufyan bertanya kepadanya: *"Wahai Zaid, aku telah mengadukanmu kepada Allah. Sekarang, adakah engkau mahu jika Muhammad berada di tangan kami menggantikan tempatmu, lalu engkau memenggal lehernya dan engkau kembali kepada keluargamu?"*

Maka dia menjawab: *"Demi Allah! Aku tidak rela Muhammad duduk suatu tempat yang akan disiksa dengan duri yang menyeksanya, sedangkan aku duduk bersama dengan keluargaku."* Abu Sufyan amat terkejut dan berkata: *"Aku tidak pernah melihat seseorang yang mencintai sahabatnya seperti kecintaan para sahabat Muhammad kepada Muhammad."* Kemudian Zaid pun dibunuh.

Sedangkan orang kedua adalah Khubaib yang ditawan sehingga akhirnya mereka bawa keluar untuk disalib. Khubaib berkata kepada mereka: *"Sekiranya kamu hendak menyalibku dan membenarkan aku untuk solat dua rakaat terlebih dahulu maka lakukanlah."* Mereka memenuhi permintaannya hingga beliau solat dua rakaat dengan sempurna dan elok. Kemudian beliau mengadap mereka lalu berkata: *"Demi Allah, seandainya kamu tidak menyangka bahawa aku memanjangkan solatku agar dapat menangguhkan masa pembunuhan, sesungguhnya aku akan memperbanyak solat."*

Mereka kemudian mengheret Khubaib dan menaikkannya di atas kayu salib dan mengikat beliau pada kayu salib tersebut. Mata Khubaib memandang mereka dengan marah, lalu melaungkan doa: *"Ya Allah, sesungguhnya telah sampai kepada kami risalah Rasul-Mu, maka esok sampaikan kepadanya apa yang dilakukan kepada kami. Ya Allah, hitunglah jumlah mereka dan bunuhlah mereka dengan sekali kehancuran, dan janganlah Engkau tinggalkan seorang pun dari mereka"* Mendengar laungan Khubaib tersebut, mereka menjadi gementar, kemudian mereka tetap juga membunuhnya.

Rasulullah SAW dan kaum muslimin amat bersedih mengenangkan peristiwa yang menimpa 6 orang sahabatnya. Kesedihan mereka semakin bertambah dengan adanya penghinaan Bani Hudzail terhadap kaum Muslimin dan sikap mereka yang merendahkan kaum Muslimin. Melihat perkara ini Rasulullah SAW berfikir panjang. Ketika sedang berfikir tiba-tiba Abu Barra' Amir bin Malik datang berjumpa baginda. Rasulullah SAW menawarkan Islam kepadanya, tetapi Abu Barra' belum bersedia lagi untuk menerimanya. Walaupun demikian, dia tidak menampakkan permusuhan terhadap Islam. Dia berkata kepada Rasulullah SAW: *"Wahai Muhammad, jika anda mengutuskan beberapa lelaki kalangan sahabatmu kepada penduduk Najd, lalu mengajak mereka menerima dakwahmu, anda boleh mengharapkan mereka akan menerimanya."*

Namun, Rasulullah SAW bimbang para sahabatnya akan mengalami tindakan buruk dari penduduk Najd seperti yang dilakukan Bani Huzail, sehingga baginda belum dapat memenuhi permintaan Abu Barra'. Tetapi Abu Barra' berjaya meyakinkan Rasulullah SAW, kerana dia bersedia bersama-sama dengan orang-orang yang akan bertolak untuk misi dakwah tersebut. Dia berkata kepada Rasulullah SAW: *"Saya akan bersama-sama dengan mereka, maka hantarlah mereka agar mereka dapat mengajak manusia kepada dakwah anda."*

Abu Barra' adalah seorang lelaki yang didengar percakapannya. Dia tidak takut kepada sesiapaupun yang mendampinginya dengan maksud akan memperdayanya. Rasulullah SAW menghantar al-Mundzir bin 'Amru untuk memimpin seramai 40 lelaki Muslim terpilih. Mereka berjalan sehingga sampai di daerah sumur Ma'unah. Dari tempat itu mereka menghantar utusan dengan membawa surat Rasulullah SAW untuk diberikan kepada Amir bin Thufail. Amir tidak melihat isi kandungan surat tersebut tetapi membunuh utusan ini. Dia kemudian meminta bantuan sukunya Bani Amir agar membunuh kaum Muslimin. Akan tetapi mereka tidak menghiraukannya. Mereka memenuhi jaminan (janji) mereka untuk berjiran secara damai dengan Abu Barra'. 'Amir tidak berdiam diri. Dia segera minta bantuan kabilah-kabilah lain dan mengepung kaum Muslimin yang tengah berada di tempat istirahat mereka. Ketika melihat mereka kaum Muslimin mencabut pedang masing-masing dan berperang sehingga ramai di antara mereka yang mati terbunuh dan tidak ada yang selamat kecuali dua orang sahaja. Rasulullah SAW dan kaum Muslimin semakin bersedih menyaksikan para syuhada tersebut dan sangat terkesan dengan peristiwa ini.

Rasulullah SAW kembali berfikir tentang perkara tersebut dan berusaha mencari alternatif yang terbaik untuk mendepani orang-orang Arab serta

mengembalikan kewibawaan kaum Muslimin dalam jiwa mereka. Akan tetapi, baginda melihat bahawa kejadian-kejadian tersebut mempengaruhi aktiviti dalaman kota Madinah. Baginda berpendapat bahawa langkah pertama untuk mengatasinya adalah menyelesaikan situasi dalam negeri. Selepas persoalannya reda dan selesai, barulah baginda akan menyelesaikan persoalan-persoalan bangsa Arab dan masalah yang berkaitan dengan luar kota Madinah. Adapun persoalan-persoalan dalam negeri tertumpu kepada kaum Yahudi dan Munafik. Mereka memang berusaha melemahkan kewibawaan kaum Muslimin dalam benak fikiran mereka dengan memanfaatkan tragedi perang Uhud, peristiwa Raji' dan sumur Ma'unah. Mereka menunggu sahaja apa yang akan dilakukan oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW mampu menyingkap niat jahat mereka dengan adanya langkah-langkah mereka sendiri yang secara tidak disedari menampakkan konspirasinya untuk melawan baginda. Baginda menghantar Muhammad bin Maslamah untuk berjumpa mereka sambil bersabda kepadanya: *"Pergilah menemui Yahudi Bani Nadhir dan katakanlah kepada mereka bahawa Rasulullah telah menghantarku berjumpa kamu agar kamu keluar dari negeriku. Kamu telah membatalkan perjanjian yang dibuat bagi kamu dengan niat hendak mengkhianatiku. Aku tetapkan waktu bagi kamu selama sepuluh hari, maka sesiapa sahaja selepas itu masih kelihatan berada di kota Madinah, aku akan memenggal lehernya."*

Bani Nadhir hampir-hampir keluar dari kota Madinah, seandainya tidak ada Abdullah bin Ubay yang memprovokasi mereka agar tetap tinggal di Madinah. Huyai bin Akhthab memberikan semangat keberanian kepada mereka agar berlindung di benteng-benteng mereka. Sepuluh hari yang telah dijanjikan telah tamat dan mereka belum juga keluar dari perkampungan mereka. Maka, Rasulullah SAW memerangi mereka sehingga kedudukan mereka tersepit. Mereka akhirnya meminta jaminan keamanan kepada Nabi SAW terhadap harta, darah, dan anak-cucu mereka hingga mereka keluar. Rasulullah SAW memberi kelonggaran kepada mereka dengan meminta mereka untuk tetap keluar dari Madinah. Setiap tiga orang dari mereka dibolehkan membawa seekor unta yang akan mengangkut makanan dan minuman yang mereka kehendaki. Tidak lebih daripada itu. Mereka keluar dengan meninggalkan semua yang dimilikinya berupa tanah, kebun kurma, hasil bumi dan persenjataan sebagai ghanimah bagi kaum Muslimin. Rasulullah SAW kemudian membahagi-bahagikan ghanimah itu kepada kaum Muhajirin sahaja dan tidak memberi bahagian sedikit pun kepada kaum Ansar, kecuali kepada dua orang, iaitu Abu Dujanah dan Sahal bin Hanif kerana kedua-duanya adalah orang fakir seperti kaum Muhajirin.

Dengan pengusiran Bani Nadhir dan memberi pengajaran kepada mereka, Rasulullah SAW berjaya memantapkan kedudukan politik di dalam negeri dan mengembalikan kewibawaan kaum Muslimin. Selepas itu barulah Rasulullah SAW beralih pula untuk menangani politik luar negeri. Baginda menentang kafir Quraisy dalam peperangan Badar kedua, tetapi mereka tidak berani menghadapinya. Semua itu berlaku dalam satu tahun semenjak peristiwa peperangan Uhud. Rasulullah SAW teringat kata-kata Abu Sufyan yang mengatakan, *"Hari ini, Uhud menjadi tebusan hari Badar dan hari yang dijanjikan perang berikutnya di tahun depan."*

Rasulullah SAW tetap ingat bahawa suatu masa nanti pasti akan menghadapi Abu Sufyan. Oleh sebab itu, baginda mempersiapkan kaum Muslimin. Sementara kepimpinan kota Madinah diserahkan kepada Abdullah bin Abdullah bin Salul. Baginda kemudian bertolak dengan kaum Muslimin sehingga tiba di Badar. Mereka menanti kafir Quraisy sambil mempersiapkan diri untuk memerangnya. Kafir Quraisy kemudian keluar bersama Abu Sufyan dari Makkah dengan membawa pasukan lebih dari 2000 orang. Akan tetapi, belum beberapa lama kakinya menginjak bumi, Abu Sufyan pulang diikuti semua pasukannya. Rasulullah SAW masih tinggal di lembah Badar sehingga berlalu selama 8 hari berturut-turut sambil menunggu Quraisy. Musuh yang ditunggu-tunggu belum juga muncul dan akhirnya informasi pulangnya kafir Quraisy sampai juga kepada baginda. Maka, Rasulullah SAW bersama kaum Muslimin kembali ke kota Madinah selepas memperolehi banyak keuntungan perdagangan ketika mereka tinggal di daerah Badar. Mereka kembali dalam keadaan menang walaupun mereka tidak berperang. Kemudian Rasulullah SAW membawa pasukannya untuk menghadapi Bani Ghatfan di Najd. Musuh itu juga akhirnya bertempiran lari di hadapan Nabi SAW dengan meninggalkan harta dan wanita-wanita mereka. Kaum Muslimin menjadikannya sebagai ghanimah dan mereka kembali ke Madinah. Tak berapa lama kemudian Rasulullah SAW keluar lagi ke Daumah al-Jandal yang wilayahnya terletak di kawasan antara Hijaz dan Syam. Tujuannya untuk memberi pengajaran kepada kabilah-kabilah yang selalu mengganggu kafilah dagang. Mereka tidak mahu menghadapinya. Namun, Rasulullah SAW membuat mereka terkejut dan ketakutan, lalu mereka berpaling dan lari di hadapan Nabi SAW dengan meninggalkan kekayaannya. Kaum Muslimin mengambilnya dan membawanya pulang sebagai tanda kemenangan.

Dengan berbagai peperangan luar negeri dan percaturan politik dalam negerinya di Madinah, Rasulullah SAW dapat mengembalikan kewibawaan

negara Islam di mata bangsa Arab dan kaum Yahudi, serta mampu menghapuskan kesan buruk kekalahan perang Uhud.



## Peperangan Ahzab

Peperangan-peperangan dan disiplin serta ketegasan Rasulullah SAW selepas peperangan Uhud memiliki implikasi yang sangat besar dalam menyebarkan kemuliaan kaum Muslimin, memperkuat negara Islam, memperluaskan pengaruh kaum Muslimin, mengagungkan kekuasaan mereka, dan menggerunkan kawasan semenanjung Arab. Apabila bangsa Arab mendengar nama Rasulullah SAW hendak menyerang mereka atau menggertaknya, maka serta merta mereka bertempiran lari, sebagaimana yang dialami pada Bani Ghatfan dan pada peristiwa Daumah al-Jandal.

Kafir Quraisy sangat takut untuk menghadapi kaum Muslimin seperti yang berlaku dalam perang Badar kedua. Situasi seumpama ini membolehkan kaum Muslimin mewujudkan kehidupan yang aman di Madinah dan menguruskan kehidupan mereka dalam perspektif yang baru yang ada pada kaum Muhajirin. Selepas mereka mendapatkan ghanimah Bani Nadhir dan mengagihkan tanah-tanah, kebun kurma, rumah-rumah, termasuk pelbagai perabot kepada mereka. Walaupun demikian, mereka tidak cenderung ke arah kehidupan dunia yang boleh memalingkannya dari kelangsungan jihad kerana jihad menjadi kewajipan sehingga hari Kiamat. Perkara tersebut hanya menjadikan situasi kehidupan mereka lebih baik jika dibandingkan dengan sebelumnya. Rasulullah SAW sendiri berada dalam ketenangan dan tetap berwaspada terhadap tipudaya musuh. Baginda masih menghantar perisik dan pasukan pengintip baginda ke seluruh penjuru jazirah Arab. Mereka selalu memberikan pelbagai informasi kepada baginda mengenai keadaan bangsa Arab dan konspirasi mereka sehingga ada peluang bagi baginda untuk mempersiapkan diri menghadapi musuh. Dengan cara begitu baginda mengetahui secara tepat perancangan dan berbagai taktiknya, serta persiapan bagi menghadapinya. Terutama musuh-musuh kaum Muslimin semakin ramai di semenanjung Arab selepas baginda memiliki kekuasaan yang menggerunkan seluruh bangsa Arab. Di samping itu juga kejayaan berjaya menghalau Yahudi Bani Qainuqa' dan Bani Nadhir dari Madinah, serta kejayaan menyerang kabilah-kabilah Arab, seperti Bani Ghatfan, Huzail dan yang lainnya dengan serangan yang mematikan.

Oleh kerana itu, Rasulullah SAW sentiasa berwaspada dengan cara menyelidik setiap informasi mengenai bangsa Arab sehingga sampai informasi

kepada baginda tentang kafir Quraisy dan sebahagian kabilah yang berkonspirasi untuk menyerang kota Madinah. Baginda segera menyiapkan pasukan tentera untuk berdepan dengan mereka. Ini disebabkan selepas Bani Nadhir dihalau oleh Rasulullah SAW dari kota Madinah, idea jahat menyelinap dalam jiwa mereka untuk mencetuskan perselisihan bangsa Arab terhadap Rasulullah SAW sehingga mereka boleh memberontak terhadapnya.

Untuk melaksanakan perancangan tersebut, beberapa orang Yahudi Bani Nadhir keluar dari pengusirannya untuk menemui kafir Quraisy Makkah. Mereka adalah Huyyai bin Akhtab, Salam bin Abi al-Haqiq, dan Kinanah bin Abi al-Haqiq. Turut bergabung ialah beberapa orang dari Bani Wail iaitu Hawazah bin Qais dan Abu Ammar. Penduduk Makkah bertanya kepada Huyyai tentang kaumnya. Dia menjawab, *"Aku meninggalkan mereka di antara Khaibar dan Madinah. Mereka dalam keadaan kebingungan sehingga kamu datang menemui mereka, lalu kamu bergerak bersama-sama mereka untuk menghancurkan Muhammad dan sahabat-sahabatnya"*. Mereka bertanya pula tentang Bani Quraizah, lalu dia menjawab, *"Mereka masih tinggal di kota Madinah dan sedang membuat perancangan untuk menyerang Muhammad, sehingga kamu mendatangi mereka, lalu mereka akan bergabung dengan kamu"*.

Orang-orang Quraisy berbelah bahagi adakah perlu menerima tawaran tersebut kemudian terus menyerang ataupun menolak. Ini kerana di antara mereka dan Muhammad sebenarnya tidak ada perselisihan kecuali berkaitan dakwah yang menyeru kepada Allah SWT. Adakah tidak mungkin baginda yang berada atas kebenaran? Oleh kerana itu, kafir Quraisy bertanya kepada Yahudi: *"Wahai orang-orang Yahudi, kamu adalah Ahli Kitab yang pertama dan mengetahui persoalan yang membuat kami berselisih dengan Muhammad. Adakah agama kami atautah agamanya yang lebih baik?"*

Orang-orang Yahudi itu menjawab: *"Sudah tentu agama kamu lebih baik daripada agamanya, dan kamu lebih berhak terhadap kebenaran itu."*

Sedangkan Yahudi yang beragama tauhid itu sebenarnya mengetahui bahawa agama Muhammad adalah benar. Akan tetapi, kerana keinginan mereka yang kuat untuk membangkitkan kebencian orang Arab, menjadikan mereka terlibat dalam kesalahan yang tercela tersebut. Ini adalah kecacatan yang bersifat abadi. Mereka melaungkan pembohongan dengan mengatakan bahawa menyembah berhala jauh lebih baik daripada agama tauhid. Mereka terus melakukannya dan akan melakukan perkara lainnya yang seumpama itu. Setelah

berpuas hati meyakinkan kafir Quraisy dengan pendapat mereka, kaum Yahudi pergi pula ke Ghatfan dari kabilah Qais 'Ailan, ke Bani Murrah, Bani Fuzarah, Bani Asyja', Bani Salim, Bani Saad, Bani Asad, dan kepada sesiapa sahaja yang menyimpan rasa dendam terhadap kaum Muslimin. Kaum Yahudi tidak henti-henti untuk membangkitkan kebencian kabilah-kabilah tersebut dan mengingatkan mereka tentang penyertaan kafir Quraisy dalam memberi dukungan untuk memerangi Muhammad. Mereka memuji dan menyanjung orang-orang Arab tersebut serta menjanjikan pertolongan terhadap mereka.

Demikianlah yang mereka lakukan sehingga akhirnya mereka berjaya menghimpun kabilah-kabilah Arab untuk memerangi Rasulullah SAW. Kabilah-kabilah Arab kemudian berkumpul dan keluar bersama-sama kafir Quraisy menyerang Madinah.

Kaum Quraisy keluar di bawah pimpinan Abu Sufyan dengan seramai 4000 orang, 300 orang berkuda dan 1500 orang penunggang unta. Bani Ghatfan keluar di bawah pimpinan Uyainah Ibnu Hashan bin Huzafah beserta rombongan dalam jumlah yang ramai dan 1000 orang pasukan penunggang unta. Bani Asyja' keluar dengan 400 orang pasukan di bawah pimpinan Mas'ar bin Rakhilah. Bani Murrah keluar juga dengan seramai 400 orang di bawah pimpinan al-Harith bin 'Auf. Salim dan penduduk Bi'ru Ma'unah datang dengan membawa seramai 700 orang pasukan. Mereka berkumpul dan bergabung juga dengan Bani Sa'ad dan Bani Asad sehingga keseluruhannya berjumlah sekitar 10000 orang. Semuanya bergerak menuju kota Madinah di bawah kepimpinan Abu Sufyan.

Ketika berita keberangkatan pasukan gabungan musuh yang sangat besar ini sampai kepada Rasulullah SAW, baginda segera mengambil keputusan untuk melindungi Madinah. Salman al-Farisi mencadangkan untuk menggali parit di sekeliling kota Madinah, dan membuat benteng di dalamnya. Kemudian parit tersebut digali dan Nabi SAW sendiri juga ikut serta dalam menggalnya. Baginda mencangkul tanah sambil memberi motivasi kepada kaum Muslimin dan mengajak mereka agar melipatgandakan kesungguhannya. Penggalan parit akhirnya selesai dalam masa 6 hari. Tembok-tembok rumah yang menghadap ke arah musuh turut dikawal. Rumah-rumah yang berada di belakang parit dikosongkan. Kaum wanita dan anak-anak dibawa dan dikumpulkan dalam rumah-rumah yang dikawal. Rasulullah SAW kemudian keluar bersama 3000 orang pasukan. Kemudian baginda menjadikan belakangnya mengarah ke anak bukit sementara parit dijadikan sempadan pemisah antara dirinya dan pasukan

musuh. Di sanalah ditempatkan pasukannya kemudian didirikan kemah-kemah dengan warna merah.

Kafir Quraisy dan pasukan gabungannya (Ahzab) pun tiba. Mereka sangat berharap berhadapan Muhammad di bukit Uhud, namun tidak menemuinya. Pasukan musuh terus bergerak ke arah kota Madinah. Namun, tiba-tiba mereka dikejutkan dengan adanya parit yang melingkari dan menghalang. Mereka kebingungan kerana belum pernah mengetahui bentuk pertahanan seumpama ini. Lalu Quraisy dan pasukan gabungan itu mendirikan perkhemahan di luar Madinah jauh di belakang parit tersebut. Abu Sufyan dan orang-orang yang menyertainya meyakini bahawa mereka akan lama tinggal di depan parit tanpa boleh melakukan apa-apa tindakan apatah lagi menembusi ke dalam parit. Waktu itu adalah musim sejuk di mana angin bertiup kencang dan hawa sejuk sangat menyejukkan. Akhirnya kelemahan menyelubungi mereka dan beranggapan lebih baik pulang kembali melalui jalan-jalan mereka semula.

Huyyai bin Akhthab selalu memerhatikan perkembangan pasukan ahzab ini. Dia bercakap kepada mereka bahawa dia akan meyakinkan Bani Quraizah untuk membatalkan perjanjian yang telah mereka buat dengan Muhammad dan kaum Muslimin sekaligus mengajak mereka bergabung dengan pasukan gabungan kafir Quraisy. Jika Quraizah mahu melakukannya, maka bantuan kaum Muslimin terputus dan jalan memasuki kota Madinah terbuka luas.

Kafir Quraisy dan Bani Ghatfan amat gembira mendengar perancangan itu. Huyyai bin Akhtab segera pergi menemui Ka'ab bin Asad, pemimpin Bani Quraizah. Ketika Ka'ab menyedari maksud Huyyai, maka Ka'ab segera menutup pintu bentengnya tanpa mengajak dia masuk. Sementara itu, Huyyai terus berdiri di depan pintu sehingga pintu benteng tersebut terbuka lagi dan serta merta dia berkata: *"Celaka engkau, wahai Ka'ab! Aku datang kepadamu dengan kemenangan abadi dan lautan kekayaan yang melimpah. Aku datang kepadamu bersama-sama kaum Quraisy di bawah arahan dan kepimpinan mereka. Aku juga datang kepadamu bersama-sama Bani Ghatfan di bawah arahan dan kepimpinannya. Mereka membuat perjanjian dan kesepakatan kepadaku untuk tidak meninggalkan medan perang sehingga mereka berjaya menghapuskan Muhammad dan orang-orangnya."*

Ka'ab dalam dilema kerana dia mengingatkan kejujuran dan konsisten Muhammad dalam menunaikan janji dan merasa bimbang dengan akibat pelawaan Huyyai ini. Akan tetapi, Huyyai tidak berputus asa dan terus-menerus mengingatkan kepadanya pelbagai penderitaan yang menimpa kaum Yahudi

akibat tindakan Muhammad. Dia juga menggambarkan kepadanya tentang kekuatan pasukan Ahzab sehingga akhirnya Ka'ab menerima pelawaan Huyyai dan membatalkan perjanjiannya dengan Muhammad dan kaum Muslimin. Dengan demikian Bani Quraizah telah bergabung dengan pasukan Ahzab tanpa memberitahukannya terlebih dahulu kepada Rasulullah SAW.

Peristiwa tersebut akhirnya sampai juga kepada Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Mereka gementar dan bimbang terhadap akibat tipu daya tersebut. Rasulullah SAW segera menghantar Sa'ad bin Mu'az (pemimpin Aus) dan Saad bin Ubadah (pemimpin Khazraj) yang disertai oleh Abdullah bin Rawahah dan Khuwat bin Jabir untuk mencari pengesahan berita tersebut. Baginda berpesan kepada mereka sekiranya benar Bani Quraizah melanggar perjanjiannya, mereka hendaklah merahsiakannya sehingga kejadian itu tidak sempat untuk memecah-belahkan masyarakat. Mereka cukup hanya memberitahukan perkara tersebut kepada baginda dengan isyarat dan surat. Ketika para utusan ini datang, mereka berusaha memujuk Bani Quraizah dengan mengatakan bahawa apa yang mereka lakukan merupakan perbuatan paling keji. Ketika mereka berusaha mengembalikan Bani Quraizah pada perjanjian semula, Ka'ab menuntut mereka agar mengembalikan kawan-kawan mereka Yahudi Bani Nadhir ke perkampungan mereka semula. Sementara itu Saad bin Muaz yang sebelumnya adalah sekutu Bani Quraizah, berusaha meyakinkan mereka untuk tetap berada di pihak Muhammad SAW. Ka'ab berkata: "*Siapakah Rasulullah itu? Tidak ada perjanjian dan kesepakatan antara kami dengan Muhammad*".

Utusan ini kembali dan memberitahu Rasulullah SAW mengenai apa yang mereka lihat. Kebimbangan di kalangan kaum Muslimin semakin meningkat. Sementara itu pasukan Ahzab mempersiapkan diri untuk berperang. Adapun Bani Quraizah meminta tempoh masa kepada pasukan Ahzab selama 10 hari untuk menyiapkan pasukannya sehingga pasukan Ahzab dapat memerangi kaum Muslimin pada hari yang kesepuluh dengan dahsyat. Itulah yang mereka lakukan iaitu membentuk 3 pasukan perang untuk memerangi Nabi SAW. Pasukan perang Ibnu al-A'war al-Sulami akan menyerang dari arah atas lembah dan pasukan tempur Uyayinah bin Hashan akan menyerang dari arah sebelah. Sedangkan Abu Sufyan akan menyerang dari arah parit. Kegawatan yang amat sangat betul-betul menyelubungi kaum Muslimin. Pandangan mata menjadi kabur dan jantung mereka berdegup laju sangat ketakutan. Sementara di pihak lain, dukungan terhadap pasukan gabungan semakin kuat. Kekuatan mereka sangat sempurna. Jiwa mereka bersemangat penuh sikap optimis. Tidak lama kemudian, mereka

segera menyerang dan terjun ke dalam parit. Sebahagian pasukan penunggang kuda kafir Quraisy terjun untuk segera menyerang. Di antara mereka adalah Amru bin Abdu Wuda, Ikrimah bin Abu Jahal dan Dharar bin al-Khattab. Mereka melihat terdapat satu ruang sempit yang ada antara bukit dan parit, lalu mereka menggunakan untuk melintasi dan memecahkan pertahanan kaum Muslimin. Ali bin Abi Thalib yang melihat perkara itu segera keluar dalam sekumpulan kecil kaum Muslimin. Mereka memang mengambil tempat yang dijadikan tempat untuk menerjunkan kuda-kuda mereka. Kemudian Amru bin Abdu Wudd maju sambil berteriak-teriak menentang secara berdepan. Ali bin Abi Thalib menyahut cabaran lawannya dan turun ke gelanggang, Amru bin 'Abdu Wudd ketawa mengejek: *"Wahai anak saudaraku, mengapa mesti kamu yang turun? Demi Allah, aku tidak ingin membunuhmu!"*. Ali RA. menjawab dengan lantang: *"Tetapi, demi Allah, aku sangat mahu membunuhmu"*.

Kedua-duanya lalu menghunus pedang dan bertarung. Ali berjaya membunuhnya. Akibatnya kuda-kuda pasukan Ahzab lari sehingga terjun ke dalam parit, kemudian berundur ke pasukan utama. Namun, kejadian itu tidak melemahkan jiwa pasukan Ahzab. Bahkan api semangat serangannya semakin berkobar-kobar sehingga menggerunkan kaum Muslimin. Pasukan bantuan dari Bani Quraizah mula marah. Mereka keluar dari benteng-benteng mereka dan turun ke penempatan-penempatan kota Madinah di daerah yang berhampiran dengan mereka untuk menyerang penduduknya. Keadaan semakin kronik, kebimbangan semakin memuncak dan kegawatan semakin meluas. Rasulullah SAW semakin yakin dengan pertolongan Allah SWT kepadanya. Dalam keadaan suasana tersebut tiba-tiba Nu'aim bin Mas'ud yang baru memeluk Islam datang kepada Rasulullah SAW untuk melemahkan semangat kaum kafir.

Nu'aim bergerak mengikut arahan Rasulullah SAW untuk berjumpa dengan Bani Quraizah. Mereka belum mengetahui bahawa Nu'aim sebenarnya sudah memeluk Islam. Mereka hanya mengenali bahawa Nu'aim adalah kawan lama mereka di masa jahiliah. Nu'aim mengingatkan mereka tentang hubungan kasih sayang yang sudah lama terjalin di antara dirinya dengan mereka. Kemudian dia juga mengingatkan mereka, mengapa perlu membantu kafir Quraisy dan Ghatfan untuk menyerang Muhammad. Kemungkinan besar Quraisy dan Ghatfan tidak akan berada lama di posisinya dan mereka akan segera beredar dan pulang. Mereka hanya mengimpikan tentang malapetaka yang akan menimpa Muhammad. Sedangkan mereka juga membayangkan malapetaka yang akan menimpa mereka sendiri. Nu'aim juga menasihati agar mereka tidak

bersama memerangi Muhammad bersama kaum Quraisy. Mereka telah memperoleh jaminan dengan apa saja yang dimiliki mereka dan tidak membantu kaum Quraisy dan Ghatfan. Bani Quraizah akhirnya berpuas hati dan merasa yakin dengan apa yang dikatakan oleh Nu'aim.

Selepas itu Nu'aim pergi kepada kaum Quraisy. Dia memberitahukan kepada mereka secara rahsia bahawa Bani Quraizah menyesal dengan perbuatan mereka yang telah melanggar perjanjiannya dengan Muhammad. Mereka akan melakukan apa sahaja demi keredhaan Muhammad dan mendapatkan kasih sayangnya dengan cara lebih mengutamakan baginda daripada tokoh-tokoh Quraisy yang akan memenggal leher mereka. Oleh kerana itu, beliau menasihati mereka bahawa orang-orang Yahudi telah mengutusnyanya kepada mereka untuk mendapatkan jaminan dari pemimpin Quraisy supaya tidak mengutus utusan seorompokpun. Perkara yang sama Nu'aim melakukannya terhadap Ghatfan, sebagaimana yang telah dilakukannya kepada kaum Quraisy. Keraguan menyelinap ke dalam jiwa orang-orang Arab dari kalangan Yahudi. Akhirnya Abu Sufyan menghantar surat kepada Ka'ab dan memberitahu: *"Sudah lama kami mendiami dan mengepung lelaki ini (Muhammad). Aku melihat kamu bergantung kepadanya di hari esok, sedangkan kami berada di belakang kamu."* Ka'ab menjawab, *"Esok adalah hari Sabtu dan kami tidak dapat berperang dan melakukan pekerjaan di hari Sabtu."*

Abu Sufyan marah dan membenarkan cerita Nu'aim. Kemudian dia meminta kembali utusan itu untuk menemui Quraizah dan mengatakan kepada mereka, *"Kamu jadikanlah hari Sabtu yang lain untuk menggantikan hari Sabtu ini, kerana Sabtu esok perlu memerangi Muhammad. Jika kami keluar untuk memeranginya dan kamu tidak bersama kami, maka kami melepaskan diri daripada kesatuan kamu. Dan kami akan memerangi kamu terlebih dahulu sebelum Muhammad."*

Mendengar ucapan Abu Sufyan seumpama ini, Quraizah kembali menegaskan tekadnya bahawa mereka tidak boleh melanggar hari Sabtu. Kemudian mereka memberi isyarat adanya jaminan, sehingga merasa tenang dengan kepastian tempat kembali mereka. Mendengar jawaban demikian, Abu Sufyan tidak ragu-ragu lagi dengan cerita Nu'aim. Pada malamnya dia berfikir apa yang patut dilakukan. Abu Sufyan akhirnya memutuskan perlu berbincang dengan Ghatfan. Namun, dia mendapati bahawa Ghatfan juga berbelah bahagi untuk mara untuk memerangi Muhammad. Pada tengah malamnya, tiba-tiba Allah menghantarkan kepada mereka angin taufan bercampur petir disertai hujan yang sangat lebat. Khemah-khemah mereka rosak teruk. Periuk dan perkakas

dapur tunggang terbalik keadaannya. Ketakutan meresapi jiwa mereka. Dalam fikiran mereka terbayang bahawa kaum Muslimin pasti segera mengambil kesempatan ini untuk menyeberangi parit lalu menyerang mereka. Thalaihah berdiri dan meraung dengan lantang, *"Muhammad telah memula menyerang kamu dengan hebat! Oleh itu, selamatkanlah diri kamu!"* Abu Sufyan tidak mahu berdiam diri. Dia segera memberi arahan pasukannya, *"Wahai orang-orang Quraisy, kembalilah! Sesungguhnya aku juga segera kembali."* Kaum Quraisy segera pergi dengan perasaan lega. Kemudian Ghatfan dan pasukan Ahzab menyusul pulang. Pagi hari tersebut tidak seorangpun dari mereka yang masih berbaki. Ketika Rasul SAW melihat keadaan ini, baginda dan kaum Muslim segera kembali ke kota Madinah. Allah telah memenuhi janji-Nya kepada orang-orang yang beriman untuk memenangkan peperangan.

Rasulullah SAW memperolehi kelapangan dari ancaman serangan kafir Quraisy dan Allah SWT telah memberikan kemenangan kepadanya dalam peperangan. Kemudian melihat keperluan segera menghentikan urusan dengan Bani Quraizah. Mereka telah membatalkan perjanjian dengan baginda dan bersekongkol untuk memerangi kaum Muslimin. Oleh kerana itu, baginda SAW memerintahkan seorang muazzin untuk menyampaikan pesanan baginda kepada masyarakat: *"Sesiapa sahaja yang mendengar dan taat, maka janganlah mereka solat Asar kecuali telah tiba di Bani Quraizah."* Dengan mengangkat bendera, Ali segera berangkat untuk menyerang Bani Quraizah. Pasukan yang menyertai Ali RA merasa ringan dan dalam keadaan riang gembira. Mereka terus bergerak sehingga tiba di daerah Bani Quraizah, lalu mengepung mereka dengan rapat selama 25 malam berturut-turut. Yahudi Quraizah menghantarkan utusan kepada Rasulullah SAW, lalu berunding dengan baginda. Selepas itu mereka melaksanakan keputusan Saad bin Muaz yang menetapkan hukuman agar mereka membunuh musuh yang memerangi kaum Muslimin, membahagi-bahagikan kekayaan mereka serta menjadikan para wanita dan anak-anak sebagai tawanan. Keputusan ini dapat dilaksanakan sempurna dan dengan demikian penyelesaian untuk masalah kabilah tersebut telah dilakukan. Sehingga Madinah bersih daripadanya.

Dengan hancurnya pakatan tentara Ahzab, maka berakhir sudah usaha penentangan baru yang terakhir dari kafir Quraisy untuk menghadapi dan memerangi Rasulullah SAW. Dengan menghukum Bani Quraizah, baginda berjaya menghapuskan 3 kabilah Yahudi yang berada di sekitar Madinah, di mana mereka telah mengikat perjanjian dengan Nabi SAW lalu merosakkannya. Dengan



demikian, kedudukan Rasulullah SAW dan kaum Muslimin di Madinah dan sekitarnya menjadi stabil. Perkara itu menyebabkan bangsa Arab takut dan gentar terhadap kaum Muslimin yang menjadi jiran mereka.

## Perjanjian Hudaibiyah

Selepas 6 tahun berlalu semenjak berhijrah dari Makkah yang sebelum itu pernah merasai ketenangan hidup di Habsyah, dan seterusnya menjadi masyarakat Islam. Selepas terbentuknya negara Islam yang digeruni oleh semua bangsa Arab, baginda mula memikirkan langkah-langkah yang seterusnya. Langkah-langkah tersebut adalah cara yang boleh menguatkan dakwah, negara Islam, dan melemahkan musuh-musuhnya.

Informasi sampai kepada baginda mengatakan bahawa penduduk Khaibar dan Makkah telah membentuk kesepakatan untuk memerangi kaum Muslimin. Untuk menghadapinya, baginda merangka beberapa strategi pendekatan yang boleh mewujudkan perjanjian damai dengan penduduk Makkah. Tindakan ini diharapkan dapat menghasilkan suatu suasana yang menjamin tidak berlakunya peperangan antara baginda dan bangsa Arab serta memudahkan penyebaran dakwah di semenanjung Arab. Di samping itu juga dapat menyekat penduduk Khaibar berhubung dengan kafir Quraisy. Baginda melihat bahawa strategi ini hanya dapat dilakukan dengan mengunjungi Baitullah di Majid al-Haram yang dilakukan secara aman damai sehingga dapat membawa mesej politik baginda. Baginda juga melihat bahawa dengan tidak berlakunya peperangan antara bangsa Arab di bulan-bulan Haram akan memudahkan baginda untuk menerapkan strategi tersebut. Baginda mengetahui bahawa kesatuan Quraisy telah berpecah dan ketakutan terhadap kaum Muslimin kini menghantui jiwa mereka. Strategi ini telah dirancang baginda dengan beribu kali pertimbangan. Oleh sebab itu, baginda merancang untuk pergi ke Baitullah al-Haram untuk menunaikan ibadah haji. Sekiranya kaum Quraisy menghalang ibadah haji tersebut, maka larangan ini menjadi asbab bagi baginda untuk melakukan dakwah Islam ke seluruh bangsa Arab, sekaligus sebagai wasilah untuk melancarkan propaganda menentang Quraisy. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW memberi keizinan untuk melakukan ibadah haji pada bulan Zul Qaedah dan menghantar beberapa delegasi ke kabilah-kabilah Arab bukan Islam, mengajak mereka ikut bersama-sama baginda keluar menuju Baitullah dalam keadaan aman dan damai tanpa peperangan. Tujuannya adalah untuk memberi mesej kepada bangsa Arab bahawa baginda keluar untuk melaksanakan ibadah haji bukannya untuk berperang. Bersama baginda turut terdapat orang-orang Arab bukan Islam dan mereka tidak seagama dengannya. Ini kerana baginda tidak pergi untuk berperang melainkan untuk mendapatkan persepsi umum yang akan berpihak kepada baginda seandainya kafir Quraisy

menghalang baginda melakukan haji. Baginda telah menetapkan langkah-langkah perdamaian. Lantaran itu baginda tidak mengizinkan kaum Muslimin membawa senjata, kecuali pedang-pedang yang tersimpan di dalam sarungnya. Baginda mengumumkan bahawa rombongannya keluar untuk melakukan haji bukannya untuk berperang.

Rasulullah SAW meninggalkan kota Madinah bersama dengan 1400 orang lelaki. Baginda berada di barisan hadapan menunggang untanya al-Qashwa' sambil diiringi dengan 70 ekor unta yang lainnya. Baginda memakai pakaian ihram untuk umrah agar dapat menunjukkan kepada umat manusia bahawa baginda tidak bermaksud untuk berperang. Baginda hanya keluar untuk mengunjungi Baitullah al-Haram. Selepas melepasi Madinah dan melintasi gurun sejauh 6 atau 7 batu, rombongan haji ini sampai di Zul Hulafah dan mereka mengucapkan talbiyah untuk umrah bermula dari sana. Kaum Muslimin terus bergerak ke arah Makkah. Berita keberangkatan mereka sampai juga ke pengetahuan kaum Quraisy, yang memberitahukan bahawa kaum Muslimin datang untuk haji, bukannya untuk berperang. Kafir Quraisy bimbang perkara itu hanyalah merupakan taktik Muhammad SAW untuk memasuki Makkah, kemudian menyerang penduduknya. Mereka memikirkan perkara tersebut beribu kali dan akhirnya mengambil keputusan untuk menghalang Muhammad SAW memasuki Makkah dengan seberat mana pengorbanan yang mesti mereka lakukan. Kafir Quraisy menyiapkan pasukan untuk menghadapi kaum Muslimin dan menghalang mereka memasuki Makkah. Mereka mengangkat Khalid bin Walid dan Ikrimah bin Abu Jahal memimpin pasukan yang sangat besar yang pasukan berkudanya sahaja berjumlah 200 orang. Pasukan musyrik keluar dari Makkah dan bergerak menuju arah rombongan yang datang untuk berhaji, agar dapat menghalang mereka. Mereka akhirnya tiba di Zu Thuwa lalu mendirikan perkemahan di tempat tersebut. Perkhabaran tentang apa yang dilakukan oleh kafir Quraisy, iaitu mereka telah mempersiapkan pasukan untuk menghalang untuk berhaji, telah sampai kepada Muhammad SAW. Ketika baginda SAW tiba di perkampungan Asfan, yang jaraknya dua marhalah ( $2 \times 44,352 \text{ km} = 88,704 \text{ km}$ ) dari Makkah, Rasulullah SAW bertemu dengan seorang lelaki dari Bani Ka'ab. Nabi SAW bertanya kepadanya tentang kabar orang-orang Quraisy. Lelaki itu berkata, *"Orang-orang Quraisy tersebut telah mengetahui perjalananmu. Mereka keluar dengan membawa perisai dan memakai baju kulit berbintik-bintik seperti harimau bintang. Mereka mendirikan perkemahan pasukan di Zu Thuwa. Di sana mereka bersumpah pada Allah akan menghalang selama-lamanya untuk memasuki Makkah. Dalam pasukan*

*mereka terdapat Khalid bin Walid. Mereka bergerak ke arah Kira' al-Ghamim, suatu tempat yang jauh dari perkemahan kaum Muslimin di 'Asfan sejauh 8 batu."*

Mendengar perkhabaran ini Rasulullah SAW berkata, *"Celakalah orang-orang Quraisy! Sesungguhnya peperangan telah memakan diri mereka. Apa yang mereka akan lakukan sekiranya mereka membiarkan antara diriku dan seluruh orang Arab. Jika mereka memerangiku, bermaksud itulah yang mereka kehendaki. Jika Allah memberi kemenanganku ke atas mereka, pasti mereka masuk Islam secara beramai-ramai. Dan jika mereka tidak melakukannya, maka seluruh orang Arab bersama kekuatannya akan memerangi mereka. Lantas apa yang kafir Quraisy sangkakan. Demi Allah, aku akan terus berjihad atas dasar kebenaran yang aku diutus Allah dengannya sehingga Allah memenangkan kebenaran itu atau aku mati kerananya."* Maksudnya, baginda akan terus berjuang sehingga mendapatkan kemenangan atau mati.

Di sini baginda SAW berfikir tentang perkara yang sedang dihadapinya. Baginda menilai kembali langkah-langkah yang telah digariskannya. Baginda telah menetapkan keputusan menggunakan jalan damai dan tidak menyiapkan diri untuk berperang. Namun, realitinya baginda melihat bahawa kafir Quraisy telah mengutus pasukan untuk memerangi dirinya, sedangkan baginda tidak mahu berperang. Jika demikian realitinya, adakah Rasulullah SAW patut kembali ke Madinah, atau mengubah pendekatan damai dan beralih mengambil strategi peperangan. Baginda mengetahui bahawa kaum Muslimin dengan keimanannya mampu berlawan dengan pasukan musuh dan terjun ke kancha peperangan walaupun mereka belum melakukan persiapan perang. Akan tetapi, baginda datang bukan untuk berperang dan tidak menetapkan untuk pergi berperang. Baginda datang untuk melakukan haji dalam keadaan aman damai. Seandainya baginda dipaksa dan dihalang untuk pergi haji, baginda sebenarnya mampu mengatasi halangan ini. Baginda menyelesaikan persoalan ini hanya menggunakan cara damai, tidak dengan cara perang dan tidak akan terjun ke kancha peperangan. Pendekatan damai yang telah digariskannya, baginda maksudkan untuk membentuk persepsi umum di kalangan seluruh bangsa Arab tentang dakwah Islam dan kemuliaannya. Ia juga untuk membentuk persepsi umum di kalangan Quraisy dan di seluruh Makkah mengenai kemuliaan dakwah ini, serta juga membentuk persepsi umum di kalangan bangsa Arab, Quraisy dan penduduk Makkah terhadap kesalahan Quraisy, kesesatan, kejahatan dan permusuhan mereka. Baginda mahukan persepsi umum ini dapat membentuk iklim dakwah yang kondusif. Ini kerana keadaan tersebut merupakan salah satu faktor dokongan dakwah yang paling besar dalam penyebaran dan pencapaian kemenangan Islam. Berdasarkan perkara ini, baginda menggariskan strategi

pendekatan damai dan tidak menetapkan strategi perang. Jika tetap juga melakukan perang, bermaksud baginda telah menyalahi strategi itu tersebut dan merosakkan aspek yang menjadi alasan baginda keluar dari Madinah.

Oleh itu itu, baginda berfikir secara serius tentang apa yang patut dilakukan. Dalam fikirannya, pandangan baginda mampu menerobos jauh ke hadapan berdasarkan pengalamannya yang banyak dan strateginya yang berhati-hati dibandingkan dengan pemikiran manusia yang lain. Dengan demikian baginda tetap meneruskan strategi damainya, sehingga tidak merosak tujuan baginda sendiri untuk keluar dari kota Madinah dan tidak menyalahinya. Sementara itu, di kalangan bangsa Arab, kaum Quraisy mempunyai alasan tersendiri untuk menyerang Rasulullah. Jadi, persepsi umum sebab ternyata berpihak kepada kafir Quraisy berbanding terhadap baginda. Oleh itu, baginda menyeru rombongannya, "*Sesiapa yang bersedia berjalan keluar bersama kami melalui suatu jalan selain jalan mereka sendiri.*" Lalu seorang lelaki keluar bersama mereka dan menunjukkan jalan kepada mereka. Mereka menyusuri jalan-jalan yang berliku-liku di antara celah-celah gunung yang sempit. Rombongan Rasul SAW ini melalui jalan itu di tengah himpitan kesusahan, melalui perjuangan yang memematkan sehingga akhirnya berjaya melaluinya. Mereka berjalan terus sehingga sampai tanah rata dan berhenti di lembah Makkah. Di tempat tersebut dinamakan Hudaibiyah serta di situlah jugalah mereka mendirikan perkemahan. Ketika pasukan Khalid dan Ikrimah melihatnya, maka mereka terkejut dan segera kembali kepada pasukan untuk mempertahankan Makkah. Mereka panik dan ketakutan kerana kaum Muslimin berjaya melepasi pasukan mereka dan berada di kawasan sempadan Makkah. Pasukan tentera musyrikin berada di dalam Makkah, sementara pasukan tentera Nabi SAW dan para sahabatnya berada di Hudaibiyah.

Kedua-dua pasukan tersebut saling berhadapan. Pasukan Quraisy di dalam Makkah, sedangkan kaum Muslimin di Hudaibiyah. Setiap pasukan berfikir tentang strategi yang akan dilakukan dalam menghadapi musuh. Sebahagian kaum Muslimin berfikir bahawa Quraisy tidak akan membiarkan mereka melakukan haji. Mereka telah mempersiapkan kelengkapan perang untuk menghadapi kaum Muslimin. Oleh itu, tidak ada jalan lain kecuali memerangi mereka untuk mengalahkannya dan segera melakukan ibadah haji. Dengan demikian, mereka semestinya mampu mengakhiri riwayat kafir Quraisy dengan hukuman sekaligus. Sementara itu, pihak Quraisy juga berfikir tentang mempersiapkan diri memerangi kaum Muslimin dengan persiapan yang

memungkinkan mampu menyerang dan menghancurkan mereka sehingga mereka diusir dari Makkah walaupun perkara itu terpaksa ditebus dengan kehancuran Quraisy sendiri. Walaupun kafir Quraisy perlu terlebih dahulu mengambikira kekuatan kaum Muslimin beribu kali. Akhirnya mereka memutuskan untuk tetap berada di Makkah sambil menunggu apa tindakan yang akan dilakukan oleh kaum Muslimin. Rasulullah SAW pula tetap berpegang pada strategi yang telah digariskannya semenjak baginda berniat ihram untuk melakukan haji di Madinah, iaitu strategi damai. Baginda tetap berpegang pada prinsip ini sehingga berjaya mencapai tujuannya. Baginda tetap bertahan di Hudaibiyah, sambil menunggu apa tindakan yang akan dilakukan kaum Quraisy. Baginda tahu bahawa Quraisy gementar kerana takut terhadap dirinya. Mereka akan mengutuskan utusan kepada baginda untuk berunding tentang kedatangannya untuk melakukan haji. Quraisy menghantar Badil bin Waraqa' seorang lelaki dalam rombongan Bani Khuza'ah sebagai utusan perundingan. Tugas yang mesti dijalankannya adalah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai tujuan kedatangannya ke Makkah. Tidak lama selepas perundingan, akhirnya mereka berpuas hati kerana kaum Muslimin tidak datang untuk berperang, melainkan mereka datang untuk mengunjungi Baitullah demi mengagungkan kemuliaannya. Selepas itu, utusan tersebut kembali untuk meyakinkan Quraisy dengan perkhhabaran tadi dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meyakinkannya, sehingga Quraisy mencurigai mereka telah berpihak kepada Muhammad SAW. Quraisy tidak mempercayai ucapan para utusan ini. Mereka menghantarkan utusan lain di bawah kepemimpinan Mukriz bin Hafash, namun nasibnya juga seperti utusan pertama. Kemudian mereka menghantar Halis bin 'Alqamah, ketua suku al-Ahaabisy untuk berunding dengan Muhammad SAW. Quraisy percaya kepadanya mahupun kaumnya memusuhi Muhammad SAW. Quraisy sememangnya bermaksud membangkitkan gelora permusuhannya terhadap kaum Muslimin. Seandainya kembali dan perundingannya tidak berjaya, sudah tentu dendam Halis bertambah marak dan semangat untuk mempertahankan Makkah semakin meningkat. Nabi SAW mengetahui kedatangannya, lalu baginda mengarahkan agar haiwan-haiwan sembelihan untuk haji dilepaskan di hadapannya, agar haiwan-haiwan itu pada pandangan Halis menjadi bukti yang boleh dilihat bahawa niat kaum Muslimin ini adalah untuk haji bukannya perang.

Halis bertolak dan ketika sampai di perkemahan kaum Muslimin, dia melihat unta-unta berkeliaran di lembah. Dia juga melihat pergerakan kaum Muslimin bersama haiwan-haiwan sembelihan yang benar-benar menunjukkan

sebagai rombongan umrah, bukan sebagai pasukan perang. Jelas kelihatan di khemah-khemah mereka suasana ibadah. Pemandangan ini membawa pengaruh yang amat meyakinkan Halis bahawa mereka bertujuan untuk ibadah bukannya untuk berperang. Tidak lama kemudian dia berpuas hati melihat realiti situasi kaum Muslimin itu maka Halis pun kembali ke Makkah, sedangkan dia belum bertemu Rasulullah SAW. Dia menceritakan kepada Quraisy dan meminta mereka agar membiarkan kaum Muslimin melaksanakan haji. Halis sangat marah pada sikap Quraisy yang keras kepala dan mengancam mereka jika tidak memberi kemudahan pada Muhammad yang hendak mengunjungi Ka'bah, maka Halis dan orang-orang Al-Ahaabisy akan meninggalkan Quraisy dari Makkah. Akan tetapi, Quraisy memohon Halis agar bersabar seketika dan meminta Halis supaya memberikan tempoh agar mereka boleh memikirkan persoalan tersebut dengan matang. Halis tidak memperdulikan mereka lagi.

Sementara itu Quraisy menghantar lagi utusan iaitu Urwah bin Mas'ud at-Thaqafiy. Tentunya setelah mereka berjaya meyakinkannya bahawa mereka merasa yakin dan percaya dengan fikirannya. Urwah bertolak menemui Rasulullah SAW dan mengajak berunding agar Rasulullah pulang sahaja dari Makkah. Dalam perundingannya, Urwah menggunakan berbagai uslub, akan tetapi dia tidak berjaya dan kembali dengan perasaan berpuas hati dengan pandangan Rasulullah SAW. Dia berkata kepada Quraisy: *“Wahai orang-orang Quraisy, sesungguhnya aku pernah berjumpa Kisra di kerajaannya dan Kaisar di kerajaannya begitu juga Najasyi di kerajaannya. Demi Allah, aku tidak pernah melihat sebuah kerajaan dalam suatu kaum seperti Muhammad di tengah-tengah para sahabatnya. Sesungguhnya aku telah melihat suatu kaum (kaum Muslimin) yang selama-lamanya tidak akan menyerahkannya (Muhammad) untuk sesuatu pun. Oleh itu, fikirkan kembali pendapat kamu!”*

Kebencian dan dendam kafir Quraisy semakin menjadi-jadi. Dialog terus berlaku dan memakan masa yang lama tanpa mencapai kata sepakat. Melihat perkara ini, Rasulullah SAW berfikir untuk menghantar utusan untuk berunding. Kemungkinan utusan-utusan Quraisy takut terhadap umatnya dan kemungkinan juga utusan Rasulullah SAW itu akan dapat meyakinkan mereka. Lalu Rasul menghantar Kharrasy bin Umayyah al-Khuza'iy untuk berjumpa mereka. Akan tetapi, mereka melukakan utusan ini dan mahu membunuhnya sekiranya tidak ada pembelaan dari puak al-Ahaabiisy. Kemarahan Quraisy semakin membara. Di tengah malam, mereka menghantar beberapa orang bodoh untuk melemparkan batu yang menyasarkan khemah-khemah kaum Muslimin. Kaum

Muslimin marah bahkan mereka berfikir untuk memerangi kafir Quraisy. Akan tetapi Rasulullah SAW berjaya meredakan kemarahan mereka dan menenangkannya.

Tersebar berita pula bahawa seramai 50 orang dari Quraisy telah keluar untuk datang ke perkhemahan kaum Muslimin dengan tujuan menyerang dan menghancurkan mereka tanpa meninggalkan seorangpun para sahabat Nabi SAW. Namun rancangan tersebut diketahui oleh kaum Muslimin, lalu mereka ditangkap dan dihadapkan ke hadapan Rasulullah SAW. Baginda memaafkan mereka dan melepaskannya. Tindakan tersebut mempunyai kesan yang besar di Makkah dan menjadi bukti kuat yang menunjukkan kebenaran Muhammad SAW tentang ucapannya yang menyatakan baginda datang untuk haji, bukan untuk berperang. Dengan demikian persepsi umum di Makkah berpihak kepada Rasulullah SAW. Seandainya baginda ketika itu memasuki Makkah dan Quraisy pula berusaha untuk menghalangnya tentu akibatnya yang mesti mereka hadapi dan penduduk Makkah serta bangsa Arab pula akan memusuhi mereka. Oleh itu, kafir Quraisy berusaha meredakan kemarahan mereka sendiri dan cuba untuk memikirkan lagi persoalan ini. Sedikit demi sedikit situasi di Makkah mula menampakkan tanda-tanda ke arah perdamaian. Rasulullah SAW pula ingin menghantar utusan yang akan berunding dengan kafir Quraisy. Baginda meminta Umar bin al-Khathab untuk pergi ke Makkah, namun beliau memberi alasan kepada Rasulullah, *"Wahai Rasul, aku bimbang kafir Quraisy akan membunuhku, sedangkan di Makkah tiada seorangpun bani 'Adi bin Ka'ab yang akan melindungiku. Permusuhan dan ketegasanku terhadap mereka sangat sengit. Akan tetapi, aku mencadangkan kepadamu seseorang yang lebih mampu daripada aku iaitu Uthman bin 'Affan."* Nabi SAW memanggil Uthman dan menghantarnya untuk menemui Abu Sufyan. Maka Uthman bertolak menemui kaum Quraisy dan menyampaikan kepada mereka misi surat Nabi SAW. Mereka berkata, *"Jika kamu hendak hawaf di Baitullah, maka tawaflah,"* Uthman menjawab: *"Aku tidak akan melakukannya sehingga Rasulullah saw juga tawaf,"* .

Kemudian Uthman berunding dengan mereka tentang pentingnya tawaf Rasulullah SAW, namun Quraisy menolak cadangan itu. Perundingan di antara mereka memakan masa yang panjang dan terus berlangsung. Perundingan beralih dari persoalan penolakan Quraisy, mengarah kepada kesepakatan baru yang akan mewujudkan kepentingan Quraisy dan kepentingan kaum Muslimin. Mereka membahasnya dengan Uthman tentang kemungkinan membentuk hubungan dua hala antara mereka dengan Muhammad SAW. Mereka juga bersikap baik



terhadap Uthman untuk mencari jalan yang dapat membebaskan mereka daripada situasi sukar dan dari permusuhan mereka dengan Muhammad SAW yang berpanjangan.

Pemergian Uthman terlalu lama di Makkah, sedangkan tanda-tanda keberadaannya di Makkah juga tidak jelas. Sehingga akhirnya tersebar berita di kalangan kaum Muslimin bahawa Quraisy telah memperdaya Uthman dan membunuhnya. Kegelisahan kaum Muslimin semakin memuncak dan sempat mencemaskan Nabi SAW bahawa Quraisy telah membunuh Uthman. Akibatnya berkobar-kobar kemarahan kaum Muslimin serta bergolak. Setiap mereka menggenggam pedangnya dan bersiap untuk berperang serta membunuh. Seketika itu pula Rasulullah SAW mengingatkan kembali pandangannya tentang strategi yang telah digariskannya, iaitu strategi perdamaian. Baginda melihat bahawa perkembangan baru itu memerlukan tinjauan yang berulang kali terhadap pendekatan tersebut, khususnya setelah melihat adanya tanda-tanda bahawa kafir Quraisy memperdaya Uthman dalam bulan haram, sedangkan beliau adalah utusan sebagai juru runding. Oleh itu, baginda berkata: *"Janganlah kita meninggalkan tempat ini sehingga kita memerangi kaum itu!"*

Baginda memanggil para sahabatnya untuk bersama-sama berdiri di bawah seponon pokok dan meminta mereka untuk memberikan baiah kepada baginda. Mereka semua berbaiah untuk tidak lari daripada peperangan sehingga mati. Mereka sangat bersemangat dalam keadaan kekuatan yang jitu dan keimanan yang benar. Ketika selesai mengadakan baiah, Rasulullah SAW meletakkan salah satu tangannya kepada tangan lainnya sebagai tanda baiah untuk Uthman. Seakan-akan Uthman hadir bersama mereka. Baiah ini dinamakan Baiah Ridhwan. Mengenai peristiwa ini Allah SWT menurunkan ayat-Nya:

﴿لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا﴾

*"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang mukmin ketika mereka membaiahmu di bawah pokok, maka Allah mengetahui apa yang ada dalam hati mereka lalu menurunkan ketenangan kepada mereka dan memberikan balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)." (Surah Al-Fath [48]: 18).*

Sebelum selesai baiah dan kaum Muslimin belum lagi mempersiapkan diri untuk terjun ke medan pertempuran dan memasuki medan perang, tiba-tiba

sampai berita kepada mereka bahawa Uthman tidak dibunuh. Tidak berapa lama kemudian, Uthman kembali dan memberitahu Rasulullah SAW tentang apa yang diperkatakan oleh Quraisy. Rasulullah SAW meneliti dengan bersungguh-sungguh lalu perundingan damai antara Rasulullah SAW dan Quraisy diperbaharui. Quraisy menghantar Suhail bin Amru untuk berunding dengan Rasulullah SAW dengan agenda yang lebih luas dari sekadar masalah haji dan umrah menjangkau halatuju suatu perjanjian damai yang akan ditetapkan antara baginda dan mereka yang pada dasarnya bahawa baginda perlu meninggalkan Makkah tahun ini. Rasulullah SAW menerima rundingan damai dengan asas tersebut. Ini kerana perjanjian tersebut telah merealisasikan hasrat baginda dalam melakukan kunjungan ke Baitullah. Selain itu tidak menjadi masalah bagi baginda untuk mengunjungi Baitullah tahun ini atau tahun hadapan. Baginda mahu memisahkan Khaibar dari Quraisy dan membersihkan halangan antara baginda dengan bangsa Arab untuk kepentingan sebaran dakwah Islam. Baginda setuju menetapkan perjanjian antara baginda dan Quraisy yang akan menghentikan peperangan terbuka antara baginda dan mereka, mahupun peperangan-peperangan lain yang mungkin terjadi secara berturutan. Adapun masalah haji dan umrah, tidak akan mempengaruhi samada akan dilaksanakan sekarang ataupun tahun hadapan.

Rasulullah SAW memasuki proses rundingan dengan juru runding Suhail bin 'Amru. Berlakulah diskusi panjang lebar di antara kedua-dua belah pihak berkenaan dengan perjanjian damai tersebut beserta syarat-syaratnya. Dalam beberapa kesempatan, diskusi tersebut diselangi dengan beberapa INSIDEN gangguan dan hampir terbatal sekiranya tidak ada kebijaksanaan Rasulullah SAW, pengalamannya dan ketepatan politiknya. Kaum Muslimin berada di sekitar Rasulullah SAW mendengar perdebatan tersebut dan mereka menganggap bahawa perbincangan itu berkenaan dengan umrah, sedangkan Rasulullah SAW sendiri menganggapnya sebagai diskusi tentang penamatan perang. Oleh sebab itu, pandangan politik kaum Muslimin masih lagi sempit, sedangkan Rasulullah SAW merasa gembira terhadap perkara itu dan mengarahkan perjanjian itu terarah kepada tujuan yang baginda kehendaki dengan melihat kepada perincian dan manfaatnya. Kesepakatan antara kedua-dua belah pihak selesai berlandaskan syarat-syarat tertentu. Sayangnya, syarat-syarat ini membakar dan membangkitkan kemarahan kaum Muslimin. Mereka berusaha meyakinkan Rasulullah SAW agar menolak syarat-syarat perjanjian itu dan menggantikannya dengan peperangan. Sehingga Umar bin al-Khattab pergi berjumpa dengan

Abu Bakar dan berkata kepadanya, *“Kenapa kita menerima kehinaan untuk agama kita?”*

Umar berusaha mengajaknya pergi berjumpa Rasulullah SAW untuk meyakinkan baginda agar menolak syarat-syarat perjanjian tersebut. Akan tetapi, Abu Bakar pula meyakinkan Umar agar redha terhadap apa yang diredhai Rasulullah SAW, akan tetapi tidak berjaya. Akhirnya, beliau pergi sendiri berjumpa Nabi SAW dan berdialog dengan baginda dengan nada yang marah. Tetapi dialog Umar tidak mampu untuk mengubah kesabaran dan keazaman Nabi SAW dan berkata kepada Umar, *“Saya adalah hamba Allah dan Rasul-Nya. Saya tidak akan pernah menyalahi perintah-Nya dan Dia tidak akan mensia-siakanmu,”*. Kemudian baginda memanggil Ali bin Abi Thalib dan berkata kepadanya, *“Tulislah olehmu: Bismillaahirrahmaanirrahiim!”* Maka Suhail berkata: *“Saya tidak tahu apa itu, namun tulislah: Bismika Allaahumma.”* Rasulullah SAW berkata: *“Tulislah olehmu: Bismika Allaahumma,”*. Kemudian Baginda meneruskan, *“Tulislah olehmu: Ini adalah perjanjian damai yang disepakati Muhammad Rasulullah dengan Suhail bin ‘Amru.”* Maka Suhail berkata: *“Seandainya aku bersaksi bahawa engkau Rasulullah, tentu aku tidak memerangimu. Oleh itu, tulislah namamu dan nama bapamu!”* Rasulullah SAW berkata, *“Tulislah olehmu: Ini adalah perjanjian damai yang disepakati Muhammad bin Abdullah dengan Suhail bin ‘Amru”*.

Kemudian Ali menuliskan perjanjian di antara kedua-dua belah pihak yang isi perjanjiannya sebagai berikut:

- a. Perjanjian ini adalah perjanjian gencatan senjata yang mengikat kedua-dua belah pihak. Di antara kedua-dua belah pihak tidak ada peperangan atau pembunuhan.
- b. Sesiapa sahaja dari Quraisy yang telah masuk Islam dan datang kepada Muhammad tanpa izin walinya, maka Muhammad mesti mengembalikannya kepada mereka. Sesiapa sahaja yang murtad dari kaum Muslimin dan mendatangi Quraisy, maka mereka tidak akan mengembalikannya kepada Muhammad.
- c. Sesiapa sahaja dari bangsa Arab yang ingin ikut serta dalam kesepakatan Muhammad dan perjanjiannya, maka tidak akan dihalang. Demikian juga sesiapa sahaja yang ingin ikut serta dalam kesepakatan dan perjanjian Quraisy maka tidak akan dihalangi.
- d. Tahun ini Muhammad dan para sahabatnya mesti pulang dari Makkah. Mereka boleh kembali ke Makkah pada tahun berikutnya. Mereka hanya boleh masuk dan

tinggal di dalamnya selama 3 hari. Mereka hanya boleh membawa pedang-pedang yang tersimpan di dalam sarungnya dan tidak boleh membawa senjata lainnya.

e. Perjanjian diadakan dalam jangkamasa tempoh tertentu. Tempohnya selama 10 tahun bermula tarikh tandatangan.

Rasulullah SAW dan Suhail menandatangani perjanjian di tengah-tengah gelora dan kemarahan pasukan kaum Muslimin. Suhail berdiri dan segera kembali ke Makkah. Rasulullah SAW pula masih berada di tempatnya dalam suasana tidak ceria, kemarahan dan tidak senang dengan kaum muslimin yang berpunca dari semangat sikap keras dan keinginan besar untuk berperang. Baginda menemui isterinya iaitu Ummu Salamah yang menyertainya dan mengabarkan kepadanya tentang kelakuan kaum muslimin. Beliau berkata kepada baginda: *“Wahai Rasulullah kaum Muslimin tidak akan menentangmu. Sesungguhnya mereka sangat bersemangat untuk berperang kerana agama dan keimanan mereka kepada Allah dan risalahmu. Oleh itu, bercukur dan bertahallullah, nescaya anda akan mendapati kaum Muslimin akan mengikutimu. Kemudian kita kembali ke Madinah bersama mereka.”*

Rasulullah SAW keluar menemui kaum Muslimin. Baginda kemudian mencukur rambut sebagai penutup umrah. Jiwanya penuh dengan ketenangan dan keredhaan. Ketika kaum Muslimin melihat Rasulullah SAW tetap tenang, mereka segera melalui hari nahtar dan ikut sama bercukur dan memendekkan rambut. Nabi SAW dan kaum Muslimin kemudiannya kembali ke Madinah. Di tengah perjalanan pulang, turun surat al-Fath kepada Rasulullah SAW. Baginda membacakannya kepada mereka dari awal hingga akhir. Mereka semua akhirnya yakin bahawa perjanjian ini adalah kemenangan yang amat nyata untuk kaum Muslimin.

Kaum Muslimin tiba di kota Madinah. Rasulullah SAW telah melaksanakan strateginya dalam menyelesaikan masalah Khaibar, penyebaran dakwah di luar semenanjung Arab, menstabilkan keadaan dalam negeri semenanjung Arab dan mengisi kekosongan masa akibat adanya perjanjian damai dengan Quraisy untuk menyelesaikan permasalahan yang masih ada pada sebahagian suku Arab serta menjalin hubungan luar negeri. Dengan demikian sempurnalah tujuan-tujuan itu, dan keberkatan perjanjian yang dilakukannya ini. Baginda SW berjaya melaksanakan strategi yang telah baginda susun ketika berhaji dengan teliti, walaupun dihalang oleh berbagai kesukaran dan kekerasan.

Baginda akhirnya mencapai tujuan politik yang telah ditetapkannya. Sehingga perjanjian Hudaibiyah merupakan kemenangan yang nyata dan di antara kejayaan-kejayaan antara lain sebagai berikut:

1. Rasulullah SAW membentuk persepsi umum yang mendukung dakwah Islam di seluruh bangsa Arab pada umumnya, di Makkah dan dengan Quraisy pada khususnya. Perkara itu menyebabkan semakin kuatnya kedudukan kaum Muslimin sekaligus melemahkan kedudukan Quraisy.
2. Menyingkap kepercayaan kaum Muslimin terhadap Rasulullah SAW, menunjukkan kekuatan iman kaum muslimin dan ketetapan mereka dalam menghadapi ancaman sekaligus bahawa mereka tidak takut mati.
3. Mengajarkan kepada kaum Muslimin bahawa gerakan politik merupakan wasilah dakwah Islam.
4. Menjadikan kaum Muslimin yang masih tinggal di Makkah bersama-sama kaum musyrikin untuk membentuk aset dakwah di dalam kem musuh.
5. Menjelaskan bahawa pendekatan dalam politik perlu berasaskan pemikiran itu sendiri dan disertai kejujuran serta memenuhi janji. Sedangkan wasilah politik perlu mencerminkan kebijaksanaan, iaitu menyembunyikan wasilah-wasilah dan tujuan-tujuan politik yang sebenarnya dari pandangan musuh.

## Penghantaran Utusan Ke Negara-Negara Jiran

Selepas Rasulullah SAW menikmati ketenangan terhadap dakwahnya di seluruh bumi Hijaz, baginda mula membawa dakwahnya ke luar Hijaz. Ini kerana Islam adalah agama untuk seluruh umat manusia dan Rasulullah SAW diutus untuk seluruh alam. Allah SWT berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

*“Dan tidaklah Kami mengutus engkau, melainkan untuk sebagai rahmat bagi semesta alam”* (Surah al-Anbiyaa’ [21]: 107).

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

*“Dan Kami tidak mengutus engkau, melainkan kepada umat manusia seluruhnya, sebagai pembawa berita gembira dan sebagai peringatan.”* (Surah Saba’ [34]: 28)

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ  
عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

*“Dialah yang mengutus Rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar untuk dimenangkan-Nya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukai”* (Surah at-Taubah [9]: 33).

Oleh kerana itu menjadi kemestian untuk Rasulullah SAW selepas berjaya memperkukuhkan negara dan dakwah untuk melakukan hubungan luar negeri dengan menyampaikan dakwah baginda melalui para duta yang dilantik. Yang dimaksudkan dengan hubungan luar negeri yang berkaitan dengan Rasulullah SAW adalah hubungan dengan pelbagai pihak kafir yang berada di luar wilayah pemerintahannya. Ketika kekuasaan Rasulullah SAW berada di sekitar Madinah sahaja, maka hubungan baginda dengan kafir Quraisy dan orang-orang di luar Madinah dan wilayah lain dianggap sebagai hubungan luar negeri. Ketika kekuasaan Rasulullah SAW merangkumi seluruh Hijaz, maka hubungan baginda dengan pihak-pihak yang berada di luar Hijaz dianggap sebagai hubungan luar

negeri. Ketika kekuasaannya mencakupi seluruh semenanjung Arab, maka hubungan baginda dengan pihak-pihak yang ada di luar semenanjung Arab seperti bangsa Parsi dan Rom juga dianggap sebagai hubungan luar negeri. Setelah menandatangani Perjanjian Hudaibiyah dan menyelesaikan masalah Khaibar, maka kekuasaan Rasulullah SAW berjaya meliputi hampir keseluruhan Hijaz. Ini kerana Quraisy tidak lagi memiliki kekuatan yang dapat menghalang Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW telah menghantar utusan-utusannya ke luar negeri. Baginda tidak melakukan penghantaran para duta besar tersebut kecuali selepas situasi politik dalam negeri telah aman dan stabil. Kemudian baginda mempersiapkan kekuatan yang cukup untuk mendukung politik luar negerinya. Sekembalinya dari Khaibar, pada suatu hari baginda ke luar menemui para sahabatnya, lalu bersabda, *“Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah mengutusku sebagai rahmat dan untuk seluruh alam. Janganlah kamu menyalahiku sebagaimana Hawariyyun yang telah menyalahi Isa bin Maryam.”* Para sahabat bertanya: *“Bagaimana kaum Hawariyyin itu telah menyalahi, wahai Rasulullah?”* Baginda menjelaskan: *“Dia (Isa bin Maryam) mengajak mereka kepada Zat yang saya juga mengajak kamu kepada-Nya, maka redha dan menerima. Adapun sesiapa sahaja yang dia diutuskan ke tempat yang jauh, maka dia menampakan riak wajah yang tidak suka dan keberatan”*

Disebutkan bahawa baginda menghantarkan utusan ke Heraklius, Kisra, Mauquqis, al-Harith al-Ghassaani yang merupakan Raja Hirah, al-Harith al-Himiri yang merupakan Raja Yaman, Raja Najasyi di Habsyah, Kerajaan Oman, Kerajaan Yamamah dan Raja Bahrain. Baginda mengajak mereka untuk memeluk Islam, maka para sahabatnya memenuhi permintaan baginda. Kemudian baginda membuat cop mohor yang diperbuat daripada perak yang terukir padanya: *“Muhammad Rasul”*. Dengan surat yang dibawa oleh para utusan ini, baginda mengajak para raja tersebut kepada Islam. Surat untuk Heraklius, baginda serahkan kepada Dahyah bin Khalifah al-Kalabi, untuk Kisra pula diserahkan kepada Abdullah bin Hadzafah as-Sahami, untuk an-Najasyi diberikan kepada Amru bin Umayyah al-Dhamiri, untuk Muqauqis pula dikirimkan melalui Hathib bin Abi Balta’ah, untuk Raja Oman diberikan kepada Amru bin ‘Ash as-Sahami, untuk Raja Yamamah diberikan kepada Salith bin Amru, untuk Raja Bahrain diberikan kepada al-Alla’ bin al-Hadhrami, untuk al-Harith al-Ghassaani, Raja Takhum Syam pula diberikan kepada Syuja’ bin Wahab al-Asadi dan untuk al-

Harits al-Hamiriy, raja Yaman, kepada al-Muhajir bin Abi Umayyah al-Makhzumi.

Para utusan tersebut bertolak bersama-sama ke tempat tujuan mereka masing-masing sebagaimana yang telah Rasulullah SAW tetapkan kepada mereka. Mereka bertolak dalam masa yang sama dan menyampaikan surat-surat Nabi SAW tersebut kepada pemerintah yang ditujui lalu mereka kembali semula. Sebahagian besar raja yang mendapat kiriman surat Rasulullah SAW itu membalasnya dengan sopan dan lembut dan sebahagian lainnya membalas dengan jawapan buruk. Jawapan para raja Arab adalah pelbagai respon. Iaitu Raja Yaman dan Raja Oman membalas surat Nabi SAW dengan buruk, Raja Bahrain membalasnya dengan baik dan dia memeluk Islam. Raja Yamamah pula membalasnya dengan menampakkan kesediaannya untuk menerima Islam jika diberi kedudukan sebagai pemerintah. Maka Nabi melaknatnya kerana ketamakannya itu. Sedangkan para penguasa selain bangsa Arab, jawapan mereka juga pelbagai respon. Kisra Raja Parsi pula tidak lama kemudian selepas sampai kepadanya surat Rasulullah SAW yang mengandungi pelawaan untuk memeluk Islam, maka serta merta dia marah dan mengoyak surat baginda. Selepas itu, Kisra segera mengutus surat kepada Bazan, iaitu amilnya untuk wilayah Yaman, agar dia membawa ketua utusan Rasul yang sekarang ada di Hijaz kepadanya. Ketika kabar tentang ucapan Kisra dan perlakuan kasarnya terhadap surat itu sampai kepada Nabi SAW, baginda mengutuk, "*Semoga Allah mengoyak-ngoyak kerajaannya.*" Ketika surat Kisra telah sampai kepada Bazan, iaitu amilnya di Yaman, yang memperkatakan Islam dan akhirnya dia menyatakan keislamannya. Dengan demikian Bazan tetap tinggal di Yaman sebagai amil Nabi SAW di Yaman dan dia adalah individu yang berbeza dengan Raja Yaman al-Harith al-Himiri. Sementara Raja Muqauqis, pemerintah Qibthi pula telah membalasnya dengan balasan yang indah dan dia menghantarkan hadiah kepada Nabi SAW. Sedangkan Raja Najasyi juga turut membalas surat baginda dengan balasan yang indah, bahkan dikatakan bahawa dia telah masuk Islam. Adapun Kaisar Heraklius tidak mempedulikan pelawaan ini. Dia juga tidak berfikir untuk menghantar pasukan tentera untuk menyerang Muhammad, serta tidak mengatakan apa-apa respon. Ketika al-Harits al-Ghassaani meminta keizinan kepadanya untuk memimpin pasukan menyerang Rasulullah SAW ini, maka Heraklius tidak memenuhi permintaannya tersebut. Dia mengundang al-Harith untuk menemuinya di Baitul Muqdis.



Antara implikasi surat-surat tersebut adalah bangsa Arab mula masuk ke dalam agama Allah secara beramai-ramai, lalu diikuti delegasi mereka yang berturut-turut menemui Rasulullah SAW dan menyatakan keislamannya. Sedangkan untuk selain bangsa Arab, Rasulullah SAW mula menyiapkan kekuatan untuk melaksanakan jihad menghadapi mereka.

## Peperangan Khaibar

Baru sahaja 15 hari Rasulullah SAW berada di Madinah selepas kepulangannya dari Hudaibiyah, baginda memerintahkan para sahabatnya untuk bersiap sedia menyerang Khaibar. Baginda menetapkan bahawa yang boleh bersama-sama berperang dengan baginda adalah hanya terhad kepada para sahabat yang bersama-sama menyaksikan Perjanjian Hudaibiyah.

Sebelum bertolak ke Hudaibiyah, sampai informasi kepada baginda bahawa Yahudi Khaibar telah mengadakan konspirasi dengan Quraisy untuk menyerang Madinah dan menghancurkan kaum Muslimin. Konspirasi mereka itu dilakukan secara rahsia. Untuk menghadapi perkara tersebut, langkah pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW adalah mengikat perjanjian damai dengan pihak Quraisy, kemudian menyiapkan perancangan untuk menyerang Yahudi. Ketika baginda berjaya menyelesaikan langkah perdamaian dengan sempurna dalam perjanjian Hudaibiyah dan mengasingkan Khaibar daripada kerjasama dengan Quraisy, maka baginda terus menyelesaikan strateginya yang seterusnya untuk menyerang Yahudi Khaibar. Oleh kerana itu, sekembalinya dari Hudaibiyah baginda mengarahkan para sahabatnya untuk mempersiapkan pasukan. Baginda bertolak bersama-sama dengan 1600 orang kaum Muslimin, disertai 100 orang pasukan berkuda. Mereka kesemuanya percaya dengan pertolongan Allah SWT. Mereka menempuh perjalanan antara Khaibar dan Madinah dalam tempoh 3 hari. Hampir-hampir penduduk Khaibar tidak perasan kehadiran kaum Muslimin ketika itu sehingga pasukan kaum Muslimin dapat bermalam di hadapan benteng mereka. Pagi hari selepas subuh, para pekerja Khaibar seperti biasa akan keluar menuju ladang-ladang pertanian mereka dengan membawa sekop dan keranjang dari daun kurma. Ketika mereka melihat pasukan kaum Muslimin dengan spontan mereka lari kembali ke bentengnya sambil melaungkan "*Itu Muhammad bersama pasukannya!*" Mendengar laungan itu, Rasulullah SAW bersabda, "*Allahu Akbar! Hancurlah Khaibar! Sesungguhnya ketika kita turun di halaman suatu kaum, maka pagi yang buruk milik orang-orang yang terancam.*"

Sebenarnya kaum Yahudi sudah bersedia menerima kenyataan bahawa Rasulullah SAW akan memerangi mereka. Ini kerana ketika berita perjanjian Hudaibiyah sampai kepada mereka dan Quraisy pula telah mengikat perjanjian dengan Rasulullah SAW, mereka menganggap peristiwa itu sebagai bentuk

penarikan mereka dari pakatan dengan Quraisy. Lalu sebahagian mereka menyarankan untuk segera membentuk kumpulan dari kalangan mereka sendiri serta dari Yahudi lembah Qura serta Taima' untuk menyerang Yathrib, tanpa mempedulikan lagi prinsip-prinsip yang dipegang oleh kabilah-kabilah Arab dalam peperangan. Terutama selepas Quraisy mengikat perjanjian dengan Muhammad SAW. Sementara itu kelompok Yahudi yang lainnya pula berpendapat untuk menyertai dalam persekutuan bersama Rasul SAW, supaya dapat menghapus kebencian yang melekat dalam jiwa kaum Muslimin terhadap mereka. Kaum Yahudi saling mengingatkan tentang masalah itu. Ini kerana mereka merasakan adanya bahaya yang semakin dekat dengan mereka. Mereka juga tahu bahawa Rasulullah SAW telah membongkarkan rahsia konspirasi mereka dengan Quraisy. Sehingga mereka sedar bahawa Muhammad pasti akan memerangi mereka.

Walaupun demikian, mereka belum dapat menerima kenyataan bahawa serangan baginda kepada mereka begitu cepat. Lantaran itu, mereka kebingungan dengan kedatangan Rasulullah SAW dan pasukannya yang begitu mendadak. Lalu mereka segera meminta bantuan Ghatfan, pada masa yang sama berusaha untuk tetap bertahan dalam berdepan dengan Rasul SAW serta melidungi diri dalam benteng mereka. Namun, serangan pasukan kaum Muslimin sangat cepat. Pertahanan dan perlawanan mereka tidak ada ertinya. Semua pertahanan mereka goyah dan akhirnya runtuh menyebabkan mereka berputus asa. Mereka memohon perdamaian kepada Rasulullah SAW agar baginda tidak akan membunuh mereka. Rasulullah SAW menerima permintaan mereka dan membolehkan mereka tetap tinggal di negerinya. Ketika tanah dan kekayaan alam mereka dikuasai sesuai dengan hukum penaklukan, maka baginda membiarkan mereka tetap tinggal di Khaibar, dengan syarat mereka bekerja menguruskan kekayaan tersebut dengan pembagian: separuh untuk mereka dan separuh bakinya lagi untuk baginda. Mereka menyetujuinya. Kemudian Rasulullah SAW kembali ke kota Madinah dan tinggal di sana sehingga tiba masanya baginda pergi untuk melakukan Umrah Qadha'.

Dengan memutuskan penyelesaian politik terhadap kekuasaan Khaibar dan menundukkan mereka kepada kekuasaan kaum Muslimin, maka Rasulullah SAW berjaya mendamaikan bahagian utara semenanjung Arab sehingga ke wilayah Syam. Sebelum itu baginda juga telah berjaya mendamaikan wilayah selatan semenanjung selepas perjanjian Hudaibiyah. Dengan demikian jalan

dakwah di kawasan semenanjung Arab telah terbuka, begitu juga jalan dakwah di luar semenanjung Arab.

## Umrah Qadha

Perjanjian Hudaibiyah antara Rasulullah SAW dengan kafir Quraisy hampir-hampir terbatal sehingga Bani Khuza'ah bersama-sama dalam perjanjian dengan Muhammad SAW dan Bani Bakr pula bersama-sama dengan Quraisy. Hubungan antara Quraisy dengan Muhammad SAW menjadi tenang dan setiap pihak mempertahankan situasi tersebut. Sementara itu, kafir Quraisy bersiap sedia untuk memperluaskan lagi jaringan perdagangannya untuk mengembalikan imej yang hilang ketika berlakunya konflik peperangan antara mereka dengan kaum Muslimin. Rasulullah SAW pula bersiap sedia untuk meneruskan kelangsungan penyampaian risalahnya ke seluruh umat manusia, memfokuskan kekuatan negara di kawasan semenanjung Arab, dan menyediakan sebab-sebab yang dapat mewujudkan ketenangan dalam Negara Islam. Selepas itu, baginda menyelesaikan masalah Khaibar, menghantar utusan-utusan kepada raja-raja di pelbagai negara, menjalin hubungan luar negeri, dan memperluas wilayah kekuasaan negara sehingga merangkumi seluruh penjuru semenanjung Arab.

Belum pun genap setahun selepas perjanjian Hudaibiyah, Rasulullah SAW sudah memanggil para sahabatnya untuk bersiap sedia melakukan Umrah Qadha' yang sebelum itu tidak sempat dilakukan kerana dihalang oleh kafir Quraisy. Rombongan ini bertolak dalam jumlah 2000 orang kaum Muslimin. Sebagai bentuk pelaksanaan yang termaktub dalam perjanjian Hudaibiyah, maka tidak ada seorang pun dalam rombongan tersebut yang membawa senjata kecuali pedang yang berada di dalam sarungnya. Akan tetapi Rasulullah SAW bimbang jika berlakunya tipudaya, maka baginda menyiapkan 100 orang pasukan berkuda di bawah pimpinan Muhammad bin Maslamah. Baginda mengutus mereka sebagai pasukan hadapan tanpa melanggar kesucian kota Makkah. Kemudian kaum Muslimin bertolak dan menunaikan qadha umrah, seterusnya kembali ke Madinah. Dengan kembalinya mereka, penduduk Makkah mula memeluk Islam. Khalid bin Walid, 'Amru bin 'Ash, dan penjaga Ka'bah 'Uthman bin Thalhah semuanya memeluk Islam. Seiring dengan pengislaman tokoh-tokoh tersebut, maka ramai penduduk Makkah yang turut memeluk Islam. Dengan demikian bangunan Islam di Makkah semakin kuat dan kelemahan merayap ke dalam barisan Quraisy.[]

## Perang Mu'tah

Reaksi penolakan dakwah oleh para raja di luar semenanjung Arab telah mendorong Rasulullah SAW untuk segera mempersiapkan pasukan dalam rangka berjihad di luar semenanjung Arab selepas para duta besar kembali dari tugas mereka dalam menyampaikan dakwah. Baginda memantau informasi bekekaan kerajaan Rom dan Parsi. Wilayah Rom adalah bersempadan dengan wilayah baginda. Oleh sebab itu, baginda selalu memantau informasi tentang mereka dan berpandangan bahawa dakwah Islam akan semakin tersebar luas ketika sudah keluar dari semenanjung Arab, sehingga seluruh umat manusia dapat mengetahuinya. Baginda melihat bahawa negeri Syam merupakan sasaran pertama bagi dakwah di luar semenanjung Arab.

Selepas wilayah Yaman menikmati keamanan dengan penyertaan amil Kisra dengan dakwah Islam, maka baginda mula berfikir untuk menghantar pasukan ke negeri Syam dalam memerangi mereka. Pada bulan Jamadil Awal tahun ke-8 selepas Hijrah, iaitu beberapa bulan selepas pelaksanaan qadha umrah, baginda mempersiapkan 3000 orang tentera dari pahlawan-pahlawan Islam terbaik. Baginda melantik Zaid bin Harithah sebagai ketua pasukan dan berpesan: *"Jika Zaid gugur, maka Ja'far bin Abi Thalib menggantikannya memimpin pasukan. Jika Ja'far juga gugur, maka Abdullah bin Rawaaah mengambil kedudukannya dalam memimpin pasukan."*

Pasukan muslimin bertolak dan di dalamnya turut bersama Khalid bin Walid yang telah memeluk Islam selepas perjanjian Hudaibiyah. Rasulullah SAW turut menghantarkan mereka sehingga tiba di luar kawasan Madinah dan berpesan kepada mereka supaya tidak membunuh kaum wanita, anak-anak, orang buta, bayi. Mereka juga tidak boleh menghancurkan rumah-rumah dan tidak boleh menebang pokok-pokok. Kemudian baginda bersama kaum Muslimin mendoakan pasukan dengan ucapan: *"Semoga Allah SWT selalu bersama kamu, mempertahankan kamu dan mengembalikan kamu kepada kami dalam keadaan selamat"*.

Pasukan tersebut bertolak dan para panglimanya menyusun strategi dengan menerapkan serangan kilat, iaitu dengan membentuk sekumpulan pasukan dari penduduk Syam di bawah seorang panglima dari pasukan mereka. Tektik ini mencontohi tektik Rasulullah SAW dalam beberapa siri peperangannya. Pasukan ini diberi tugas untuk memberikan bantuan dalam serangan kilat dan kembali menghilang. Mereka perlu tetap menjalankan strategi ini. Tetapi ketika

mereka tiba di Ma'an barulah menyedari bahawa Malik bin Zafilah telah mengumpulkan seramai 100000 orang tentera dari kabilah-kabilah Arab. Heraklius sendiri juga datang dengan memimpin 100000 orang pasukan. Berita ini tentu mengejutkan pasukan Islam dan mereka tinggal di Ma'an selama 2 malam untuk memikirkan persoalan ini dan apakah langkah yang sewajarnya akan mereka lakukan untuk menghadapi pasukan yang sangat menakutkan dengan kekuatannya yang amat besar. Pendapat yang terkuat di antara mereka adalah agar menulis surat kepada Rasulullah SAW untuk menceritakan kepadanya tentang jumlah pasukan musuh yang begitu besar. Adakah baginda akan menambah jumlah pasukan atau memerintahkan mereka bertepatan dengan apa yang dilihat. Namun, Abdullah bin Rawahah mempunyai pendapat berbeza dan berkata dengan lantang kepada mereka: *"Wahai manusia, demi Allah, sesungguhnya yang kamu benci itu yang kamu cari, iaitu mati syahid! Kita tidak memerangi manusia kerana jumlahnya, kekuatannya dan banyak pasukannya. Kita tidak memerangi mereka, kecuali kerana agama ini yang mana Allah telah memuliakan kita dengannya. Bertolaklah kamu! Sesungguhnya di sana itu adalah salah satu di antara dua kebaikan: menang atau mati syahid"*

Tidak semena-mena bergeloralah semangat keimanan dalam tubuh pasukan dan mereka meneruskan perjalanan sehingga tiba di perkampungan Masyarif. Di tempat tersebut, pasukan gabungan Rom bertemu mereka sehingga mereka meninggalkan Masyarif menuju Mu'tah dan membuat pertahanan di sana. Di tempat itulah mula berlakunya peperangan yang paling dahsyat dan menakutkan antara pasukan mereka dengan pasukan Rom. Dalam pertempuran itu ada kematian yang membuat bangsa kulit merah itu ternganga mulutnya. Peperangan itu berlaku antara 3 ribu pasukan muslimin yang mencari mati dan syahid berdepan dengan 100000 atau 200000 pasukan kafir yang bergabung untuk menghancurkan pasukan kaum Muslimin. Semangat peperangan mulai bangkit di antara dua kumpulan pasukan itu bagaikan nyalaan tungku api. Zaid bin Harithah membawa Rayah (panji) Nabi SAW dan membawanya maju ke tengah-tengah pertahanan musuh. Beliau melihat kematian di hadapannya, tetapi beliau tidak takut kerana sememangnya sedang mencari syahid di jalan Allah SWT. Oleh kerana itu Zaid terus bergerak ke tengah-tengah pertahanan musuh dengan keberanian yang melampaui batas khayalan. Beliau benar-benar berada dalam peperangan yang mematikan yang akhirnya sebatang tombak musuh berjaya merobek tubuhnya. Rayah segera diambil alih Ja'far bin Abi Thalib seorang pemuda tampan dan seorang yang berani yang baru berusia 33 tahun. Lalu beliau juga melibatkan dirinya dalam peperangan yang mematikan tersebut. Ketika

beliau melihat musuh telah mengepung dan melukakan, beliau semakin mara ke tengah-tengah musuh sambil mengayunkan pedangnya. Tiba-tiba seorang tentera Rom menyerangnya dan menebas tubuhnya sehingga terpotong jadi dua bagian, dan beliau pun gugur syahid. Lalu Rayah disambar Abdullah bin Rawahah yang membawanya mara ke hadapan dengan menunggang kudanya dan merasa sedikit berbelah bahagi, namun akhirnya beliau terus juga mara ke hadapan dan berperang sehingga akhirnya terbunuh. Bendera tersebut diambil pula oleh Thabit bin Aqram lantas berteriak kuat: *“Wahai kaum Muslimin, pilihlah seorang panglima yang layak di antara kamu!”* Lalu mereka memilih Khalid bin Walid.

Khalid memegang Rayah dan bergerak berpusing bersama kaum Muslimin, sehingga berjaya merapatkan barisan pasukannya dan cuba bertahan dari musuh pada sempadan akhir pertempuran yang dahsyat tersebut sehinggalah tiba waktu malam. Kedua-dua pasukan saling menahan diri untuk tidak berperang sehingga waktu subuh. Di tengah malam, setelah melihat pasukan musuh yang sangat besar dan pasukannya yang semakin menyusut dan lemah, Khalid mengambil keputusan untuk menarik pasukannya untuk berundur tanpa berperang. Dengan pendekatan ini, Khalid membahagi-bahagikan pasukannya dalam beberapa kumpulan kecil dan memerintahkan mereka membuat asap (kepuluan debu) dan kebisingan pada waktu subuh, seolah-olah menimbulkan gambaran kepada musuh bahawa telah datang pasukan bantuan dari Nabi SAW. Ketika tektik ini dilakukan, musuh benar-benar cemas dan mereka segera menanggukkan niatnya untuk menyerang kaum Muslimin. Mereka bergembira dengan keputusan Khalid untuk tidak meneruskan serangan kepada musuh mereka. Pasukan kaum Muslimin kembali ke kota Madinah meninggalkan medan perang dengan selamat, berkat strategi yang diputuskan oleh Khalid. Dengan demikian, mereka kembali dari kancah perang yang tidak menang dan tidak juga kalah. Akan tetapi, dalam peperangan tersebut mereka mendapatkan ujian yang baik.

Para penglima dan pasukan pahlawan perang tersebut mengetahui bahawa mereka akan mara berperang melawan kematian. Bahkan, kematian yang dilihat di hadapannya merangsang mereka. Mereka terjun ke medan perang dan bersedia terbunuh dan sememangnya terbunuh. Mereka berani melakukannya kerana Islam memerintahkan setiap Muslim berperang di jalan-Nya, sehingga mereka berjaya membunuh atau dibunuh. Sesungguhnya perang adalah jual-beli yang menguntungkan kerana perang adalah jihad di jalan Allah.



﴿ إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ  
 يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعُذًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ  
 وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمْ  
 الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

*“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang di jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil, dan Al-Qur’an. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar” (Surah at-Taubah[9]: 111).*

Mereka berperang walaupun maut datang menjemput mereka. Semua Muslim berperang tanpa melihat lagi adakah maut akan mengakhirinya atau tidak? Dalam peperangan dan jihad semua perkara tidak boleh dinilai dengan jumlah musuh samada banyak atau sedikitnya. Akan tetapi, diukur dengan natijah-natijah yang terhasil daripadanya, tanpa melihat juga berbagai tuntutan yang berhubung dengan pengorbanan atau kejayaan yang menjadi target dari peperangan. Kaum Muslimin berperang menghadapi pasukan Rom di Mu’tah yang memang wajib bagi kaum Muslim untuk berperang. Begitu juga wajib bagi panglima-panglima pasukan untuk terjun ke medan perang sesuai dengan tujuan kedatangan mereka, walaupun kematian yang dihidangkan oleh orang-orang berkulit merah itu tengah terpapar di hadapan mereka.

Oleh kerana itu, wajib bagi setiap Muslim untuk tidak takut akan kematian dan mereka tidak perlu mengambilkira faktor lainnya di jalan Allah. Rasulullah SAW mengetahui bahwa penghantaran pasukannya ke negara Rom berada dalam lingkungan yang sangat membimbangkan dan penuh bahaya. Akan tetapi, kebimbangan dan bahaya ini patut menimbulkan rasa takut pada pasukan Rom, ketika mereka melihat semangat juang pasukan kaum Muslimin dan semangat mereka mencari kematian, walaupun jumlah mereka amat sedikit. Kebimbangan ini patut mampu melorongkan jalan bagi kaum Muslim untuk berjihad dalam rangka menyebarkan Islam dan menerapkannya di negara-negara yang hendak dimasukinya. Kebimbangan atau bahaya ini menguntungkan kaum Muslimin kerana menjadi pembuka jalan untuk peperangan Tabuk. Untuk seterusnya

berjaya menyerang Rom. Perkara ini menampakkan dengan kebingungan mereka dalam menghadapi kaum Muslimin, sehingga wilayah Syam dapat dibebaskan.

## Pembukaan Makkah

Ketika kaum Muslimin kembali dari peperangan Mu'tah, ramai di antara mereka yang gugur syahid. Keadaan ini menimbulkan prasangka Quraisy bahawa kaum Muslimin sudah hancur. Maka, mereka menghasut Bani Bakar agar menyerang Bani Khuza'ah dan memperkuat mereka dengan persenjataan. Bani Bakar menyerang Bani Khuza'ah dan berjaya membunuh sebahagian mereka. Bani Khuza'ah lari ke Makkah, sementara Amru bin Salim al-Khuza'iy melarikan diri ke Madinah dan memberitahu Rasulullah SAW tentang peristiwa yang menimpa mereka serta meminta bantuan baginda. Rasulullah SAW berkata kepadanya: *"Saya pasti menolongmu, wahai Amru bin Salim!"*.

Rasulullah SAW melihat bahawa pelanggaran perjanjian yang dilakukan Quraisy tidak boleh dikompromi kecuali dengan pembukaan Makkah. Quraisy sebenarnya sangat takut untuk melanggar perjanjian. Mereka lantas menghantar Abu Sufyan ke Madinah untuk mengukuhkan lagi perjanjian yang telah dilanggarnya sendiri dan meminta tempoh masanya dipanjangkan lagi.

Abu Sufyan bertolak dan sebenarnya tidak mahu berjumpa dengan Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, dia mengarahkan perjalanannya menuju ke rumah anaknya iaitu Ummu Habibah yang telah menjadi isteri Nabi SAW. Dia masuk ke rumah anaknya dan ketika hendak duduk di alas yang biasa diduduki oleh Nabi SAW, anaknya segera melipatnya. Ketika bapanya bertanya kepadanya adakah alas itu dilipatnya untuk menjauhkan bapanya dari alas tersebut atau ingin menjauhkan alas itu dari bapanya? Jawapan anaknya adalah: *"Ini adalah alas Rasulullah SAW sedangkan kamu lelaki musyrik yang najis! Saya tidak suka kamu duduk di atasnya!"*. Abu Sufyan berkata lagi: *"Demi Allah! Wahai anakku, keburukan pasti menimpamu selepasku ini."*

Abu Sufyan bergegas keluar dengan keadaan sangat marah, kemudian dia menemui Muhammad SAW dan berbincang dengan baginda tentang perjanjian dan permintaannya untuk memanjangkan tempoh masanya. Muhammad SAW tidak memberi sebarang respon. Baginda tidak memberi apa-apa jawapan. Abu Sufyan kemudian bercakap dengan Abu Bakar agar beliau bercakap dengan Nabi SAW, tetapi beliau menolaknya. Abu Sufyan mencuba lagi bercakap dengan Umar bin Khattab, namun beliau menjawabnya dengan kasar: *"Adakah aku lebih cenderung menolong kamu daripada Rasulullah SAW? Demi Allah, seandainya aku tidak menemui apa-apa selain sebutir debu, pasti aku memerangi kamu!"*

Abu Sufyan kemudian berjumpa Ali bin Abi Thalib ketika itu Fatimah berada di samping suaminya. Dia kemudian mengutarakan alasannya mengapa datang ke Madinah. Abu Sufyan meminta Ali supaya memohonkan kemaafan kepada Rasul SAW. Ali memberitahu kepadanya bahawa tiada seorang pun yang boleh memujuk Muhammad SAW dari suatu perkara jika baginda sudah memegangnya dengan teguh. Lalu Abu Sufyan meminta tolong Fatimah supaya merayu kepada anaknya Hassan agar boleh menyelamatkan dirinya kerana Hassan dikira masih kecil. Fatimah menjawab: *“Demi Allah, anakku itu tidak boleh lagi menjadi penyelamat di antara manusia. Tidak ada seorang pun yang boleh selamat dari Rasulullah SAW.”*

Urusan Abu Sufyan semakin sukar dan akhirnya dia kembali ke Makkah dan menceritakan kepada kaumnya tentang apa yang didapatinya di Madinah. Rasulullah SAW segera mengarahkan para sahabatnya untuk bersiap sedia bertolak ke Makkah. Baginda berharap dapat mendatangi penduduk Makkah secara tiba-tiba, sehingga mereka tidak sempat untuk berlawan dan akhirnya mereka semua terselamat tanpa pertumpahan darah.

Pasukan kaum Muslimin bertolak dari Madinah menuju Makkah. Mereka tiba di Marra Zhahran, empat farsakh dari kota Makkah. Jumlah pasukan yang dibawanya seramai 10,000 orang. Tiada satu pun informasi yang sempat didengar oleh pihak Quraisy. Kaum Quraisy masih sibuk memperkirakan kebarangkalian akan terdapatnya serangan Muhammad SAW terhadap mereka. Mereka masih berdebat tentang apa yang akan dilakukan untuk menghadapi Muhammad SAW. Abu Sufyan keluar untuk mengkaji status bahaya yang mengancamnya. Lalu Abbas yang telah memeluk Islam menemuinya, dengan menunggang keldai Nabi SAW dan pergi ke Makkah untuk memberitahu kepada Quraisy agar mereka meminta keamanan daripada Rasul SAW. Ini kerana baginda tidak menerima cadangan mereka. Ketika Abbas bertemu Abu Sufyan, beliau berkata kepadanya: *“Itu adalah Rasulullah di tengah-tengah kerumunan manusia. Demi waktu paginya kaum Quraisy, demi Allah seandainya Rasulullah SAW memasuki kota Makkah dengan kekerasan, sebelum mereka mendatangnya dan memohon keamanan kepadanya, sesungguhnya baginda pasti akan menghancurkan Quraisy hingga tidak berbaki lagi!”* Maka Abu Sufyan bertanya: *“Demi bapa dan ibuku sebagai tebusanmu, maka apakah usaha yang patut kami lakukan?”*.

Abbas segera mengajak Abu Sufyan naik di belakang keldai yang ditungganginya, lalu membawanya pergi. Ketika keldai itu melalui di depan pandangan membara Umar bin Khattab, maka Umar memerhatikan keldai Nabi

SAW tersebut dan mengetahui terdapat Abu Sufyan di sana sekaligus memahami bahawa Abbas hendak menyelamatkannya. Lantaran itu, Umar bergegas pergi menuju ke khemah Nabi SAW dan meminta keizinan kepadanya untuk memenggal leher Abu Sufyan. Namun, Abbas yang terlebih dahulu datang menemui Rasulullah SAW dan cepat berkata: *"Ya Rasulullah, sesungguhnya saya telah menyelamatkannya."* Akibatnya perdebatan sengit berlaku antara Abbas dan Umar. Nabi SAW berkata: *"Pergilah dengannya ke kendaraanmu, wahai Abbas! Apabila subuh menjelma, maka datanglah kepadaku"*. Ketika pagi hari menjelma, beliau datang dengan membawa Abu Sufyan, lalu Abu Sufyan memeluk Islam. Abbas kemudian bertemu Nabi SAW dan menyampaikan cadangan kepadanya: *"Ya Rasulullah, Abu Sufyan adalah lelaki yang suka kebanggaan. Buatlah sesuatu untuknya."* Rasulullah SAW berkata: *"Boleh saja. Sesiapa yang masuk ke rumah Abu Sufyan, maka dia aman. Sesiapa sahaja menutup pintu rumahnya, maka dia aman. Sesiapa sahaja masuk Masjid (al-Haram), maka dia aman."*

Rasulullah SAW akhirnya memerintahkan para sahabatnya untuk menahan Abu Sufyan di lembah sempit di pintu masuk bukit yang menjadi tempat masuk ke arah Makkah agar pasukan kaum Muslimin yang melalui di depannya dapat dilihat oleh Abu Sufyan. Lalu dia menceritakan realiti tersebut kepada kaumnya. Di samping itu, langkah tersebut diambil agar kedatangan pasukan yang begitu cepat tidak menimbulkan ketakutan yang membawa akibat tindakan nekad kafir Quraisy untuk mengadakan perlawanan. Rasulullah SAW memasuki Makkah dengan segala dengan kemuliaan dan kekuatan yang baginda miliki. Setelah kabilah-kabilah dari pasukan Islam melalui di hadapan Abu Sufyan, segera dia menemui kaumnya dan berteriak di tengah-tengah mereka dengan suara lantang: *"Wahai orang-orang Quraisy, ini Muhammad datang kepada kamu dengan membawa kekuatan yang kamu tidak memiliki kemampuan untuk menghadapinya. Maka sesiapa sahaja yang masuk ke dalam rumah Abu Sufyan, dia pasti aman. Sesiapa yang menutup pintunya, maka dia pun aman. Sesiapa yang masuk masjid (Al-Haram), dia pasti aman."*

Kaum Quraisy menangguk penentangan mereka, sedangkan Rasulullah SAW meneruskan perjalanannya dan memasuki Makkah dengan berwaspada. Baginda memerintahkan pasukannya dipecah menjadi empat kumpulan dan semua diarahkan agar tidak boleh berperang dan tidak boleh menumpahkan darah kecuali jika benar-benar terpaksa dan diancam bahaya. Pasukan memasuki Makkah dan tidak memperoleh apa-apa penentangan, kecuali pasukan Khalid bin Walid. Kumpulan ini menghadapi penentangan dari pasukan

Quraisy, namun berjaya menewaskannya. Nabi SAW turun dari tunggangannya dan berdiri sebentar dengan mengambil tempat yang tertinggi di Makkah. Kemudian berjalan sehingga tiba di Ka'bah. Lalu tawaf di Baitullah sebanyak tujuh pusingan. Baginda memanggil Uthman bin Thalhah dan memintanya membukakan pintu Kaabah. Baginda berdiri sejenak di pintu tersebut, sementara itu para sahabat berdiri mengelilinginya. Tidak lama kemudian, baginda berucap di hadapan mereka: *"Tidak ada Tuhan kecuali Allah. Tidak ada sekutu bagi-Nya. Dia menepati janji-Nya dan memenangkan hamba-Nya, serta menghancurkan Ahzab dengan sendiri-Nya. Ingatlah, setiap kemuliaan, darah atau harta seluruhnya berada di bawah dua telapak kakiku ini kecuali tabir Baitullah dan memberikan minum kepada orang haji. Ingatlah, mangsa pembunuhan dalam kategori menyerupai pembunuhan yang disengaja dengan sebatan dan tongkat. Maka di dalamnya ada diat (tebusan) yang berat, yaitu seratus ekor unta, yang empat puluh di antaranya unta yang sedang bunting. Wahai kaum Quraisy, sesungguhnya Allah telah menghilangkan dari kamu semangat fanatik jahiliah, dan pengagungan terhadap nenek moyang. Manusia berasal dari Adam dan Adam berasal dari tanah."* Kemudian baginda meneruskan ucapan dengan membaca ayat:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَقَدُّوا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

*"Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah adalah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal"* (Surah Al-Hujuraat [49]: 13).

Kemudian baginda bertanya kepada mereka: *"Wahai kaum Quraisy, apa pendapat kamu terhadap apa yang saya akan lakukan terhadap kamu?"* Mereka menjawab; *"Sungguh baik, wahai saudara kami yang mulia dan putera seorang saudara kami yang mulia"*. Baginda berkata lagi: *Pergilah! Kamu semua bebas"*.

Ucapan tersebut merupakan pengampunan umum terhadap kafir Quraisy dan penduduk Makkah. Rasulullah SAW memasuki Kaabah dan baginda melihat dinding-dinding Kaabah dengan gambar malaikat-malaikat dan nabi-nabi, lalu baginda memerintahkan para sahabatnya untuk menghapus gambar-gambar itu. Baginda juga melihat patung-patung wanita cantik dari kayu, lalu baginda memecahkannya dengan tangannya sendiri dan melemparkannya ke tanah.

Kemudian baginda menunjuk semua patung berhala dengan tongkat yang berada di tangannya lalu membaca firman Allah:

﴿٨١﴾ وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا

*“Dan katakanlah: ‘Yang benar telah datang dan yang batil telah lenyap.’ Sesungguhnya yang batil pasti lenyap (Surah al-Israa’ [17]: 81).*

Patung-patung berhala itu akhirnya dibinasakan. Bait al-Haram disucikan dari seluruh patung berhala dan gambar. Baginda tinggal di Makkah selama 15 hari. Selama itu baginda meletakkan landasan sistem pengurusan pelbagai persoalan di Makkah dan memberi kefahaman kepada penduduknya tentang agama Islam.

Pembukaan kota Makkah telah sempurna dan dengan dasar pembebasan tersebut, baginda berjaya menghilangkan penentangan terhadap negara Islam. Oleh sebab itu, kemenangan Islam yang benar-benar telah sempurna. Selepas itu, tidak ada satupun penentangan yang muncul dari dalam negara Islam, kecuali di daerah Hunain dan Thaif yang penyelesaiannya adalah mudah.

## Peperangan Hunain

Ketika Hawazin mengetahui kejayaan kaum Muslimin dalam membuka Makkah, mereka bimbang pasukan kaum Muslimin akan menyerang mereka dan menghancurkan negerinya. Maka sebelum ianya berlaku, mereka berfikir untuk menyerang kaum Muslimin terlebih dahulu dan menyiapkan segala yang diperlukannya.

Malik bin 'Auf al-Nashri mengumpulkan orang-orang Hawazin dan Thaqif. Dia berjalan membawa pasukannya sehingga tiba di lembah Authas. Berita ini telah sampai ke telinga kaum Muslimin 15 hari setelah pembebasan Makkah. Mereka segera bersiap sedia menghadapi kabilah Hawazin dan Thaqif. Malik tidak tinggal di lembah Authas, tetapi memerintahkan pasukannya untuk bergerak ke puncak Hunain di lorong sempit suatu lembah. Di tempat itu, Malik mengatur dan memberikan arahan-arahannya. Di antara arahannya adalah jika kaum Muslimin tiba di lembah, maka pasukannya perlu segera menyerang mereka secara serentak dan memberi serangan yang mematikan sehingga barisan mereka menjadi huru-hara. Serangan ini diharapkan akan melemahkan barisan pasukan Muhammad SAW sehingga sebagian mereka dengan sebagian yang lain huru hara dan saling memukul. Mereka akan tewas dengan seburuk-buruk kekalahan. Malik akhirnya menetapkan strategi ini dan menunggu kedatangan pasukan kaum Muslimin.

Beberapa hari kemudian pasukan kaum Muslimin tiba. Rasulullah SAW bergerak dengan membawa 10,000 pasukan yang baru membuka kota Makkah, ditambah dengan 2,000 pasukan dari orang Quraisy yang baru memeluk Islam di Makkah. Pasukan besar ini dan sejumlah pengikutnya bergerak untuk berperang. Mereka tiba di lembah Hunain pada petang hari dan terus di sana hingga fajar menjelang. Di penghujung malam, mereka bergerak dan Rasulullah SAW menunggang keldai putihnya berada di barisan akhir pasukan. Pasukan bergerak menuruni lembah dan tidak merasakan adanya ancaman. Namun tiba-tiba kabilah-kabilah musuh menyerang mereka. Malik bin 'Auf telah memberi arahan kepada pasukannya untuk menyerang kaum Muslimin. Maka, mereka melancarkan serangan secara mendadak dan menghujani pasukan kaum Muslimin dengan anak panah. Kaum Muslimin tidak merasakan apa pun dalam kegelapan pagi hari tersebut, kecuali hujan anak panah yang menimpa mereka dari semua arah. Mereka panik dan bingung disebabkan serangan yang muncul



secara mendadak. Keadaan mereka huru hara dan bergolak. Mereka berundur dalam posisi terus diserang dan meninggalkan medan perang tanpa menunggu arahan dari sesiapaupun. Ketakutan telah menguasai mereka dan kecemasan menerkam hati mereka. Sebahagian mereka takut terhadap musuh. Mereka lari meninggalkan Rasulullah SAW. Sedangkan baginda berada di hujung belakang pasukan tanpa ada perlindungan atau kawalan dari mereka. Mereka benar-benar dalam keadaan terdesak, yang memaksa mereka berlumba-lumba untuk melarikan diri. Tidak ada yang tinggal dan tetap bertahan di medan perang kecuali Rasulullah SAW dan Abbas. Adapun saki baki pasukan yang ada melarikan diri. Rasulullah SAW berdiri dan sekumpulan kecil dari kalangan Muhajirin dan Ansar serta ahlul bait baginda ada mengelilinginya. Baginda memanggil manusia yang telah lari betempiran lari dari medan perang dengan ucapan, *“Di mana kamu berada wahai manusia!?”*.

Akan tetapi, kaum Muslimin tidak mendengar panggilan tersebut. Mereka juga tidak menoleh kepada baginda kerana takut ditimpa musibah dan kematian. Lebih-lebih lagi selepas melihat gabungan pasukan Hawazim dan Thaqif yang masih terus menyerang mereka dengan serangan yang amat dahsyat, menikam setiap pasukan yang dijumpai dan menghujani mereka dengan anak panah. Pasukan kaum Muslimin terus lari dan berundur. Sehingga mereka tidak mendengar panggilan Rasulullah SAW dan tidak dapat menjawabnya. Rasulullah SAW berdiri sendirian di tengah-tengah situasi yang sangat gawat tersebut dengan gagah berani. Masa yang dilaluinya adalah masa yang paling menakutkan dan amat kritikal. Hampir kesemua pasukannya meninggalkan baginda, samada dari kalangan para sahabat mahupun orang-orang yang baru memeluk Islam. Tidak ada bezanya di antara mereka. Semuanya bertempiran lari. Walau demikian, baginda terus-menerus memanggil mereka agar segera kembali. Namun, mereka tidak mendengarnya. Orang-orang yang baru memeluk Islam yang mendengar Muhammad dikepong bahaya pula bercakap dengan komentar-komentar sinis dan bergembira atas musibah yang menimpa baginda. Sehingga Kildah bin Hambal berkata: *“Lihatlah, hari ini sihir Muhammad telah lenyap!”* Syaibah bin Uthman bin Abi Thalhah berkata: *“Hari ini aku menyaksikan pembalasan dendamku pada Muhammad. Hari ini aku pasti akan membunuh Muhammad!”* Abu Sufyan berkata: *“Kekalahan mereka tidak akan berakhir sehingga ke batas lautan”*.

Mereka itu adalah orang-orang yang berada dalam pasukan kaum Muslimin dari kalangan orang yang baru memeluk Islam di Makkah dan datang

untuk bersama-sama berperang dengan Rasulullah SAW. Tetapi kekalahan yang berlaku telah mengungkap apa yang tersembunyi di dalam jiwa mereka. Berbeza dengan niat ikhlas para sahabat Rasulullah SAW yang juga sama-sama bertempiran. Ini kerana mereka tidak ada suatu target pun dalam jiwa mereka dalam mencari sesuatu di tengah-tengah peperangan.

Oleh sebab itu, kedudukan Rasulullah SAW benar-benar sukar. Masa itu adalah masa yang amat sukar dan kritikal. Dalam situasi yang begitu sukar dan berat itu, Rasulullah SAW memutuskan untuk tetap di medan peperangan, bahkan terus mara ke medan perang sambil bertahan dari serangan musuh dengan keldai putihnya. Baginda hanya disertai oleh bapa saudaranya Abbas bin Abdul Muthallib dan Abu Sufyan bin Harith bin Abdul Muthallib. Abu Sufyan bin Harith memegang tali keldainya dan berusaha untuk bertahan. Sedangkan bapa saudaranya, Abbas pula ikut sama memanggil-manggil dengan suaranya yang kuat yang dapat didengari oleh manusia dari segala penjuru lembah. Abbas melaungkan suara kuatnya agar mereka segera kembali kepada pasukan: *“Wahai kaum Ansar, wahai orang-orang yang telah berbaiat di bawah pokok!”*

Abbas mengulang-ulang panggilannya sehingga gema suaranya dari dinding ke dinding lembah memantul dan menjadikan gelombang suara yang sahut-menyahut. Sayup-sayup, gema suara itu akhirnya terdengar oleh kaum Muslimin yang sedang bertempiran lari lalu mengingatkan mereka kepada Rasulullah SAW dan jihad mereka sendiri. Terlintas di benak fikiran mereka suatu gambaran tentang akibat kekalahan lantaran serangan kaum Musyrik dan akibat kemenangan syirik atas mereka. Akhirnya, mereka menyedari bahawa kekalahan perang ini akan membawa akibat kehancuran agama dan kaum Muslimin. Oleh sebab itu, mereka berteriak sahut-menyahut dari semua arah menyambut panggilan Abbas. Mereka segera kembali kepada pasukan dan terjun ke medan peperangan dan menghangatkan diri dengan api jihad dalam keberanian yang sudah lemah dan kegagahan yang hampir hilang. Mereka berkumpul di sekitar Rasulullah SAW. Jumlah pasukan juga semakin bertambah. Mereka memasuki medan pertempuran dan berperang melawan musuh serta memanggag diri di tungku api peperangan. Melihat keadaan demikian, Rasulullah SAW bertambah tenang. Baginda mengambil segenggam pasir dan melemparkannya ke wajah musuh dengan mengucapkan: *“Amat buruk wajah-wajah itu!”*

Kaum Muslimin terus terdesak di tengah-tengah medan perang sambil menganggap kematian di jalan Allah adalah kenikmatan. Peperangan semakin dahsyat sehingga Hawazin dan Thaqif yakin bahawa mereka sekarang berada di

tengah-tengah kebinasaan. Akhirnya mereka pun melarikan diri dalam keadaan kalah pada ketika itu juga. Harta benda dan wanita-wanita mereka ditinggalkan di belakang menjadi ghanimah bagi kaum Muslimin. Pasukan kaum Muslimin berusaha memburu mereka dan berjaya menawan mereka dalam jumlah yang sangat besar. Begitu juga keadaannya mangsa yang terbunuh dari pihak musuh juga besar. Aksi kejar mengejar dihentikan ketika mereka sampai di lembah Authas. Di tempat itu, kaum Muslimin masih sempat membunuh beberapa musuh dan menyerang saki baki dengan kuat. Akan tetapi panglima mereka iaitu Malik bin Auf berjaya melarikan diri ke Thaif dan berlindung di sana. Dengan demikian, Allah SWT telah memenangkan kaum Muslimin dengan kemenangan yang semakin menguatkan kedudukan mereka. Dalam perkara ini, Allah menurunkan firman-Nya:

﴿لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ  
 أَعْجَبْتَكُمْ كَثَرْتُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ  
 الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾ ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ  
 سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا  
 وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦﴾﴾

*“Sesungguhnya Allah telah menolong kamu (wahai para mukiminin) di medan peperangan yang banyak dan juga pada hari peperangan Hunain, iaitu di waktu kamu menjadi bangga kerana banyaknya jumlahmu, maka jumlah yang banyak itu tidak memberi manfaat kepadamu sedikit pun dan bumi yang luas itu terasa sempit olehmu, kemudian kamu lari ke belakang dengan bercerai-berai. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman. Dan Allah menurunkan bala tentara yang kamu tidak melihatnya dan Allah menimpakan bencana kepada orang-orang kafir. Dan demikianlah pembalasan kepada orang-orang kafir” (Surah At-Taubah [9]: 25- 26).*

Kaum Muslimin memperolehi ghanimah yang banyak. Jika dikira mengikut kiraan ketika itu, jumlahnya 22,000 ekor unta, 40,000 ekor kambing dan 4,000 uqiah perak (1 uqiah perah= 119 gram). Ramai orang-orang musyrik yang

terbunuh. Gadis-gadis dan wanita-wanita Hawazin yang berjaya ditawan seramai 6,000 orang. Mereka dipindahkan ke lembah Ji'ranah sebagai tawanan. Sementara jumlah syahid di pihak kaum Muslimin juga tidak terhitung banyaknya. Yang pasti jumlahnya sangat ramai. Kitab-kitab sirah menyebutkan ada dua kabilah kaum Muslimin yang musnah. Nabi SAW kemudian melakukan solat ke atas mereka. Rasulullah SAW meninggalkan ghanimah dan para wanita tawanan tersebut di Ji'ranah, kemudian misi diteruskan untuk mengepung Thaif, tempat perlindungan Malik bin Auf selepas kealahannya di Hunain. Rasulullah SAW mengarahkan agar kepungan semakin diperketat. Namun, Thaif bagi Bani Thaqif adalah kota yang memiliki benteng yang kuat. Penduduknya mempunyai pengetahuan perang untuk menghadapi kepungan. Mereka juga memiliki kekayaan alam yang melimpah ruah. Di samping itu, Thaqif menguasai teknik melempar panah dan tombak dengan baik. Dalam peperangan ini, mereka merejam kaum Muslim dengan lembing dan anak panah. Di antara kaum Muslimin ramai yang mati syahid. Tidak mudah untuk kaum Muslimin bagi menembusi pertahanan musuh. Oleh sebab itu, mereka mendirikan khemah yang jaraknya cukup jauh dari benteng musuh. Kaum Muslimin tinggal di perkemahan itu sambil menunggu apa yang akan diturunkan Allah SWT terhadap mereka. Nabi SAW meminta bantuan kepada Bani Daus untuk melempar Thaif dengan manjanik (pelontar batu). Mereka datang kepada Nabi SAW, selepas 4 hari dari pengepungan, dengan membawa peralatan senjata mereka. Kaum Muslimin menyerang kota Thaif dan melontarnya dengan manjanik. Mereka juga menghantar senjata dababah (penyodok pintu benteng) yang dibawa masuk dari bawah pertahanan musuh. Dengan senjata itu, mereka merangkak, lalu merapati tembok benteng Thaif untuk membakarnya. Sayangnya, mereka tidak menyedari terdapat potongan-potongan besi yang dipanaskan dengan api dan bersedia untuk membakar mereka. Potongan-potongan besi itu benar-benar berjaya menghalau kaum Muslimin dan membakar dababah mereka, sehingga mereka melarikan diri. Orang-orang Thaif memanaskan potongan-potongan besi sehingga meleleh, kemudian melemparkannya kepada dababah sehingga membakarnya. Potongan-potongan besi itulah yang membahayakan kaum Muslimin sehingga mereka lari dan Thaqif masih terus melempari mereka dengan panah dan membunuh sekelompok pasukan dari mereka. Dengan demikian, kaum Muslimin gagal memasuki Thaif.

Kegagalan ini memaksa kaum Muslimin menggunakan taktik baru. Mereka memusnahkan kebun-kebun Bani Thaqif dan membakarnya dengan harapan mereka akan menyerah. Namun, mereka tidak juga menyerah. Sebelum

serangan seterusnya dilancarkan, bulan haram telah tiba kerana anak bulan bulan Zulqaedah telah nampak. Rasulullah SAW membuat keputusan untuk kembali dari Thaif menuju Makkah dan singgah di Ji'ranah iaitu tempat penyimpanan ghanimah dan tawanan mereka. Kemudian Malik bin 'Auf menemui baginda menagih janji Rasulullah SAW kepadanya, bahawa jika Malik datang kepada baginda dalam keadaan Muslim, maka baginda akan mengembalikan harta dan keluarganya serta menambahnya dengan 100 ekor unta. Malik datang dan menyatakan keislamannya dan mengambil apa yang telah Rasulullah SAW janjikan kepadanya. Perkara itu menyebabkan para sahabat risau bahagian ghanimah mereka akan berkurang jika Rasulullah SAW tetap memberikannya kepada orang Hawazin itu. Oleh itu, mereka menuntut agar ghanimah segera dibahagikan di antara mereka dan memaksa untuk mengambil harta rampasan perang mereka. Mereka saling berbisik memperkatakan persoalan ghanimah, sehingga bisikan mereka itu sampai kepada Rasulullah SAW. Segera baginda berdiri di samping seekor unta, lalu mengambil beberapa bulunya dari bahagian bonggol dan meletakkannya di antara kedua jarinya, kemudian menariknya lalu bersabda: *"Wahai manusia! Demi Allah, aku tidak akan merampas harta rampasan kamu dan tidak juga beberapa bulu unta ini kecuali satu perlimanya. Yang satu perlimanya dikembalikan kepada kamu. Maka, ambillah oleh kamu kain dan pakaian itu. Sesungguhnya yang melakukan khianat kepada keluarganya amat memalukan dan dia pasti akan terkena api serta air neraka pada hari kiamat."*

Baginda memerintahkan setiap sahabat untuk mengembalikan ghanimah yang telah diambilnya, sehingga harta tersebut dibahagikan dengan adil. Kemudian baginda membahagikannya menjadi lima bahagian. Satu perlimanya dipisahkan untuk dirinya sendiri dan bakinya dibahagikan kepada para sahabatnya. Baginda memberikan bahagian yang satu perlimanya kepada orang-orang yang paling kuat permusuhannya terhadap baginda di masa lalu iaitu Abu Sufyan dan anaknya, Mu'awiyah, Harith bin Harith, Harith bin Hisyam, Suhail bin Amru, Huwaithib bin Abdul Uzza, Hakim bin Hazam, al-Alla bin Jariyah ats-Thaqafi, Uyainah bin Hashan, Aqra' bin Habis, Malik bin 'Auf an-Nashari dan Shafwan bin Umayyah, berupa 100 ekor sebagai tambahan terhadap bahagian mereka sekaligus untuk memujuk hati mereka. Setiap orang diberi 100 unta sebagai tambahan atas bahagian mereka sendiri, sekaligus sebagai usaha melunakkan hati mereka. Baginda juga memberikan 50 ekor unta kepada orang-orang selain mereka (mu'allaf) sebagai tambahan. Baginda telah memenuhi semua keperluan orang-orang mu'allaf. Dalam pembahagian ghanimah ini, baginda

SAW berada dalam puncak kedermawanan dan kemuliaan serta kearifan dan kebijaksanaan sikap politiknya.

Cuma sebahagian kaum Muslimin belum menyedari hikmah baginda SAW dengan cara pembahagian dan pengagihan ghanimah tersebut. Perkara itu sempat membuat kaum Ansar saling bercakap sesama mereka tentang apa yang telah Rasulullah SAW lakukan. Sebahagian mereka berkata kepada sebahagian lainnya: *"Demi Allah, Rasulullah telah berpihak kepada kaumnya!"* Perkataan itu memberi kesan terhadap jiwa mereka. Bahkan Saad bin Ubadah turut terlibat di dalamnya. Ucapan Sa'ad ini sampai kepada Nabi SAW dan baginda SAW bertanya kepadanya: *"Di manakah kedudukanmu dalam perkara ini, wahai Saad?!"* Dia menjawab: *"Wahai Rasulullah, saya bukan sesiapa melainkan sebahagian dari kaumku"*. Dia menyokong kata-kata kaumnya. Nabi SAW berkata lagi kepadanya: *"Kalau begitu, kumpulkan kaummu untukku di tempat kandang unta!"*.

Saad kemudian mengumpulkan mereka, lalu Rasulullah SAW bersabda kepada golongan yang tidak berpuas ini: *"Wahai masyarakat Ansar, ucapan-ucapan kamu telah sampai kepadaku. Kamu telah menemui perkara yang baru dalam diri kamu kerana saya. Bukankah saya telah mendatangi kamu yang ketika itu dalam keadaan sesat, lalu Allah memberi kamu hidayah dan dalam keadaan kekurangan, lalu Allah menjadikan kamu kaya; serta dalam keadaan saling bermusuhan, lalu Allah melunakkan di antara hati kalian"*. Mereka menjawab: *"Memang benar, Allah dan Rasul-Nya telah memberikan keamanan dan keutamaan."* Rasulullah SAW berkata lagi: *"Mengapa kamu tidak memenuhiku, wahai orang-orang Anshar?!"* Mereka menjawab: *"Dengan apa kami patut memenuhimu, wahai Rasulullah? Padahal hanya milik Allah dan Rasul-Nya segala keamanan dan keutamaan"*. Rasulullah SAW kemudian meneruskan sabdanya: *"Ada pun demi Allah, seandainya kamu menghendaki, sudah pasti kamu akan mengatakan dan membenarkan dengan bersungguh-sungguh: Engkau datang kepada kami dalam keadaan didustakan, lalu kami membenarkanmu, dalam keadaan susah lalu kami menolongmu, dalam keadaan dihalau lalu kami menolongmu, dan dalam keadaan kekurangan lalu kami memberi kecukupan kepadamu. Wahai kaum Ansar, adakah kamu menemui dalam diri kamu kecenderungan pada dunia, sedangkan saya telah melunakkan suatu kaum agar mereka memeluk Islam. Sedangkan kepada kamu saya telah mewakilkan keislaman kamu. Adakah kamu tidak redha wahai masyarakat Ansar terhadap orang-orang yang pergi dengan kambing-kambing dan unta-unta lalu mereka kembali bersama Rasulullah ke tempat tinggal kamu? Demi Dat yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, seandainya tidak ada hijrah, pasti saya menjadi salah seorang di antara kaum Ansar. Seandainya orang-orang berjalan ke suatu bukit dan orang-orang Ansar ke bukit yang lain, pasti saya berjalan di bukit kaum Ansar. Ya Allah, sayangilah kaum Ansar juga anak-anak dan cucu-*

*cucu mereka*". Belum selesai ucapan Rasulullah tersebut, kaum Ansar menangis semahu-mahunya sehingga air mata mereka bercucuran membasahi janggut-janggut mereka dan berkata: "*Kami redha dengan Rasul sebagai bahagian (kami)*",". Kemudian mereka kembali ke tempat tinggalnya.

Selepas itu, Rasulullah SAW keluar dari Ji'ranah menuju Makkah dalam keadaan ihram untuk umrah bersama-sama pasukannya. Selepas selesai melakukan umrah, baginda melantik Atab bin Usaid menjadi Wali di Makkah, sementara Muaz bin Jabal dijadikan sebagai pengajar masyarakat di Makkah dan memahamkan mereka tentang Islam. Sedangkan baginda bersama kaum Ansar dan Muhajirin kembali ke Madinah.

## Perang Tabuk

Sampai informasi kepada Rasulullah SAW bahawa negeri Rom sedang menyiapkan pasukan untuk memerangi negeri-negeri Arab bahagian utara. Suatu peperangan yang akan menjadikan manusia lupa tentang penarikan untuk pasukan kaum Muslimin berundur yang mahir di Mu'tah. Berita ini semakin diperbesar penyebarannya. Oleh kerana itu, baginda memutuskan untuk menghadapi kekuatan ini dengan memimpinnya sendiri. Baginda telah menyiapkan strategi khusus untuk menghadapi Rom dengan pukulan yang mampu menidakan angan-angan mereka untuk menyerang kaum Muslimin atau menghancurkannya. Pada ketika itu adalah bertepatan dengan akhir musim panas dan di awal musim luruh. Pertengahan musim panas sememangnya memanaskan suasana. Tambahan pula perjalanan dari Madinah ke wilayah Syam sangat jauh, memerlukan kekuatan, kesabaran, dan persediaan sumber makanan dan air yang mencukupi. Maka, persoalan ini perlu disampaikan kepada kaum Muslimin dan tidak perlu disembunyikan. Di samping itu, perlu disampaikan juga kepada mereka dengan jelas bahawa mereka mesti bertekad dalam perjalanan ke wilayah Rom ini untuk berperang. Strategi ini berbeza dengan strategi baginda SAW yang pernah disusun dalam peperangan sebelum ini. Baginda ketika itu menyembunyikan strateginya serta arah yang hendak dilaluinya. Dalam banyak kesempatan, baginda selalu mengarahkan pasukannya menuju ke arah lain yang berbeza dengan arah sebenarnya yang baginda maksudkan untuk mengabui musuh, sehingga berita perjalanannya tersebut tidak tersebar secara meluas.

Kali ini Rasulullah SAW mengumumkan tujuannya semenjak awal iaitu hendak pergi untuk memerangi Rom di daerah sempadan negara mereka. Oleh sebab itu, baginda menghantar sejumlah utusan kepada beberapa kabilah untuk mengajak mereka mempersiapkan pasukan yang sangat besar yang mungkin dapat dipersiapkan. Baginda juga menghantar beberapa utusan untuk menemui para hartawan kaum Muslimin dan memerintahkan mereka mengeluarkan infak dari rezeki yang telah Allah SWT berikan kepada mereka. Semua ini untuk digunakan dalam mempersiapkan pasukan yang jumlah dan logistik yang diperlukan sangat banyak. Baginda juga mendorong kaum Muslimin agar bergabung dengan pasukan ini.



Kaum Muslimin menerima seruan ini dengan sikap yang jelas dan tegas. Orang-orang yang telah menerima Islam dengan hati yang dipenuhi petunjuk dan cahaya, menyambut seruan Rasulullah SAW dengan berdebar-debar. Di antara mereka ada yang fakir, yang tidak memiliki tunggangan yang dapat membawa mereka ke kancah peperangan. Ada pula yang kaya dan menyumbangkan hartanya di jalan Allah dengan hati redha dan tenang, sekaligus mengorbankan nyawanya dengan kerinduan yang mendalam untuk mati syahid di jalan Allah. Adapun orang-orang yang memeluk agama Allah dengan harapan besar, yaitu harapan untuk mendapatkan ghanimah perang dan takut pada kekuatan kaum Muslimin, maka mereka merasa berat, berusaha mencari alasan, saling melepaskan tugas di kalangan mereka dan tidak menghiraukan seruan Rasulullah SAW untuk berperang di medan yang sangat jauh itu serta di tengah-tengah cuaca panas yang membakar. Mereka ini adalah orang-orang munafik. Satu sama lain saling bercakap, *“Janganlah kamu pergi berperang dalam suasana yang panas membakar”*. Kemudian turun firman Allah SWT :

﴿وَقَالُوا لَا تَنْفِرُوا فِي الْحَرِّ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرًّا لَوْ كَانُوا يَفْقَهُونَ ﴿٨١﴾ فَلْيَضْحَكُوا قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا كَثِيرًا جَزَاءٌ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾﴾

*“Dan mereka berkata, “Janganlah kamu berangkat (pergi berperang) dalam suasana panas terik ini.” Katakanlah, “Api neraka jahanam itu jauh lebih panas, sekiranya mereka memahaminya.” Maka, mereka ketawa sedikit dan menangis dengan banyak sebagai balasan dari apa yang selalu mereka usahakan”* (Surah. at-Taubah [9]: 81-82).

Rasulullah SAW berkata kepada Al-Jad bin Qais salah seorang dari Bani Salamah, *“Wahai Jad, adakah kamu memiliki keluarga di Bani Ashfar?”* Dia menjawab: *“Ya Rasulullah, berikanlah keizinan kepadaku dan janganlah menjerumuskanku dalam kebinasaan. Demi Allah, kaumku telah mengetahui bahwa tidak ada lelaki yang lebih kagum pada kaum wanita melebihi aku. Aku takut jika melihat wanita-wanita Bani Ashfar, aku menjadi tidak bersabar”*. Rasulullah SAW berpaling darinya lalu turunlah ayat sebagai berikut:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ أُوذِنَ لِي وَلَا تَفْتِنِي أَلَا فِي الْفِتْنَةِ سَقَطُوا وَإِنَّ جَهَنَّمَ  
لَمُحِيطَةٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿٤٩﴾

*“Di antara mereka ada yang berkata, “Berilah saya keizinan (untuk tidak pergi berperang) dan janganlah kamu menjadikan aku terjerumus ke dalam kebinasaan.” Ketahuilah bahwa mereka benar-benar telah terjerumus ke dalam kebinasaan itu. Dan sesungguhnya jahanam itu benar-benar meliputi orang-orang yang kafir.” (Surah. at-Taubah [9]: 49).*

Kaum munafik tidak hanya melambat-lambat dan bermalasan untuk pergi berperang, bahkan mereka berterusan menghasut kaum Muslimin untuk mengundurkan diri dari perang. Rasulullah SAW memandang perlu untuk mengambil tindakan tegas dan menghukum mereka dengan keras. Baginda menerima informasi bahawa sekumpulan orang berkumpul di rumah Suwailam, seorang Yahudi, untuk melemahkan semangat masyarakat dan menghasutnya dengan kekecewaan sekaligus tidak menyertai peperangan. Baginda menghantar Talhah bin Ubaidillah dalam kumpulan kecil para sahabat untuk mendatangi mereka dan membakar rumah Suwailam. Sewaktu rumah itu dibakar, seseorang dari penghuninya berjaya melarikan diri melalui pintu belakang sehingga kakinya patah. Manakala bakinya terkena api dan lari meloloskan diri dengan luka terbakar yang cukup parah. Tindakan tegas ini menjadi pengajaran bagi yang lainnya agar tidak ada seorang pun dari mereka berani melakukan tindakan bodoh seumpama itu.

Keteguhan dan ketegasan Rasulullah SAW ini membawa pengaruh cukup kuat dalam mempersiapkan pasukan, sehingga pasukan besar dapat terkumpul yang jumlahnya mencapai seramai 30,000 orang kaum Muslimin. Pasukan ini diberi nama Jaisy al-Ushrah, kerana ditugaskan dalam keadaan cuaca yang sangat panas untuk menghadapi musuh yang sangat besar, menyertai pertempuran yang sangat jauh dari Madinah dan kos yang sangat besar yang diperlukan untuk mempersiapkan pasukan tersebut.

Pasukan tersebut telah berkumpul dan Abu Bakar bertindak sebagai imam solat jemaah sambil menunggu kembalinya Rasulullah SAW menyelesaikan urusan tabdir urusan di Madinah sepanjang kepergian baginda. Baginda telah melantik Muhammad bin Maslamah sebagai ketua di Madinah. Baginda meninggalkan Ali bin Abi Thalib dengan keluarga baginda, dan mengarahkan untuk menjaganya, memberikan jalan keluar dalam berbagai persoalan yang perlu diselesaikan dan

mengatur pelbagai perkara. Kemudian baginda kembali ke pasukannya untuk memimpin dan memerintahkannya bergerak. Debu-debu padang pasir pun berterbangan dipijak kaki-kaki kuda dan pasukan bergerak maju di hadapan penduduk Madinah. Para wanita naik ke atas atap-atap rumah menyaksikan pasukan besar yang sedang bergerak menelusuri padang pasir menuju Syam. Pasukan bergerak dalam keadaan ringan seolah-olah tanpa bebanan, padahal mereka sedang menuju peperangan di jalan Allah di tengah panas yang membakar, kehausan yang menusuk kerongkong, dan lapar yang melilit perut.

Pasukan muslimin terus bergerak menuju negeri musuh. Sepuluh ribu pasukan berkuda bergerak terlebih dulu. Penampakkan kekuatan yang menakutkan tersebut mampu menggerakkan sebahagian jiwa yang ingin berundur dan enggan, untuk segera bergabung dengan pasukan itu. Orang-orang yang bertolak dengan separuh hati tersebut segera menyusul pasukan dan bergabung dengannya kemudian berangkat bersama-sama menuju Tabuk. Sementara itu, pasukan Rom sudah berkhemah di Tabuk dan bersedia memerangi kaum Muslimin. Ketika telah sampai kepada mereka kedatangan pasukan kaum Muslimin, kekuatannya, dan jumlahnya yang ramai, maka mereka teringat kembali peperangan melawan kaum Muslimin di Mu'tah. Di mana mereka pada ketika itu memiliki tekad dan keberanian yang tidak kenal erti menyerah, padahal pasukan mereka tidak sebesar dan sebegitu menakutkan seperti sekarang. Ketakutan mereka semakin bertambah ketika mengetahui Rasulullah SAW sendiri yang memimpin pasukan itu. Mereka sangat takut perkara itu, lalu segera menarik pasukannya berundur untuk memasuki kota Syam untuk berlindung di dalam benteng mereka. Mereka meninggalkan Tabuk dan semua sempadan wilayah Syam dari arah gurun pasir dan lebih memilih mengundurkan diri ke dalam negeri.

Ketika Rasulullah SAW mengetahui perihal pengunduran pasukan Roma dan merebaknya kerisauan yang menimpa mereka, maka baginda terus bergerak mara sehingga ke Tabuk, menguasainya dan berkhemah di sana. Pada ketika itu baginda belum melihat keperluan untuk mengejar pasukan Rom sehingga masuk ke kota Syam. Baginda tinggal di Tabuk lebih kurang sebulan sambil menunggu sesiapa sahaja yang mahu bertarung atau beradu kekuatan dari kalangan penduduk daerah tersebut. Baginda juga menggunakan kesempatan untuk menghantar surat kepada para pemimpin beberapa kabilah dan negara-negara di bawah kerajaan Rom. Baginda menghantar sepucuk surat kepada Yahnah bin Rukbah pemimpin Ailah, penduduk Jirba' dan penduduk Azrah dengan

menyampaikan dua pilihan, yaitu mereka menyerah atau baginda memerangi mereka. Mereka menerima tawaran pertama yaitu tunduk, bersedia taat dan berdamai dengan Rasulullah SAW serta membayar jizyah.

Kemudian baginda kembali ke Madinah dan mendapati kaum munafik telah memanfaatkan pemergian Rasulullah SAW dari Madinah untuk menyebarkan racun-racun kemunafikan dan memfokuskan kekuatan mereka untuk memperdaya kaum Muslimin. Sekumpulan mereka berjaya mendirikan sebuah masjid di Zu Awan yang terletak di antara perkampungan mereka dan Madinah yang jaraknya satu jam perjalanan. Di dalam masjid tersebut, kaum munafik berlindung dan berusaha untuk melakukan perubahan terhadap firman-firman Allah dari tempatnya semula. Mereka melakukan tindakanya itu untuk memecah-belah kaum Mukminin dengan kedengkian dan kekufuran. Kumpulan yang telah mendirikan masjid itu sebelum ini pernah meminta kepada Rasulullah SAW sebelum baginda bertolak dalam peperangan Tabuk, agar solat di masjid mereka. Namun baginda menunda-nundanya sehingga baginda kembali. Ketika baginda kembali dan mengetahui sepak terjang kaum munafik ini, serta diwahyukan kepadanya tentang masjid dan hakikat tujuan pembinaannya, maka baginda mengarahkan para sahabat untuk membakar masjid itu, dan mengambil sikap yang lebih tegas terhadap kaum munafik. Maka peristiwa ini menjadi pelajaran yang menggentarkan mereka, sehingga mereka takut dan tidak berani melakukannya lagi.

Dengan adanya perang Tabuk maka telah sempurna ketentuan Tuhanmu di seluruh semenanjung Arab. Rasulullah SAW berjaya mengamankan setiap penentangan dan serangan yang diarahkan ke wilayahnya. Delegasi-delegasi dari berbagai suku Arab menerima ketaatan kepada Rasulullah saw dan menyatakan keislaman kerana Allah.

# **Dominasi Negara Islam Terhadap Semenanjung Arab**

Peperangan Tabuk merupakan kesempatan terbaik Nabi SAW untuk memantapkan aspek politik luar negeri dengan cara mendamaikan sempadan wilayah negara dan mencetuskan rasa gerun dalam benak fikiran musuh-musuh baginda dalam aspek yang lain. Selepas itu, baginda merangka strategi untuk kaum Muslimin agar mampu mengembangkan dakwah Islam ke seluruh dunia di luar semenanjung Arab. Tidak lama selepas berakhirnya peperangan Tabuk, wilayah selatan semenanjung Arab iaitu Yaman, Hadramaut, dan Oman telah bersedia menyatakan keislaman mereka dan mentaati Negara Islam. Belum sampai tahun ke-9 Hijrah, beberapa utusan datang secara bertali arus untuk menyatakan keislaman dirinya dan kaumnya.

Dengan demikian, penguasaan Negara Islam terhadap seluruh semenanjung Arab telah sempurna dan berjaya mendamaikan daerah-daerah sempadannya dari arah Rom. Di seluruh semenanjung Arab, sudah tidak ada yang berbaki kecuali orang-orang musyrik yang tetap dalam kemusyrikannya dan orang-orang yang menjalankan ibadah haji ke Baitullah al-Haram serta masih menyembah berhala di dalamnya berdasarkan perjanjian yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW untuk mereka agar sesiapa yang datang ke Baitullah tidak akan dihalang dan tidak ada seorang pun yang merasa takut pada bulan Haram. Sekalipun seluruh semenanjung Arab telah menyatakan ketaatan kepada Muhammad SAW dan tunduk kepada hukum negara Islam, masih banyak saki baki kaum musyrik yang menyembah selain Allah SWT. Mereka belum meninggalkan adat kebiasaan mereka. Sedangkan baginda tidak akan membiarkan Baitullah al-Haram menjadi tempat berkumpulnya orang-orang yang saling bertentangan, iaitu antara kaum Muslimin yang menolak prinsip keberhalaan dan kemusyrikan dengan orang-orang musyrik yang setia terhadap keberhalaan dan kemusyrikan. Tidak ada seorangpun yang boleh menerima dua kumpulan penyembah yang saling bertentangan dan sama-sama berkumpul di sekitar Baitullah. Iaitu sekumpulan yang berusaha menghancurkan berhala dan sekumpulan lagi yang menyembah berhala yang telah dihancurkan. Oleh kerana itu, baginda perlu memusnahkan kemusyrikan tersebut di seluruh penjuru semenanjung Arab. Baginda perlu membuat dinding pemisah antara kaum musyrik dengan Baitullah. Kemudian turunlah surat Baraah (at-Taubah) kepada

Nabi SAW selepas peperangan Tabuk dan selepas perginya Abu Bakar memimpin rombongan haji ke Makkah. Lalu Nabi SAW menghantar Ali bin Abi Thalib agar menyusuli Abu Bakar dan berkhotbah di tengah-tengah manusia dan membacakan surat at-Taubah. Ali pun pergi dan ketika manusia sedang berkumpul di Mina, Ali berdiri di samping Abu Hurairah lalu beliau menyeru manusia:

بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ  
 الْمُشْرِكِينَ ﴿٩﴾

(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan dari Allah dan Rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang musyrik yang kamu (kaum Muslim) telah mengadakan perjanjian (dengan mereka). (Surah at-Taubah 9:1)

Sehingga sampai kepada firman Allah SWT :

﴿وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا  
 أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾﴾

Dan perangilah kaum musyrik itu semuanya sebagaimana mereka pun memerangi kamu semua; dan ketahuilah bahawa Allah bersama-sama orang-orang yang bertaqwa. (Surah at-Taubah [9]: 36).

Selesai membaca ayat-ayat ini, Ali berdiri dengan tenang di hadapan mereka, lalu berseru dengan kuat, "Wahai manusia! Sesungguhnya orang kafir tidak akan masuk syurga dan orang musyrik tidak boleh melakukan haji serta tawaf di Baitullah dalam keadaan telanjang selepas tahun ini. Sesiapa sahaja yang ada perjanjian dengan Rasul SAW, maka perjanjian itu masih berlaku hingga sampai tempoh tersebut".

Ali melaungkan 4 perintah ini, kemudian menentukan tempoh berakhirnya selama 4 bulan selepas hari itu. Setiap kumpulan diminta kembali ke tempat perkhemahan dan negeri mereka. Semenjak hari itu, tidak ada seorangpun orang musyrik yang berhaji dan tawaf di Baitullah dalam keadaan telanjang. Dengan demikian, perintah Allah di semenanjung Arab telah sempurna dengan ditegakkannya institusi negara yang didirikan dengan asas akidah Islam. Dengan turunnya surat al-Baraah dan ditetapkannya ketentuan bagi kaum musyrik di

semenanjung Arab, maka kedudukan negara Islam telah sempurna dengan menenyapkan semua pemikiran yang tidak Islam termasuk semua institusi selain negara Islam dan dengan mempersiapkan pengembangan dakwah Islam ke seluruh dunia.

## Struktur Negara Islam

Semenjak Rasulullah SAW tiba di Madinah, baginda mengarahkan kaum Muslimin serta menjaga semua kepentingan mereka, menguruskan semua urusan mereka, dan mewujudkan masyarakat Islam. Baginda juga mengadakan perjanjian dengan Yahudi, dengan Bani Dhamrah, Bani Mudlij, Quraisy, penduduk Ailah, Jirba', dan Azrah. Baginda memberikan janji kepada manusia tidak akan menghalang orang yang melakukan haji ke Baitullah dan tidak boleh ada seorangpun yang takut dalam bulan-bulan haram. Lalu baginda mengutus Hamzah bin Abdul Muthallib, Ubaidah bin al-Harith dan Sa'ad bin Abi Waqash dalam berbagai ekspedisi untuk memerangi Quraisy. Baginda juga menghantar Zaid bin Harithah, Ja'far bin Abi Thalib dan Abdullah bin Rawahah untuk memerangi Rom. Baginda menghantar Abdurrahman bin 'Auf untuk memerangi Daumatul Jandal dan menghantar Ali bin Abi Thalib bersama-sama Basyir bin Saad ke daerah Fidak. Seterusnya Rasulullah SAW menghantar Abu Salamah bin Abdul Asad ke Qathna dan Najd, menghantar Zaid bin Haritsah ke Bani Salim lalu ke Judzam kemudian ke Bani Fuzarah di Lembah Qura dan ke Madyan, mengutus Amru bin Al-Ash ke Dzati Salasil di wilayah Bani Azrah dan menghantar yang lainnya ke pelbagai daerah. Baginda selalu memimpin sendiri pasukan dalam berbagai siri peperangan terutama peperangan yang sangat besar.

Baginda melantik para pemimpin untuk di pelbagai wilayah dan para amil untuk setiap daerah. Baginda melantik Atab bin Usaid menjadi pemimpin di kota Makkah selepas pembukaan Mekah dan Bazan bin Sasan selepas beliau memeluk Islam menjadi pemimpin di Yaman, melantik Muaz bin Jabal al-Khazraji menjadi pemimpin di Janad, melantik Khalid bin Sa'id bin Al-Ash menjadi amil di Sanaa, Ziyad bin Labid bin Tsa'labah al-Ansari menjadi amil di Hadhramaut, melantik Abu Musa al-Asy'ariy menjadi amil di Zabid dan 'Adn, Amru bin Al-Ash menjadi amil di Oman, Muhajir bin Abi Umayyah menjadi amil di Sanaa, 'Adi bin Hatim menjadi pemimpin Thuyyia, al-Alla bin al-Hadhramiy menjadi amil di Bahrain dan Abu Dujanah sebagai amil Rasulullah SAW di Madinah. Ketika melantik para pemimpin, baginda SAW memilih mereka yang paling dapat berbuat terbaik dalam kedudukan yang akan disandangnya, selain hatinya telah dipenuhi dengan keimanan. Baginda juga bertanya kepada mereka tentang cara pelaksanaan yang akan mereka lakukan dalam mengurus tadbir pemerintahan. Diriwayatkan dari baginda SAW pernah bertanya kepada Muaz bin Jabal al-Khazraji ketika menghantarnya ke Yaman, "*Dengan apakah kamu akan menjalankan pemerintahan?*"



Beliau menjawab, *“Dengan Kitab Allah.”* Baginda bertanya lagi, *“Jika kamu tidak menemuinya?”* Beliau menjawab, *“Dengan Sunah Rasulullah.”* Baginda bertanya lagi, *“Jika kamu tidak menemuinya?”* Beliau menjawab, *“Saya akan berjihad dengan fikiran saya.”* Seterusnya baginda bersabda, *“Segala puji bagi Allah yang telah memberikan pemahaman kepada utusan Rasulullah terhadap yang Allah dan Rasul-Nya cintai”*. Diriwayatkan dari baginda SAW pernah melantik Abban bin Sa’id menjadi ketua di Bahrain, lalu baginda berpesan kepadanya, *“Bersikap baiklah kepada Abdul Qais dan muliakanlah orang-orangnya”*.

Baginda SAW selalu menghantar para pemimpin dari kalangan orang yang terbaik kalangan mereka yang telah memeluk Islam. Baginda memerintahkan mereka untuk membimbing orang-orang yang telah memeluk Islam dan mengambil zakat dari mereka. Dalam banyak kesempatan baginda memberikan tugas kepada para pemimpin untuk mengurus berbagai kewajiban berkenaan dengan harta, memerintahkannya untuk selalu menggembirakan masyarakat dengan Islam, mengajarkan al-Quran kepada mereka, memberi kefahaman kepada mereka tentang agama dan berpesan kepada seorang pemimpin supaya bersikap lemah lembut dengan masyarakat dalam kebenaran serta bersikap tegas dalam kezaliman. Di samping itu agar pemimpin tersebut mencegah mereka apabila di tengah-tengah masyarakat muncul sikap kebangkitan yang memacu ke arah seruan-seruan kesukuan dan rasis, lalu mengubah seruan mereka hanya kepada Allah yang tiada sekutu bagi-Nya. Baginda juga mengarahkan pemimpin untuk mengambil satu perlima harta dan zakat yang diwajibkan kepada kaum Muslim. Orang Nasrani dan Yahudi yang memeluk Islam dengan ikhlas dari dalam dirinya dan beragama Islam, maka dia adalah sebahagian dari kaum Mukmin. Hak dan kewajiban mereka sama dengan kaum Mukmin. Sesiapa sahaja masih dalam Nasrani atau Yahudi, maka sesungguhnya dia tidak akan diganggu. Di antara pesanan yang disampaikan Rasulullah kepada Muaz ketika menghantarkannya ke Yaman adalah, *“Sesungguhnya kamu akan mendatangi kaum dari kalangan Ahli Kitab. Jadikanlah seruan pertama yang akan kamu sampaikan kepada mereka adalah menyembah Allah SWT. Jika mereka telah mengenal Allah SWT, maka kabarkan kepada mereka bahawa Allah SWT mewajibkan mereka zakat yang diambil dari orang yang kaya dan diserahkan kepada orang-orang fakirnya. Jika mereka mentaatinya, maka ambillah dari mereka. Dan jagalah kehormatan harta mereka. Takutlah kepada doa orang-orang yang dizalimi, sesungguhnya antara mereka dan Allah tidak ada penghalang”*

Kadang-kadang baginda SAW menghantar petugas khusus untuk urusan harta. Setiap tahun baginda menghantar Abdullah bin Rawahah kepada Yahudi

di Khaibar untuk pengiraan hasil pertanian mereka. Mereka pernah mengadu kepada Rasulullah SAW kerana Ibnu Rawahah begitu teliti dalam melakukan pengiraan, lalu merancang untuk merasuah Ibnu Rawahah. Kemudian mereka mengumpulkan sejumlah perhiasan yang digunakan isteri-isteri mereka lalu berkata, *"Ini semua adalah untuk anda dan ringankanlah beban kami serta perlembihkan dalam pembahagian"*. Abdullah berkata, *"Wahai orang-orang Yahudi! Sesungguhnya kamu adalah mahluk Allah SWT yang paling saya benci. Perhiasan-perhiasan yang kamu tawarkan kepadaku agar saya membuat keringanan kepada kamu sama sekali tidak membebaniku. Adapun rasuah yang kalian tawarkan kepadaku sesungguhnya itu adalah haram dan kami tidak akan memakannya!"*. Mereka menjawab: *"Ya, dengan begitulah langit dan bumi tegak"*.

Baginda SAW selalu mengungkapkan situasi para pemimpin dan amil serta mendengarkan informasi tentang mereka. Baginda telah memecat al-Alla' bin al-Hadhrami, yang merupakan amil baginda di Bahrain, kerana utusan Abdul Qais mengadukannya kepada baginda. Baginda SAW juga senantiasa mengawal para amil dan membuat penilaian terhadap pendapatan serta pengeluaran mereka. Baginda melantik seseorang yang ditugaskan memungut zakat. Ketika kembali petugas tersebut mengira hasil yang di bawanya dan berkata, *"Ini bahagian anda dan yang ini dihadiahkan untukku"*. Nabi SAW merespon, *"Tidak patut seseorang yang kami tugaskan dalam sesuatu pekerjaan dengan sesuatu yang Allah kuasakan kepada kami, lalu dia berkata, 'Ini bagian anda dan yang ini dihadiahkan untukku.' Kenapa dia tidak duduk sahaja di rumah bapa dan ibunya, lalu menunggu adakah akan datang hadiah kepadanya atau tidak?!"* Baginda meneruskan: *"Sesiapa yang kami tugaskan untuk suatu pekerjaan dan kami telah memberikan upah kepadanya, maka apa yang dia ambil selain upah tersebut adalah ghulul( hadiah haram untuk pegawai atau pemimpin)"*

Penduduk Yaman pernah mengadu tentang Muaz yang suka memanjangkan solat ketika menjadi imam, lalu baginda menegurnya dan bersabda, *"Sesiapa yang menjadi imam dalam solat, maka ringankanlah!"*. Baginda SAW telah melantik para qadhi yang bertugas untuk menetapkan keputusan hukum di dalam masyarakat. Baginda melantik Ali bin Abi Thalib sebagai Qadhi di Yaman, Abdullah bin Naufal menjadi Qadhi di Madinah dan menugaskan Muaz bin Jabal serta Abu Musa al-Asy'ariy sebagai Qadhi di Yaman. Baginda bertanya kepada kedua-duanya, *"Dengan apa kamu berdua akan menetapkan hukum?"* Kedua-duanya menjawab, *"Jika kami tidak berjumpa hukum di dalam al-Kitab dan as-Sunah, kami akan mengqiyaskan satu perkara dengan perkara lainnya. Mana yang lebih dekat pada kebenaran, itulah yang akan kami gunakan"*. Nabi SAW lalu

membenarkan kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa baginda memilih para Qadhi dan menetapkan tata cara bagi mereka dalam memutuskan suatu perkara. Baginda tidak hanya melantik para Qadhi melainkan menetapkan juga mahkamah mazalim.

Baginda SAW juga menguruskan kemaslahatan masyarakat dan melantik para petugas pencatat untuk menguruskan kemaslahatan-kemaslahatan tersebut. Mereka itu berada di jawatan ketua jabatan. Ali bin Abi Thalib adalah penulis perjanjian apabila ada perjanjian serta penulis perjanjian perdamaian apabila ada perjanjian damai. Mu' aiqib bin Abi Fatimah adalah petugas yang meletakkan cop baginda serta pencatat berkenaan ghanimah. Huzaifah bin al-Yaman pula bertugas mencatat hasil pertanian Hijaz. Zubair bin Awwam bertugas untuk mencatat harta zakat. Mughirah bin Syu'bah mencatat pelbagai hutang dan muamalah. Syurahbil bin Hasanah bertugas membuat berbagai naskah perjanjian yang ditujukan kepada para raja. Baginda melantik seorang pencatat atau ketua untuk setiap urusan kemaslahatan yang ada, walaupun sebanyak masalahnya.

Baginda juga banyak bermesyuarat dengan para sahabatnya. Baginda selalu bermesyuarat dengan para pemikir dan bijaksana, orang-orang yang berakal genius serta memiliki kelebihan, memiliki kekuatan dan keimanan serta yang telah teruji dalam penyebaran dakwah Islam. Mereka adalah 7 orang dari kaum Ansar dan 7 lagi dari Muhajirin. Diantaranya adalah Hamzah, Abu Bakar, Ja'far, Umar, Ali, Ibnu Mas'ud, Sulaiman, Ammar, Hudzaifah, Abu Dzar, Miqdad dan Bilal. Baginda juga kadang-kadang bermesyuarat dengan selain mereka. Tetapi merekalah yang lebih banyak dijadikan untuk tempat merumuskan pendapat. Mereka mempunyai berkedudukan sebagai satu majlis yang menjadi tempat rujuk syura.

Baginda SAW juga telah menetapkan beberapa jenis kutipan terhadap kaum Muslimin dan selain mereka. Antaranya kutipan terhadap tanah, buah-buahan dan ternakan. kutipan tersebut merangkumi zakat, 'usyur, faiiy, kharaj, dan jizyah. Manakala harta anfal dan ghanimah dimasukkan ke dalam Baitul Mal. Baginda juga mengagihkan zakat kepada 8 golongan yang disebutkan dalam al-Quran dan tidak diberikan kepada selain golongan tersebut, serta tidak digunakan untuk menguruskan urusan negara. Baginda membiayai keperluan masyarakat hasil dari faiiy, kharaj, jizyah dan ghanimah. Itu semua sangat mencukupi untuk mengatur pengurusan negara serta persiapan pasukan tentera. Negara tidak pernah memerlukan tambahan harta selain itu.

Demikianlah Rasul SAW telah menegakkan sendiri struktur negara Islam dan telah menyempurnakannya semasa hidupnya. Negara memiliki ketua negara, para mu'awwin, para wali, para qadhi, tentera, ketua jabatan, dan majlis tempat baginda melakukan syura. Struktur ini, dari aspek kemanfaatannya merupakan jalan yang wajib diikuti. Ia juga secara umumnya ditetapkan berdasarkan dalil yang mutawatir. Baginda SAW juga menjalankan fungsi-fungsi ketua negara semenjak tiba di Madinah sehingga baginda SAW wafat. Abu Bakar dan Umar adalah dua orang mu'awwin baginda. Para sahabat telah sepakat, selepas baginda SAW wafat untuk melantik seorang ketua negara yang akan menjadi pengganti untuk Rasulullah SAW dalam aspek kepemimpinan negara saja, bukannya aspek risalah mahupun kenabian. Ini kerana perkara tersebut telah ditutup oleh baginda SAW. Demikianlah, Rasulullah SAW telah membangunkan struktur negara secara sempurna selama hidupnya dan meninggalkan bentuk pemerintahan serta struktur negara yang dapat diketahui serta nampak jelas.

## Kedudukan Yahudi Dalam Negara Islam

Komuniti Yahudi bukan suatu perkara yang perlu diambil kira di sisi Rasulullah SAW. Namun yang perlu diambil kira adalah penentangannya terhadap bangsa Arab pada umumnya dan Quraisy pada khususnya. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW mengadakan perjanjian dengan Yahudi yang mewajibkan mereka untuk tunduk kepada baginda dan menjauhkan diri mereka dari setiap orang yang menentang baginda. Oleh kerana mereka telah menyaksikan negara Islam berkembang pesat dan kekuasaan kaum Muslimin semakin kuat, maka mereka menggunakan perdebatan dan 'tikaman' sebagai alat untuk menyerang kaum Muslimin.

Ketika berlakunya peperangan Badar dan kemenangan berpihak kepada kaum Muslimin, Yahudi merasakan adanya bahaya yang mengancam mereka. Oleh kerana itu, mereka memfitnah kaum Muslimin dan berkonspirasi untuk menghadapi Rasulullah SAW. Watak tentang Yahudi itu akhirnya sampai kepada Rasulullah SAW dan kaum Muslimin. Jiwa mereka semakin dipenuhi dengan sifat hasad dan dengki. Samada Yahudi ataupun kaum Muslimin saling mengintai dan menunggu kesempatan di tempat mereka masing-masing. Bengkak Yahudi makin bertambah-tambah sehingga Abu Afak salah seorang Yahudi Bani Amru bin Auf, membawakan syair-syair untuk 'menikam' Muhammad SAW dan kaum Muslimin. Ashma' binti Marwan bersungguh-sungguh memperlekehkan Islam dan menyakiti Nabi SAW. Ka'ab bin al-Asyraf pula dalam syairnya memuji-muji para isteri kaum Muslimin dan pergi ke kota Makkah untuk mendendangkan syair-syair dan memperkecilkan Muhammad SAW. Kaum Muslim tidak boleh bersabar melihat tingkah laku mereka yang keji ini. Maka kaum Muslimin lantas membunuh mereka sehingga berjaya menghentikan kejahatan Yahudi. Dalam keadaan ketakutan mereka tersebut, semakin bertambah pula perbuatan mereka yang menyakitkan itu. Akhirnya Rasulullah SAW meminta mereka supaya menghentikan perbuatan menyakiti kaum Muslimin dan menjaga perjanjian damai atau baginda akan menjatuhkan hukuman kepada mereka sebagaimana yang telah baginda jatuhkan kepada Quraisy. Mereka takut pada ancaman baginda dan mereka menjawab, *"Janganlah kamu membanggakan diri, wahai Muhammad. Sesungguhnya kamu berjumpa suatu kaum yang tidak tahu apa-apa pun tentang peperangan. Maka kamu dapat mengambil kesempatan dari mereka. Demi Allah, sesungguhnya jika kami memerangi kamu, pasti kamu akan tahu siapakah kami"*

Selepas kejadian tersebut maka tiada perkara lain kecuali memerangi mereka. Kaum Muslimin keluar dan mengepung Bani Qainuqa' di kampung halaman mereka selama 15 hari berturut-turut. Tidak ada seorang kalangan mereka yang dapat meloloskan diri dari kepungan dan tidak ada seorang pun yang dapat menghantarkan makanan kepada mereka. Mereka tiada pilihan lain kecuali menyerah pada pemerintahan Muhammad SAW dan menerima keputusannya. Kemudian baginda memberi keringanan kepada mereka dengan hanya menghalau mereka keluar dari Madinah. Mereka keluar dari Madinah sehingga sampai di lembah Qura'. Mereka tinggal di sana beberapa lama dan dari sana pula dengan membawa segala apa yang ada, mereka meneruskan perjalanan ke arah utara sehingga tiba di Azra'at yang ada di sempadan Syam. Dengan pengusiran mereka, maka ianya dapat melemahkan jaringan Yahudi, sehingga mereka menampakkan ketundukannya kepada kaum Muslimin. Mereka melakukannya semata-mata kerana takut kepada kekuatan dan ketegasan kaum Muslimin. Seheinggakan ketika mereka mendapatkan peluang, maka mereka bergerak untuk kali keduanya.

Ketika kaum Muslimin dikalahkan pada peperangan Uhud, maka perasaan dengki dalam jiwa mereka serta merta bergerak dan bersekongkol untuk membunuh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW sendiri telah menyedari niat mereka tersebut, maka baginda memutuskan untuk mendekati mereka secara sembunyi agar mengetahui niat mereka yang sebenarnya. Baginda bertolak bersama-sama sepuluh orang kaum Muslimin senior. Di antaranya adalah Abu Bakar, Umar dan Ali, menuju Bani Nadhir. Ketika rombongan kecil ini tiba, orang-orang Yahudi Bani Nadhir menyambutnya dengan menampakkan kegembiraan dan keceriaan. Akan tetapi, di dalam kegembiraan sebahagian mereka bersama baginda, baginda melihat mereka sedang melakukan konspirasi. Salah seorang dari mereka pergi ke suatu sudut dan seorang lagi memasuki rumah tempat Rasulullah SAW sedang bersandar pada dindingnya. Perkara ini menjadikan baginda mula ragu-ragu terhadap urusan mereka. Keraguan itu semakin bertambah ketika sampai kepada baginda akan dialog mereka tentang diri baginda dan konspirasinya untuk menghadapi baginda. Oleh sebab itu, baginda segera mengundurkan diri dari tempatnya dengan meninggalkan para sahabat di belakang baginda. Para sahabat mereka menyangka bahawa baginda pergi untuk suatu urusan.

Ketika segala perancangan yang ada di tangan Yahudi berterabur dan urusan mereka menjadi kacau bilau, sehingga mereka berusaha meminta

perdamaian kaum Muslimin. Akan tetapi, para sahabat Rasulullah menolaknya, lalu mereka mencari baginda dan menemuinya telah pergi menuju masjid. Para sahabat pergi menemui baginda, lalu baginda menceritakan keragu-raguannya tentang persoalan orang-orang Yahudi tersebut. Baginda menghantar Muhammad bin Maslamah pergi ke Bani Nadhir untuk menyuruh mereka agar keluar dari negeri baginda. Baginda menetapkan tempoh masa kepada mereka selama 10 hari, kemudian mengepung mereka dan akhirnya berjaya menghalau mereka. Mereka segera keluar dari Madinah dan sebahagian mereka tinggal di Khaibar, sementara saki bakinya meneruskan perjalanan sehingga tiba di Azra'at berhampiran wilayah Syam,

Usaha pembersihan Madinah daripada fitnah Yahudi telah berjalan dengan sempurna. Tidak ada lagi yang saki baki Yahudi di Madinah kecuali Bani Quraizah. Mereka belum lagi melakukan apa-apa pelanggaran terhadap perjanjian Nabi, maka Nabi SAW tidak bertindak terhadap mereka. Setelah melihat apa yang menimpa Bani Qainuqa' dan Bani Nadhir, mereka menampakkan kecintaannya kepada Muhammad SAW. Tetapi ianya hanya seketika sahaja iaitu ketika mereka melihat ketegasan dan kebimbangan terhadap kekuatan kaum Muslimin. Akhirnya apabila mereka melihat ada peluang, iaitu pada ketika melihat pasukan Ahzab datang ke Madinah untuk menghancurkan kaum Muslimin, Bani Quraizah bersedia mendengarkan ajakan Huyay bin Akhthab. Ini disusuli pula dengan tindakan mereka membatalkan perjanjiannya dan bersedia menyerang kaum Muslimin. Mereka mula menampakkan kejahatan dan pelanggaran terhadap janjinya. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW lebih mengutamakan untuk menyelesaikan persoalan mereka selepas pengunduran pasukan Ahzab. Baginda dan kaum Muslimin bergerak ke penempatan mereka dan mengepungnya selama 25 hari. Dalam tempoh pengepungan tersebut, tidak ada seorangpun Yahudi yang berani keluar.

Selepas yakin bahawa benteng mereka tidak akan mampu dipertahankan daripada kepungan ini, mereka menghantar utusan kepada Rasulullah SAW untuk mencadangkan, "*Rasulullah hendaklah menghantar Abu Lubabah kepada kami agar kami boleh berunding dengannya tentang urusan kami.*" Abu Lubabah adalah seorang daripada kalangan Aus yang pernah menjadi sekutu mereka di masa jahiliyah. Ketika melihat kedatangan Abu Lubabah, kaum lelaki mereka berdiri menyambut dan menyiapkan para wanita dan anak-anak supaya menangis tersedu-sedu dengan harapan boleh melunakkan hati Lubabah dan membuatnya simpati kepada mereka. Mereka berkata kepada Abu Lubabah: "*Adakah menurut*

*anda kami perlu tunduk kepada pemerintahan Muhammad?". Dia menjawab, "Ya," Dia memberi isyarat dengan tangannya ke leher, yang menunjukkan bahawa mereka akan disembelih.*

Ketika Abu Lubabah pulang, Kaab bin Asad mencadangkan beberapa pendapat kepada mereka, namun mereka tidak menerimanya. Dia berkata kepada mereka, *"Tidak ada pilihan lain kecuali kamu perlu tunduk kepada pemerintahan Muhammad"*. Lalu mereka menghantar utusan kepada Muhammad SAW dan mencadangkan bahawa mereka akan keluar ke Azra'at dengan meninggalkan apa yang mereka miliki. Baginda menolak cadangan tersebut kecuali satu perkara iaitu agar mereka tunduk kepada pemerintahan Islam. Mereka meminta pertolongan suku Aus agar datang menolong mereka. Rasulullah SAW bersabda, *"Wahai orang-orang Aus, adakah kamu mahu seseorang dari kamu memutuskan hukuman kepada mereka?"*. Mereka menjawab, *"Sudah tentu"*. Rasulullah SAW berkata lagi, *"Kalau begitu, mintalah kepada Saad bin Muaz"*.

Kemudian Saad mengambil beberapa keputusan terhadap kedua-dua kumpulan tersebut agar kedua-duanya menerima dan rela terhadap keputusannya. Ketika mereka memberikan janji-janji kepadanya, Saad memerintahkan Bani Quraizah supaya menyerah dan meletakkan senjata, lalu mereka melakukannya. Kemudian Saad memutuskan untuk membunuh sesiapa sahaja yang melakukan penentangan dan membahagi-bahagikan harta serta tawanan samada anak-anak mahupun wanita. Ketika Rasul SAW mendengar keputusan ini, baginda bersabda, *"Sesungguhnya kamu menjatuhkan hukum kepada mereka dengan hukum Allah dari atas tujuh langit."*

Kemudian Saad keluar ke pasar Madinah dan memerintahkan agar digali beberapa lubang, kemudian orang-orang Yahudi itu dibawa lalu leher mereka dipenggal kemudian dikuburkan di dalam lubang-lubang tersebut. Nabi SAW membahagi-bahagikan harta Bani Quraizah, kaum wanita dan anak-anak mereka kepada kaum Muslimin selepas mengeluarkan satu perlima diantaranya dan mengambil sebahagian harta ghanimah untuk dihantar bersama Saad bin Zaid al-Anshariy ke Najd agar beliau menjualnya untuk membeli kuda dan senjata sebagai tambahan untuk memperkuat pasukan kaum Muslim.

Dengan demikian, persoalan Bani Quraizah sudah diselesaikan. Tetapi ini tidak bermaksud semua orang Yahudi sudah berjaya diselesaikan. Di sana masih terdapat orang-orang Khaibar yang merupakan kabilah Yahudi yang terkuat di antara kabilah-kabilah Yahudi yang lainnya. Yahudi Khaibar belum lagi masuk



dalam persekutuan bersama Rasulullah SAW. Mereka bersama-sama dengan orang-orang Quraisy, telah membuat kesepakatan untuk membunuh Rasulullah SAW sebelum perjanjian Hudaibiyah berlaku. Di samping itu, kewujudan mereka merupakan duri dalam tubuh negara Islam. Sebelum menyempurnakan perjanjian Hudaibiyah, Rasul SAW telah bersiap sedia untuk menyerang Khaibar dengan pukulan mematikan. Maka dari itu, baginda memerintahkan umat Islam untuk bersiap-sedia memerangi Khaibar. Kaum Muslimin bergerak dengan kekuatan 1600 orang tentera bersama-sama 100 orang penunggang kuda. Mereka semua percaya dengan pertolongan Allah. Mereka bertolak ke Khaibar dan berhenti di hadapan benteng Khaibar dalam keadaan bersedia dengan kawalan yang sempurna. Orang-orang Yahudi bermesyuarat tentang urusan mereka, lalu Salam bin Masykam mencadangkan agar mereka memasukan seluruh harta dan keluarganya ke dalam benteng Wathih dan Salalam, serta memasukkan tempat cadangan mereka ke benteng Na'im. Sementara para pejuang dan tentera masuk ke benteng Nithah. Salam bin Masykam juga masuk bersama-sama mereka ke dalam benteng tersebut untuk menggalakkan mereka bersedia untuk berperang.

Kedua-dua kumpulan itu akhirnya bertemu di sekitar benteng Nithah yang menjadi tempat pertahanan para pejuang dan tentera. Kedua-dua pasukan itu terlibat dalam peperangan yang amat sengit sehingga dikatakan bahawa jumlah yang terluka dari pihak kaum Muslimin sahaja di hari itu mencecah 50 orang. Dalam pertempuran itu, Salam bin Masykam terbunuh, lalu Harith bin Abi Zainab menggantikan kedudukannya untuk memimpin pasukan Yahudi. Harith keluar dari benteng Na'im yang menjadi tempat penyimpanan harta cadangan menuju perkhemahan kaum Muslimin. Tetapi Bani Khazraj berjaya menghalau dan memaksanya kembali ke bentengnya semula untuk menjaga anak-cucunya. Sementara kaum Muslimin mengalami kesukaran untuk mengepung benteng Khaibar, sedangkan Yahudi mempertahankannya bermati-matian. Setelah pengepungan berlangsung beberapa hari, Rasulullah SAW menghantar Abu Bakar menuju benteng Na'im agar dibukakan pintunya. Beliau bertolak dan terlibat dalam pertempuran dan akhirnya kembali tanpa dapat membuka benteng tersebut. Keesokan harinya, baginda menghantar Umar bin Khattab. Nasibnya juga sama dengan yang dialami Abu Bakar, sehingga Rasulullah SAW bersabda, *"Esok aku akan memberikan rayah ini kepada seseorang yang mencintai Allah dan Rasul-Nya dan melalui tangan orang itu Allah akan memberikan kemenangan, bukan dengan cara melarikan diri"*. Baginda memanggil Ali bin Abi Thalib, lalu berkata kepadanya, *"Ambillah rayah ini kepadamu, lalu berangkatlah dengan membawanya hingga Allah memberikan kemenangan atasmu"*

Ali ra. bertolak dengan membawa rayah. Ketika sudah berhampiran dengan benteng, penghuninya keluar menyerang dan Ali memerangi mereka. Seorang lelaki Yahudi berjaya memukulnya, maka perisai yang ada di tangannya tercabut. Ali segera menghampiri pintu benteng dan menggunakan perisai tersebut. Kemudian pintu itu digunakan oleh Ali untuk membenteng dirinya. Pintu benteng yang dijadikan perisai itu terus dipertahankan, sementara dia masih terus sibuk berperang sehingga benteng terbuka. Kemudian pintu itu dijadikan jambatan untuk kaum Muslim memasuki bangunan-bangunan yang ada di dalam benteng. Setelah benteng Na'im ditaklukkan, kaum Muslimin menakluk benteng lainnya satu persatu sehingga tiba di Wathih dan Salalam yang kedua-duanya merupakan benteng terakhir. Rasa putus asa menyelubungi jiwa kaum Yahudi, lalu mereka memohon perdamaian, agar Muhammad SAW melindungi darah mereka. Rasulullah SAW menerima permohonan mereka dan membiarkan mereka tetap tinggal di tanah mereka yang telah beralih penguasaannya kepada baginda sesuai dengan ketentuan penaklukkan. Iaitu bagi penduduknya memperoleh separuh dari hasil bumi itu sebagai balasan atas susah payah mereka. Dengan demikian, Khaibar berjaya ditundukkan. Kemudian Yahudi Fadak mendengar tentang Khaibar. Ketakutan menyelubungi hati mereka, lalu mereka memohon perdamaian dengan jaminan separuh harta mereka agar tidak diperangi. Rasulullah SAW kembali ke Madinah melalui lembah Qura. Di tengah-tengah perjalanannya, Yahudi Taima' bersetuju untuk membayar jizyah asalkan tidak diperangi dan tidak ada pembunuhan. Dengan demikian, semua kabilah Yahudi telah tunduk pada kekuasaan Nabi SAW. Semua kekuasaan yang pernah mereka miliki telah berakhir. Rasulullah SAW berjaya mentadbir semenanjung Arab dan kekuasaannya semakin stabil sehingga ketenangan dalam negeri betul-betul direalisasikan.

## Kelangsungan Negara Islam

Ketika Rasulullah SAW wafat, maka para sahabat bersepakat untuk membaiah seorang khalifah dalam kepemimpinan negara. Kaum Muslimin terus-menerus melantik seorang pemimpin untuk negara sehingga tahun 1342 H/1924 Masehi. Mereka menamakan pemimpin negaranya itu dengan sebutan Khalifah, Amirul Mukminin, Imam atau Sultan. Tidak ada seorangpun menjadi Khalifah kecuali melalui baiah. Negara Islam tersebut berjalan dengan cara sedemikian itu sepanjang kewujudannya sehinggalah khalifah terakhir atau sehingga berakhirnya negara Islam itu sendiri iaitu tidak ada seorangpun menjadi Khalifah kecuali melalui baiah. Cara penerapan baiah pelbagai cara. Seorang Khalifah itu kadang-kadang dibaiah secara langsung dan beliau mewariskannya kepada orang yang lain yang bukan kaum kerabatnya. Kadang-kadang beliau mewariskannya juga kepada anaknya atau salah seorang kaum kerabatnya. Kadang-kadang juga beliau mewariskannya kepada lebih dari seorang yang ada di kalangan keluarganya. Akan tetapi, pewarisan ini bukanlah satu-satunya yang menjadikan seseorang itu sebagai Khalifah. Orang yang berkaitan akan mengambil baiah ketika dia akan menguasai Khilafah. Tidak pernah ditemui seorang Khalifah yang menguasai kepemimpinan negara tanpa proses baiah. Pengambilan baiah juga pelbagai cara. Kadang-kadang diambil dari *ahlul halli wal 'aqdi*, kadang-kadang dari seluruh masyarakat dan kadang-kadang dari syeikhul Islam. Kadang-kadang proses pengambilannya juga berlaku dengan cara yang buruk, namun tetap dikategorikan sebagai baiah. Seorang putera mahkota tidak berhak menguasai Khalifah. Setiap Khalifah melantik para Muawin yang dalam tempoh tertentu mereka ini disebut sebagai para menteri, iaitu posisinya sebagai Muawin. Khalifah juga melantik para wali, qadhi al-qudhah, panglima-panglima pasukan, dan para ketua jabatan negara. Demikianlah, bentuk pemerintahan berterusan sepanjang masa. Situasinya tidak pernah mengalami perubahan sedikit pun pada kedudukannya. Tertegaknya negara Islam terus berlangsung sehingga kafir penjajah meruntuhkannya ketika mereka berjaya menghancurkan negara Uthmaniyah dan memecah-belah dunia Islam menjadi sejumlah negara-negara yang kecil.

Di dalam negara Islam turut berlaku beberapa krisis dalaman dalam pelbagai tempoh masa yang berbeza. Kemunculan krisis-krisis tersebut bukan berpunca dari faktor-faktor luaran Islam, tetapi ianya juga muncul dari pemahaman Islam terhadap keadaan yang sedang berlaku ketika kejadiannya.

Orang-orang yang memiliki pemahaman terhadap situasi yang sedang berlangsung tersebut, maka mereka bekerja menurut pemahamannya untuk membuat sebarang pembetulan yang bersesuaian dengan pemahamannya itu sendiri. Mereka kesemuanya adalah para mujtahid yang memahami solusi yang ditetapkan dengan pendekatan yang berbeza dari pendekatan yang sedia ada. Setiap pemahaman tersebut merupakan pemahaman Islam serta idea yang Islamik. Oleh sebab itu, kita akan mendapati perbezaan tentang seseorang yang layak menjadi Khalifah, bukan berkenaan dengan Khilafah itu sendiri. Perbezaan tersebut juga berkenaan dengan siapa yang menjawat jawatan dalam pemerintahan, bukan tentang bentuk pemerintahan. Perbezaan tersebut berkisar tentang masalah-masalah furuk dan perinciannya, bukan berkenaan dengan asas atau garis-garis besar. Tidak ada seorang pun dari kalangan kaum Muslimin yang menyalahi al-Quran dan as-Sunah. Mereka hanya berbeza pendapat dalam memahami kedua-duanya. Mereka tidak berbeza pendapat dalam perlantikan seorang Khalifah, melainkan berbeza pendapat tentang siapakah orangnya yang akan menjadi Khalifah. Mereka juga tidak berbeza pendapat dalam kewajiban penerapan Islam secara menyeluruh dan mengembangkannya ke seluruh dunia.

Mereka semua berjalan di atas asas tersebut dalam melaksanakan hukum-hukum Allah SWT dan mengajak manusia kepada agama Allah. Memang benar, sebahagian mereka salah dalam penerapan sebahagian hukum Islam lantaran berpunca pemahaman mereka yang salah. Sebahagian mereka juga salah dalam penerapan Islam kerana tujuan mereka juga salah. Akan tetapi, mereka semua menerapkan Islam, bukan yang lain. Mereka semua mengadakan hubungan dengan negara-negara, bangsa-bangsa, dan umat-umat lainnya berlandaskan Islam dan mengembangkan dakwah Islam ke seluruh dunia. Oleh sebab itu, perbezaan-perbezaan dalaman tersebut tidak pernah menghalang aktiviti pembukaan dan penyebaran Islam. Negara Islam terus melakukan pembukaan negeri-negeri demi penyebaran Islam sepanjang kewujudannya sehingga abad ke 11 Hijrah yang bertepatan dengan abad ke 17 belas Masehi. Negara Khilafah telah membuka Parsi, India, Kaukasus sehingga sempadan negara Islam mencapai China dan Russia, bahkan hingga ke seberang Laut Qazwin Timur. Negara Islam juga membuka Syam bahagian Utara, Mesir, Afrika Utara, dan Sepanyol bahagian Barat, sebagaimana juga membebaskan Anatolia, Balkan, Eropa Selatan dan Timur hingga menembusi bahagian Utara Laut Hitam yang merangkuni wilayah Qarmun dan selatan Ukraine. Pasukan negara Islam bergerak sehingga sampai Aswar dan kota Wina di Austria. Negara Islam tidak pernah berhenti melakukan pembukaan dan pengembangan dakwah kecuali ketika kelemahan melanda dan

keburukan kefahaman Islam mula bertapak. Kelemahan negara dalam pemahaman Islam telah mencapai batasan yang amat kritikal sehingga membawa kepada pergolakan dalam penerapan Islam. Di samping itu juga sehingga menggunakan sebahagian dari sistem lain yang diyakininya tidak bertentangan dengan Islam, kemudian mempraktikkannya.

Perjalanan negara Islam bergerak seiring dengan kekuatan pemikirannya dan kekuatan dalam menciptakan inovasi baru serta kekuatan dalam berijtihad. Pada abad pertama, misi-misi pembukaan terus bertambah dan proses ijtihad semakin meluas. Negara Islam menghadapi berbagai masalah baru di negeri yang dibuka, yang memerlukan kaedah-kaedah penyelesaian. Selain itu, ia juga membawa kepada penerapan hukum-hukum syarak terhadap pelbagai masalah baru yang muncul di Parsi, Iraq, Syam, Mesir, Sepanyol, India, Kaukasus, dan yang lainnya. Semua penduduk negeri-negeri yang dibuka ini masuk dalam penguasaan Islam. Perkara itu menunjukkan kebenaran dalam istinbat dan kekuatan dalam kreativiti dan ijtihad. Kebenaran dan pemahaman Islam yang tepat adalah yang akan membawa sudut pandang manusia yang bercahaya dalam usaha penerapan dan pembelajaran hukum-hukumnya.

Kreativiti, ijtihad, dan proses istinbath ini terus berlaku sehingga abad ke 5 Hijrah atau ke 11 Masehi. Pada ketika itu, kreativiti inovasi sudah mula lemah dan ijtihad juga semakin minimum. Perkara-perkara ini menyumbang kepada kelemahan institusi negara. Tambahan pula situasi ini disusuli dengan dengan siri peperangan Salib yang berlaku sehingga kaum Muslimin sibuk dengan peperangan sehinggalah peperangan berakhir dengan kemenangan kaum Muslimin. Kemudian datang pula kerajaan Mamalik dan mereka memerintah sedangkan mereka tiada kemampuan untuk berijtihad dan tidak memahami pemikiran Islam. Kelemahan berfikir ini semakin bertambah yang mengakibatkan kelemahan aspek politik. Kemunduran itu ditambah lagi dengan serangan pasukan Tartar. Tentera Mongol yang kejam ini telah melemparkan kitab-kitab Islam ke dalam sungai Dajlah(Tigris) dan menghancurkan khazanah pemikiran Islam yang sangat banyak. Kelemahan pemikiran inilah yang menghentikan proses ijtihad. Pembahasan masalah-masalah yang baru hanya terhad kepada pengeluaran fatwa dan takwil terhadap nas. Maka tahap pemikiran dalam negara jatuh menjunam dan membawa kepada kemerosotan tahap politik. Kemudian datang kerajaan Uthmaniyah dan mengambil alih pemerintahan dalam sebuah negara Islam. Mereka menyibukkan diri dengan kekuatan ketenteraan dan pembukaan. Mereka membuka Istanbul dan Balkan serta memberi tekanan kuat

kepada Eropah untuk menjadikan mereka sebagai satu-satunya negara di dunia. Akan tetapi, tahap pemikiran belum juga meningkat. Kekuatan ketenteraan yang berjaya melonjak lebih jauh tetapi tidak memiliki sandaran pemikiran. Tidak lama kemudian kekuatan ketenteraan ini semakin terhakis dan negeri-negeri Islam sedikit demi sedikit akhirnya berakhir. Walaupun situasinya demikian, negara tetap mengembangkan dakwah Islam, menyebarkan Islam. Berjuta-juta penduduk negeri-negeri yang dibuka memeluk Islam dan mereka sentiasa dalam suasana Islam.

Memang betul kepelbagaian pemahaman Islam serta Khalifah tidak mengambil hukum-hukum tertentu dalam sistem pemerintahan, walaupun mengambil sistem ekonomi dan perkara yang lainnya memiliki implikasi yang besar dalam memantapkan sebahagian penguasa dari kalangan para Khalifah dan para wali dalam mengurus tadbir pemerintahan dan pengurusan yang mempengaruhi kesatuan negara serta kekuatannya. Akan tetapi, perkara itu tidak memberi kesan terhadap kewujudan negara. Kekuasaan yang luas yang diberikan kepada para wali sebagai wakil Khalifah menyebabkan tergeraknya keinginan untuk berkuasa dalam diri mereka. Mereka seolah-olah memisahkan diri di wilayah jajaanya dan merasa cukup dengan baiah khalifah sahaja, mendoakannya di mimbar, membuat mata wang bertuliskan namanya dan sebagainya. Pemerintahan masih tetap berada di tangan mereka yang menjadikan wilayah-wilayah tersebut seolah-olah sebagai negara yang terpisah, seperti pemerintahan Bani Hamidiyah, Bani Saljuk dan lainnya. Hanya kekuasaan yang bersifat menyeluruh itu tidak mempengaruhi kesatuan negara dalam kedudukannya sebagai kekuasaan menyeluruh. Kedudukan Amru bin al-Ash di Mesir adalah sebagai wali umum, demikian pula kedudukan Mu'awiyah bin Abi Sufyan di Syam adalah sebagai wali umum. Oleh itu seorang wali tidak akan memisahkan sedikitpun dari Khalifah dan kesatuan negara tetap terpelihara kerana kekuatan para Khalifah. Namun, ketika para Khalifah lemah dan menerima pengiktirafan dari para wali, maka berlakulah gejala tersebut di pelbagai wilayah. Iaitu negara dalam suatu wilayah sedangkan wilayah tersebut adalah sebahagian dari institusi negara. Walaupun demikian, negara tetap satu dan utuh. Khalifah adalah yang melantik dan memecat seorang wali walaupun sehebat mana wali tersebut. Dia tidak akan berani untuk tidak mengakui Khalifah. Negara Islam ketika itu bukan merupakan persekutuan dari wilayah yang ada di dalamnya, walaupun begitu besar keinginan para walinya untuk memisahkan diri. Negara tetap utuh sebagai sebuah negera yang memiliki seorang Khalifah. Dialah satu-satunya yang memiliki kekuasaan dalam segala aspek kenegaraan,

samada di pusat, wilayah-wilayah, kota-kota, kampung-kampung maupun desa-desa kecil.

Adapun peristiwa munculnya Khilafah di Andalus (Sepanyol) dan tertegaknya Negara Fathimiyyah di Mesir, maka persoalannya berbeza dari permasalahan para wali. Ini kerana Andalus sebenarnya dikuasai oleh para wali dan mereka memisahkan Andalus tanpa membaiah seorang pun khalifah untuk kaum Muslimin. Mereka hanya memberikan nama Khalifah khusus untuk penduduk wilayah tersebut, bukan bagi kaum Muslimin secara umum. Oleh sebab itu, Khalifah kaum Muslimin tetap seorang dan pemerintahan tetap di tangannya. Andalus dilihat sebagai wilayah yang tidak termasuk dalam pemerintahan khalifah, seperti juga di Iran pada masa negara Uthmaniyah. Di wilayah tersebut tidak ada khalifah yang kedua kerana wilayahnya tidak termasuk dalam pemerintahan khalifah. Adapun Negara Fatimiyyah pula negara tersebut telah didirikan oleh golongan Ismailiyyah iaitu suatu golongan yang kafir. Oleh sebab itu, segala tindak tanduk tidak diambil kira dan kewujudannya tidak dianggap sebagai negara Islam atau Khilafah Islamiyah. Demikian juga berdirinya yang bersamaan dengan Khilafah Abbasiyah tidak dianggap sebagai bentuk berbilangnya khilafah, kerana negara tersebut bukanlah khilafah yang syarak. kewujudannya hanya merupakan suatu revolusi yang dilakukan oleh kumpulan kebatinan untuk mengubah negara Islam menjadi sebuah negara yang berjalan menurut hukum-hukum mereka yang batil. Lantaran itu, negara Islam masih terus berlangsung dalam pemerintahan sebagai negara yang satu serta kesatuan yang utuh tidak terpecah-pecah dan menjadi sejumlah negara. Usaha-usaha untuk mencapai kekuasaan hanyalah merupakan dorongan untuk mempraktikkan pemahaman tertentu tentang Islam dalam aspek pemerintahan, kemudian usaha-usaha tersebut berakhir. Khilafah tetap utuh dan negara Islam tetap menjadi sebuah negara kesatuan yang utuh. Ini juga menunjukkan bahawa kesatuan negara Islam, walaupun perlu menghadapi berbagai situasi pemerintahan. Namun seorang muslim yang berpindah dari satu negeri ke negeri lainnya, bermula dari hujung Timur sehingga bahagian Barat, dalam wilayah yang diperintah oleh Islam, maka dia tidak ditanya tentang asal usul negerinya. Dia juga tidak ditanya tentang keizinan perjalanannya, di sebabkan negeri-negeri Islam adalah satu sahaja. Begitulah negara Islam tetap menyatukan kaum Muslimin dalam kesatuan yang utuh sebagai negara Islam. Negara ini terus wujud dengan kuat dan bertahan di pelbagai masa, sehinggalah orang-orang kafir kalangan penjajah berjaya menghancurkannya kedudukan sebagai negara Islam

pada tahun 1924, yaitu ketika Khilafah Islamiyah dilenyapkan kewujudannya melalui tangan Kamal Attaturk.



## Politik Dalam Negara Islam

Politik dalaman negara Islam adalah bermaksud melaksanakan hukum-hukum Islam di dalam negeri. Negara Islam melaksanakan hukum-hukum Islam di negeri-negeri yang tunduk pada kekuasaannya. Negara menguruskan muamalah, melaksanakan hudud, melaksanakan uqubat, memelihara akhlak, mengarahkan penegakan syiar-syiar dan ibadah, serta memelihara seluruh urusan masyarakat mengikut hukum-hukum Islam.

Islam telah menjelaskan cara melaksanakan hukum-hukumnya terhadap masyarakat yang tunduk pada kekuasaannya, samad yang memeluk Islam ataupun yang tidak. Negara Islam menerapkan hukum Islam berdasarkan cara tersebut. Ini kerana metode penerapan (Islam) merupakan perlaksanaan hukum syarak sebagaimana penyelesaian terhadap segala permasalahan adalah berdasarkan hukum syarak. Yang perlu bercakap tentang Islam adalah terhadap seluruh manusia. Allah SWT telah menyeru seluruh manusia dengan Islam dalam kedudukannya sebagai manusia, bukan dengan pertimbangan lain. Allah SWT berfirman:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اَعْبُدُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ وَاَلَّذِيْنَ مِنْ  
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ ﴿٢١﴾

*“Wahai manusia, sembahlah Tuhanmu yang telah menciptakanmu dan orang-orang yang sebelummu agar kamu bertaqwa”* (Surah al-Baqarah [2]: 21).

يٰۤاَيُّهَا الْاِنْسَانُ مَا غَرَّبَكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيْمِ ﴿٦﴾

*“Wahai manusia, apa yang telah memperdayakanmu terhadap Tuhanmu yang Maha Pemurah* (Surah al-Infithar [82]: 6).

Ulamak usul fiqh menganggap bahawa yang diseru dengan hukum syarak adalah setiap orang yang berakal dan memahami seruan itu sendiri, samada dia Muslim atau bukan Muslim. Imam Al-Ghazali dalam kitab *Al-Mustashfa Min ‘Ilmil Usul* berkata: “Sesungguhnya yang dikenakan hukum adalah mukallaf dan syaratnya adalah berakal serta memahami seruan. Adapun kelayakan penetapan hukum dalam diri seseorang diperoleh dari aspek kemanusiaan yang dengan itu

diambil kira berdasarkan penerimaan kekuatan akal yang dengannya dapat memahami taklif.”

Dengan demikian yang perlu diseru dengan Islam adalah semua manusia dengan seruan dakwah dan taklif. Adapun seruan dakwah maksudnya adalah mengajak manusia memeluk Islam. Sedangkan seruan taklif maksudnya adalah memaksa manusia melakukan perbuatan berdasarkan hukum Islam. Perkara ini berkaitan dengan manusia secara umum, sedangkan berkaitan dengan orang-orang yang berada dalam kekuasaan negara Islam, maka Islam menganggap kumpulan manusia yang diperintah berdasarkan sistem tersebut adalah satu iaitu manusia tanpa memperhatikan golongannya dan jenisnya. Tidak disyaratkan dalam perkara tersebut kecuali kewarganegaraan (iaitu kesetiaan kepada negara dan peraturan). Tidak didapati adanya aspek minoriti, tetapi seluruh manusia diambil kira semata-mata dari aspek kemanusiaannya dan mereka adalah rakyat negara Islam selagi memiliki kewarganegaraan tersebut. Setiap orang yang mempunyai kewarganegaraan tersebut akan menikmati semua hak yang telah ditetapkan oleh hukum syarak untuknya, samada dia muslim ataupun bukan muslim. Setiap orang yang tidak memiliki kewarganegaraan tidak dibenarkan mendapatkan hak-hak tersebut walaupun dia seorang muslim. Bayangkan jika seorang muslim memiliki ibu yang beragama Kristian yang memiliki kewarganegaraan Islam manakala bapanya pula seorang muslim yang tidak memiliki kewarganegaraan Islam, maka ibunya berhak mendapatkan nafkah dari orang tersebut sedangkan bapanya tidak dapat. Sekiranya ibunya menuntut nafkah dari anaknya, maka qadhi akan memutuskan ibunya berhak mendapatkannya kerana dia memiliki kewarganegaraan Islam. Adapun apabila bapanya menuntut nafkah dari anaknya, maka qadhi menetapkan hukum bahawa permintaan bapa tersebut adalah ditolak kerana dia tidak memiliki kewarganegaraan Islam. Ini bermaksud Islam menganggap sejumlah manusia yang berada dalam kekuasaan pemerintah Islam sebagai rakyat dan menjadikan kewarganegaraan sebagai penyatu di antara mereka dalam hak-haknya untuk mendapatkan pemeliharaan urusan mereka dengan Islam sehingga mereka hidup dalam negara Islam.

Ini kaitannya dengan pandangan negara pada rakyat dari aspek hukum dan autoriti pemeliharaan berbagai urusan. Adapun aspek penerapannya, maka negara menerapkan hukum-hukum Islam dalam undang-undang negara, tidak pada aspek rohani. Ini kerana Islam dipandang sebagai sebuah sistem untuk diterapkan pada rakyat. Penerapannya kepada mereka adalah dalam

kedudukannya sebagai perundangan yang bukannya sebagai agama ritual. Dengan kata lain, dalam kedudukannya sebagai hukum syarak, bukan aspek keagamaan. Ini kerana nas-nas syarak sangat memperhatikan aspek perundangan. Sememangnya nas itu sendiri adalah datang untuk menyelesaikan permasalahan. Allah SWT memerintahkan untuk mengikuti makna-makna bukan berhenti hanya pada nas-nas saja. Oleh kerana itu, dalam instinbat hukum perlu diperhatikan adanya bentuk *'illat* dari hukum. Iaitu perlu diperhatikan aspek perundangan dalam nas ketika melakukan instinbat hukum. Perudangan ini ketika Khalifah memerintahkannya kepada kaum Muslimin, maka ia berubah menjadi undang-undang yang wajib dilaksanakan oleh seluruh masyarakat. Dari sini ketundukan seluruh manusia pada negara Islam berkaitan hukum-hukum syarak merupakan suatu ketetapan: Orang-orang yang meyakini Islam iaitu kaum Muslimin, maka yang menjadikan mereka mesti terikat dengan seluruh hukumnya adalah berdasarkan kenyataan mereka memeluk dan meyakini Islam. Oleh itu ketundukan terhadap akidah bermaksud kepatuhan kepada semua hukum yang terpancar darinya. Keyakinan itu mewajibkan mereka terikat dengan semua perkara yang didatangkan oleh akidah tersebut secara pasti. Oleh sebab itu, kedudukan Islam berkaitan dengan kaum Muslimin adalah sebagai syari'at yang di dalamnya ada perundangan. Dengan kata lain sebagai agama yang di dalamnya terdapat undang-undang. Mereka wajib melaksanakan segala hukum-hakamnya, samada yang berkaitan dengan hubungan mereka dengan Allah iaitu ibadah, hubungan mereka dengan diri mereka iaitu akhlak dan makanan, atau yang hubungan dengan sesama manusia iaitu muamalat dan uqubat.

Kaum Muslimin bersepakat dalam aspek akidah Islam. Mereka juga bersepakat bahawa al-Quran dan as-Sunah sebagai 2 sumber dalil syarak, kaedah-kaedah syarak serta hukum-hukum syarak. Tidak ada seorang pun kalangan mereka yang berselisih dalam perkara tersebut. Akan tetapi, berkaitan dengan ijihad mereka berbeza pendapat dalam memahami al-Quran dan as-Sunah. Terdapatnya perbezaan tersebut menjadikan mereka mempunyai pemahaman mazhab-mazhab serta firqah-firqah yang berbeza-beza. Ini kerana Islam menjadikan kaum Muslimin perlu berijihad untuk mengistinbat hukum. Secara normalnya dengan terdapat pelbagai cara memahami sesuatu, maka berlakulah perbezaan pendapat dalam memahami pemikiran-pemikiran yang berkaitan dengan akidah, cara istinbat dalam hukum-hukum serta pendapat-pendapat yang diistinbatkan. Semuanya ini membawa kepada wujudnya firqah-firqah dan madzab-madzab.

Rasulullah SAW telah menggalakan untuk berijtihad dan menjelaskan bahawa seorang hakim jika berijtihad dan salah, maka baginya memperoleh satu pahala dan jika benar, maka baginya dua pahala. Islam telah membuka pintu ijtihad. Maka tidak pelik jika kalangan umat Islam ada Ahlus Sunah, Syi'ah, Mu'tazilah dan firqah-firqah Islam yang lainnya. Juga tidak pelik jika ada Syafi'iyah, Hanafiyah, Malikiyah, Hanabilah, Ja'fariyah, Zaidiyah dan lainnya dari mazhab Islam. Semua firqah Islam dan mazhab Islam tersebut menganuti akidah yang satu, iaitu akidah Islam. Mereka semua disuruh untuk mengikuti perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Mereka juga diperintah mengikut hukum syara bukan mengikut mazhab tertentu. Ini kerana mazhab itu tidak lain adalah pemahaman tertentu tentang hukum syarak yang diikuti oleh selain mujtahid, ketika dia tidak mampu berijtihad. Seorang Muslim diperintahkan untuk mengikut hukum syarak dan bukan mazhab. Dia perlu mengambil hukum tersebut dengan ijtihad jika mampu dan melakukan ittiba' atau bertaklid jika tidak mampu berijtihad. Semua firqah dan mazhab yang meyakini akidah Islam; meyakini al-Quran dan as-Sunah, bahawa keduanya merupakan sumber dalil syarak, kaedah-kaedah syarak, dan hukum-hukum syarak, maka keseluruhannya adalah Islam. Mereka semua dianggap sebagai Muslim dan hukum Islam diterapkan kepada mereka. Negara tidak boleh menghalang firqah-firqah Islam tersebut, selama mereka tidak keluar dari akidah Islam. Negara juga tidak boleh mengikut mazhab-mazhab fiqh. Jika mereka terkeluar dari akidah Islam, samada secara individu atau kumpulan, maka ia dianggap murtad dari Islam. Maka diterapkan kepada mereka hukum orang-orang murtad. Kaum Muslimin adalah terikat dengan hukum Islam. Hukum-hukum tersebut ada yang qat'ie sehingga tidak ada pendapat lain selain satu pendapat itu sahaja, seperti hukum potong tangan bagi pencuri, pengharaman riba, kewajiban zakat, solat wajib lima waktu, dan sebagainya. Dengan demikian, semua hukum tersebut dilaksanakan kepada seluruh kaum Muslimin dalam satu pemahaman kerana bersifat qath'iy.

Ada pula hukum-hukum, pemikiran-pemikiran, dan pendapat-pendapat yang ikhtilaf oleh kaum Muslimin dalam memahaminya. Setiap mujtahid berbeza pemahamannya kalangan mereka. Setiap mujtahid berbeza pemahamannya dengan mujtahid yang lain, seperti tentang sifat-sifat Khalifah, pengambilan 'usyur dari tanah pajak, penyewaan ladang pertanian dan lainnya. Terhadap hukum-hukum yang diperselisihkan tersebut, khalifah boleh mengambil satu pendapat darinya sehingga ketaatannya merupakan kewajiban bagi seluruh warga negara. Ketika itu setiap orang yang memiliki pendapat yang berbeza

dengan pendapat yang dipilih oleh seorang Imam, wajib baginya untuk meninggalkan pendapatnya dan beramal dengan pendapat Imam tersebut sahaja. Ini kerana perintah Imam menghilangkan perbezaan dan metaati Imam dalam situasi tersebut adalah wajib.

Kaum Muslimin wajib melaksanakan semua perintah Khalifah dalam segala perkara yang dipilih olehnya. Ini kerana perintahnya mesti dilaksanakan zahir mahupun batin iaitu secara sembunyi-sembunyi mahupun secara terang-terangan. Setiap orang yang melaksanakan hukum syarak selain hukum yang telah dipilih oleh Imam dan dia memerintahkannya, maka dia berdosa. Ini kerana, setelah Khalifah memerintahkan sesuatu, maka hukum syarak pada diri seluruh kaum Muslimin adalah yang diperintahkan oleh Imam tersebut dan yang selainnya tidak dianggap sebagai hukum syarak pada diri kaum Muslimin. Ini disebabkan hukum syarak dalam sesuatu permasalahan tidak boleh berbilang-bilang pada diri seseorang itu. Hanya seorang Khalifah tidak boleh memilih hukum dalam akidah, kerana pemilihan tersebut akan menjadikan bebanan bagi kaum Muslimin dalam perkara yang mereka yakini. Namun apabila muncul ahli bid'ah dan pengikut hawa nafsu yang berakidah tidak benar, maka negara perlu memperbetulkan mereka dengan hukum pencegahan. Perkara ini dilaksanakan apabila akidah mereka tersebut tidak menjadikan pemeluknya kufur, namun apabila menjadikan pemeluknya kufur maka dihukumkan kepada mereka status orang-orang murtad. Begitu pula khalifah tidak boleh memilih hukum dalam perkara ibadah, kerana pemilihan tersebut menimbulkan kesukaran bagi kaum Muslim dalam aspek ibadah mereka. Di samping itu, dia tidak boleh memerintahkan dengan hanya satu pendapat tertentu dalam perkara akidah selama masih dikategorikan sebagai akidah Islam. Begitu pula dia tidak boleh memerintahkan satu hukum tertentu dalam perkara ibadah, kecuali zakat, jihad, dan penetapan dua hari raya, selama bentuk-bentuk peribadahan tersebut masih merupakan hukum syarak. Dia boleh memilih dalam seluruh aspek muamalah, seperti jual-beli, perdagangan, pernikahan, perceraian, nafkah, syirkah, pemeliharaan dan lainnya. Begitu juga dalam perkara uqubat, seperti hudud dan ta'zir dalam perkara makanan, pakaian serta akhlak. Kaum Muslimin wajib mentaati seluruh yang dipilih oleh khalifah.

Memang betul seorang khalifah adalah yang melaksanakan hukum-hukum ibadah. Dia akan menjatuhkan hukuman kepada orang yang meninggalkan solat dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Dia jugalah yang melaksanakan semua hukum ibadah sebagaimana halnya melaksanakan seluruh hukum lainnya secara

sama. Pelaksanaan ini wajib bagi negara kerana kewajipan solat bukanlah ruang ijtihad dan tidak dianggap sebagai tindakan memilih dalam perkara ibadah, melainkan pelaksanaan terhadap hukum syarak yang dipastikan untuk semua masyarakat. Khalifah memilih satu pendapat syarak untuk pelaksanaan uqubat dalam perkara ibadah dan mewajibkan manusia untuk melaksanakannya. Dia juga memilih salah satu hukum tertentu untuk pelaksanaan uqubat. Perkara ini berhubungan dengan kaum Muslimin. Manakala kaitannya dengan bukan Muslim iaitu orang-orang yang menganut selain akidah Islam, iaitu:

1. Anak-anak orang murtad yang dilahirkan selepas bapanya murtad. Maka dipraktikkan muamalah non Muslim sesuai mengikut kedudukan mereka, adakah sebagai kaum Musyrikin atautah ahli kitab.
2. Orang-orang yang mengaku dirinya sebagai kaum Muslimin dan berakidah yang bertentangan dengan akidah Islam, maka mereka dipraktikkan sebagai status orang-orang murtad.
3. Orang-orang dari kalangan ahli kitab.
4. Kaum Musyrikin iaitu orang-orang yang menyembah berhala, Majusi, Hindu dan semua penganut agama selain ahli kitab.

Dua golongan terakhir ini maka dibiarkan mereka berpegang dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sembah dan peribadahan. Begitu juga dalam urusan pernikahan dan perceraian, mereka boleh mengamalkan sesuai dengan agama mereka. Negara akan mengangkat seorang qadhi untuk mereka dan dari kalangan mereka sendiri yang bertugas menyelesaikan perselisihan di antara mereka di mahkamah negara. Dalam masalah makanan dan minuman, mereka dipraktikkan sesuai dengan hukum agama mereka yang termasuk dalam peraturan umum iaitu termasuk yang dibolehkan oleh syariat Islam. Selain ahli kitab diperlakukan seperti ahli kitab, baginda saw bersabda tentang Majusi: “Letakkan mereka pada kedudukan ahli kitab”

Berkenaan muamalah dan uqubat pula, mesti diterapkan terhadap non Muslim sama dengan kaum Muslimin. Uqubat yang dilaksanakan kepada non Muslim mesti sama dengan yang dilaksanakan kepada kaum Muslimin. Pelaksanaan dan pembatalan muamalah yang dilaksanakan kepada non Muslim juga mesti sama dengan yang dilaksanakan pada kaum Muslimin, tanpa adanya perbezaan mahupun diskriminasi di antara satu sama lain. Ini kerana, semua orang yang memiliki kewarganegaraan, walaupun berbeza agama, etnik, dan

mazhab, maka kesemuanya diseru oleh hukum syariat Islam dalam urusan muamalah dan uqubat. Mereka juga ditakliffkan untuk mengikut hukum dan beramal dengannya. Takliffan terhadap mereka ini ditetapkan dari aspek perundangan bukannya dari aspek spritual keagamaan. Oleh sebab itu, mereka tidak boleh dipaksa meyakininya disebabkan mereka tidak boleh dipaksa untuk memeluk Islam. Allah SWT berfirman:

﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ﴾

*“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam)”* (Surah alBaqarah [2]: 256).

Rasulullah SAW juga melarang memfitnah ahli kitab berkaitan dengan agama mereka. Akan tetapi mereka diwajibkan untuk tunduk kepada hukum Islam dari aspek perundangan sehingga mereka wajib melaksanakannya.

Kesimpulannya adalah bahawa negara dalam mengurus tadbir politik dalam negerinya wajib melaksanakan syariat Islam terhadap setiap orang yang memiliki kewarganegaraan Islam, samada mereka kaum Muslimin atau non Muslim. Bentuk pelaksanaannya sebagai berikut:

- a. Seluruh hukum Islam dilaksanakan terhadap kaum Muslim.
- b. Membiarkan bukan Islam dengan akidah dan ibadat mereka.
- c. membenarkan bukan Islam dalam urusan makanan dan pakaian sesuai agama mereka yang termasuk dalam peraturan umum.
- d. Ditetapkan urusan perkahwinan dan perceraian di antara bukan Islam berdasarkan dengan agama mereka oleh para qadhi dari kalangan mereka sendiri di Mahkamah Negara bukan di Mahkamah Khusus. Ditetapkan urusan-urusan tersebut di antara mereka dengan kaum Muslimin berdasarkan hukum Islam dan oleh oleh qadhi dari kalangan kaum Muslimin.
- e. Negara melaksanakan syariat Islam lainnya seperti muamalah, uqubat, sistem pemerintahan, ekonomi dan sebagainya kepada seluruh warga negara. Pelaksanaan tersebut dpraktikkan adalah sama, samada kepada kaum Muslimin maupun bukan Islam.
- f. Setiap orang yang memiliki kewarganegaraan Islam adalah rakyat negara, sehingga negara wajib memelihara mereka keseluruhannya secara sama, tanpa membezakan antara kaum Muslim dan non Muslim.[]

## **Politik Luar Negeri Negara Islam**

Politik luar negeri adalah bermaksud hubungan negara dengan negara-negara, bangsa-bangsa, dan umat-umat lain. Hubungan ini adalah bentuk penjagaan urusan-urusan umat di luar negeri. Politik luar negeri negara Islam adalah bentuk hubungannya dengan negara, bangsa dan umat lain. Politik luar negeri ini berasaskan pemikiran yang tetap dan tidak akan berubah, iaitu menyebarkan Islam ke seluruh dunia kepada setiap umat dan bangsa. Inilah asas yang membentuk politik luar negeri negara Islam. Asas ini tidak akan berubah selama-lamanya. Ia juga tidak akan berbeza-beza walaupun para pemegang tampuk kekuasaannya adalah berbeza-beza. Asas ini sentiasa ada dan tetap sepanjang masa semenjak Rasulullah saw menetap di Madinah Munawarah sehingga negara Uthmaniyah sebagai negara Islam terakhir. Asas ini tidak pernah mengalami perubahan sama sekali. Semenjak Rasulullah saw mendirikan negara di Madinah, baginda mula mengadakan hubungan negara Islam dengan negara lain dengan asas penyebaran Islam. Baginda menjalinkan hubungan perjanjian dengan Yahudi agar mempunyai peluang menyebarkan dakwah di Hijaz. Kemudian baginda menjalin perjanjian Hudaibiyah dengan kafir Quraisy agar boleh menguatkan lagi penyebaran dakwah di Jazirah Arab. Kemudian baginda juga mengutus surat-surat ke negara-negara yang terdapat di luar dan di dalam Jazirah Arab untuk mengadakan hubungan dengan mereka dengan asas penyebaran Islam untuk mengajak mereka memeluk Islam.

Kemudian datang para khalifah selepas baginda dan mereka juga mewujudkan hubungannya dengan negara-negara lain seluruhnya berlandaskan asas penyebaran Islam dan mengembang dakwah Islam ke seluruh dunia. Para pemerintah yang menjalankan pemerintahan berbeza-beza dalam penyebaran Islam. Para pemerintah negara Islam dari kerajaan Umayyah lebih banyak melakukan pembukaan dan menyebarkan Islam di luar negeri berbanding dengan para pemerintah Kerajaan Abbasiyah. Para pemerintah kerajaan Uthmaniyah lebih banyak melakukan pembebasan negeri-negeri sekaligus penyebaran Islam ke luar negeri berbanding kerajaan Mamalik. Akan tetapi, perbezaan-perbezaan ini hanya terbatas kepada perbezaan maksud negara dalam menjalankan politik luar negerinya. Sedangkan penyebaran Islam tetap menjadi asas yang fundamental hubungan negara Islam dengan negara-negara, bangsa-bangsa, dan umat-umat lainnya; dan tidak pernah mengalami perubahan di tangan mana-mana khalifah. Kewujudan negara adalah untuk menerapkan Islam



di dalam dan mengembangkan dakwahnya ke luar, di seluruh penjuru alam. Oleh sebab itu, kepentingan negara Islam di luar negeri adalah aspek pengembangan dakwah Islam.

Aspek yang menjadikan penyebaran Islam sebagai landasan politik luar negeri negara adalah disebabkan risalah Muhammad SAW datang untuk seluruh manusia. Allah berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا  
يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

*Dan Kami tidak mengutus kamu melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan peringatan keras” (Surah Saba’ [34]: 28).*

﴿يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَ تَكْم مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ﴾

*“Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu” (Surah Yunus [10]: 57).*

﴿يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا﴾

*“Wahai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kalian semua” (Surah al-A’raaf [7]: 158)*

﴿وَأَوْحَىٰ إِلَيَّ هَذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرْكُمْ بِهِ ۖ وَمَنْ بَلَغَ﴾

*“Dan al-Quran ini diwahyukan kepadaku supaya dengannya aku memberi peringatan kepadamu dan kepada orang-orang yang al-Quran telah sampai (kepadanya)” (Surah. al-An’aam [6]: 19).*

Rasulullah saw telah melaksanakan penyampaian risalah tersebut ke seluruh umat manusia. Ketika baginda wafat, kaum Muslimin meneruskan penyampaian risalah tersebut kepada seluruh umat manusia. Dengan demikian, pengembangan dakwah Islam ke seluruh dunia tetap berterusan berdasarkan perbuatan Rasulullah saw tersebut. Kaum Muslimin telah melaksanakan perkara tersebut dan meneruskan pengembangan dakwah Islam. Baginda saw bersabda ketika melaksanakan haji wada:

Agar orang yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir. Banyak kejadian orang yang menerima (namun tidak hadir) lebih memahami daripada yang mendengarnya secara langsung.”

Baginda juga bersabda:

“Allah sangat menghargai seseorang yang mendengar ucapanku, lalu dia memahaminya, kemudian menyampaikannya kepada sesiapaupun yang belum pernah mendengarnya.”

Demikianlah pengembangan dakwah Islam yang dijadikan asas pembentukan jalinan hubungan antara negara Islam dengan negara-negara, bangsa-bangsa, dan umat-umat lainnya di era Rasulullah saw dan para khalifah selepas baginda. Ini adalah merupakan hukum syarak yang ditetapkan berdasarkan al-Quran, as-Sunah dan Ijmak Sahabat. Oleh itu, politik luar negeri negara Islam adalah mengembangkan dakwah Islam ke seluruh dunia.

Politik luar negeri tersebut dijalankan dengan metode yang tetap dan tidak pernah berubah iaitu jihad, walaupun para pemegang tampuk kekuasaan berbeza-beza. Metode ini tetap berlaku di sepanjang masa semenjak Rasulullah saw menetap di Madinah hingga berakhirnya negara Islam yang terakhir. Sekali lagi, metode tersebut juga sekali tidak pernah mengalami sebarang perubahan. Ini kerana Rasulullah saw semenjak berjaya mendirikan negara di Madinah, baginda telah menyiapkan pasukan dan mula berjihad untuk menghilangkan rintangan-rintangan fizikal yang menghalang dakwah. Kafir Quraisy adalah rintangan fizikal yang menghalang jalan dakwah Islam sehinggakan baginda berazam untuk menghilangkannya. Kemudian baginda berjaya menyingkirkan kafir Quraisy sebagai institusi yang menghalang dakwah juga halnya institusi-institusi lainnya. Perkara itu terus dilakukan sehingga Islam tersebar meluas di seluruh semenanjung Arab. Kemudian negara Islam mula mengetuk pintu-pintu umat-umat lain agar Islam tersebar juga di tengah-tengah mereka. Setiap pemerintah muslim yang sedang berdakwah kepada umat-umat yang lain pasti menemui rintangan fizikal, sehingga dia dituntut untuk menghilangkannya dari hadapan dakwah dan mengajak mereka dengan bijaksana sehingga mereka boleh melihat dan merasakan sendiri keadilan Islam, kesejahteraan, dan ketenteraman hidup di bawah naungan Rayyahnya. Mereka diajak kepada Islam dengan cara yang terbaik tanpa pemaksaan dan tekanan. Begitulah, jihad terus berlangsung sebagai penyebaran Islam. Dengan jihad itu juga telah dibuka berbagai negeri dan wilayah, juga berbagai kerajaan dan negara. Jihad juga telah menjadikan bangsa-

bangsa dan umat-umat menerapkan Islam serta memudahkan penyebaran Islam, sehingga ratusan juta umat manusia memeluknya setelah mereka hidup dalam pemerintahan Islam. Metode yang digunakan dalam pelaksanaan politik luar negeri adalah jihad yang bersifat tetap tidak berubah dan tidak akan pernah berubah untuk selama-lamanya.

Jihad adalah seruan kepada Islam dan perang di jalan Allah SWT secara langsung atau bantuan berupa harta, fikiran, atau dengan memperbanyak logistik. Jihad hukumnya wajib yang ditetapkan oleh nas al-Quran dan Hadith. Kaum Muslimin tidak boleh memulakan permusuhan dengan peperangan sehingga mereka menawarkan Islam kepada musuh atau membayar jizyah. Hukum syarak dalam jihad menggariskan peraturan bahawa jika kita mengepung musuh dari kalangan orang kafir, maka kita terlebih dahulu mengajak mereka kepada Islam. Jika mereka masuk Islam, maka mereka menjadi sebahagian dari umat Islam dan haram diperangi. Jika menolak, maka mereka dituntut membayar jizyah. Jika mereka membayarnya, maka darah dan harta mereka terpelihara dan jadilah negeri mereka sebahagian dari negara Islam yang berhukum dengan Islam. Mereka juga mendapatkan hak-hak sebagaimana yang diperolehi oleh kaum Muslimin, seperti keadilan, kesaksamaan, perlindungan, pemeliharaan, penjagaan, dan pemenuhan semua keperluan mereka seperti menguruskan kaum Muslimin dengan menjamin seluruh urusan yang harus mereka jalani dalam kehidupannya. Mereka juga mempunyai kewajiban sebagaimana kewajiban kaum Muslimin, iaitu memberikan kesetiaan kepada negara dan peraturan. Akan tetapi, jika kaum kafir menolak Islam dan menolak membayar jizyah, maka ketika itu juga mereka halal diperangi. Oleh sebab itu, peperangan tidak dihalalkan kecuali selepas menawarkan dakwah Islam ke penduduk sesuatu negeri. Para fuqaha telah menetapkan bahawa kita tidak dihalalkan memerangi orang-orang yang belum menerima dakwah Islam. Oleh kerana itu, sebelum melakukan peperangan maka mesti didahulukan usaha mewujudkan persepsi umum tentang Islam, memberikan fikiran yang tepat tentang dakwah Islam, dan berupaya untuk menyampaikan hukum-hukum Islam kepada seluruh manusia; sehingga mereka mempunyai kesempatan untuk memperolehi pemahaman yang di dalamnya ada jaminan hukum yang dapat menyelamatkan mereka, walaupun dalam bentuk global. Negara Islam wajib menjalankan tugas-tugas politik yang di antaranya berkaitan dengan pemberian informasi yang jelas tentang Islam, menyebarkan fikiran-fikiran Islam dan berdakwah serta mempromosikan Islam. Di antaranya adalah yang berkaitan dengan menampakkan kekuatan dan kemampuan negara Islam serta keberanian dan keperkasaan kaum Muslimin.

Rasulullah SAW pernah melakukan sejumlah aktiviti dalam perkara tersebut. Di antaranya dengan menghantar para pendakwah untuk Islam di pusat negeri-negeri kaum Musyrikin. Baginda pernah menghantar 40 orang pendakwah kepada penduduk Najd untuk menyampaikan Islam pada mereka. Baginda juga menampakkan kekuatan negara seperti yang berlaku dalam pertunjukan kekuatan ketenteraan pasukan kaum Muslimin di Madinah ketika perang Tabuk sebelum menuju ke medan perang. Oleh kerana itu, Rasulullah SAW bersabda:

« نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مِنْ مَسِيرَةِ شَهْرٍ »

*“Aku dibantu dengan rasa ketakutan (yang boleh dirasakan musuh) dari jarak satu bulan perjalanan”.*

Pasukan kaum Muslimin dalam negara Islam di berbagai masa sentiasa menggentarkan negara jirannya. Oleh sebab itu, negara-negara Eropah memiliki pemikiran tentang pasukan Islam, bahawa pasukan Islam tidak akan dikalahkan selama-lamanya. Mereka tetap membawa pemikiran tersebut sehingga beberapa abad lamanya. Oleh sebab itu, perlu melaksanakan aktiviti politik yang berkaitan dengan penyebaran pemikiran Islam dan menunjukkan kekuatan negara terlebih dahulu kemudian berperang. Jihad, walaupun merupakan metode yang tetap dan tidak akan berubah dalam penyebaran Islam, namun aktiviti politik dan gerakan terancang mesti terlebih dahulu dilakukan sebelum memulakan peperangan. Ini adalah persoalan asas dalam mengukuhkan hubungan antara negara Islam dengan negara-negara, bangsa-bangsa, dan umat-umat lainnya dengan bentuk yang khusus, iaitu aspek kejiranan yang baik, hubungan ekonomi, dan sebagainya yang akan memudahkan aktiviti penyebaran Islam.

Dengan demikian, konsep politik yang menjadi asas hubungan negara Islam dengan negara-negara, bangsa-bangsa, dan umat-umat yang lainnya adalah penyebaran Islam di kalangan mereka dan pengembangan dakwah kepada mereka dengan metode jihad. Oleh itu perlu ada strategi dan uslub-uslub yang ditetapkan oleh negara sekaligus menetapkan wasilah-wasilah dan mekanisme untuk pelaksanaannya, seperti membuat perjanjian kejiranan yang baik sehingga sampai waktu tertentu dengan sebahagian negara musuh, pada masa yang sama memerangi yang lainnya. Sebagaimana yang telah dilakukan Rasulullah SAW pada permulaan baginda di Madinah. Boleh juga dengan cara mengistiharkan perang kepada semua musuh negara, seperti yang telah dilakukan Abu Bakar ketika menghantar pasukan ke Irak dan Syam. Pilihan lainnya adalah membentuk

perjanjian-perjanjian dengan waktu tertentu, sehingga memberikan peluang yang besar untuk mewujudkan persepsi umum terhadap dakwah. Perkara ini seperti yang telah dilakukan Rasulullah SAW dalam perjanjian Hudaibiyah. Kadang-kadang peperangan peringkat dalaman boleh menjadi wasilah untuk menggentarkan musuh. Contohnya apa yang berlaku dalam berbagai ekspedisi ketenteraan yang dihantar oleh Rasulullah SAW, sebelum peperangan Badar. Idea ini juga pernah dilakukan di zaman Umaiyyah ketika menyerang sempadan Rom di daerah Shawaif dan Syawati. Kadang-kadang negara membuat perjanjian-perjanjian perdagangan dengan sebahagian negara dan tidak melakukan perjanjian yang sama dengan negara-negara lain. Semua strategi dan tindakan politik luar negeri ini dilakukan dengan memfokuskan kepentingan dakwah. Kadang-kadang politik ini dilakukan dengan membentuk hubungan-hubungan tertentu dengan negara-negara tertentu, sementara dengan negara-negara lain tidak dibentuk, sesuai dengan langkah yang telah ditetapkan untuk kepentingan dakwah. Segala tindakan ini mengikuti uslub-uslub dakwah dan dakwah terhadap sebahagian negara; dan pada masa yang sama mengikuti uslub-uslub yang menyingkap garis kebijakan negara dan melancarkan perang cepat pada sebahagian negara yang lain.

Seumpama inilah negara Islam meletakkan strategi tindakan politik luar negerinya dan menjalankan uslub-uslubnya sesuai dengan tuntutan tertentu dan kemaslahatan dakwah. Strategi dan uslub-uslub tersebut mempermudah penyebaran Islam sebagaimana mempermudah urusan jihad. Oleh kerana itu, strategi dan uslub-uslub tersebut sangat perlu ada di dalam politik luar negeri. Mewujudkan persepsi umum tentang Islam dan negara di seluruh dunia juga termasuk perkara yang sangat perlu dilakukan. Akan tetapi, kesemuanya dilakukan hanya untuk penyebaran Islam melalui metode penyebaran iaitu jihad di jalan Allah.[]

## **Pembukaan Islam Adalah Penyebaran Islam**

Oleh kerana umat Islam diberi kewajiban mengembangkan dakwah Islam ke seluruh manusia, maka menjadi kewajiban bagi kaum Muslimin untuk sentiasa berinteraksi dengan dunia. Demikian juga menjadi kewajiban bagi Daulah Islam untuk mengadakan hubungan tersebut dalam rangka menyampaikan dakwah dan menggunakan metode yang telah ditetapkan Islam untuk penyebaran dakwah tersebut. Oleh sebab itu, merupakan kemestian bagi Daulah Islam untuk membuka pelbagai negeri dan mesti dilakukan secara besar-besaran.

Berbagai pembukaan tersebut tidak lain merupakan suatu bentuk pelaksanaan kewajiban kaum Muslimin, iaitu menyampaikan Islam ke seluruh umat manusia dengan cara yang sangat menarik perhatian iaitu dengan menegakkan hukum-hukum Islam kepada mereka dan menyebarkan pemikiran-pemikiran Islam di dalam kehidupannya. Lantaran itu, pelbagai pembukaan Islam tidak bermaksud untuk mengeksploitasi dan menjajah bangsa-bangsa yang dibuka tersebut. Bukan juga untuk mengaut kekayaan negeri mereka. Tujuannya hanya satu, iaitu mengembangkan dakwah Islam kepada seluruh umat manusia, untuk menyelamatkan mereka dari kehidupan yang sengsara dan dari sistem yang rosak. Realiti ini terdapat dalam fakta sejarah perkembangan negara Islam, perjalanan ke arah pembukaan-pembukaannya dan dalam kewajiban jihad.

Negara Islam berkembang dengan kuat, , meluas, berkembang, tersebar dan terus melakukan pembukaan. Benihnya memiliki potensi untuk tumbuh menjadi negara bersifat antarabangsa, bukan negara peringkat tempatan. Sebabnya adalah akidahnya adalah akidah universal iaitu akidah bagi seluruh manusia. Sistemnya juga adalah sistem universal, iaitu sistem untuk seluruh manusia. Oleh sebab itu, merupakan kewajaran jika negara Islam selalu menyebar dan membuka negeri-negeri lain. Sifat universal pembentukannya memungkinkan perkara tersebut dan menganggapnya sebagai suatu kemestian. Rasulullah saw ketika dibaiah kaum Muslimin pada baiah Aqabah kedua, mereka membaiah baginda untuk memerangi seluruh manusia, baik yang berkulit putih mahupun hitam. Perkara tersebut akan mereka lakukan walaupun akan membawa kepada kemusnahan harta dan gugurnya para tokoh pejuang mereka. Mereka membaiah baginda untuk mendengar dan menaati, baik dalam keadaan susah, mudah, suka maupun benci. Mereka juga akan mengucapkan kebenaran di mana sahaja berada dan mereka tidak takut di jalan Allah terhadap celaan orang-

orang yang mencela. Mereka juga membaiah baginda untuk bersedia mati demi melindungi dakwah Islam, yang tidak ada balasan lain kecuali syurga. Mereka itulah biji benih tentera negara Islam yang mengembangkan Islam. Mengapa pasukan tentera itu mengucapkan baiah tersebut? Mengapa pasukan ini dibentuk? Apa kepentingan peperangan yang terdapat dalam baiah tersebut? Bukankah itu bermaksud betapa pentingnya pengembangan dakwah Islam? Itulah satu-satunya yang menjadi alasan mereka dibentuk lalu mereka berbaiah dan bersedia mati di jalannya.

Baginda saw sebelum kewafatannya telah meletakkan beberapa strategi pembukaan. Selepas baginda saw mendirikan negara Islam di semenanjung Arab, baginda meletakkan strategi penyebaran dakwah Islam ke luar semenanjung Arab dengan cara menghantar pelbagai surat. Antaranya pada tahun ke-7 Hijrah, yang ditujukan kepada Kisra, Kaisar dan selain mereka dari kalangan para raja mahupun para pemimpin. Isi kandungannya adalah mengajak mereka semua ke dalam Islam. Baginda juga melalui dua cara lain, iaitu (1) Melancarkan peperangan Mu'tah dan Tabuk, (2) Menyiapkan pasukan tentera Usamah. Para Khalifah selepas baginda juga menjalankan strategi tersebut ketika berjaya membuka negeri-negeri yang sebelumnya telah diseru dengan Islam oleh Rasulullah saw. Kemudian pembukaan Islam terus berlanjutan berdasarkan asas ini. Oleh kerana itu, negara Islam tidak melakukan diskriminasi dalam melakukan pembukaan terhadap dunia. contohnya, tidak membezakan pembukaan Mesir, yang memiliki kekayaan dan dapat dibuka dengan mudah dengan ketika membuka Afrika Utara yang berbentuk padang pasir gersang, miskin dan sukar untuk dibuka, serta menyusahkan penyebaran Islam di dalamnya. Ini kerana negeri-negeri tersebut dibuka demi penyebaran Islam dan mengembangkan dakwahnya. Oleh itu mewajibkan negara Islam memasuki setiap negeri, baik yang miskin mahupun yang kaya. Begitu juga Islam perlu menghadapi apa-apa bangsa, baik yang menyerah begitu saja mahupun yang memberikan penentangan. Ini kerana, penyebaran Islam dan dakwah ke seluruh umat manusia, tidak mengenal erti kaya atau miskinnya sesuatu negara. Islam juga tidak menghiraukan adakah penduduknya menerima atau menolaknya. Negara hanya mengenal satu prinsip, iaitu mengembangkan dakwah Islam sebagai pemikiran terpimpin yang memancarkan sistem kehidupan, serta menjadikan pengembangan dakwah tersebut ditujukan kepada semua umat manusia di seluruh negeri.

Al-Quran yang mulia telah menerangkan kepada kaum Muslimin tentang sebab-sebab berlakunya peperangan dan kewajipan jihad, iaitu agar perang dan

jihad tersebut bukan untuk kepentingan selain di jalan Islam dan pengembangan risalahnya ke seluruh dunia. Banyak ayat yang memerintahkan mereka berperang demi Islam. Allah SWT berfirman:

﴿وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ﴾

*Dan perangilah mereka supaya jangan ada fitnah (kekufuran) dan supaya agama itu semata-mata bagi Allah” (Surah al-Anfaal [8]: 39).*

﴿وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا

عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ﴾

*“Dan perangilah mereka sehingga tidak ada finah (kekufuran) lagi dan (sehingga) agama itu hanya untuk Allah semata. Jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu), maka tidak ada permusuhan (lagi) kecuali terhadap orang-orang zalim” (Surah al-Baqarah [2]: 193).*

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ

وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّىٰ يُعْطُوا

الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

*“Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (pula) kepada hari kemudian dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar, (yaitu orang-orang) yang diberikan al-Kitab kepada mereka sehingga mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk” (Surah al-Taubah [9]: 29).*

Ayat-ayat tersebut dan yang lainnya memerintahkan kaum Muslimin untuk berjihad sekaligus menetapkan tujuan dari pembebasan, dan mendorong mereka untuk melakukan berbagai pembukaan.

Dengan demikian, mengembangkan dakwah Islam merupakan asas tertegaknya negara Islam. Pasukan Islam juga ditegakkan demi dakwah. Jihad diwajibkan untuk digunakan di jalan dakwah, dan seluruh pembukaan berjalan demi kepentingan dakwah. Jadi, aktiviti mengembangkan dakwah Islam



merupakan perkara yang akan mengembalikan negara Islam kepada kaum Muslim.[]

## Fokus Pembukaan Islam

Kaum Muslimin berjaya membuka pelbagai negeri, lalu mereka memerintah negeri tersebut dengan Islam. Islam telah mewajibkan mereka untuk mengurus pemerintahan dan kepemimpinan. Mereka tidak boleh diperintah oleh non-Muslim. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَنْ تَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا﴾

*“Dan Allah tidak akan pernah menjadikan satu peluang pun bagi orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang Mukmin” (Surah an-Nisaa’ [4]: 141)*

Allah telah menjadikan kemuliaan bagi kaum Mukmin. Allah SWT berfirman:

﴿وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا

يَعْلَمُونَ ﴿٦٣﴾

*“Padahal kemuliaan itu hanyalah bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan bagi orang-orang mukmin, tetapi orang-orang munafik tidak mengetahui.” (Surah al-Munaafiquun [63]: 8).*

Akan tetapi Allah tidak memberikan kekuatan dan tidak memberikan pemerintahan serta kepemimpinan kepada mereka, kecuali jika mereka telah mampu memastikan jiwa Islam dalam dirinya. Jiwa inilah yang mampu mewujudkan pemerintahan sebagai wasilah untuk menerapkan Islam dan mengembangkan dakwahnya, bukan sekadar keinginan terhadap pemerintahan dan kekuasaan. Ketika pola berfikir Islami wujud dalam diri mereka, maka mereka dapat memahami makna pemerintahan dan mengetahui hakikat tanggungjawabnya di hadapan Allah. Cahaya Islam nampak pada amalan-amalan dan ucapan-ucapan para pemimpin itu, sebagaimana cahaya ini nampak dalam penerapan hukum-hukum Islam terhadap masyarakat yang mereka pimpin. Penerapan hukum-hukum Islam itulah yang menjadikan manusia beramai-ramai memeluk agama Allah dan memeluk akidah Islam. Mereka menjadi Muslim yang memiliki kemuliaan, kepemimpinan, dan pemerintahan. Negeri-negeri mereka

menjadi negara Islam yang sebenar. Pembukaan Islam menjadi sempurna dengan diterapkannya sistem Pemerintahan Islam. Kemudian penduduknya memeluk agama baru tersebut sehingga pembukaan kaum Muslim di mana-mana negeri menjadi pembukaan abadi sehingga hari Kiamat. Pembukaan Islam berjaya mengubah suatu negeri dan penduduknya dari situasi lama menjadi situasi baru, dan mengubah mereka dari orang-orang kafir menjadi kaum Muslimin. Begitu juga berjaya mengubah negeri mereka dari negara kufur menjadi negara Islam dan tetap menjadi negara Islam hingga era keruntuhan Pemerintahan Islam, walaupun penduduknya masih tetap muslim. Negerinya juga tetap sebagai negeri Islam sehingga pemerintahan Islam lenyap dan tiada lagi naungan negara. Walaupun negara Islam telah hilang, sebenarnya negeri-negeri yang telah dibuka oleh kaum Muslimin tetap menjadi negeri Islam. Penduduknya tetap sebagai seorang muslim dan tetap layak untuk mengembalikan pemerintahan Islam di negeri tersebut, serta menyebarkan kekuasaan negara Islam hingga ke seluruh dunia.

Ada beberapa perkara yang menjadikan pembukaan Islam tetap berterusan kukuh dan menjadikan Islam sentiasa ada di dalamnya sehingga hari Kiamat. Di antaranya adalah aspek kemudahan keseluruhan hukumnya sebagai perundangan semenjak awal kemunculannya lagi. Di samping itu kesediaan penduduknya untuk memeluk Islam sebagai metode pemerintahan dan asas tingkah laku para pemerintah. Selai itu tertanamnya Islam dalam peribadi orang-orang yang memeluk Islam secara abadi sebagai akidah Islam dan pembinaan hukum-hukumnya. Secara umumnya perkara-perkara ini dapat disimpulkan dalam beberapa point:

1. Islam adalah agama yang akidahnya bersifat aqli. Idea-idea mahupun hukum-hukumnya bersifat pemikiran. Islam mewajibkan penganutnya untuk beriman melalui proses berfikir dan memahami hukum-hukumnya dengan proses berfikir juga. Oleh itu, sesiapa sahaja yang menerima Islam, dia akan menjadi seorang pemikir. Iaitu ketika dia berjaya mengarahkan perhatiannya terhadap makhluk-makhluk Allah, untuk memahami wujud Penciptanya. Begitu juga ketika pemikirannya dapat dibangkitkan untuk membahas hukum-hukum syarak untuk mengistinbatnya dan menyelesaikan semua permasalahan yang berkaitan dengan hukum syarak. Dengan demikian, Islam telah sehati dalam dirinya untuk selamanya, ketika dia meyakini secara pasti dan memahami hukum-hukumnya serta menerapkannya.

2. Islam memerintahkan penganutnya untuk membaca dan belajar. Untuk mempelajari dan memahami Islam, tidak cukup bagi seorang Muslim mengucapkan dua kalimat syahadah saja. Tetapi dia perlu mempelajari dan memahami Islam. Dia juga perlu mengkaji dan memperkayakan diri dengan ilmu-ilmu Islam secara mendalam, mencari penjelasan Islam, dan penuh kesadaran. Pembelajaran ini akan meluaskan cakrawala pemikiran seorang Muslim, menghasilkan pengetahuan-pengetahuannya, serta menguatkan pemikirannya, dan menjadikannya sebagai pengajar kepada orang lain.

3. Sifat semulajadi kepercayaan Islam dan hukum-hukumnya, memerlukan adanya metode pembelajaran yang canggih dan berkesan pada diri pelajar dan berkesan pada realiti kehidupan di mana dia berada di dalamnya. Oleh itu, kaum Muslimin mempelajari Islam untuk diamalkan. Mereka menerima hukum-hukumnya dengan bentuk penerimaan yang melibatkan pemikiran, sehingga memberi kesan dalam perasaannya. Oleh itu, kesedaran mereka terhadap kehidupan dan aspek-aspek semulajadinya merupakan kesedaran yang tercetus daripada pemikiran yang berkesan. Kemudian muncul darinya sifat-sifat yang dapat disaksikan dalam diri kaum Muslimin, seperti dorongan dan semangat untuk Islam serta berfikir; perbendaharaan pengetahuan yang luas serta keluasan cakrawalanya. Ini terjadi kerana akidah Islam telah meresap dan tertanam dalam pribadi mereka. Idea-idea, pemikiran-pemikiran, dan hukum-hukum Islam telah mereka dapat selepas melakukan pengkajian dan pemurnian. Begitu juga aspek praktisnya sentiasa didominasi.

Mereka mempelajari Islam bukan semata-mata kerana ilmu sahaja. Ini kerana jika dikaji seperti itu, nescaya mereka hanya akan menjadi buku-buku hidup yang mengandungi berbagai informasi tentang Islam. Mereka juga tidak mendengar Islam sekadar seperti mendengar peringatan dan petunjuk-petunjuk sahaja. Jika demikian halnya, tentu mereka menjadi kaum yang memepunyai pengetahuan yang asas sahaja dan tidak ada api yang membakar keimanan dalam diri mereka. Mereka menjauhkan dua aspek yang membahayakan ini, iaitu mempelajari Islam sebagai sebuah hakikat untuk pengetahuan sahaja dan menjadikan Islam sekadar peringatan dan petunjuk sahaja. Mereka menghadkan metode pengambilan pemahaman dan hukum hanya dengan metode Islam, iaitu mengambil Islam secara mendalam, disertai pemahaman dan kejelasan untuk diamalkan secara praktikal dalam realiti kehidupan.

4. Islam adalah agama yang maju yang dibawa oleh penganutnya berjalan dalam metode yang sempurna. Islam mewajibkan perbuatan-perbuatan tertentu

terhadap seorang Muslim. Pelaksanaan perbuatan tersebut akan menjadikan si pelaku (seorang Muslim) berjalan menuju kesempurnaan sambil menikmati kemuliaan ruhani, ketenteraman jiwa, dan kebahagiaan yang hakiki. Islam menjadikan manusia tetap di atas ketinggiannya dan tidak pernah mengalami kemerosotan. Sesungguhnya untuk berjalan menuju kesempurnaan, lalu menuju peringkat yang lebih tinggi lagi adalah suatu kesukaran; dan bahawasanya bertahan dalam kedudukan ketinggian untuk terus menuju peringkat yang lebih tinggi lagi, perkara itu jauh lebih sukar. Oleh itu, perbuatan tersebut perlu dilakukan secara berterusan dan bukannya sementara, sehingga manusia tetap berada dalam kesempurnaan dan keluhurannya.

Perbuatan-perbuatan tersebut adalah ibadah. Di antaranya ada yang wajib dan ada pula yang sunat. Pelaksanaan berbagai kewajiban oleh semua manusia akan merealisasikan kebersamaan dalam kemuliaan yang perlu dicapai. Pelaksanaan amalana malan sunat dapat mendorong manusia untuk tetap bertahan di jalan kesempurnaan.

Pelaksanaan ibadah-ibadah ini tidak dengan perintah yang membebankan dan sukar, juga tidak dengan sesuatu yang merosakkan. Dalam perintah-perintahnya tidak ada larangan untuk menikmati perhiasan dan kelazatan dunia, tidak ada keperluan untuk berpaling dari perkara-perkara yang menggembirakan dan menyenangkan. Tidak juga dengan cara mematikan naluri dan tidak pula dengan menentang sifat-sifat semulajadi. Sama sekali tidak demikian, bahkan pelaksanaan ibadah-ibadah yang wajib tersebut merupakan perkara yang mudah untuk setiap manusia, meskipun apa jua kekuatan dan keinginannya. Ibadah tersebut tidak menghalang dirinya dari perhiasan dunia, seperti perkara ibadah yang sunat dilaksanakan oleh kaum Muslim dengan kerinduan dan sukacita. Mereka menerimanya untuk dilaksanakan sebagai tambahan dari yang diwajibkan. Mereka merasakannya dengan perasaan yang dalam, kerana mereka sangat berharap untuk mendapatkan keredhaan Allah.

5. Kaum Muslim membuka berbagai negeri untuk mengembangkan dakwah Islam dan menyebarkanluaskannya di negeri tersebut. Oleh kerana itu, mereka merasakan menjadi sebagai duta-duta Allah yang membawa rahmat dan hidayah. Mereka memasuki ke sesebuah negeri dan memerintahnya dengan pemerintahan Islam. Dengan hanya masuknya penduduk negeri tersebut sebagai ahlu dzimmah, maka hak dan kewajibannya sama seperti kaum Muslimin. Negeri yang dibebaskan tersebut juga memiliki hak dan kewajiban dalam negara yang sama dengan negeri lainnya dari negeri-negeri kaum Muslim, bahkan menjadi

sebahagian darinya. Ini kerana sistem pemerintahan dalam Islam adalah kesatuan. Dengan demikian penduduk negeri yang dibuka tersebut tidak merasakan bahawa mereka dijajah, dan tidak sedikit pun mencium aroma penjajahan. Karena itu, tidak menghairankan bahawa manusia menerima Islam setelah menyaksikan secara praktikal hakikat Islam dalam tindakan yang digunakan oleh kaum Muslim dalam menjalankan pemerintahannya.

6. Sesungguhnya kepercayaan dan hukum-hukum Islam berlaku secara umum bagi seluruh manusia. Hukum-hukumnya boleh diajarkan kepada seluruh manusia, bahkan Islam mewajibkan pembelajaran Islam kepada seluruh manusia hingga mereka merasakan kemanisan Islam dan mengetahui hakikat-hakikatnya. Rasulullah saw menghantar para wali, pemerintah, dan para pengajar untuk mengatur urusan manusia dengan hukum Islam dan mengajarkan mereka hukum-hukumnya. Demikian juga kaum Muslimin selepas baginda. Mereka membebaskan berbagai negeri, lalu para pemerintah dan tenaga pengajar tinggal di sana dan memahamkan manusia dengan Islam, serta mengajarkan mereka tentang hukum-hukum al-Quran. Penduduk negeri-negeri yang dibuka itu menerima pengetahuan-pengetahuan Islam sehingga ilmu pengetahuan mereka menjadi ilmu pengetahuan Islam, bahkan yang tidak memeluk Islam pun mempunyai ilmu pengetahuan Islam.

7. Syariat Islam adalah syariat universal yang sempurna. Oleh kerana itu, ketika kaum Muslimin berjaya membuka berbagai negeri, mereka tidak memerlukan pengetahuan syariat dan perundangan penduduk negeri-negeri tersebut. Mereka juga tidak mengadaptasi antara hukum-hukum yang mereka bawa untuk menyelesaikan masalah-masalah kehidupan dengan perundangan yang dilaksanakan di negeri yang dibuka tersebut. Bahkan, mereka membuka berbagai negeri dengan membawa syariat yang sempurna. Mereka terus menerapkan Islam semenjak hari pertama pembukaannya. Metode mereka dalam penerapan Islam bersifat transformasi total. Tidak ada penerapan yang dilakukan secara bertahap atau penambahan. Mereka tidak menjadikan realiti-realiti yang ada di negeri yang dibuka tersebut sebagai wasilah untuk mengatur kehidupan. Sebab, mereka membuka negeri-negeri tersebut demi menyampaikan Islam dan merubah realiti yang rosak dan kehidupan yang cacat. Perkara tersebut memerlukan adanya penghapusan sistem yang lama dan menggantikannya dengan sistem yang baru secara holistik. Dengan demikian akan memudahkan mereka untuk memerintah negeri tersebut semenjak hari pertama. Pemerintahan mereka difokuskan secara sempurna. Mereka juga tidak melalui krisis undang-undang

yang ada, juga tidak melakukan sebarang perubahan. Mereka hanya membawa misi dakwah iaitu akidah, yang dari dalamnya memancar sistem, undang-undang dan hukum-hukum, yaitu syari'at yang diterapkan pada seluruh manusia di setiap zaman dan tempat.[]

## **Melenyapkan Semangat Kebangsaan Dan Membentuk Umat Yang Satu**

Rasulullah saw wafat selepas seluruh semenanjung Arab masuk Islam dan menghilangkan kemusyrikan yang ada di dalamnya. Selepas negara Islam memerintah dengan Islam, baik dari segi akidah mahupun aturan. Selepas Allah menyempurnakan agama dan nikmat-Nya kepada kaum Muslim dan meredhai Islam sebagai agama mereka. Selepas baginda memulakan dakwahnya ke seluruh umat dan bangsa yang berhampiran dengan cara mengirimkan surat kepada para raja dan para pemerintahnya dan dengan sejumlah ekspedisi ketenteraan serta perang di sempadan Rom baik di Mu'tah mahupun Tabuk.

Kemudian selepas baginda wafat, datang para Khulafa Rasyidun dan pembukaan juga terus berlaku. Irak yang penduduknya bercampur terdiri daripada Nasrani, Mazdak, dan Zoroaster samada dari etnik Arab mahupun Parsi berjaya dibebaskan. Parsi yang penduduknya terdiri daripada orang-orang 'ajam dan sedikit orang-orang Yahudi serta Rom dan keseluruhannya beragama bangsa Parsi, berjaya dibuka. Syam yang merupakan wilayah jajahan Rom yang mempunyai budaya Rom dan beragama Kristian dengan penduduknya yang terdiri daripada bangsa Syiria, Armenia, Yahudi, sebahagian beretnik Rom dan sebahagian beretnik Arab, juga berjaya dibuka. Mesir yang penduduknya adalah bangsa Mesir, sebahagian Yahudi dan sebahagian Rom, turut berjaya dibuka. Afrika Utara yang penduduknya bangsa Barbar dan di bawah kekuasaan Rom juga dapat dibuka.

Selepas era Khulafa Rasyidin datang era kerajaan Umayyah. Mereka juga membuka Sind, Khawarizm, dan Samarkand; dan menggabungkannya ke dalam wilayah negara Islam. Kemudian membuka Sepanyol dan menjadikan Sepanyol sebahagian dari wilayah negara Islam. Pelbagai negeri itu memiliki pelbagai suku bangsa, bahasa, agama, kebiasaan-kebiasaan, adat-istiadat, undang-undang, dan kebudayaan; sehingga secara semulajadinya memiliki bermacam pemikiran dan peribadi. Oleh sebab itu, proses melenyapkan antara yang satu dengan lainnya dan pembentukan umat yang satu sehingga terjadi kesatuan agama, bahasa, tsaqafah, dan undang-undang merupakan hal yang sangat sukar dan suatu usaha yang memenatkan. Kejayaan usaha tersebut merupakan perkara yang luar biasa dan tidak pernah berlaku untuk selain agama Islam, serta tidak pernah direalisasikan kecuali untuk negara Islam. Selepas semua bangsa ini berada di



bawah naungan rayah (panji) Islam dan negara Islam memerintah mereka lalu mereka memeluk Islam. Maka mereka menjadi umat yang satu, iaitu umat Islam. Ini terjadi disebabkan pengaruh pemerintahan mereka yang menggunakan Islam dan disebabkan mereka memeluk akidah Islam. Ada beberapa faktor yang berperanan dalam proses melenyapkan bangsa-bangsa tersebut. Yang paling penting adalah empat faktor ini iaitu :

1. Perintah-perintah Islam.
2. Percampuran kaum Muslimin yang melakukan pembukaan dengan bangsa-bangsa yang dibuka di tempat tinggal mereka dan kehidupan mereka.
3. Masuknya seluruh penduduk negeri yang dibuka ke dalam Islam.
4. Proses transformasi yang berlaku terhadap semua orang yang telah memeluk Islam dan peralihan mereka dari satu keadaan kepada keadaan lainnya.

Perintah-perintah Islam memerintahkan penganutnya untuk menyeru kepada Islam, mengembangkan dakwahnya, dan menyebarkan hidayahnya mengikut kemampuannya. Perkara ini memerlukan adanya jihad dan pembukaan negeri-negeri, sehingga memberikan kesempatan kepada manusia untuk memahami Islam dan bersandarkan kepada hakikat hukum-hukumnya. Islam juga memerintahkan adanya hak kebebasan kepada manusia untuk memilih. Jika menghendaki Islam, mereka dapat menganutnya. Jika tidak, mereka dapat tetap dalam agamanya dan memadai bagi mereka tunduk kepada hukum-hukum Islam dalam urusan-urusan muamalah dan uqubat. Semua itu agar tercapai keharmonian dalam aktiviti manusia dengan kesatuan peraturan yang memberikan solusi atas persoalan-persoalan hidup mereka dan mengatur aktiviti mereka. Di samping untuk menimbulkan perasaan jiwa warga non-Muslim bahawa kedudukan mereka di mata sistem Islam adalah sama dengan kaum Muslimin. Masyarakat bersama-sama menerapkan sistem yang dilaksanakan di dalamnya dan menikmati ketenteraman serta berlindung di bawah naungan panji negara.

Perintah-perintah Islam memerintahkan agar memandang orang-orang yang diperintah dengan pandangan kemanusiaan, bukan pandangan rasis, kelompok, atau mazhab. Oleh sebab itu, penerapan hukum-hukum terhadap seluruh komponen masyarakat perlu sama, tidak membezakan antara Muslim dan non-Muslim. Allah Swt. berfirman:

﴿وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْٓا اَعْدِلُوْٓا هُوَ اَقْرَبُ  
 لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

*Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap suatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah karena adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan” (Surah AlMâidah [5]: 8).*

Negara Islam memberikan layanan yang sama terhadap semua manusia dalam aspek pemerintahan dan keadilan. Seorang pemerintah ketika menjaga urusan-urusan rakyat dan memerintah mereka, demikian juga seorang qadhi ketika memutuskan perkara di antara manusia, tidak boleh memandang orang yang diperintah atau yang diputuskan perkaranya dengan suatu pandangan selain pandangan kepada manusia dalam rangka memelihara urusannya dan menyelesaikan perselisihannya. Islam memerintahkan sistem pemerintahan dalam Islam adalah berbentuk kesatuan di antara bahagian-bahagian negara. Islam juga memerintahkan jaminan keperluan setiap wilayah dengan mengeluarkan dana dari Baitul Mal negara, tanpa mempertimbangkan adakah pendapatan dari wilayah tersebut sedikit ataukah banyak, adakah dapat mencukupi keperluan tersebut ataukah tidak. Islam juga memerintahkan kesatuan urus tadbir harta dengan berbagai pendapatannya untuk Baitul Mal yang berasal dari seluruh wilayah. Dengan demikian, semua negeri yang dibuka menjadi wilayah dalam negara yang satu, yang menjadikannya berada dalam pemerintahan yang berjalan secara pasti dalam metode melenyapkan semangat kebangsaan.

Percampuran kaum Muslimin sebagai pembuka dengan penduduk yang dibuka tersebut adalah faktor yang paling dominan pengaruhnya terhadap kemasukan mereka ke dalam Islam dan sebatinya mereka bersama-sama dengan seluruh kaum Muslimin. Ini kerana kaum Muslimin selepas membuka negeri-negeri, mereka kemudian tinggal di negeri yang dibuka tersebut dan mengajarkan Islam kepada penduduknya serta membina mereka dengan ilmu pengetahuan Islam. Mereka tinggal bersama-sama penduduk setempat di rumah-rumah dengan berjiran. Sehingga negeri tersebut didiami secara bersama-sama oleh

pihak yang membuka dan pihak yang dibuka. Mereka bekerjasama dalam semua urusan kehidupan dan secara keseluruhan mereka menjadi penduduk satu negeri yang diterapkan kepada mereka hukum-hukum yang satu. Mereka tidak menonjolkan watak dua kumpulan yang membuka dan yang dibuka, yang menang dan yang kalah; melainkan menjadi satu, sebagai rakyat suatu negara yang rakyatnya saling tolong menolong dalam seluruh urusan kehidupan. Mereka melihat sesuatu yang berbeza pada diri para pemerintah yang belum pernah mereka kenal. Mereka melihat para pemerintah itu sama dengan mereka dan mereka berkhidmat dalam urusan kepentingannya dan memenuhi keperluannya. Mereka juga akhirnya menampakkan sifat-sifat kemuliaan yang menjadikannya dicintai oleh para pemerintah dan Islam. Para pemerintah dan seluruh kaum Muslimin dibolehkan berkahwin dengan Ahlul Kitab dan memakan sembelihan dan makanan mereka. Interaksi ini tentunya menjadi pendorong bagi mereka untuk memeluk Islam. Ini kerana mereka melihat pengaruh Islam dalam diri para pemerintah, sebagaimana mereka melihat cahayanya dalam penerapan semua sistem. Dengan demikian, bangsa-bangsa ini saling melenyapkan semangat kebangsaan diri dan akhirnya menjadi umat yang satu.

Kemasukan negeri yang dibuka ke dalam Islam adalah perkara yang berlaku secara umum. Penduduk di setiap daerah yang dibuka tersebut beramai-ramai memeluk agama Allah, sehingga majoriti dari penduduk negeri tersebut memeluk Islam. Penduduk terus menerus memeluk Islam secara berkumpulan, sehingga hampir keseluruhan manusia menjadi muslim dan Islam tidak lagi terhad menjadi agama orang yang membuka sahaja. Dengan kemasukan penduduk suatu negeri dalam Islam, mereka sehati dengan bangsa yang membukanya, lalu menjadi satu umat.

Proses transformasi yang dicetuskan oleh Islam dalam diri orang-orang yang memeluk Islam, bermaksud bahawa Islam mengangkat akal mereka pada kedudukan yang tinggi dan mewujudkan akidah Islam sebagai kaedah berfikir yang menjadi landasan seluruh pemikiran. Kaedah berfikir tersebut juga digunakan sebagai penanda aras untuk menilai baik dan rosaknya sesuatu pemikiran. Perkara ini telah mengubah mereka, dari keimanan yang muncul secara naluri menuju keimanan yang terbentuk melalui proses berfikir. Daripada ibadat menyembah berhala, api, trinititi, dan sebagainya. Apa yang dituntut oleh bentuk-bentuk ibadah seumpama itu berupa pandangan yang sempit dan pemikiran yang rendah yang menuju penyembahan kepada Allah bersama-sama segala bentuk berupa pemikiran yang cemerlang dan pandangan yang luas. Islam

menjadikan mereka membenarkan adanya kehidupan lain di akhirat dan memberi gambaran dengan gambaran seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan as-Sunah. Ini termasuklah tentang adanya seksaan dan kenikmatan. Akhirnya, mereka dapat menggambarkannya dan berpandangan bahawa kehidupan akhirat itu merupakan kehidupan yang hakiki. Oleh sebab itulah kehidupan mereka di dunia ini memiliki makna dan nilai. Ini kerana kehidupan di dunia merupakan jalan menuju kehidupan lain yang lebih bahagia dan lebih abadi. Oleh sebab itu, mereka menerima kehidupan dunia ini dan tidak mensia-siakannya. Mereka juga mengambilnya dengan berbagai sebabnya dan menikmati perhiasan dan rezeki Allah yang baik, yang telah diberikan kepada hamba-Nya. Islam menjadikan kehidupannya memiliki penanda aras yang benar dan gambaran yang hakiki.

Sebelum itu penanda aras kehidupan mereka adalah manfaat semata-mata. Manfaat inilah yang mendorong seluruh aktiviti mereka serta menjadi tujuan seluruh aktiviti dan menjadi nilai perbuatan. Kemudian, penanda aras kehidupan mereka berubah menjadi halal dan haram. Gambaran kehidupan yang mereka miliki telah berubah berdasarkan halal dan haram. Unsur yang mendorong mereka dalam beraktiviti adalah perintah dan larangan Allah. Tujuan mereka dalam menyesuaikan aktivitiNya menurut perintah dan larangan Allah adalah mencapai keredhaan Allah. Mereka juga menjadikan nilai perbuatan sebagai sesuatu yang mesti diraih dalam melaksanakan setiap perbuatan. Nilai perbuatan itu adalah bersifat rohiyah apabila aktivitiNya solat, jihad, dan sebagainya. Bersifat material apabila aktivitiNya berbentuk jual beli, sewa menyewa, dan sebagainya. Boleh juga bersifat akhlak, apabila berbuat amanah, kasih sayang dan sebagainya. Mereka dapat membezakan antara tujuan perbuatan dan nilai perbuatan yang dijadikan sebagai landasan dalam beramal. Gambaran kehidupan dalam diri mereka yang dahulunya pelbagai akhirnya menjadi gambaran kehidupan yang hakiki dengan penanda aras baru yang dimilikinya, iaitu perintah dan larangan Allah atau halal dan haram.

Islam telah menjadikan mereka memiliki pandangan yang hakiki tentang kebahagiaan. Pada permulaannya kebahagiaan menurut mereka adalah hilangnya rasa lapar selepas makan atau kenikmatan jasmani dipenuhi. Selepas itu mereka memandang kebahagiaan adalah menggapai keredhaan Allah. Kebahagiaan adalah ketenangan abadi bagi manusia. Kebahagiaan seperti ini tidak akan diperolehi dengan kelazatan-kelazatan dan memenuhi kemahuan syahwat, tetapi hanya dengan mencapai redha Tuhan semesta alam.

Demikianlah, Islam telah berjaya mempengaruhi pandangan hidup bangsa-bangsa yang menganutnya serta mempengaruhi juga pandangan tentang perbuatan yang mereka lakukan dalam kehidupan. Islam telah mengubah tingkatan keutamaan suatu perkara. Ada sebahagian perkara yang prioritiya meningkat, ada pula yang menurun. Pada awalnya "kehidupan" memiliki tingkatan prioriti yang tertinggi bagi manusia, sedangkan kepercayaan memiliki tingkatan yang lebih rendah. Islam kemudian membalikkan tingkatan-tingkatan tersebut dengan menjadikan kepercayaan pada tingkatan yang tertinggi, sedangkan "kehidupan" pada tingkatan yang lebih rendah. Hasilnya, seorang Muslim akan mencurahkan kehidupannya di jalan Islam. Ini kerana perkara tersebut merupakan nilai yang lebih tinggi daripada kehidupan itu sendiri. Perkara ini secara langsung menjadikan penganutnya berani menanggung beban berat dan kepayahan di jalan Islam. Berdasarkan perkara ini, segala sesuatu dalam kehidupan diletakkan pada tingkatan-tingkatan yang sesuai dengan kedudukannya. Implikasinya kehidupan menjadi mulia dan seorang Muslim dapat merasakan ketenangan yang abadi dalam kehidupan. Dia telah merumuskan satu tujuan yang paling tinggi yang tidak ada yang lain bagi dunia seluruhnya, yang bersifat tetap dan tidak berubah, iaitu keredhaan Allah Swt. Oleh kerana itu, tujuan tertinggi pada diri manusia juga mengalami perubahan. Sebelum itu bangsa-bangsa tersebut memiliki tujuan tertinggi yang bermacam-macam dan sentiasa berubah-ubah. Namun, mereka akhirnya memiliki satu tujuan tertinggi yang tetap. Seiring dengan perubahan tujuan tertinggi yang dimiliki bangsa dan umat-umat tersebut, maka makna segala sesuatu di mata mereka menjadi berubah dan pemahaman mereka tentang keutamaan yang akan dituju juga berubah. Sebelum itu mereka juga menganggap keberanian, sikap kepahlawanan, membela kumpulan, berbangga terhadap harta dan jumlahnya, sikap dermawan secara berlebihan, kesetiaan terhadap kabilah atau kaum, tegas dalam permusuhan, menuntut balas, dan yang seumpamanya adalah asas-asas keutamaan. Kemudian Islam datang dan tidak menjadikan perkara-perkara tersebut sebagai asas-asas keutamaan. Islam tidak membiarkan asas-asas keutamaan itu begitu sahaja, tetapi menjadikannya sebagai sifat yang mesti dimiliki manusia berdasarkan perintah Allah, sebagai wujudnya pelaksanaan perintahNya; bukan disebabkan nilai yang ada pada asas-asas keutamaan itu sendiri, juga bukan kerana di dalamnya terdapat manfaat-manfaat dan kebanggaan; juga bukan kerana hal tersebut merupakan adat istiadat, kebiasaan-kebiasaan, atau warisan-warisan yang perlu dipelihara. Islam menjadikan ketundukkan kepada Allah, perintah dan larangan-Nya sebagai suatu kewajiban.

Oleh sebab itu, manfaat-manfaat individu, rasis, kebangsaan, dan umat wajib tunduk hanya pada perintah-perintah Islam.

Demikianlah, Islam telah mengubah pemikiran bangsa-bangsa yang menganutnya, termasuk peribadi mereka. Akibatnya, selepas mereka memeluk Islam berubahlah keperibadiannya dari sebelumnya, serta pandangan mereka terhadap alam semesta, manusia dan kehidupan, serta penanda aras terhadap semua hal dalam kehidupan. Mereka menjadi paham bahawa kehidupan ini memiliki makna yang khusus, iaitu kemuliaan dan kesempurnaan. Akhirnya mereka memiliki tujuan tertinggi yang tunggal dan tetap, iaitu keredhaan Allah. Menggapai tujuan tertinggi tersebut iaitu keredhaan Allah, merupakan kebahagiaan yang mereka rindukan. Akhirnya mereka menjadi makhluk baru yang berbeza dengan sebelumnya.

Dengan keempat-empat faktor ini, semua bangsa yang tunduk pada negara Islam melepaskan diri dari keadaannya sebelum ini. Keempat-empat faktor ini telah menyatukan pemikiran-pemikiran dan pandangan-pandangan mereka tentang kehidupan, sehingga wujudnya pemikiran dan pandangan yang satu. Di samping itu juga menyatukan kaedah penyelesaian masalah, dengan satu solusi; dan menyatukan kemaslahatan mereka, sehingga kemaslahatan mereka satu, iaitu kemaslahatan Islam. Keempat-empat faktor tersebut telah menyatukan juga tujuan-tujuan mereka dalam kehidupan menjadi tujuan yang satu, iaitu meninggikan kalimah Allah. Jadi, suatu kemestian jika seluruh bangsa-bangsa tersebut menggabungkan diri ke dalam wadah Islam, sehingga menjadi umat yang satu, iaitu umat Islam.[]

## **Faktor-Faktor Kelemahan Negara Islam**

Negara Islam tertegak di atas kepercayaan Islam. Di dalam kepercayaan itulah terdapatnya kekuatannya. Dengan kepercayaan itu juga negara Islam kuat dan mencapai ketinggian martabatnya iaitu sebagai asas kewujudannya. Dengan demikian negara Islam berdiri dengan teguh kerana kekuatan Islam. Negara Islam berjaya membuka negeri-negeri di dunia yang sangat luas hanya dalam tempoh masa kurang dari satu abad. Sedangkan wasilah yang digunakan hanyalah kuda dan unta. Semua bangsa dan umat yang dibuka tunduk kepada Islam dalam masa relatif yang sangat singkat. Sedangkan alat-alat dan wasilah penyebarannya sangat terbatas, iaitu hanya melalui lidah dan pena. Perlu diingat bahawa elemen yang merealisasikan perkara tersebut dengan sangat cepat adalah Islam yang telah membentuk negara memiliki kekuatan tersebut.

Musuh-musuh Islam mengetahui perkara tersebut. Mereka tahu bahawa negara Islam tidak dapat dilemahkan selagi Islam kuat dalam peribadi kaum Muslimin, dalam pemahamannya dan penerapannya. Dengan kesedaran tersebut, musuh-musuh Islam berusaha mewujudkan wasilah-wasilah yang dapat melemahkan pemahaman kaum Muslim terhadap Islam dan penerapan mereka terhadap hukum-hukumnya.

Banyak wasilah yang mereka gunakan untuk melemahkan pemahaman Islam di antaranya adalah berkaitan dengan nas-nas Islam, bahasa yang digunakan, dan yang berkaitan dengan kesesuaian dengan realiti kehidupan. Target yang mereka sasarkan adalah hadith-hadith Nabi. Caranya dengan sengaja mencipta hadith-hadith palsu yang tidak pernah Rasul saw sabdakan. Mereka memalsukannya dan memasukkan makna-makna yang tidak Islam serta kefahaman yang bertentangan dengan Islam, sehingga kaum Muslimin mengambil dan mengamalkannya. Akibatnya mereka jauh dari Islam. Mereka membuat penipuan atas nama Rasul saw. dengan cara memalsukan hadith-hadith baginda, kemudian menyebarkannya di tengah-tengah manusia. Namun, kaum Muslimin berjaya mengenalpasti tipu daya orang-orang Zindiq tersebut dan menghancurkan konspirasi mereka. Para ulama dan perawi hadith bangkit untuk mengumpulkan hadith serta membuat silsilah para perawinya dan sifat-sifat mereka. Kemudian mereka mengklasifikasikan di antara hadith yang sahih, lemah, dan palsu. Sehingga lah terpelihara hadith-hadith dan periwayatannya yang dihadkan bermula dari tabi'it tabi'in yang mendapatkannya dari tabi'in yang

mendapatkannya dari para sahabat. Maka periwayatan selain mereka tidak akan di terima. Para perawinya juga dihadkan dan dikenalpasti setiap orang dari mereka. Kemudian disusun pula tingkatan-tingkatan kitab-kitab hadith, sehingga seorang Muslim yang mempelajari sesuatu hadith maka dia akan mengetahui mana yang sahih, daif dan palsu dengan cara mengetahui sanad dan matannya.

Di samping itu negara Islam menghukum kaum Zindiq dengan memukul tangan mereka dengan menggunakan tangan besi. Hukuman paling berat pula yang mereka terima ekoran pemalsuan hadith tersebut adalah hukuman mati. Akhirnya kosnspirasi yang hendak merosakkan Islam dan negaranya tidak mempunyai pengaruh lagi.

Kemudian sasaran kerosakan seterusnya yang dilancarkan oleh musuh-musuh Islam adalah bahasa Arab. Ini disebabkan bahasa inilah yang digunakan oleh Islam. Mereka berusaha memisahkan bahasa Arab dari Islam. Pada permulaannya mereka tidak berjaya melakukannya kerana kaum Muslimin ketika membuka negeri-negeri mereka membawa Kitabullah, Sunah Nabi, dan bahasa Arab. Mereka mengajarkan manusia bahasa Arab sebagaimana mengajarkan al-Quran dan Hadits. Penduduk beramai-ramai memeluk Islam. Mereka belajar bahasa Arab sehingga mahir kemudian menekuninya. Bahkan, di kalangan kaum 'ajam iaitu orang-orang non-Arab, terdapat imam mujtahid, seperti Abu Hanifah, juga ada penyair-penyair yang hebat seperti Basyar bin Bard, dan ada juga penulis yang sangat berwibawa, seperti Ibnu al-Muqaffa'.

Kaum Muslimin sangat bersungguh-sungguh dalam menjaga kemurnian bahasa Arab. Seheinggakan Imam Syafi'i tidak membolehkan penterjemahan al-Quran dan melarang solat dengan bahasa selain bahasa Arab. Para ulama yang membolehkan penterjemahan al-Quran seperti Abu Hanifah pula tidak menamakan terjemahan itu sebagai al-Quran secara mutlak. Begitulah pemeliharaan dan penjagaan dilakukan terhadap bahasa Arab. Bahasa Arab diangkat sebagai bahasa yang sangat penting kerana kedudukannya merupakan sebahagian dari permata Islam, dan termasuk di antara syarat-syarat ijthad. Pemahaman Islam yang diambil dari sumber-sumbernya dan pengambilan istinbat hukum, tidak mungkin diperolehi kecuali menggunakan bahasa Arab. Malangnya pemeliharaan dan penjagaan ini telah hilang selepas abad keenam Hijrah, ketika yang berkuasa adalah orang yang tidak mengetahui nilai bahasa Arab. Pemerintah mensia-siakan urusan bahasa Arab. Oleh sebab itu ijthad terhenti. Orang-orang yang tidak mengetahui bahasa Arab tidak akan mampu mengistinbat hukum. Bahasa Arab menjadi terpisah dari Islam. Akibatnya negara



mengalami cacar merba dalam memahami Islam, sehingga berlaku juga kekacauan dalam penerapannya. Situasi ini memberi pengaruh yang cukup besar terhadap negara, yaitu lemahnya negara aspek kefahaman terhadap isu-isu terkini. Akibatnya, problem-problem yang muncul tidak dapat diselesaikan, atau dapat diselesaikan tetapi tidak betul. Ini menyebabkan isu-isu ini menimbun dalam negara yang menyebabkan negara mengalami keruntuhan dan akhirnya hilang.

Semua yang tersebut adalah yang berkaitan dengan nas-nas Islam dan bahasa Arab. Adapun yang berkaitan dengan penerapan Islam dalam realiti kehidupan, maka musuh-musuh Islam semenjak beberapa abad pertama berusaha membuat penyelarasan antara filsafah India dan Islam. Zuhud dalam masalah-masalah keduniaan dan pencarian akhirat, ditafsirkan dengan praktikal hidup yang sengsara dan penyiksaan tubuh badan. Akibatnya, ramai orang Islam yang menjauhkan diri dari keindahan kehidupan dan menarik diri untuk tidak terjun ke dalam kenikmatan hidup yang melimpah ruah. Itulah yang menyebabkan mereka tidak bekerja di dalam bangunan negara Islam dan dalam kancan kehidupan kaum Muslimin. Negara banyak kehilangan kerja kuat dari anak-anak umat, yang sebenarnya boleh digunakan dalam dakwah Islam. Kehilangan itu digantikan dengan penyiksaan tubuh badan mereka.

Kemudian muncul pula perang ilmu pengetahuan yang dilancarkan Barat terhadap negara kaum Muslimin. Barat membawa peradaban yang bertentangan dengan peradaban Islam. Barat memberi gambaran pada kaum Muslimin bahawa peradaban yang dibawa mereka berasal dari kaum Muslimin. Mereka mendatangkan sistem-sistem yang bertentangan dengan Islam. Barat juga memberi gambaran kepada kaum Muslimin bahawa sistem-sistem yang dibawanya sesuai dengan hukum-hukum Islam. Mereka memberikan undang-undang yang bertentangan dengan hukum-hukum syarak, kemudian menjelaskannya kepada mereka bahawa undang-undang itu tidak bertentangan dengan Islam. Perkara ini membawa implikasi yang besar terhadap kaum Muslim. Lebih parah lagi menyebabkan peradaban Barat menguasai dan mendominasi kaum Muslimin. Kaum Muslimin mula memandang kehidupan dengan asas manfaat. Kemudian mereka mengambil sebagian sistem Barat untuk diterapkan dalam negara Uthmaniyah. Mereka mula terjebak dengan riba dan membuka bank-bank. Tindakan-tindakan ini sehinggalah mereka mengambil undang-undang Barat yang akhirnya mengabaikan batasan-batasan syarak, dan menggantinya dengan undang-undang hukuman Barat. Tindakan ini merupakan malapetaka terbesar yang menimpa negara Islam dan menjauhkannya dari

penerapan hukum dengan bersumberkan Islam, walaupun negara telah menggunakan fatwa-fatwa yang membolehkan perbuatan-perbuatan ini. Jauhnya penerapan hukum Islam ini menyebabkan lemahnya keimanan dalam negara, dan secara langsung negara berjalan di luar cahaya petunjuk. Seterusnya negara terus menjadi lemah dan rosak.

Ini adalah yang berkaitan dengan aspek kelemahan pemahaman Islam. Sedangkan aspek penerapannya, ada beberapa faktor yang saling berkaitan yang menjadikan penerapan Islam rosak. Di antara faktor-faktor itu adalah kewujudan parti-parti politik. Kebanyakan parti-parti politik pasca Khulafa ar-Rasyidin memandang bahawa hanya pendapat partinya sahaja yang patut dilaksanakan. Parti-parti ini selalu mengambil tindakan-tindakan bersifat peperangan sebagai jalan untuk membawa tujuannya pada kekuasaan seterusnya digunapakai sebagai wasilah untuk melaksanakan pendapatnya. Hampir tidak ada parti yang meletakkan umat sebagai jalan untuk penerapan pendapatnya. Akibatnya muncul golongan 'Abbasi. Mereka menguasai wilayah Parsi dan Iraq yang kemudian menjadikannya pusat gerakan mereka. Mereka kemudian bergerak sehingga menguasai negara dan menjadikan pemerintahan berada di tangan bani Hasyim. Muncul juga golongan Fathimiyyin. Mereka berjaya menguasai Mesir dan mendirikan negara di sana untuk dijadikan pusat gerakan parti. Dari Mesir, mereka bergerak untuk menguasai negara Islam agar pemerintahan berdiri di atas asas pemikiran-pemikiran aliran Ismailiyah (fahaman yang dipegang bani Fathimiyyin) yang bertentangan dengan syarak. Di awal perkembangannya, mereka berjaya melancarkan pukulan yang mampu menghentikan pembukaan-pembukaan dan menyebabkan negara disibukkan dengan urusan-urusan dalam negeri. Pada perkembangan berikutnya, berlakulah pertarungan antara dua negara (Negara 'Abbasiyah yang berpusat di Baghdad dan Negara Fathimiyah yang berpusat di Mesir) yang menyebabkan kaum Muslimin hidup dalam dua negara di waktu yang sama, sedangkan kaum Muslimin tidak boleh memiliki lebih dari satu negara. Keadaan ini akhirnya melemahkan negara Islam. Implikasi seterusnya adalah pembebasan dan perkembangan dakwah menjadi terhenti.

Adapun pihak yang menyebabkan parti-parti politik mengambil cara ini adalah para khalifah Bani Umayyah. Dalam mewujudkan sistem Khalifah, mereka melakukannya dengan cara pewarisan kekuasaan (seperti melantik putera mahkota). Kekuasaan diwariskan oleh Khalifah sebelumnya kepada calon Khalifah, lalu dibaiahkan. Cara ini tidak menitikberatkan kedudukan baiah bahkan mengabaikannya. Mu'awiyah mengamanahkan jawatan khalifah kepada

puteranya, Yazid, lalu baiah diberikan kepadanya. Kemudian Khalifah sesudahnya mengikuti jejak langkahnya. Setiap Khalifah mengamanahkan jawatan khalifah ini kepada calon khalifah selepasnya, lalu masyarakat membaiahnya. Inilah bentuk baiah kaum Muslimin untuk hanya membaiah individu yang telah diamanahkan jawatan khalifah sahaja. Cara ini digunapakai oleh parti-parti politik untuk mendapatkan kekuatan sebagai jalan yang dapat membawanya kepada kekuasaan. Perlantikan khalifah dengan cara memberi amanah seumpama ini sebenarnya pernah dilakukan Khalifah Abu Bakar ketika mengamanahkan jawatan khalifah kepada Umar. Oleh kerana terdapat penyalahgunaan perlaksanaannya yang menghasilkan natijah yang tidak baik sebagaimana sebelum ini. Abu Bakar meminta pendapat kaum Muslimin tentang individu yang akan menjadi khalifah sesudahnya. Melalui muzakarah, maka calon khalifah yang paling menonjol iaitu Ali dan Umar. Kemudian amanah tersebut diberikan kepada Umar. Maka, Umar dipilih menjadi Khalifah, dan selepas Abu Bakar wafat, baiah secara langsung diberikan kepadanya. Ini adalah persoalan syarak. Akan tetapi, para Khalifah sesudahnya merosak penerapan cara ini. Amanat khalifah yang sepatutnya diberikan untuk umum, tetapi mereka hanya memperuntukkan untuk anak-anak, saudara-saudara, atau keluarga mereka sendiri. Kadang-kadang amanat diberikan kepada lebih dari seorang calon. Penyalahgunaan penerapan ini sudah tentu menyebabkan kaum Muslimin sukar memberikan baiah kepada orang yang dikehendaki. Perkara ini juga menyebabkan negara Islam menjadi lemah. Sebenarnya, cara ini tidak banyak memberi implikasi negatif sekiranya sesebuah negara itu kuat. Namun, ketika negara dalam keadaan lemah, pengaruhnya mula nampak kelihatan.

Persoalan yang melanda negara Islam tidak hanya terbatas kepada masalah baiah Khalifah sahaja, tetapi merentasi sehingga masalah perlantikan para pemimpin daerah atau pejabat-pejabat tinggi negara. Tiada tindakan negara Abbasiyah terhadap tindakan Abdul Rahman yang berjaya memasuki Sepanyol dan membiarkannya menguasai Sepanyol yang menyebabkan Abdul Rahman memerintah Sepanyol secara total, terpisah dari pusat negara Islam Baghdad. Abdul Rahman memisahkan sebahagian wilayah negara Islam dan memerintah dengan peraturan tersendiri. Para pemimpin selepasnya yang menamakan diri dengan sebutan Amirul Mukminin juga menguruskan pemerintahannya dengan peraturan sendiri. Walaupun realiti Sepanyol sebenarnya tidak terpisah dari negara Islam dan kaum Muslimin yang tinggal di Sepanyol juga tidak terpisah dari kaum Muslimin lainnya yang tinggal di wilayah negara Abbasiyah. Pada dasarnya mereka tetap menjadi sebahagian dari kesatuan umat Islam, akan tetapi

mereka terpisah secara pentadbiran Fakta ini menyebabkan kelemahan menyusup masuk ke dalam tubuh negara. Kelemahan itulah yang menjadikan kaum kafir mudah menguasai Spanyol. Padahal negara Islam Baghdad pada ketika itu berada di puncak keagungan dan kekuatannya. Sementara Baghdad tidak mampu melindungi serangan musuh yang melemahkan situasi Spanyol.

Inilah situasi yang berlaku di wilayah Barat. Adapun di wilayah Timur, pemerintahan daerah banyak diberikan kepada para Wali secara umum. Setiap daerah diberi kuasa autonomi secara meluas. Kuasa autonomi ini memberi peluang para pemimpin daerah (wali) untuk mencetuskan perasaan ingin berkuasa yang menjadikan mereka memiliki impian. Mereka memiliki kuasa autonomi dalam bidang pentadbiran, sedangkan Khalifah merelakan sahaja. Memadai seruan Khalifah yang dilakukan di atas mimbar-mimbar, mengeluarkan surat-surat sesuatu keputusan, membuat wang dengan namanya, dan penghantaran cukai kharaj. Wilayah-wilayah yang memiliki kekuasaan autonomi ini menjadi seperti negara-negara persekutuan, sebagaimana yang berlaku antara pemerintah Bani Saljuq dan Hamdani dan selainnya. Perkara ini juga menyebabkan negara Islam menjadi lemah.

Semua persoalan di atas menjadi penyebab yang membawa kepada kelemahan negara Islam. Situasi ini terus berlaku sehingga negara Uthmaniyah datang dan menguasai khilafah. Mereka kemudian menyatukan hampir keseluruhan wilayah negara Islam di bawah kekuasaan mereka, kemudian mengembangkan dakwah ke Eropah dan memulakan pembukaan-pembukaan. Akan tetapi sayangnya kekuasaannya tidak bersandar kepada asas kekuatan iman seperti para Khalifah pertama Bani 'Uthman. Khalifah-khalifah sesudahnya hanya bersandarkan kepada kekuatan ketenteraan. Pemerintahannya juga tidak bersandar kepada asas pemahaman Islam yang sebenar dan penerapan yang sempurna. Oleh kerana itu, pembukaan-pembukaan yang dicapai tidak memperolehi hasil sebagaimana pembukaan-pembukaan yang pertama. Di samping itu juga, dalam tubuh umat tidak ada kekuatan yang asas utama. Disebabkan itu, situasi yang mendominasi sama-sama berperanan untuk melemah negara, kemudian memudahkan dan akhirnya negara Islam hilang. Lenyapnya negara Islam dari permukaan bumi tidak lain disebabkan pengaruh faktor-faktor di atas. Di samping itu juga disebabkan berbagai macam tipudaya yang dilancarkan oleh musuh-musuh Islam.

Faktor-faktor yang melemahkan negara yang pada akhirnya menyebabkan kehancuran negara Islam. Secara ringkasnya dapat disimpulkan menjadi dua

faktor: (1) Kelemahan pemahaman Islam dan (2) Keburukan penerapan Islam. Oleh sebab itu, yang dapat mengembalikan negara Islam adalah pemahaman Islam yang sebenar. Iaitu yang dapat menjaga kekuatan negara adalah kelangsungan negara yang terus-menerus dalam memahami Islam dengan sebenar, memperbaiki penerapannya di dalam negeri, dan mengembangkan dakwahnya ke luar.[]

## **Kelemahan Negara Islam**

Kelemahan aspek pemikiran dalam negara Islam pertama kali muncul semenjak abad ke 5 Hijrah, iaitu ketika sebahagian ulamak menyatakan bahawa pintu ijtihad sudah tertutup. Ini adalah pernyataan yang melemahkan negara. Sedangkan setelah itu masih ramai lagi dijumpai para mujtahid.

Kelemahan pemikiran itu telah mencetuskan suasana yang kritikal. Situasi tersebut memberi implikasi terhadap institusi negara, sehingga perpecahan menyerang negara serta kelemahan menimpanya. Situasi ini terus berlaku sehingga tercetus Perang Salib. Pada ketika itu negara dalam keadaan tidak mampu untuk menghadapi tentera Salib. Kedudukan negara bergolak dan dalam tidak seimbang tersebut terlibat pula dalam siri peperangan Salib yang terjadi secara berturut-turut iaitu sekitar dua abad lamanya.

Kemenangan pertama dicapai oleh pasukan gabungan tentera Salib. Mereka berjaya menguasai sebahagian wilayah negeri Islam. Namun dalam peperangan berikutnya kaum Muslimin berjaya membebaskan wilayah negeri Islam yang dikuasai oleh mereka. Sayangnya, semenjak pemerintahan Islam berpindah ke tangan Dinasti Mamalik, bahasa Arab, aspek pemikiran dan penyusunan undang-undang mulai disia-siakan. Seterusnya pintu ijtihad ditutup, yang akhirnya membawa implikasi kelemahan pemahaman terhadap Islam. Para pemerintah ini mewajibkan para ulamak ini bertaklid dan itu bermaksud kelemahan semakin kronik terhadap institusi negara. Kemudian muncul pula serangan tentera Tartar yang semakin memburukkan lagi dan melemah negara. Keadaan ini hanya memberi implikasi di dalam negeri dan tidak mempengaruhi aspek luar negeri. Kedudukan negara Islam dalam percaturan antara negara juga tidak lemah dan negara Islam tetap memiliki harga diri yang kuat dan menggerunkan negara lain. Negara Islam masih berada di tempat kuasa besar di dunia, bahkan negara Uthmaniyah berjaya mengambil alih pemerintahan sebahagian besar dunia Islam pada abad ke-9 Hijrah bertepatan dengan abad ke-15 Masehi. Pada abad ke-10 Hijrah bertepatan dengan abad ke-16 Masehi, kekuasaan baru ini cukup berjaya menggabungkan negeri Arab ke dalam wilayahnya, lalu kekuasaannya semakin meluas dan melebar. Pemerintahannya memiliki kewibawaan, didukung dengan kekuasaan yang kuat, pengurusan pasukan yang sistematik dan berdisiplin. Dalam perkembangan seterusnya, negara Uthmaniyah bergerak keluar dan sibuk dengan pelbagai pembukaan,

sementara bahasa Arab dipinggirkan. Sedangkan, bahasa Arab merupakan keperluan asas untuk memahami Islam dan menjadi salah satu syarat ijtihad. Sayang sekali negara Uthmaniyah yang kuat tidak komited menguruskan Islam dalam aspek pemikiran dan pelaksanaan perundangan. Akibatnya, tahap pemikiran dan perundangan terus menjunam. Ketika itu negara memang kuat secara mata kasar, namun pada hakikatnya lemah. Kelemahan itu disebabkan kelemahan pemikiran dan pelaksanaan perundangan. Kelemahan tersebut belum dikenalpasti oleh negara Islam ketika itu, lantaran sedang berada di puncak kemuliaan, keagungan, dan kekuatan ketenteraannya. Selain itu dibuat perbandingan antara pemikiran, perundangan, dan peradabannya kepada pemikiran, perundangan, dan peradaban Eropah, sehingga mereka mendapati mereka memiliki pemikiran, perundangan, dan peradaban yang lebih baik dari Eropah. Perbandingan ini menjadikan mereka selesa sehingga rela bergelumang dengan kelemahan ini. Perbandingan seumpama itu jelas tidak tepat kerana Eropah ketika itu masih dibelenggu dalam kegelapan, kebodohan, kekacauan dan pergolakan, masih bertatih dalam usaha kebangkitan dan gagal dalam setiap penambahbaikan yang dilakukan. Oleh sebab itu, membandingkan situasi negara Uthmaniyah dengan situasi Eropah yang dilihatnya seperti ini, sudah tentu negara Uthmaniyah dalam kedudukan yang lebih baik, memiliki sistem yang terbaik dan peradaban yang lebih tinggi. Sementara dalam aspek lain, negara tidak mampu melihat situasi dalaman, yang sebenarnya sedang mengalami pergolakan yang sangat kuat; tidak mampu menyedari kejumudan pemikiran, kejumudan perundangan dan kesatuan umat yang berpecah. Kemenangannya atas Eropah dan kejayaannya menguasai sebahagian tenggara wilayah Balkan menyilaukan lagi pandangannya sehingga tidak mampu menyaksikan kelemahan di dalam negerinya sendiri. Perkara itu memang menimbulkan ketakutan seluruh negara Eropah terhadap negara Uthmaniyah dalam kedudukannya sebagai negara Islam. Akibatnya di dalam benak fikiran mereka terbentuk persepsi bahawa tentera Islam tidak boleh dikalahkan. Mereka yakin bahawa tidak ada satu pun tentera yang mampu melawan kaum Muslimin.

Kemudian muncul pula masalah yang dinisbahkan kepada Timur. Maksudnya adalah kewaspadaan Eropah terhadap bahaya pasukan tentera Uthmaniyah di bawah kepimpinan Muhammad al-Fatih pada abad ke-9 Hijrah (abad ke-15 M), dan juga para sultan selepasnya. Kekuatan ketenteraan terus berlaku sehingga akhir abad ke-11 Hijrah di tangan Sulaiman al-Qanuniy. Beliau berjaya mengukuhkan kekuatannya sehingga pertengahan abad ke-12 Hijrah bertepatan dengan abad ke-18 M. Pada masa ini, potensi kelangsungan di dalam

negara Islam menjadi faktor dominan dalam memberikan kekuatan kepada negara. Kekuatan akidah pada diri kaum muslimin dan kewujudan pemahaman mereka yang tertentu terhadap kehidupan yang tidak begitu berkembang dalam benak fikiran mereka serta kewujudan sistem Islam dalam kehidupan meskipun penerapannya buruk. Kesemuanya ini masih menjadi sandaran negara dan menjadikannya tetap bertahan dan kuat.

Keadaan ini diburukkan lagi oleh situasi kekacauan pemikiran dan perundangan di Eropah. Situasi-situasi seumpama ini sebenarnya sangat memungkinkan bagi negara untuk bertindak mengubah pemahaman Islam dengan pemahaman yang sebenar, meningkatkan penekanannya terhadap bahasa Arab, menyemarakkan ijtihad dan memperhalusi aspek-aspek pemikiran dan perundangan hingga usaha tersebut berjaya menguatkan negara menjadi semakin kuat, menyempurnakan penguasaannya terhadap dunia, meneruskan pembukaan-pembukaan dengan Islam terhadap kawasan dunia yang lainnya dengan mengembangkan Islam kepada mereka. Dengan demikian, negara akan berjaya mengukuhkan dirinya, membentuk dunia dengan peradaban Islam dan menyelamatkan umat manusia dari kerosakan dan kejahatan.

Tidak ada satu perkara pun yang berlaku, yang berjaya menyemarakkan bahasa Arab, selain memberikan peluang kepada orang Arab dalam tugas pengajaran dan keilmuan. Sudah tentu saja perkara ini tidak memberikan kesan dalam memperkuat bahasa, serta tidak mampu membangunkan pemikiran. Ini kerana tidak ada tindakan untuk menghidupkan bahasa Arab dan menjadikannya sebagai satu-satunya bahasa negara yang diwajibkan dalam negara Islam. Di samping itu, belum ada juga tindakan berkaitan dengan aspek pemikiran dan fiqh. Oleh kerana itu ianya tidak memberi kesan kepada gerakan yang lemah dan salah ini yang masih berjalan di atas jalan yang bersimpang siur tersebut.

Pada pertengahan abad ke-12 Hijrah (abad ke-18 M) keadaan berubah dan mula berlaku kelemahan dalam dalam negeri yang sangat ketara. Ini disebabkan institusi negara tertegak di atas saki baki sistem Islam yang mengamalkan penerapan yang buruk. Di samping itu negara juga berlandaskan kepada pemikiran yang bercelaru di antara pemikiran Islam dan pemikiran yang terasing dari Islam. Pemerintahan pula secara keseluruhan lebih banyak berada dalam nuansa sistem Islam daripada sistem Islam yang sebenar. Ini disebabkan oleh pemahaman yang bercelaru terhadap pemikiran Islam, penerapan sistem Islam yang buruk dan tiada ijtihad kerana ketiadaan para mujtahid.



Pada abad ke-13 Hijrah bertepatan dengan abad ke-19 Masehi, neraca sejarah antara negara Islam dan negara-negara non Islam mulai berayun-ayun. Neraca dunia Islam mula menjadi lemah, sementara timbangan negara-negara Eropah sedikit demi sedikit mula menjadi berat dan semakin menguat. Di Eropah telah muncul kebangkitan-kebangkitan dan hasil-hasilnya sudah mula nampak. Sementara di tengah kaum Muslimin, akibat kejumudan pemikiran dan buruknya penerapan Islam juga mula menampakkan natijahnya. Ini berlaku pada abad ke-19 Masehi di Eropah kerana kemunculan gerakan revolusi yang bahaya dalam pemikiran Eropah. Hasil daripada usaha yang bersungguh-sungguh yang telah dilakukan oleh para ahli falsafah, para penulis dan pemikir. Berlaku juga perubahan menyeluruh yang mendorong pemikiran orang-orang Eropah untuk membangkitkan bangsa mereka. Kemudian muncullah pelbagai gerakan yang memiliki pengaruh dalam memunculkan pendapat-pendapat baru tentang pandangan terhadap kehidupan. Di antara pemikiran tersebut yang paling penting adalah terjadi modifikasi dalam sistem politik, perundangan, dan semua sistem kehidupan. Maka hilanglah kerajaan di Eropah sedikit demi sedikit. Kedudukannya diganti oleh sistem-sistem pemerintahan baru yang dibangun di atas prinsip pemerintahan perwakilan dan kedaulatan rakyat. Pengaruhnya sangat besar dalam mencetuskan kebangkitan Eropah. Pada abad ini, di Eropah juga berlaku revolusi industri yang membawa pengaruh sangat dominan. Impaknya jelas dalam inovasi-inovasi baru yang banyak dan pelbagai. Semuanya mempunyai pengaruh yang sangat dominan dalam memperkuat Eropah serta memajukan pemikiran dan kekayaan materialnya.

Kekuatan material dan kemajuan ilmu pengetahuan ini mengakibatkan neraca dunia Eropah lebih berat berbanding dunia Islam. Ianya mengubah pemahaman tentang masalah yang di nisbahkan terhadap Timur tersebut. Persoalan mempertahankan diri dari bahaya Islam tidak lagi melanda Eropah. Yang ada adakah perlu mempertahankan kewujudan negara Uthmaniyah ataupun dipecahbelahkan. Terbukti negara-negara tersebut berbeza pendapat seiring dengan perbezaan kepentingan mereka masing-masing. Berubahnya pemahaman tentang masalah ketimuran dan beberapa situasi baru yang muncul di Eropah seperti peningkatan tahap pemikiran, kemajuan ilmu dan revolusi industri serta kelemahan dan perpecahan yang menyerang negara Uthmaniyah seluruhnya, memberi implikasi perubahan politik antara negara Islam dan negara-negara kufur tersebut secara mendasar. Bangsa Eropah semakin bertambah kuat dan kaum Muslimin pula semakin lemah.

Penyebab utama revolusi politik di Eropah adalah usaha para pemikir yang bercita-cita untuk mencapai pembentukan sistem kehidupan. Mereka menggunakan sudut pandangan tertentu dalam kehidupan mereka. Mereka memeluk akidah tertentu dan membangun sistem di atasnya. Inilah yang mengubah pemahaman mereka sebelumnya tentang sesuatu, sekaligus mengubah tingkatan nilai-nilai yang ada pada diri mereka. Semuanya membawa kepada revolusi menyeluruh dalam kehidupan yang mendukung munculnya revolusi industri yang besar.

Ini berbeza dengan keadaan di dunia Islam atau negara Uthmaniyah yang membawa berita sandiwara. Mereka cuba untuk mengamati situasi yang ada dengan tepat, memikirkan kepercayaannya dengan mendalam, menggerakkan pemikiran, dan berusaha mewujudkan kembali ijtihad, menyelesaikan permasalahannya berdasarkan hukum-hukum yang terpancar dari akidahnya dan menerima ilmu serta teknologi. Maka keseluruhannya menimbulkan keraguan dan pergolakan sebagaimana yang pernah berlaku di Eropah. Lantaran keraguan ini, aktiviti mereka berhenti. Akhirnya negara Uthmaniyah meninggalkan aspek ilmu pengetahuan dan teknologi, sehingga tertinggal dalam kemajuan material berbanding negara-negara yang lain. Memang terdapat aspek positif yang menggembirakan. Aspek positif itu terletak pada kenyataan bahawa negara Uthmaniyah adalah negara Islam dan bangsa-bangsa yang diperintahnya adalah bangsa-bangsa Muslim. Islam adalah akidah negara dan sistemnya. Pemikiran-pemikiran Islam adalah pemikiran negara dan sudut pandang Islam dalam kehidupan juga merupakan arah pandangannya. Bertitik tolak dari perkara ini, sepatutnya negara memperhatikan pemikiran-pemikiran baru yang berkembang di Eropah, mengukurnya dengan kaidah pemikirannya, meneliti permasalahan baru dari sudut pandang Islam, lalu memberi ketetapan hukum tentang pemikiran-pemikiran dan permasalahan tersebut melalui ijtihad yang benar berdasarkan pandangan Islam, sehingga dapat dipisahkan mana yang benar dan yang rosak. Namun, sayang sekali negara tidak melakukannya.

Ini disebabkan pemikiran-pemikiran Islam yang dimilikinya tidak jelas serta pemahaman-pemahamannya juga terbatas. Begitu juga akidah Islam tidak lagi menjadi kaedah pemikiran yang menjadi asas seluruh pemikiran, melainkan hanya sekadar akidah yang ditaklid sahaja. Negara Uthmaniyah pula mempunyai asas akidah dan pemikiran yang tidak jelas. Sistem yang digunapakai juga statik disebabkan tidak adanya ijtihad. Peradaban yang merupakan sejumlah pemahaman tentang kehidupan, tidak berkembang dan tidak berkesinambungan

dengan aktiviti negara. Penyebabnya adalah kemunduran tahap pemikiran dan tidak berlakunya kebangkitan. Mereka hanya boleh berdiri tercengang dan kebingungan ketika mereka menyaksikan revolusi pemikiran dan industri di Eropah. Mereka tidak mampu membuat keputusan untuk mengambil atau meninggalkannya. Mereka juga tidak mampu membezakan antara perkara yang boleh mereka ambil seperti ilmu, teknologi, dan penemuan-penemuan dengan perkara tidak boleh mereka ambil, seperti falsafah yang menentukan sudut pandang kehidupan dan peradaban yang merupakan sejumlah pemahaman tentang kehidupan. Oleh sebab itu, mereka statik dan tidak mampu bergerak. Kejumudan ini menjadi sebab terhentinya roda sejarah kejayaan mereka. Sedangkan pada masa yang sama roda negara-negara Eropah sedang berputar. Kesemuanya disebabkan tidak adanya pemahaman mereka terhadap Islam secara tepat; ketidakpahaman mereka tentang perbezaan antara pemikiran-pemikiran Eropah dan pemikiran-pemikiran mereka. Di samping itu tidak adanya kemampuan membezakan antara ilmu, teknologi dan penemuan-penemuan yang dianjurkan Islam untuk diambil, dengan falsafah, peradaban dan pemikiran-pemikiran yang dilarang Islam untuk mereka ambil.

Memang benar, Islam dibutakan oleh orang-orang Uthmaniyah, sehingga mereka tidak mampu memahami Islam dengan pemahaman yang sebenar. Kebutaan inilah yang menjadikan umat dan negara hidup berdasarkan kesepakatan, tanpa memperhatikan sistem yang dimilikinya. Sedangkan dalam masa yang sama, musuh-musuh negara berpegang teguh pada sistem yang jelas dan berjalan di atasnya. Dengan demikian, Eropah menjadi pemilik ideologi, serta memiliki akidah dan filsafahnya. Sementara umat Islam sebagai pemilik kepercayaan yang sebenar hidup dalam khayalan kepercayaan itu sendiri, yang berlangsung berabad-abad lamanya. Mereka hidup dalam penerapan yang buruk tentang ideologi mereka sendiri. Sedangkan Rasulullah saw bersabda:

« تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِ لَنْ تَضِلُّوا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي »

*“Aku tinggalkan pada kamu yang selama kamu berpegang teguh kepadanya, kamu tidak akan sesat, iaitu Kitabullah dan Sunahku”*

Sedangkan negaranya adalah negara Islam, umatnya adalah umat Islam, dan semua kekayaan pemikiran maupun fiqh berada di tangan mereka. Namun, negara tidak memahami makna hadith tersebut untuk kembali kepada Islam dalam perkara fundamental dengan persepsi bahawa Islam adalah akidah dan

sistem. Negara juga tidak mampu mengambil manfaat dari kekayaan tersebut yang tidak pernah dimiliki oleh umat yang lain.

Memang benar, negara tidak memanfaatkan itu semua. Ini kerana ketika ijtihad dan perkembangan pemikiran terhenti, maka pemahaman-pemahaman keislaman di kalangan kaum Muslimin semakin lemah. Mereka meninggalkan pengetahuan keislaman dan buku-buku serta kekayaan ilmiah yang tersimpan di dalam almari. Tidak ada lagi ulama yang berfikir kecuali amat sedikit. Semangat dan cinta terhadap pengkajian dan penelitian tentang hakikat-hakikat sesuatu sangat sedikit. Berbagai pengetahuan berubah menjadi sekadar ilmu yang tidak dituntut untuk diamalkan di dalam negara dan dalam realiti kehidupan. Negara tidak menggerakkannya. Bahkan, para ulamak yang menuntut ilmu dan pengetahuan hanya menjadikannya sebagai kekayaan intelektual. Mereka berpendapat bahawa mencari ilmu untuk ilmu atau mencari ilmu untuk memperoleh rezeki. Sangat sedikit kalangan mereka yang mencari ilmu untuk kemaslahatan umat dan negara.

Keadaan itu menyebabkan tidak adanya gerakan intelektual, pengetahuan, atau perundangan sehingga menimbulkan kekeliruan dalam memahami Islam. Kaum Muslimin pula lebih banyak memahami Islam dalam aspek kerohanian daripada pemahaman secara intelektual, politik, dan perundangan. Ini disebabkan pemikirannya yang asas dan metode yang digunakan untuk melaksanakan pemikiran tersebut telah buta. Mereka buta dalam memahami al-Quran dan as-Sunah sehinggakan memahami Islam sekadar agama ritual semata-mata. Mereka juga membandingkan antara agamanya dengan agama-agama lain berkenaan dengan perbezaan-perbezaan yang ada pada masing-masing agama tersebut. Namun tetap kedudukannya sebagai agama ritual, bukan sebagai akidah dan peraturan untuk seluruh kehidupan.

Oleh sebab itu tidak hairan jika umat Islam di bawah kepimpinan negara Utmaniyah mengalami kejumudan, kebingungan, dan pergolakan ketika menghadapi revolusi yang berlaku di Eropah. Umat masih tetap terbelakang dan tidak terkejut sedikit pun dengan kemajuan ekonomi yang membanjiri Eropah. Mereka juga tidak terpengaruh oleh banyaknya penemuan yang berlaku di Eropah dan tidak terkesan dengan revolusi industri yang dipelopori Eropah. Memang terdapat pengaruhnya, namun amat minimum dan sangat kecil. Itu pun masih diliputi kebimbangan dan kekacauan sehingga tidak melahirkan mendapatkan apa-apa manfaat pun. Perkara tersebut tidak memungkinkan umat Islam mendapatkan kemajuan material, bahkan tidak memungkinkan mereka

menghentikan roda kejumudan yang membawa ke arah kemunduran dan kelemahan. Faktor penyebabnya juga kembali pada situasi mereka yang tidak mampu membezakan antara ilmu pengetahuan dan thaqafah, antara peradaban dan madaniah. Mereka akhirnya tetap juga berdiri dalam kebingungan dan tidak boleh membuat keputusan samada mengambil atau meninggalkannya. Ramai kalangan mereka yang melihat bahawa semuanya bertentangan dengan Islam, sehingga mereka menyatakan haram mengambilnya. Bahkan, ketika percetakan menjadi fenomena baru dan negara mahu mencetak al-Quran, para ulama fiqh pula mengharamkan percetakan al-Quran. Akibatnya, mereka memberi fatwa yang mengharamkan setiap perkara baru dan mengkafirkan setiap orang yang belajar ilmu-ilmu alam dan melabelkan setiap pemikir sebagai zindiq dan atheis. Tetapi dalam aepek yang lain ada sekumpulan kecil umat yang melihat keharusan mengambil segala perkara dari Barat, berupa ilmu pengetahuan, kebudayaan, peradaban mahupun madaniah. Mereka ini adalah orang-orang yang belajar di Eropah atau di sekolah-sekolah misionari yang telah menyusup ke dalam negeri-negeri Islam. Pada permulaannya mereka tidak mempunyai pengaruh. Majoriti masyarakat memiliki konsep pemikiran untuk melakukan integrasi antara Islam dengan tsaqafah, ilmu-ilmu, peradaban dan madaniah yang berasal dari Barat. Pada akhir era pemerintahan Daulah Uthmaniyah, berkembang suatu pemikiran yang mendakwa bahawa Barat telah mengambil peradabannya dari Islam dan Islam tidak mencegah mengambil dan mengamalkan sesuatu yang bersesuaian dengan Islam, selama tidak bertentangan dengannya. Barat sebenarnya berjaya menyebarkan pemikiran ini sehingga mendominasi masyarakat Islam dan membawanya ke tengah masyarakat terutama kalangan intelektual. Sebagian besar dari mereka adalah fuqaha dan ulama yang kemudiannya menamakan diri merek sebagai ulama modern. Mereka juga menamakan diri sebagai kaum pembaharu.

Terdapat perbezaan yang asas antara peradaban Barat dan peradaban Islam. Demikian juga terdapat perbezaan yang jelas antara kebudayaan Barat berkaitan visi kehidupannya, dengan kebudayaan dan visi kehidupan Islam. Oleh sebab itu, tidak mungkin diselaraskan atau dintegrasikan antara apa yang terdapat dalam Islam dan apa yang terdapat dalam fikiran-fikiran Barat. Menyesuaikan dua perkara yang bertentangan akan membawa umat jauh dari Islam dan mendekatkan mereka pada pemikiran-pemikiran Barat yang mengelirukan. Mereka tidak mampu dalam memahami pemikiran-pemikiran Barat dan menjadi semakin jauh dari Islam.

Perkara tersebut memiliki dampak yang sangat besar dalam pengabaian berbagai penemuan, ilmu dan teknologi. Ia juga mempunyai pengaruh sangat besar terhadap pemahaman Islam yang buruk yang mengarahkan umat kepada kumpulan pemikiran yang saling bertentangan tersebut dan ketidakmampuan negara untuk tetap konsisten pada satu pemikiran tertentu sahaja. Ini juga menyebabkan umat berpaling dan tidak mahu mengambil sarana-sarana kemajuan material yang berupa ilmu, penemuan-penemuan dan teknologi. Akibatnya, negara betul-betul menjadi lemah sehingga tidak mampu berdiri dan menjaga dirinya. Kelemahannya menimbulkan keberanian musuh-musuh Islam untuk memecah-belahkan negara Islam menjadi bahagian-bahagian yang kecil, sedangkan negara tidak mampu untuk menolak dan hanya menerimanya dengan pasrah. Kelemahannya juga menimbulkan keberanian para misionari untuk melancarkan serangannya terhadap Islam dengan menggunakan nama ilmu pengetahuan. Mereka menyusupkan misinya ke dalam tubuh umat sehingga berjaya memecah belah barisan mereka dan menyalakan api fitnah di dalam negeri-negeri Islam.

Gerakan-gerakan yang pelbagai bentuk ini pada akhirnya berjaya meruntuhkan negara yang disusuli dengan kemunculan paham nasionalisme di seluruh bahagian negara, iaitu di Balkan, Turki, negeri-negeri Arab, Armenia, dan Kurdistan. Pada tahun 1914 Masehi, negara berada di tepi jurang yang dalam, kemudian terseret ke dalam Perang Dunia 1, kemudian keluar sebagai pihak yang kalah dan akhirnya dihancurkan. Dengan demikian, hilanglah negara Islam dan Barat berjaya mewujudkan impiannya yang telah mengganggu mereka selama berabad-abad. Barat berjaya menghancurkan negara Islam dalam rangka untuk menghancurkan Islam itu sendiri. Dengan lenyapnya negara Islam, maka pemerintahan di seluruh negeri-negeri Islam tidak lagi Islamik dan kaum Muslimin hidup di bawah naungan bendera kufur. Sehingga urusan mereka menjadi caca merba, keadaan mereka semakin buruk, dan akhirnya hidup dalam sistem kufur dan diperintah dengan hukum-hukum kufur.[]

## Serangan Misionari

Eropah memerangi dunia Islam dengan serangan misionarinya yang menggunakan nama ilmu pengetahuan. Untuk kejayaan program ini, mereka menyiapkan anggaran bajet yang sangat besar. Dengan kata lain, mereka melancarkan perang penjajahan melalui jalan misionari yang menggunakan nama ilmu pengetahuan dan kemanusiaan. Strategi ini dimaksudkan untuk mengukuhkan jaringan pusat-pusat perisik politik dan penjajahan pemikiran yang sudah mula berpusat di negeri-negeri Islam. Operasi ini terus dilancarkan sehingga pasukan perintis kolonial Barat berjaya menduduki kedudukan yang kuat. Dengan demikian, lapangan bagi penjajah sudah tersedia, pintu dunia Islam menjadi terbuka untuk serangan Barat dan berbagai organisasi misionari tersebar luas di negeri-negeri Islam.

Sebagian besar perguruan tinggi itu dimiliki oleh Inggeris, Perancis, dan Amerika. Pengaruh Perancis dan Inggeris menyusup melalui pintu ini. Seiring dengan perjalanan waktu, sejumlah organisasi menjadi inspirator dan penggerak massa untuk gerakan-gerakan kesukuan. Organisasi ini menjadi penentu strategi yang menggariskan arah tujuan hidup para pelajar Muslim, atau memandu gerakan kesukuan Arab dan Turki pada dua tujuan yang fundamental, iaitu: (1) Memisahkan Arab dari negara Uthmaniyah yang Islam sebagai usaha membunuh negara Islam, dengan memberi sebutan negara Uthmaniyah dengan nama Turki. Tujuannya adalah untuk membangkitkan fanatisme kesukuan, (2) Menjauhkan kaum Muslimin dari ikatan yang hakiki, iaitu ikatan Islam. Melalui dua tujuan ini, tujuan pertama telah dihentikan, sementara tujuan yang kedua tetap diteruskan.

Pembentukan visi ini akan terus diarahkan pada fanatik kesukuan, baik di Turki, Arab, Parsi, mahupun daerah-daerah Islam lainnya. Fanatisme inilah yang memecah belah kesatuan umat dan menjadikan mereka buta terhadap kepercayaan Islam. Sejumlah organisasi misionaris memainkan pelbagai peranan dan pengaruhnya berkaitan dunia Islam. Di antara kesannya yang boleh dilihat pada kelemahan dan kemunduran umat. Sebabnya, misionari merupakan batu pertama yang diletakkan oleh penjajah untuk menutup ruang yang terdapat di antara kita dan kebangkitan dan untuk mengubah hubungan antara kita dengan kepercayaan kita, iaitu Islam. Adapun faktor yang memotivasi orang-orang Eropah membentuk perguruan-perguruan misionari di dunia Islam adalah

berdasarkan pengalaman mereka ketika Perang Salib. Pengalaman-pengalaman itu menyedarkan mereka bahawa kaum Muslimin sangat kuat dan cekap di medan perang. Untuk mewujudkan kepentingan mereka yang paling utama, iaitu melenyapkan Islam dan kaum Muslimin secara total. Maka Barat menggunakan dengan dua cara tersebut.

Pertama, Barat menitikberatkan sandaran operasinya terhadap orang-orang Kristian yang ramai tinggal di dunia Islam. Di negara Islam jumlah penganut Nasrani memang ramai, khususnya di daerah Syam. Orang-orang Kristian di sini kebanyakan berpegang teguh dengan agamanya. Oleh sebab itu, tidak hairan jika Barat menganggapnya sebagai saudara seagama. Barat merasakan bahawa mereka boleh diajak untuk menipu kaum Muslimin, dan mengadakan konspirasi dengan mereka untuk dijadikan pengintip Barat terhadap kaum Muslimin. Dengan alasan ini, maka mereka mudah diprovokasi untuk mencetuskan perang dengan alasan keagamaan.

Kedua, Barat bersandarkan dengan jumlah mereka yang ramai, dan kekuatan mereka besar. Pada masa yang sama kaum Muslimin berpecah-belah dan terbelakang. Kelemahan yang mula menyelubungi kaum Muslimin menjadikan Barat beranggapan bahawa jika mereka menyerang kaum Muslimin dengan satu pukulan sahaja, nescaya mereka dapat menundukkan umat Islam selama-lamanya. Akhirnya memudahkan mereka untuk melenyapkan umat dan agama mereka. Akan tetapi sayang, sikap optimis Barat menemui kegagalan dan anggapannya tersasar. Berapa banyak peristiwa besar yang menggoncang umat di tengah kancah peperangan, tetapi kaum Nasrani pula berdiri bersama-sama kaum Muslimin. Mereka tidak terpengaruh dengan slogan-slogan tersebut. Mereka berperang saling bantu membantu dengan kaum Muslimin untuk menghadapi musuh. Mengapa berlaku demikian? Kerana mereka hidup dalam negara Islam dan di wilayah yang di dalamnya diterapkan sistem Islam kepada mereka. Mereka memiliki hak sebagaimana yang dimiliki kaum Muslimin dan memiliki tanggung jawab sebagaimana yang dipikul oleh kaum Muslimin. Umat Islam memakan makanan kaum Kristian. Lelaki Muslim berkahwin dengan wanita Kristian dan menjadi kerabat keluarganya. Mereka juga hidup bersama-sama di dalam masyarakat negara Islam, disebabkan Islam menjaga dan menanggung semua hak mereka. Seorang Kristian juga melakukan aktiviti yang berpihak pada para khalifah dan pemerintah. Dia melakukan aktiviti dalam negara Islam.



Ibnu Hazm mengatakan, *“Di antara kewajiban menjaga ahli dzimmah kita adalah, jika para penyerang menyerang negara kita dan mereka menyasarkan serangan terhadap jiran-jiran kita, maka hendaknya kita rela mati membela mereka. Dan setiap pengabaian dalam perkara itu, termasuk mensia-siakan hak-hak ahli dzimmah.”*

Al-Qarafiy berkata, *“Sesungguhnya di antara kewajiban setiap Muslim terhadap kafir dzimmi adalah berlemah lembut terhadap kaum lemah mereka, menutup keperluan kefakiran mereka, memberi makan orang yang kelaparan dari kalangan mereka, memberi pakaian kepada mereka yang tidak berpakaian, mengajak mereka bercakap dengan kata-kata yang lembut, menanggung penderitaan jiran dari mereka semampunya, bersikap lembut pada mereka bukan dengan cara menakutkan, bukan juga dengan cara penghormatan yang berlebihan. Ikhlas memberi nasihat kepada mereka dalam semua urusannya, melawan orang yang hendak menyerang dan mengganggu mereka, menjaga harta, keluarga, kehormatan, dan seluruh hak serta kepentingan mereka. Setiap Muslim bergaul dengan mereka sebaik mungkin dengan akhlak mulia yang dapat dia lakukan.”* Semua ini menjadikan kaum Nasrani secara semulajadinya bantu membantu dengan kaum Muslimin untuk mempertahankan negara.

Kebingungan Barat semakin bertambah ketika melihat sasaran kedua juga tidak mampu untuk mencapai cita-cita mereka. Barat telah menguasai wilayah Syam dan menyerang kaum Muslimin dengan sangat tragis, dan memperlakukan mereka dengan sangat kejam. Penduduk Syam yang beragama Kristian juga dihalau bersama-sama kaum Muslimin dari rumah-rumah mereka. Oleh itu, mereka berjalan seiringan bersama kaum Muslimin di semua medan peperangan. Perkara ini masih terus berlaku sehingga sekarang, sebagaimana yang berlaku di Palestin. Barat beranggapan bahawa masalah kedua ini masih berjalan baik dan berpihak kepada mereka. Barat juga beranggapan bahawa sudah tidak ada penopang yang menyangga kaum Muslim. Akan tetapi kaum Muslimin masih tetap bersatu hati terhadap pengusiran yang menimpa mereka dari negeri mereka meskipun mereka sudah menetap di sana selama lebih kurang dua abad. Mereka sempat mendirikan kerajaan dan kekuasaan di Syam. Akhirnya kaum Muslimin berjaya mengalahkan kaum Salib dan menghalau mereka keluar dari negeri mereka.

Barat mengkaji rahsia semua persoalan ini dan akhirnya menemukannya di dalam Islam. Barat melihat bahawa akidah Islam mampu menghasilkan kekuatan yang sangat besar dalam diri kaum Muslimin. Hukum-hukumnya yang berkaitan dengan warga non Muslim menjamin hak-hak mereka. Hukum-hukum ini akhirnya mampu menjalin kerjasama yang kuat di antara warga negara Islam.

Oleh sebab itu, kafir penjajah berfikir bersungguh-sungguh untuk mencari jalan atau cara untuk menghancurkan dunia Islam. Akhirnya, mereka menemukannya bahawa cara yang terbaik adalah melalui perang pemikiran. Perang ini dijalankan melalui misionari. Langkah pertamanya adalah dengan menarik para penganut Kristian agar bekerjasama dengan Barat. Seterusnya mencetuskan keraguan kaum Muslimin terhadap agama mereka, serta menggoyahkan akidah mereka. Dengan demikian, mereka menemukan jalan untuk memecah belah antara warga Muslim dan non Muslim di tengah-tengah rakyat negara. Cara ini sangat efektif untuk melemahkan kekuatan kaum Muslimin.

Gerakan ini diwujudkan dengan langkah-langkah yang sepatutnya. Di akhir abad 16 Masehi mereka mewujudkan pusat misionari di Malta. Markas itu dijadikan pusat serangan misionari terhadap dunia Islam. Dari Malta kekuatan-kekuatan misionari dihantar. Selepas menetap cukup lama di Malta dan mula merasa keperluan untuk mengembangkan lagi gerakan, mereka berpindah pula ke Syam tahun 1625 Masehi. Mereka berusaha mewujudkan gerakan-gerakan misionari. Gerakan mereka pada mulanya masih terbatas dan belum menjelajah ke seluruh dunia. Sehingga akhirnya mereka mampu mewujudkan sekolah-sekolah kecil dan menyebarkan sebahagian buku keagamaan. Mereka bersikap simpati dengan membantu menyelesaikan kesukaran-kesukaran masyarakat akibat penindasan, pengusiran, dan peperangan. Para misionari ini tinggal di sana sehingga tahun 1773 Masehi. Pusat-pusat misionari kaum Kristian Suiyue dihapuskan, lembaga-lembaga mereka turut ditutup, kecuali beberapa pusat misionari yang lemah, seperti Pusat Misionari 'Azariyyin. Walaupun perguruan-perguruan ini masih berdiri, pengaruh dan misi para misionari terputus dan kedudukan mereka tidak kelihatan kecuali di Malta hingga tahun 1820 M, iaitu ketika mereka berjaya mendirikan pusat gerakan misionari yang pertama di Beirut. Selepas mula bergerak di Beirut, mereka menghadapi pelbagai kesukaran. Akan tetapi, mereka tetap konsisten dan terus meneruskan gerakannya, walaupun menghadapi pelbagai kesukaran. Perhatian mereka yang utama masih terfokus pada misi keagamaan dan pemikiran keagamaan. Sedangkan perhatian mereka terhadap masalah pendidikan masih lemah.

Pada tahun 1834 Masehi, delegasi-delegasi misionari sudah tersebar meluas di seluruh Syam. Mereka membuka fakulti pengajian di perkampungan Antsurah di Labenon,. Kemudian dari Malta dihantar delegasi-delegasi Amerika ke Beirut untuk mencetak buku-buku sekaligus menyebarkannya. Seorang misionari Amerika yang sangat terkenal Willie Smith telah menggerakkan misi ini

secara aktif. Di Malta, aktiviti misionarinya mendapat sambutan dan dia mengetuai penerbitan risalah-risalah. Pada tahun 1827 Masehi, Smith datang semula ke Beirut, tetapi dia tidak tinggal lama di sana. Dia kembali semula ke Malta kerana takut dan merasa jemu, di samping dia juga tidak mampu bersabar. Kemudian pada tahun 1834 Masehi, dia kembali lagi ke Beirut bersama-sama isterinya membuka sekolah untuk wanita. Di hadapannya medan beraktiviti semakin meluas. Dia berazam untuk dalam hidupnya untuk bekerja di Beirut secara khusus, dan di Syam secara umum. Seluruh aktiviti ini saling membantu dalam membangkitkan gerakan misionari. Ibrahim Pasha pula menerapkan program-program pendidikan peringkat rendah di Syiria yang diilhamkan dari program pendidikan di Mesir yang diambil dari program pendidikan peringkat rendah di Perancis. Maka ianya menjadi peluang keemasan bagi para misionari. Mereka memanfaatkannya dan terlibat sama dalam gerakan pendidikan yang berlandaskan pada visi misionari. Kemudian gerakan itu berkembang di bidang percetakan. Dengan demikian, gerakan misionaris kembali aktif dan bergabung dengan gerakan pendidikan. Dengan gerakan ini, mereka mampu mempengaruhi hati rakyat negara Islam samada Muslim maupun non Muslim atas nama kebebasan beragama. Di antara kaum Muslim, Nasrani, dan Druze telah diwujudkan aktiviti keagamaan yang berkaitan dengan akidah.

Ketika Ibrahim Pasha mengundurkan diri dari Syam pada tahun 1840 M, maka tersebar kegelisahan, kekacauan, dan kegoncangan. Manusia berpecah mengikut perasaan mereka masing-masing. Para delegasi asing terutamanya delegasi kaum misionari mengambil peluang ini untuk melemahkan pengaruh negara 'Uthmaniyah di Syam. Untuk itu mereka menyemarakkan api fitnah. Belum sampai satu tahun lagi berlaku 1841 Masehi, kekacauan yang dibimbangi tersebut akhirnya meletus. Berlakulah huru-hara yang cukup bahaya di pegunungan Labenon iaitu pertembungan serius antara kelompok Kristian dengan kaum Druze. Kekacauan ini memaksa negara 'Uthmani yang tentunya dengan pengaruh tekanan negara-negara asing untuk membuat peraturan baru untuk wilayah Labenon. Peraturan itu membahagikan Labenon menjadi dua bahagian. Bahagian pertama adalah kelompok masyarakat yang dipimpin orang Nasrani, dan bahagian kedua adalah kelompok masyarakat yang dipimpin kaum Druze. Kemudian Negara menentukan hakim untuk setiap kelompok. Tindakan oleh Negara ini bertujuan untuk melindungi ancaman perpecahan di antara dua kelompok itu. Akan tetapi sungguh sayang, peraturan ini tidak berjaya kerana kandungannya tidak tepat. Sementara Perancis dan Inggeris juga sibuk memasukkan pengaruhnya ke dalam pertikaian ini. Kedua-duanya terus

membakar api fitnah setiap kali para penguasa Negara berusaha memadamkan persoalan. Inggeris dan Perancis akhirnya berjaya mengambil peranan dalam perpecahan di antara kelompok-kelompok yang bertikai dengan tujuan untuk ikut campur dalam menangani persoalan-persoalan Labenon.

Perancis pula berpihak kepada kelompok Maronit (satu aliran dalam Kristian Katolik), sementara Inggeris berpihak pada Druze. Campur tangan kedua-dua negara asing tersebut bertujuan mencetuskan pergolakan-pergolakan baru dalam bentuk yang lebih menakutkan lagi, dan ianya berlaku pada tahun 1845 Masehi. Untuk mencapai targetnya, mereka melakukan keganasan terhadap biara-biara dan gereja-gereja dengan menggunakan cara yang sangat keji seperti, merampas, menculik, menghalang, dan membunuh. Keganasan-keganasan ini memaksa Pemerintahan 'Uthmaniyah menghantar para pengawal ke Labenon. Para petugas ini berusaha memperbaiki persoalan-persoalan dengan pendekatan yang neutral. Akan tetapi, mereka tidak mampu melakukan perkara yang penting, walaupun berjaya meredakan keadaan. Sementara pihak misionari, pula berjaya meningkatkan gerakannya. Pada tahun 1857 Masehi, muncul idea revolusi dan pertempuran bersenjata terhadap kelompok Maronit. Kaum Maronit membalas serangan ini dengan menggerakkan para petani untuk melakukan gerakan dan menyerang para tuan-tuan tanah di Labenon Utara. Tindakan agresif mereka sangat kejam dan berjaya menyemarakkan api revolusi di sana. Kemudian gerakan itu melebar ke bahagian selatan, sehingga seluruh petani Nasrani bersama-sama mengobarkan revolusi menentang kaum pemberontak Druze. Sementara Inggeris dan Perancis, masing-masing sibuk memperkuat dukungan terhadap kelompoknya. Inggeris mendukung Druze dan Perancis pula mendukung kelompok Kristen. Dengan demikian, fitnah meluas secara merata sehingga meliputi seluruh Labenon. Kaum Druze membunuh semua warga Kristian, tanpa membezakan antara tokoh agama dan yang bukan. Ramai warga Kristian yang terbunuh dan ribuan dari mereka melarikan diri dari tindakan zalim lantaran tekanan berbagai konflik dan kekacauan. Kemudian kekacauan ini merebak ke seluruh Syam. Damaskus juga terkena imbas gelombang kemarahan, sehingga berhasil memunculkan permusuhan hebat antara kaum Muslim dan Nasrani. Di bulan Julai tahun 1860 Masehi, gelombang panas ini mendorong kaum Muslimin menyerang perkampungan Nasrani dan melakukan pembunuhan besar-besaran. Pembunuhan tersebut mengakibatkan keruntuhan, kehancuran, dan kekacauan sehingga memaksa negara menghentikan fitnah dengan kekuatan mereka.

Walaupun kekacauan-kekacauan ini padam dan hampir-hampir berakhir, negara-negara Barat melihat bahawa ini merupakan peluang terbuka bagi mereka untuk melakukan campur tangan ke dalam negeri Syam. Dengan peristiwa berdarah itu, Barat memiliki alasan untuk menghantar kapal-kapal perangnya ke hampir seluruh pesisir pantai Syam. Pada bulan Agus pada tahun yang sama, Perancis menghantar angkatan tentera daratnya dan mendarat di Beirut, dengan alasan untuk menghapuskan pemberontakan.

Sesungguhnya rusuhan di Syiria ini sengaja diciptakan Barat untuk menjatuhkan negara Uthmaniyah. Rusuhan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan pintu masuk untuk Barat. Akhirnya Barat berjaya masuk dan memaksa negara supaya tunduk pada kemahuan politik mereka, dengan cara membuat peraturan khusus bagi wilayah Syiria. Peraturan khusus tersebut mengatur pembahagian Suriah menjadi dua wilayah, memberi keistimewaan-keistimewaan khusus pada Labenon, dan memisahkan Labenon dari seluruh bahagian wilayah Syam; memberinya kebebasan dan autonomi penuh, membiarkannya menikmati kehidupan dengan autonomi penuh; dan pemerintahan dipimpin oleh seorang pemimpin yang beragama Nasrani dengan dibantu oleh Majlis Pengurusan. Sejak itu, negara-negara asing berhak mengatur urusan Labenon, dan seterusnya menjadikannya sebagai markas gerakan mereka. Labenon menjadi pangkal jambatan yang menghubungkan negara-negara asing (Barat) untuk menyerang ke jantung negara 'Uthmaniyah yang merupakan negara Islam,

Di tengah-tengah berlakunya situasi ini, golongan misionari menciptakan aktiviti baru yang sebelumnya tidak ada. Mereka tidak berpuas hati hanya dengan gerakan melalui sekolah-sekolah dan peranan misionari, penerbitan, dan klinik-klinik kesihatan. Mereka menyediakan langkah lebih proaktif dengan mewujudkan kelompok-kelompok pengajian. Pada tahun 1842 Masehi dibentuklah satu lajnah yang berfungsi mendirikan kelompok kajian ilmiah di bawah pimpinan delegasi Amerika. Kelompok ini bekerja sesuai dengan program-program para delegasi tersebut. Lajnah ini berfungsi berdasarkan gerak kerja yang di aturkn mereka selama 5 tahun, sehingga pada tahun 1847. Lujnah ini mengukuhkan lagi kedudukannya dengan mendirikan kelompok pengajian yang diberi nama Jam'iyyatu al-Funun wa al-Ulum (Organisasi Pengajian Seni dan Ilmu-ilmu). Anggotanya adalah Nashif al-Yazji dan Buthras al-Bustaniy. Keduanya dari Nasrani Labenon yang dilantik dengan alasan Nasrani Arab. Anggota lain adalah Willie Smith dan Cornelis Van Dick dari Amerika, serta Kolonel

Churchill dari Inggeris. Pada permulaannya tujuan dari pusat pengajian ini masih samar. Akan tetapi, dalam perkembangan seterusnya tujuan pusat pengajian ini sedikit demi sedikit mula memberi impak, iaitu menyebarkan ilmu-ilmu kepada tokoh-tokoh masyarakat, sebagaimana menyebarkan ilmu-ilmu di sekolah-sekolah untuk kalangan masyarakat bawah (kecil). Baik para pembesar mahupun masyarakat umum, semuanya dibawa dan dididik dengan pemikiran Barat, serta diarahkan secara khusus sesuai dengan strategi misionari.

Meski para penggerak pusat pengajian ini bekerja keras dan mengerahkan kemampuan juangnya secara berlebihan, selama kurang lebih dua tahun, mereka belum mampu melatih petugas pusat pengajian, kecuali hanya 50 anggota pekerja yang berasal dari seluruh Syam. Mereka semua adalah orang Nasrani dan sebagian besar dari penduduk Beirut. Dari kaum Muslimin atau kaum Druze atau masyarakat umum, tidak ada seorang pun yang masuk pusat pengajian ini. Mereka sudah mencurahkan seluruh kemampuan untuk memperluas dan mengaktifkan pusat pengajian ini ini, akan tetapi tidak membuahkan hasil. Selepas 5 tahun berjalan semenjak penubuhannya, pusat pengajian ini mati tanpa meninggalkan apa-apa kesan melainkan satu pengaruh, iaitu keinginan kuat kaum misionari untuk tetap mendirikan pusat-pusat pengajian.

Oleh sebab itu, pada tahun 1850 M, mereka telah mewujudkan pusat pengajian lain yang dinamakan dengan al-Jam'iyatu al-Syarqiyyah (Organisasi Pengajian Timur) yang diasaskan oleh golongan syuyuie Yesuit di bawah pimpinan ketua Syuyuie yang berbangsa Perancis, Henri Dubroiner. Semua anggotanya terdiri kaum Nasrani. Mereka mengikut sistem pusat pengajian pertama, iaitu Jam'iyatu al-'Uluum wa al-Funuun. Akan tetapi, pusat pengajian ini tidak mampu bertahan lama dan akhirnya menyusuli penutupan pusat pengajian yang pertama. Kemudian didirikan beberapa pusat pengajian yang akhirnya juga gagal. Namun, pada tahun 1857 Masehi, pusat pengajian baru dibentuk dengan menggunakan uslub yang baru. Dalam pusat pengajian ini tidak ada seorang pun warga asing yang menjadi anggotanya. Kesemua pengasasnya diambil dari bangsa Arab. Dengan demikian membolehkan untuk menyelaraskan dan menyatukan anggota-anggotanya antara kelompok Muslim dan kelompok Druze. Mereka semua dilatih dan diberikan platform Arab. Pusat pengajian ini diberi nama al-Jam'iyatu al-'Ilmiyyah al-Suuriyyah (Organisasi Studi Ilmiah Suriah). Dengan kelebihan aktiviti, dan penjelmaan platform Arab, serta tidak adanya anggota kalangan orang-orang Barat, maka pusat pengajian ini mampu mempengaruhi warga Suriah, sehingga ramai penduduk yang menyertainya.

Jumlahnya mencapai 150 orang. Di antara pengurusannya yang populer adalah Muhammad Arselan dari kaum Druze dan Hussain Behm dari kaum Muslim. Demikian juga golongan Nasrani Arab bersma-sama menyertai pusat pengajian ini. Di antara mereka yang terkenal adalah Ibrahim al-Yazji dan Ibnu Buthras al-Bustaniy. Pusat pengajian ini mampu bertahan lebih lama berbanding pusat-pusat pengajian yang lainnya. Di antara program-programnya adalah menyelaraskan dan menyeimbangkan kelompok-kelompok tersebut dan membangkitkan rasa nasionalisme Arab dalam jiwa mereka. Akan tetapi, tujuan sebenarnya yang tersirat adalah serangan misionari terhadap negara Islam dengan bertopengkan ilmu. Tujuan itu nampak jelas dengan adanya pemindahan pemikiran dan peradaban Barat ke dunia Islam.

Pada tahun 1875, pula di Beirut organisasi pengajian rahsia diwujudkan. Pusat pengajian ini memfokuskan pada gerakan pemikiran politik, lalu meniupkan idea nasionalisme Arab. Para pengagasnya terdiri daripada 5 pemuda yang pernah dibentuk dan memperoleh ilmu di Fakulti Protestan di Beirut. Mereka semuanya adalah orang Nasrani yang menguasai visi-visi misionari yang sebatu dalam jiwa mereka. Kemudian para pemuda ini mendirikan pusat pengajian. Setelah beberapa lama, mereka mampu menghimpun beberapa penyokong. Pendapat-pendapat dan sebaran-sebaran yang disebarkannya ditujukan untuk membentuk persepsi yang memacu ke arah kebangkitan nasionalis Arab dan kemerdekaan politik Arab, khususnya di Suriah dan Labenon. Walaupun tujuan gerakan ini nampak jelas dalam penglibatannya, program-program dan berita-beritanya masih dijalankan secara tersembunyi, dan cita-citanya tersirat dan terpendam dalam jiwa. Organisasi (jam'iyah) ini mengajak dengan paham kebangsaan, dan kearaban serta membangkitkan permusuhan terhadap negara 'Uthmaniah yang mereka namakan Negara Turki. Di samping itu, mereka juga berusaha memisahkan agama dari negara dan menjadikan kebangsaan Arab sebagai asas ideologi. Selain memakai pakaian eropah (pan Arabisme), mereka juga banyak menyebarkan dakyah-dakyah terhadap Turki – yang pada hemat mereka – telah merampas Khilafah Islam dari tangan orang-orang Arab. Turki juga dituduh telah melanggar syariat Islam yang mulia dan melanggar batas-batas agama. Tuduhan-tuduhan itu membuktikan tujuan mereka dengan jelas, iaitu membangkitkan gerakan melawan negara Islam, menimbulkan keraguan manusia dalam beragama, dan mewujudkan gerakan-gerakan politik yang berdiri di atas landasan selain Islam. Bukti meyakinkan tentang kebenaran kajian ini adalah hasil penyelidikan sejarah atas gerakan-gerakan yang menyatakan bahawa Barat telah membentuk organisasi-organisasi

pengajian ini. Mereka mengawasi, membimbing, menaruh perhatian, dan menuliskan ketetapan-ketetapan tentangnya. Konsulat Inggeris di Beirut, pada tarikh 28 Julai 1880 Masehi, menulis telegram yang dihantar kepada pemerintahnya. Teks telegram tersebut sebagai berikut: “Munculnya sebaran-sebaran berkenaan revolusi yang menimbulkan kebimbangan yang memujinya dan bersamanya mencetuskan ketenangan yang di pisah-pisahkan oleh telegram ...” Telegram ini merupakan respon terhadap pengaruh aktiviti organisasi tersebut, yang menyebarkan sebaran-sebarannya di jalan-jalan, dan menampalkannya di tembok-tembok kota Beirut. Telegram ini membangkitkan munculnya pamflet-pamflet yang dikeluarkan konsul-konsul Inggeris di Beirut dan Damaskus. Pamflet-pamflet ini sesuai dengan teks dalam sebaran-sebaran yang disebarkan oleh organisasi pengajian tersebut. Isi kandungan pamflet-pamflet ini sama dengan keputusan-keputusan yang dikeluarkan oleh gerakan yang dilahirkan di Fakulti Protestan yang beroperasi di Syam. Sumbangannya paling menonjol di Syam, bahkan sehingga ke pelusok negara Arab lainnya juga ditemukan. Bukti-bukti lain yang menunjukkan tragedi ini di antaranya aktiviti politik Duta Besar Inggeris di Najd. Pada tahun 1882 Masehi, dia menulis surat kepada pemerintahnya tentang gerakan kebangsaan Arab. Dalam surat itu disebutkan: “ Informasinya telah sampai kepada saya bahawa sebahagian pemikiran masyarakat sehingga penduduk yang ada di Makkah sendiri memutuskan untuk melakukan gerakan dengan menggunakan konsep kebebasan. Selepas penelitian melalui isyarat-isyarat, namapak jelas bagi saya bahawa di sana juga ada batasan-batasan wilayah yang sudah disusun. Batasan-batasan itu disusun untuk menyatukan Najd dengan wilayah yang terletak di antara dua sungai, iaitu Selatan Iraq. Gerakan itu juga hendak melantik Manshur Pasha menjadi pemerintah di wilayah tersebut, di samping itu juga hendak menyatukan ‘Asir dengan Yaman dan melantik Ali bin Abid menjadi penguasa di wilayah tersebut.”

Perhatian terhadap masalah ini tidak hanya dilakukan Inggeris bahkan Perancis juga melakukannya. Perhatiannya sampai melampaui batas yang cukup jauh. Pada tahun 1882 Masehi, salah seorang Perancis yang tinggal di Beirut menulis surat kepada pemerintahnya. Surat ini cukup memberi bukti terdapatnya perhatian Perancis terhadap persoalan ini. Surat itu menyatakan: “Roh kemerdekaan sudah tersebar meluas. Saya melihat para pemuda Muslim di yang berada tempat tinggal saya di Beirut bersungguh-sungguh ingin mewujudkan organisasi-organisasi yang bekerja untuk mendirikan sekolah-sekolah, hospital-hospital, dan kebangkitan di negeri-negeri. Itulah di antara perkara-perkara yang



menarik perhatian terhadap gerakan ini. Gerakan ini menuntut kebebasan dari sebarang pengaruh organisasi yang bersifat revolusioner. Organisasi ini menuntut agar diterjma orang-orang Kristian untuk menjadi anggota-anggotanya dan diajak untuk saling bekerja-sama mewujudkan gerakan kebangsaan.” Salah seorang Perancis dari Baghdad menulis surat: “Di setiap tempat dan dalam konteks yang sama, ada fenomena baru yang selalu saya jumpa. Fenomena baru itu adalah kebencian terhadap Turki yang sudah menjadi gejala umum. Adapun gagasan melakukan kegiatan bersama yang terancang untuk menebarkan api kebencian ini sudah berada di tahap pembentukan. Di ufuk yang jauh, impian gerakan kebangsaan Arab yang telah lahir menjadi gerakan baru sudah nampak Bangsa yang dikalahkan ini akan terus menegakkan urusannya hingga sekarang ini dengan tuntutan-tuntutan yang telah hampir dengan pusatnya yang bersifat alami di dunia Islam dan dengan tujuan untuk mengarahkan pengembalian dunia tersebut”.

Serangan misionari dengan bertopengkan agama dan ilmu tidak hanya menjadi perhatian Amerika, Inggeris, dan Perancis, tetapi sudah menjadi agenda sebagian besar negara non-Islam, di antaranya kerajaan Rusia. Rusia mengirimkan agen-agen misionarinya, sebagaimana juga yang dilakukan Jerman yang telah memenuhi Syam dengan biarawati-biarawatnya. Mereka saling bekerja sama dengan agen-agen misionari yang lainnya. Walaupun terdapat perbezaan sudut pandang politik di antara agen-agen misionari dan para delegasi Barat – terutama dalam aspek politik dan kepentingan negara masing-masing – mereka masih tetap bersepakat dalam tujuan yang sama, iaitu menyebarkan misi agama Kristian, mengeksport pemikiran Barat di Dunia Timur, menimbulkan keraguan kaum Muslimin dalam beragama, membawa mereka pada penderitaan yang semakin parah, merendahkan sejarah mereka, dan memuliakan Barat dan peradabannya. Semua itu dilakukan bersama-sama dengan kebencian yang teramat sangat terhadap Islam dan kaum Muslimin, menghina mereka, dan menganggap mereka sebagai kaum barbar moden. Gerakan ini sudah menjadi persepsi setiap orang Eropah, dan mereka telah mencapai hasil-hasilnya. Itulah yang menjadi sebab pemusatan kekufuran dan penjajahan di negeri-negeri Islam sebagaimana yang kita lihat.[]

## Permusuhan Salib

Salah seorang ilmuwan Perancis bernama Comte Henri Descartes, dalam bukunya yang bertajuk *al-Islam* tahun 1896 Masehi, mengatakan: "Saya tidak tahu apa yang akan dikatakan kaum Muslimin seandainya mengetahui kisah-kisah abad pertengahan, dan memahami apa yang terdapat dalam nyanyian-nyanyian orang Kristian? Sesungguhnya seluruh nyanyian kami sehingga yang muncul sebelum abad ke-12 M bersumberkan dari fikiran yang satu. Fikiran itulah yang menjadi sebab teretusnya Perang Salib. Seluruh nyanyian dibalut dengan dendam kesumat terhadap kaum Muslimin dan membodohkan agama mereka. Dari syair-syair lagu itu, diciptakan pula kisah-kisah dalam akal yang menentang agama (Islam) dan mengokohkan kekeliruan pemahaman. Sebahagiannya hingga hari ini masih tetap ada. Setiap penggubah lagu menyiapkan lirik yang mengubah kaum Muslimin menjadi musyrik, tidak beriman, dan penyembah berhala yang murtad."

Itulah gambaran yang digambarkan para tokoh agama Nasrani di Eropah terhadap kaum Muslimin, sebagaimana yang pernah mereka lakukan terhadap agamanya. Di abad-abad pertengahan, mereka menggambarkannya dengan sifat-sifat yang keji. Sifat-sifat inilah yang digunakan mereka untuk membangkitkan dendam dan kemarahan dalam memusuhi kaum Muslimin. Di antara perkara yang membangkitkan golongan Nasrani adalah Perang Salib. Beberapa abad selepas berakhirnya Perang Salib, kaum Muslimin bangkit. Pada abad 15 M, kaum Muslimin menyerang Barat sehingga berjaya membebaskan Konstantinopel. Kemudian disusuli pula dengan pelbagai pembebasan pada abad 16 Miladiyah, yang merentasi Eropah Selatan dan Timur, hingga berjaya membawa Islam ke negeri-negeri tersebut. Berjuta-juta bangsa Albania, Yugoslavia, Bulgaria, dan bangsa lainnya beramai-ramai memeluk Islam. Pembukaan ini melahirkan Perang Salib dalam bentuk yang baru dan memunculkan gerakan orientalisme. Perang Salib bentuk baru ini menurut versi Eropah, bertujuan untuk menghalau pasukan tentera Islam dan menghalang pembukaan negara Islam, serta menolak bahaya kaum Muslimin. Permusuhan terhadap Islam dan kaum Muslimin telah sebatikan dalam jiwa mereka. Permusuhan itulah yang membawa seluruh kaum Nasrani di Eropah bangkit dan menghantar misionari-misionarinya ke negara Islam, bertopengkan sekolah-sekolah, rumah sakit-rumah sakit, organisasi pengajian, dan kelub-kelub. Untuk menjayakan perancangan ini, mereka mengeluarkan dana yang besar yang dan kerja keras. Mereka bersepakat dan mematuhi perancangan

ini, walaupun di antara mereka terdapat perbezaan kepentingan dan politik. Semua negara dan bangsa Barat bersatu untuk mewujudkan perancangan ini dan menjadikannya sebagai sebagian tugas para konsul dan duta mereka, di samping menugaskan delegasi-delegasi khusus dan misionari.

Permusuhan salib ini terpendam dalam seluruh bangsa Barat, terutamanya Eropa, khususnya Inggeris. Permusuhan yang tercela dan dendam yang sangat hina inilah yang menciptakan perancangan jahat untuk menenyapkan Islam dan kaum Muslimin. Permusuhan itu pula yang menyebabkan kehinaan kita di negeri kita sendiri dengan kehinaan yang memalukan. Ketika Lord Allenby berjaya membebaskan al-Quds dan memasukinya pada tahun 1917 M, dia berkata, "Hari ini, Perang Salib telah berakhir." Ini tidak lain merupakan ungkapan jujur yang terlontar dari perasaan yang terpendam, kemarahannya yang membara, dan dendam yang tersemat dalam jiwanya. Ungkapan itu juga merupakan bentuk gambaran jiwa setiap orang Eropah yang terjun ke medan perang baik perang pemikiran maupun ketenteraan – untuk untuk memusuhi kaum Muslimin. Maha Benar Allah yang telah berfirman:

﴿قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ﴾

*"Telah nyata kebencian dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan dalam hati mereka lebih besar lagi"* (Surah Ali 'Imraan [3]: 118).

Apa yang jelas melalui ungkapan Lord Allenby tidak lain adalah kebencian yang memuncak, dan apa yang disembunyikan oleh Negara Inggeris adalah jauh lebih besar dari kebencian itu sendiri. Perkara tersebut tidak perlu diragukan lagi. Demikian juga yang terdapat dalam jiwa semua orang Eropah. Kebencian yang teramat sangat ini telah meluas semenjak Perang Salib, dan terus berlaku sehingga sekarang. Penindasan, penghinaan, penjajahan, dan pelaburan yang kita temui sehingga menyentuh aspek sektor politik adalah jelmaan kebencian terhadap kaum Muslimin dengan bentuknya yang khusus.

Prof. Leopold Weiss pula dalam bukunya, *al-Islam 'ala Muftariq*, berkata: Kebangkitan atau menghidupkan ilmu-ilmu dan sastera-sastera Eropa secara meluas datangnya dari sumber-sumber Islam, khususnya Arab. Ia dapat menguatkan sebahagian besar hubungan fizikal antara Timur dan Barat. Eropah mengambil lebih banyak manfaat daripada manfaat yang diambil Dunia Islam, akan tetapi Eropah tidak mengetahui keindahan itu. Perkara tersebut bukan

disebabkan Eropah mengurangkan kebenciannya terhadap Islam, bahkan sebaliknya. Kebencian telah tersebar meluas seiring dengan kemajuan zaman, kemudian kebencian berubah menjadi suatu kebiasaan. Kebencian ini akhirnya menimbulkan perasaan kebangsaan setiap kali disebutkan perkataan Muslim. Kebencian itu juga telah meresap masuk ke dalam pepatah-pepatah yang berlaku di tengah kehidupan mereka sehingga meresap ke dalam hati setiap orang Eropah, baik lelaki mahupun wanita. Lebih jauh lagi, kebencian menjadi kehidupan, setelah berlaku semua putaran penggantian tsaqafah. Kemudian datang masa penambahbaikan hubungan keagamaan ketika Eropah berpecah menjadi kelompok-kelompok dan setiap kelompok berdiri dengan senjatanya masing-masing dalam menghadapi kelompok yang lain. Akan tetapi, permusuhan terhadap Islam telah meresapi seluruh kelompok. Setelah itu datang masa yang menjadikan perasaan keagamaan menjadi reda, akan tetapi permusuhan terhadap Islam masih berterusan. Di antara bukti yang jelas adalah kenyataan yang dilontarkan oleh seorang filosof sekaligus penyair Perancis abad ke-18, Voltaire. Dia adalah orang Kristian yang paling kuat memusuhi ajaran Kristian dan gereja. Namun, pada masa yang sama, dia jauh lebih membenci Islam dan Rasul Islam. Setelah beberapa perjanjian, datang zaman yang menjadikan para ilmuwan Barat mempelajari tsaqafah-tsaqafah asing dan menghadapinya dengan penuh simpati. Akan tetapi, dalam segala perkara yang berkaitan dengan Islam, maka stereotif dan bertaqlid untuk menyusup masuk ke dalam bentuk yang tidak masuk akal untuk dihalakan pada perbincangan-perbincangan ilmiah mereka. Jurang yang digali oleh sejarah antara Eropah dan dunia Islam, di atasnya dibiarkan tanpa diikat dengan jambatan. Kemudian penghinaan terhadap Islam telah menjadi sebahagian asas dalam pemikiran orang-orang Eropah”

Berdasarkan perkara ini, organisasi-organisasi misionari sebagaimana yang telah kami sebutkan sebelum ini. Organisasi-organisasi ini bermotifkan untuk menyebarkan agama Kristian, untuk menimbulkan keraguan kaum Muslimin dalam beragama, merendahkan agama Islam dalam jiwa mereka, menjadikan Islam punca kelemahan mereka, dan mensasarkan aspek-aspek politik Islam. Oleh sebab itu, implikasi buruk yang dihasilkannya, baik di aspek politik ataupun keraguan yang dihasilkannya, sehingga membawa kepada akibat yang lebih serius. Gerakan misionari ini dibentuk atas dasar tujuan penghapusan Islam dengan tikaman dari dalam, dan mencetuskan banyak permasalahan dan keraguan berkaitan Islam dan hukum-hukumnya, dengan tujuan untuk memalingkan manusia dari jalan Allah dan menjauhkan kaum Muslimin dari agama mereka. Di sebalik gerakan-gerakan misionari ini terdapat gerakan-

gerakan orientalis. Kaum orientalislah yang melemparkan tujuan mereka ini dan menjadikan jiwa mereka tidak selari.

Seluruh Eropa disatukan dalam Perang Salib. Pertamanya adalah aspek ilmu pengetahuan dengan meracuni pemikiran dengan sesuatu yang meremehkan hukum-hukum Islam yang agung. Di samping itu juga dengan meracuni akal anak-anak kaum Muslimin dengan pernyataan-pernyataan Barat tentang Islam dan sejarah kaum Muslim bertopengkan kajian ilmiah dan kesucian ilmu. Ini adalah racun ilmu pengetahuan yang menjadi senjata Perang Salib yang paling berbahaya. Seperti juga para misionari yang bekerja dengan racun ini, dengan bertopengkan ilmu dan kemanusiaan, maka para orientalis juga bekerja dengan bertopengkan kajian ketimuran. Prof. Leopold Weiss berkata, "Realitunya golongan awal orientalis di zaman moden ini adalah golongan misionari yang bekerja untuk mengkristiankan negeri-negeri Islam. Gambaran yang menakutkan yang mereka cipta terhadap ajaran-ajaran Islam dan sejarahnya dirangka dan disusun berdasarkan suatu konsep yang menempatkan kedudukan orang-orang Eropah di tengah-tengah kaum berhala (maksudnya, kaum Muslim). Dengan akal yang bercelaru yang masih berterusan, maka ilmu-ilmu orientalis telah bebas dari pengaruh misionari. Akan tetapi ilmu-ilmu orientalis masih tetap tidak memiliki alasan yang positif. Alasannya lahir dari semangat keagamaan yang bodoh yang memperburuk agama tersebut. Semangat keagamaan yang membawa kaum orientalis memusuhi Islam telah menjadi watak yang diwarisi, khususnya tabiat yang berdiri di atas pengaruh-pengaruh yang diciptakan oleh Perang Salib."

Permusuhan yang diwariskan selalu menyalakan api dendam dalam jiwa orang-orang Barat terhadap kaum Muslimin. Barat menggambarkan bahawa Islam adalah momokan kemanusiaan atau penderhaka yang menakutkan, yang akan melenyapkan kemajuan kemanusiaan. Dengan gambaran itu, mereka berusaha menutup ketakutan mereka yang sebenarnya. Disebabkan gambaran yang telah tersemat dalam jiwa itu hilang, maka dominasi kafir penjajah akan lenyap dari dunia Islam, dan negara Islam akan kembali mengembangkan dakwahnya ke seluruh dunia. Yang demikian itu pasti akan kembali dengan izin Allah. Kembalinya negara Islam adalah kebaikan bagi kemanusiaan dan kebaikan bagi jiwa Barat. Sementara gerakan misionari dan selain mereka akan hilang dan mendatangkan kerugian pada diri mereka:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ لِيَصُدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ۚ  
فَسَيُنْفِقُونَهَا ثُمَّ تَكُونُ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً ثُمَّ يُغْلَبُونَ﴾

*“Sesungguhnya orang-orang kafir itu menafkahkan harta mereka agar dapat menghalang-halangi (orang) dari jalan Allah. Mereka akan menafkahkan harta itu, kemudian menjadi kesesalan bagi mereka dan mereka akan dikalahkan” (Surah al-Anfaal [8]: 36).*

Permusuhan yang diwariskan itu memperkuat setiap gerakan yang menentang Islam dan kaum Muslimin. Anda pasti mendapati bahwa Barat selalu mengkaji fahaman Majusi, Hindu, dan Komunisme, dan anda tidak menemui dalam pembahasannya yang mengandung unsur fanatik atau kebencian. Akan tetapi, di masa yang sama, ketika Barat membahaskan tentang Islam, tentu anda akan menemui tanda-tanda kebencian, dendam, marah, dan kebencian di dalam pembahasannya. Dalam situasi demikian, kaum Muslimin diserang Barat dengan serangan yang sangat keji. Kafir penjajah mengalahkan mereka. Akan tetapi, para pendeta Barat –di belakang mereka adalah penjajah– selalu menampilkan perbezaan menentang Islam. Mereka tidak mengendurkan tikaman terhadap Islam dan kaum Muslimin, selalu mencaci-maki Muhammad dan para sahabatnya, dan meletakkan aib pada sejarah Islam dan kaum Muslimin. Semua itu merupakan seksaan dari mereka terhadap kaum Muslim dan untuk mempercepatkan penjajahan dan kaum penjajah.[]

## **Pengaruh Serangan Misionaris**

Serangan misionari adalah serangan yang membuka jalan untuk imperialisme Eropah. Tujuannya untuk menaklukkan dunia Islam melalui penjajahan politik selepas penjajahan pemikiran. Selepas kaum Muslimin mengembangkan kepemimpinan pemikiran Islam dan berjaya menguasai Barat, dengan kejayaan membuka Istanbul dan negara-negara Balkan, sehingga membawa Islam ke daratan Eropah. Maka negara Islam pula sebaliknya menjadi sasaran serangan Barat. Barat mula mengembangkan kepemimpinan pemikirannya ke negara Islam, dan menjadikannya panggung kebudayaan dan pemahaman kehidupan mereka untuk umat Islam, menebarkannya dengan berbagai macam wasilah bertopengkan ilmu, kemanusiaan, dan misionari keagamaan. Barat tidak memadai dengan membawa peradaban dan pemahaman-pemahamannya, tetapi juga menikam peradaban dan pemahaman Islam, dengan menghalakan misinya melawan Islam. Serangan Barat ini membawa pengaruh, bahkan menguasai kelompok intelektual, ahli politik, bahkan serangan pengetahuan dan masyarakat Islam.

Terhadap golongan intelektual, penjajah Barat memasukkan sekolah-sekolah misionari, sebelum pada akhirnya mengambil alih semua sekolah. Perkata ini dilakukan dengan cara mewujudkan metode-metode pengajaran dan ilmu pengetahuan berlandaskan falsafah, peradaban, dan pemahaman Barat. Proses ini terus berlaku sehingga keperibadian Barat dijadikan sebagai asas kehidupan Islam. Pada akhirnya akan mencabut ilmu pengetahuan Islam yang selama ini kita amalkan. Barat juga menjadikan sejarah, roh kebangkitan, dan lingkungannya sebagai sumber asas nilai-nilai yang mengisi akal kita. Tidak cukup dengan itu saja, Barat juga memasukkan roh ini ke dalam berbagai metode secara terperinci, sehingga tidak ada satu pun ilmu pengetahuan Islam yang dapat keluar dari landasan pemikiran umum yang menjadi falsafah dan peradabannya. Proses ini meresap ke seluruh aspek ilmu pengetahuan Islam, sehingga meresap masuk ke dalam pelajaran agama dan sejarah Islam. Serangan Barat dibangun berlandaskan prinsip-prinsip Barat dan menurut pemahaman-pemahaman mereka. Agama Islam dipelajari di sekolah-sekolah Islam hanya sekadar pada subjek ritual sahaja, seperti Barat memahami agamanya. Agama dipelajari hanya pada satu aspek saja, jauh dari kehidupan dan hakikat pemahaman tentang kehidupan. Kehidupan Rasulullah diajarkan pada anak-anak kita yang terputus antara kenabian dengan risalahnya. Bahkan seperti mempelajari kehidupan Napoleon atau Otto von

Bismark. Akibatnya, Islam tidak mempengaruhi pemikiran dan perasaan mereka. Subjek-subjek ibadah dan akhlak yang sebenarnya sudah tercantum dalam kurikulum agama diberikan hanya dari aspek manfaat saja. Dengan demikian, pengajaran agama Islam berjalan sesuai dengan pemahaman-pemahaman Barat.

Sejarah Islam pula diajarkan hanya dengan menonjolkan aspek-aspek cacat celanya sahaja yang sengaja direka faktanya untuk membuktikan buruknya tujuan dan pemahaman Barat. Hasil rekaan fakta tersebut diletakkan dalam bingkai hitam bertopengkan kesucian sejarah dan pembahasan ilmiah. Ini ditambah lagi dengan tanah basah oleh para intelektual Muslim yang mempelajari sejarah, dan menyusunnya berdasarkan uslub dan metode misionari. Seluruh perancangan diletakkan atas dasar falsafah Barat dan disesuaikan dengan metode Barat. Dengan demikian, kaum intelektual kebanyakan menjadi anak-anak didik dan murid-murid peradaban Barat. Mereka merasakan kebaikan peradaban ini, dan selalu merindukan serta mengarahkan kehidupan mereka sesuai dengan metode Barat. Akibatnya, majoriti mereka mengingkari tsaqafah Islam jika bertentangan dengan tsaqafah Barat. Mereka menjadi sekelompok orang yang berpengetahuan Barat dan menerapkan segala kebijaksanaan selari dengan pandangan Barat. Mereka menerima ilmu pengetahuan Barat dengan ikhlas dan mengembangkan peradabannya. Ramai kalangan mereka yang mempunyai pemikirannya terbentuk dengan acuan Barat. Mereka menjadi orang yang membenci Islam dan ilmu pengetahuan Islam sebagaimana kebencian Barat. Mereka menjaja permusuhan keji terhadap Islam dan ilmu pengetahuannya, sebagaimana yang dibawa Barat. Mereka menjadi pemeluk Islam yang meyakini bahawa Islam dan ilmu pengetahuan adalah penyebab kemunduran kaum Muslimin, sebagaimana yang dimomokkan oleh Barat kepada mereka. Misi para misionari ini berjaya. Kejayaannya mampu mewujudkan sekelompok intelektual kaum Muslimin yang bergabung dengan Barat, dan masuk dalam barisannya memerangi Islam dan ilmu pengetahuannya.

Ketika itu para intelektual di Eropah dan sekolah-sekolah asing telah melangkah jauh sehingga berjaya mengatasi barisan para pengembang ilmu pengetahuan Islam. Penjajah Barat yang menyerang mereka dengan menikam Islam berjaya menggerunkan mereka. Mereka cuba untuk menangkis tikaman ini, dengan membela diri. Tanpa memperhalusi adakah pembelaannya benar atautah salah, baik yang ditikam oleh pihak asing itu adalah Islam – yang dibanggakan – atau yang didustakan. Mereka turut menafsirkan Islam dalam keadaan yang



membingungkan, atau mentakwilkan nas-nasnya sesuai dengan pemahaman-pemahaman Barat.

Demikianlah penolakan intelektual Muslim. Mereka menolak serangan-serangan Barat yang sebenarnya lebih banyak membantu serangan misionari daripada menolaknya. Lebih tragis lagi dapat menambah kehancuran Islam, dengan mengambil peradaban Barat yang jelas bertentangan dengan peradaban Islam, dan dijadikan sebahagian pemahaman-pemahaman mereka. Kebanyakan mereka mengatakan bahawa Barat mengambil peradaban dari Islam dan kaum Muslimin. Oleh sebab itu, mereka mentakwilkan hukum-hukum Islam sesuai dengan peradaban ini. Dengan demikian, mereka menerima peradaban Barat secara sempurna dan penuh kerelaan, sambil memperlihatkan bahawa akidah dan peradaban mereka sesuai dengan peradaban Barat. Ini bermaksud sebenarnya mereka menerima peradaban Barat. Pada masa yang sama, mereka membebaskan dirinya dari peradaban yang Islamik. Inilah yang menjadi target penjajahan Barat. Mereka berjaya menggabungkannya menjadi satu iaitu antara serangan misionari dan penjajahan.

Kedapatan para intelektual yang mempunyai ilmu pengetahuan asing dan pemahaman mereka yang buruk terhadap ilmu pengetahuan Islam, menyebabkan munculnya pemahaman-pemahaman Barat tentang kehidupan dalam diri kaum Muslimin. Perkara ini nampak dalam kehidupan mereka berupa praktikal-praktikal peradaban Barat yang materialistik. Akibatnya, kehidupan masyarakat tunduk pada peradaban dan pemahaman Barat. Kaum Muslimin pada dasarnya tidak mengetahui bahawa sistem pemerintahan demokrasi dan sistem ekonomi kapitalis yang kedua-duanya ini berasal dari sistem kufur. Mereka tidak memberi respon sekiranya di antara mereka memutuskan suatu ketetapan yang berdasarkan sistem selain yang diturunkan Allah. Mereka tidak mengetahui bahawa Allah telah berfirman:

﴿وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ﴾

*“Sesiapa saja yang tidak memutuskan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir”* (Surah al-Maaidah [5]: 44).

Semua itu disebabkan oleh peradaban Barat yang dibangun di atas dasar pemisahan agama dari negara (sekularisme). Peradaban ini telah menguasai

masyarakat. Pemahaman-pemahaman Barat yang materialistik juga menguasai lingkungan mereka. Mereka merasa sudah melaksanakan kewajiban-kewajiban agama dengan meyakini Allah dan menjaga solat semata-mata. Sementara pengurusan urusan dunia, diselarikan dengan pandangan dan kemahuan mereka semata. Mereka telah terpengaruh dengan pemahaman Barat yang mengatakan, *“Berikan kepada Kaisar hak Kaisar dan berikanlah kepada Tuhan hak Tuhan”*. Mereka tidak terpengaruh dengan pemahaman-pemahaman Islam yang menjadikan kaisar dan apa saja yang dimiliki kaisar adalah hanya milik Allah. Mereka juga tidak terpengaruh bahawa persoalan solat, jual-beli, transaksi upah, pemindahan hutang, sistem pemerintahan, dan pendidikan, semuanya perlu berjalan sesuai dengan perintah-perintah dan larangan-larangan Allah SWT. Benar, mereka tidak terpengaruh dengan pemahaman-pemahaman ini walaupun mereka membaca firman Allah:

﴿وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ﴾

*“Hendaklah kalian memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah”* (Surah al-Maaidah [5]: 49)

﴿يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى  
فَاكْتُبُوهُ﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman jika kalian bermu’amalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya”* (Surah. al-Baqarah [2]: 282)

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ  
الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ  
جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

*“Sesiapa saja yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin, Kami biarkan ia leluasa berbuat kesesatan yang dilakukannya itu dan Kami masukkan ia ke dalam Jahannam dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali”* (Surah al-Nisaa’ [4]: 115)

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ  
 مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ  
 لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

*“Tidak sepatutnya bagi orang-orang mukmin pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya jika telah kembali supaya mereka dapat menjaga diri” (Surah al-Taubah [9]: 122).*

Benar, mereka tidak terpengaruh dengan pemahaman-pemahaman ayat-ayat al-Quran ini walupun mereka membacanya. Ini kerana mereka tidak membaca ayat-ayat al-Quran sebagaimana yang diwajibkan iaitu membacanya sebagai sesuatu yang hidup untuk dipraktikkan dalam kehidupan. Mereka hanya membacanya selari dengan pemahaman-pemahaman Barat yang telah mendominasi mereka. Mereka hanya terpengaruh dengan aspek spiritual melalui ayat-ayat ini. Mereka meletakkan penghalang di antara fikiran dan pemahamannya dengan makna yang ditunjukkan oleh ayat. Semua itu disebabkan peradaban Barat telah menguasai mereka.

Adapun serangan Barat yang berhubungan dengan ahli-ahli politik, implikasi yang terhasil adalah lebih merata dan musibahnya jauh lebih besar. Pada permulaannya ahli-ahli politik dikumpulkan dan dipujuk oleh penjajah untuk menentang negara Uthmaniyah. Kemudian komitmen mereka diuji, dan setelah itu diberi janji-janji—yang dijanjikan syaitan pada mereka tidak lain adalah penipuan. Semenjak itu, tokoh-tokoh politik ini berjalan di atas “kendaraan-kendaraan” asing, mengikuti garis yang dirumuskan secara khusus untuk mereka. Di hari-hari terakhir Daulah Uthmaniyah, mereka berpihak kepada musuh asing ini dan membantunya mengalahkan diri mereka. Persoalan ini tidak diperbolehkan oleh Islam. Akan tetapi, mereka melakukannya dan menjadikannya tindakan yang dibanggakan yang disebut dalam setiap kesempatan mereka sebagai ancaman. Setiap tahun mereka memperingatinya sebagai suatu perayaan. Para pemimpin yang berjuang untuk memperbaiki negara pula mereka memeranginya. Malah berjalan seiring dengan musuh yang kafir dalam menentang negara, sehingga membawa akibat yang sangat tragis, iaitu kejayaan kafir Barat menjajah negeri-negeri kaum Muslimin.

Tidak berapa lama kemudian, para petualang politik ini meminta bantuan kafir penjajah. Keputusan-keputusan ini mempengaruhi mereka sehingga sampai tahap hilangnya batas-batas keperibadian mereka yang Islamik. Pemikiran mereka diracuni dengan idea-idea politik dan filsafah yang dapat merosakkan pandangan mereka tentang kehidupan dan jihad. Seterusnya, akan merosak suasana Islam dan mencelarkan pemikiran-pemikiran yang gejalanya merata dalam berbagai aspek kehidupan.

Jihad yang merupakan roh politik luar negeri negara Islam yang diganti dengan perundingan. Mereka mengambil kaedah “ambil dan carilah.” Kafir penjajah dijadikan kiblat pandangan mereka dan tempat meminta bantuan. Mereka pasrah dan menyerah kepada kafir penjajah tanpa menyedari bahawa setiap permintaan bantuan kepadanya dianggap dosa besar dan pembunuhan bentuk politik. Mereka merasa puas berjuang hanya di ruang yang sempit dan menjadikannya lapangan politik. Mereka belum juga jelas bahwa ruang sempit aktiviti politik hanya menghasilkan sesuatu yang mustahil, karena tidak adanya kemungkinan untuk memantapkan kedudukan daerah –walaupun itu adalah sebahagian negara. Belum lagi mereka dibebani beban-beban politik mahupun bukan politik, yang dituntut oleh kehidupan yang normal.

Para ahli-ahli politik ini tidak cukup dengan hasil usaha-usaha ini. Bahkan mereka menjadikan pusat perhatiannya pada kemaslahatan individu. Sedangkan pusat perhatian mereka yang umum ditujukan kepada negara-negara asing. Dengan demikian, mereka kehilangan pusat perhatian yang alami –iaitu kepercayaan mereka yang Islamik. Dengan demikian, mereka telah kehilangan peluang memperoleh kejayaan, walaupun mereka telah berjuang dengan ikhlas dan mencurahkan segala kemampuannya. Oleh sebab itu, semua gerakan politik menjadi gerakan yang mandul, dan kesedaran umat berubah ke arah gerakan bergelombang, yang saling bertentangan. Gerakannya tidak sistematik, lama kelamaan padam, putus asa, dan akhirnya menyerah. Ini disebabkan panglima gerakan politik mereka telah kehilangan pusat perhatiannya yang alami.

Begitulah realiti pemikiran para ahli politik yang diracuni dengan pemikiran-pemikiran yang salah serta prinsip-prinsip pemikiran asing. Ianya muncul di negara Islam dengan bersama-sama dengan gerakan-gerakan yang bertopengkan kebangsaan, sosialisme, nasionalisme, marxisme, spiritualisme, akhlak, pendidikan, dan nasihat. Gerakan-gerakan ini berkembang pesat, dan menjadi permasalahan baru dalam masyarakat bersama dengan permasalahan yang lain. Akibatnya adalah kegagalan dan kebingungan yang berlegar-legar di

seputar gerakan, kerana aktivitsnya berjalan selari dengan peradaban Barat dan terpengaruh oleh serangan misionari. Umat pula berjalan sesuai dengan kerangka pemahaman-pemahaman kehidupan Barat. Lebih dari itu, gerakan seumpama ini akan membendung gelora perasaan umat yang menyala-nyala dan menyalurkannya dalam sesuatu aktiviti yang tidak bermanfaat dan tidak mendatangkan kebaikan, di samping akan lebih mengukuhkan lagi kedudukan penjajah. Demikianlah kejayaan serangan misionari dengan kejayaan yang tidak ada tolok bandingnya.[]

## **Serangan Politik Terhadap Dunia Islam**

Penyebab utama serangan terhadap Sepanyol adalah kebencian dan dendam kesumat Barat yang telah tersemat dalam jiwa mereka semenjak berlakunya Perang Salib. Kegagalan yang begitu tragis dalam mempertahankan kemenangannya dalam Perang Salib, bahkan mereka juga dihalau dari dunia Islam dengan pengusiran yang amat hina yang menjadikan Barat berdendam. Kekalahan itu yang berterusan membakar jiwa mereka, sehingga dipenuhi dendam kesumat, kemarahan dan kebencian terhadap kaum Muslimin.

Barat merasakan kesukaran untuk mengulangi serangannya terhadap Dunia Timur. Kekuatan Timur yang penduduknya berbeza-beza juga berkemampuan untuk menahan dan membalas balik serangan Barat. Akhirnya, Barat melihat bahawa balas dendam lebih mudah ditujukan terhadap Sepanyol. Barat mula mengarahkan misinya ke Sepanyol dan berjaya menghancurkannya melalui serangan yang kejam. Dalam melakukan serangannya terhadap Sepanyol, Barat telah menggunakan cara pengeledahan, pemenggal kepala dan rumah-rumah pembakaran yang kejam mengatasi kebuasan binatang buas. Ketika kaum Muslimin tidak mampu untuk menolong Sepanyol, walaupun sebenarnya mampu untuk memberi pertolongan kepada Sepanyol. Barat berterusan melakukan penyeksaan terhadap penduduk Muslim Sepanyol. Kaum Muslimin berundur dan membiarkan sahaja Sepanyol menjadi santapan lazat Barat. Dengan demikian, Barat semakin rakus dalam memikirkan cara lain untuk melakukan penyeksaan. Seandainya tidak ada kekuatan kaum Muslimin, terutamanya negara Uthmaniyah, nescaya serangan Barat terhadap negara Islam akan dilancarkan secara berterusan. Akan tetapi, kekuatan kaum Muslimin, serangan, dan pembukaan Uthmaniyah terhadap Eropah menjadi perkara yang paling menakutkan Barat. Trauma ini menjadikan Barat menagguhkan serangannya terhadap kaum Muslimin sehingga Perang Salib kedua. Itulah yang menyebabkan serangan Barat terhadap negara Islam ditangguhkan sehingga pertengahan abad 18 Miladiyah. Ketika itu bermula situasi statik meliputi seluruh dunia Islam, di mana aktiviti dakwah ditinggalkan. Maka, semangat Islam dalam dada kaum Muslimin juga menjadi padam. Keadaan ini menyebabkan hilangnya kewibawaan kaum Muslimin di mata musuh-musuh mereka. Pada ketika itu juga dilancarkan perang pemikiran dan serangan misionari. Perang itu disertai dengan berbagai serangan politik, yang bertujuan untuk memecah-belahkan negara Islam menjadi

beberapa bahagian, dan meretakkan dunia Islam, serta menghapuskannya. Kerja keras mereka akhirnya berjaya dengan gilang gemilang.

Dalam Perjanjian Caterina (1762-1796 M), Rusia memerangi negara Uthmaniyah dan berjaya mengalahkannya kemudian membahagi-bahagikan sebahagian wilayahnya. Rusia berjaya merampas kota Azov dan Semenanjung Crimea; menguasai seluruh Lembah Utara Laut Hitam. Rusia juga membina kota Sevastopol sebagai pertahanan semenanjung Crimea; serta membangun pelabuhan perdagangan Odessa di Laut Hitam. Dengan demikian, Rusia menjadi pemain penting dalam percaturan politik luar negeri negara Uthmaniyah dan memegang kekuasaan di Romania. Rusia menyatakan bahawa mereka adalah penjaga ajaran Masehi dalam negara Uthmaniyah. Pada tahun 1884 M, Turkestan memisahkan diri dari Turki, dan akhirnya Rusia sepenuhnya berjaya menguasai daerah tersebut.

Serangan tidak hanya dilakukan oleh Rusia sahaja, bahkan meliputi sehingga hampir kesemua negara-negara Barat. Pada awal bulan Julai 1798 M, Napoleon menyerang Mesir dan berjaya menguasainya. Pada bulan Februari tahun 1799 M, Napoleon menyerang sebahagian selatan wilayah Syam, dan berjaya menguasai Gaza, Ramallah, Yafa, dan mendirikan benteng 'Uka. Namun, akhirnya ekspedisi ketenteraan ini gagal, dan Napoleon kembali ke Mesir, seterusnya pulang ke Perancis. Pada tahun 1801 M, ekspedisi ini dinyatakan sebagai gagal. Walaupun tidak berjaya, tetapi ianya tetap membawa pengaruh sangat kuat terhadap situasi negara Uthmaniyah, meninggalkan pergolakan yang sangat kuat, dan akhirnya seluruh negara lain bersama-sama menyerang dunia Islam dan menguasai beberapa wilayahnya. Pada 1830 M, Perancis berjaya menduduki Algeria dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai Tunisia sehingga akhirnya berjaya pada tahun 1881 M, kemudian menguasai Maghribi tahun 1912 M. Itali juga berjaya menduduki Tripoli tahun 1911 M. Dengan demikian, mereka sepenuhnya telah menguasai atau memisahkan Afrika Utara dan melepaskannya dari Pemerintahan Islam. Daerah-daerah tersebut tunduk pada pemerintahan kufur sebagai daerah jajahan.

Serangan Barat tidak terhenti di situ sahaja. Penjajahan terus diperluaskan dengan menakluk wilayah-wilayah negara Islam yang masih belum terjajah. Inggeris menjajah 'Aden tahun 1839 dan melebarkan pengawasannya di lembah-lembah yang luas di sempadan Yaman Selatan hingga Timur semenanjung Arab. Sebelum itu Inggeris telah menguasai India dalam beberapa tempoh masa. Inggeris berjaya membuang kepemimpinan kaum Muslimin dari India dan

mendudukinya. Sebelum Inggeris masuk, kaum Muslimah yang memegang tampuk kekuasaan di India. Inggeris mengambil alih dan meletakkan mereka pada kedudukan yang lemah, yang lambat laun akan melemahkan kedudukan mereka secara umum. Kemudian pada tahun 1882, Inggeris menjajah Mesir dan pada tahun 1898, menguasai Sudan. Demikian juga Belanda berjaya menjajah pulau-pulau India Timur. Afganistan dikepung di bawah tekanan Inggeris dan Rusia. Perkara sama yang dialami oleh Iran. Gelombang serangan bangsa-bangsa Barat di seluruh wilayah Islam semakin meningkat, sehinggakan semuanya jatuh di bawah kekuasaan Barat dan merasa bahawa serangan Salib selalu diperbaharui dengan tetap menjaga kemenangan demi kemenangan. Akhirnya kaum Muslimin disibukkan untuk menangkis gelombang pasukan besar Barat atau berusaha meringankan tekanan tersebut. Muncul gerakan-gerakan penentangan terhadap Barat di wilayah-wilayah Islam. Di Algeria pula pemberontakan mula meletus. Kaum Muslimin di India juga mengamuk. Para pengikut golongan al-Mahdi di Sudan bangkit diikuti pemberontakan Sanusiah. Semua itu menunjukkan potensi kekuatan yang terpendam dalam tubuh dunia Islam, walaupun dari luar nampak statik dan lemah. Gerakan-gerakan atau usaha-usaha ini akhirnya padam dan tidak berjaya menyelamatkan dunia Islam. Gerakan-gerakan Islam itu tidak berjaya menghentikan pendudukan dan serangan Barat. Barat masih meneruskan serangannya dengan dua kekuatan utama: politik dan ilmu pengetahuan. Barat tidak hanya memecah-belah wilayah dunia Islam menjadi beberapa bahagian, tetapi juga menikam dari dalam negara Uthmaniyah yang merupakan negara Islam. Barat memicu kepada bangkitnya gerakan-gerakan kebangsaan di dalam tubuh Daulah Uthmaniyah. Isu penjajahan oleh 'bangsa asing' dijadikan alat penggerak oleh Barat untuk membangkitkan bangsa-bangsa Balkan. Sejak tahun 1804 M, mereka didorong untuk mengadakan pemberontakan yang terus melebar, sehingga akhirnya berhenti pada tahun 1878 dengan kemerdekaan bangsa-bangsa Balkan. Mereka juga menggerakkan negara-negara Yunani untuk melakukan revolusi. Api revolusi itu dinyalakan semenjak tahun 1821 hingga akhirnya terhenti disebabkan kemasukan pihak asing yang memerdekakan Yunani dari Turki pada tahun 1830 M. Negeri-negeri Balkan mengikutinya hingga naungan negara Uthmaniyah sebagai negara Islam menyusut dari daerah Balkan, Pulau Kreta, Cyprus dan sebagian besar pulau di Laut Tengah. Bangsa-bangsa Barat dalam melakukan tindakan tersebut menggunakan berbagai macam kekejaman. Kaum Muslimin di Balkan dan kepulauan Laut Tengah dizalimi dan dibantai secara kejam. Sebahagian besar kaum Muslimin dihalau dari rumah-rumah mereka. Mereka melarikan diri dengan membawa agama mereka, untuk



mengelakkan kekejaman kafir dan berlindung ke negara Arab yang disebut sebagai negara Islam dan bahagian dari negara Islam. Georgia, Bosnia, Chechnya, dan daerah-daerah lainnya, tidak lain adalah pahlawan kaum Muslimin yang tidak rela tunduk pada pemerintahan kufur. Mereka lari dengan membawa agama Islam ke perkampungan-perkampungan Islam dan Pemerintahan Islam.

Adakah Barat berhenti sampai di sini sahaja? Tidak! Bahkan, dengan wasilah yang tersembunyi, Barat membangkitkan gerakan-gerakan pemisahan dan pemecah-belahan umat Islam dari kesatuan Negara, dengan meniupkan perbezaan antara Turki dan Arab. Mereka digalakkan untuk mengadakan gerakan-gerakan kebangsaan. Barat berterusan menggerakkan, bahkan membantu mereka mendirikan parti-parti politik berkebangsaan Turki dan Arab, seperti Parti Turki Muda, Parti Persatuan dan Kemajuan, Parti Kemerdekaan Arab, Parti Keamanan, dan parti-parti lainnya. Parti-parti inilah yang menyebabkan situasi dalam negeri negara Islam mengalami pergolakan dan tidak stabil. Pergolakan-pergolakan di sebalik pelbagai tragedi dalam negeri, oleh Barat diikuti dengan pelbagai serangan dari luar sampai meletusnya Perang Dunia Pertama, yang memberi kesempatan terbuka bagi Barat untuk menyerang dunia Islam. Dalam kesempatan ini Barat berjaya menguasai siki-baki wilayah negara Islam, melenyapkannya, dan menenggelamkannya dari permukaan dunia. Negara Uthmaniyah diheret dalam Perang Dunia Pertama, yang berakhir dengan kemenangan sekutu dan kehancuran negara Islam. Pasca perang, Barat membahagi-bahagikan seluruh dunia Islam seperti harta rampasan perang mereka. Tidak ada lagi negara Islam yang berbaki kecuali Turki, yang telah menjadi negara kecil dengan sebutan Negara Turki. Setelah perang berakhir pada tahun 1918 M, Turki hidup di bawah belas kasihan Barat hingga tahun 1921 M, iaitu ketika Turki mampu memerdekakan diri selepas memberi jaminan terlebih dahulu kepada sekutu dengan penghapusan negara Islam.[]

## Melenyapkan Negara Islam

Perang Dunia Pertama berakhir melalui gencatan senjata antara dua pihak yang berperang, selepas pasukan bersekutu memperoleh kemenangan gilang gemilang. Sedangkan negara Uthmaniyah pula hancur berkecai menjadi negara-negara kecil. Pasukan bekutu berjaya menguasai seluruh negeri Arab, Mesir, Syiria, Palestin, kawasan Timur Jordan dan Iraq. Mereka memisahkan negara tersebut dari negara Uthmaniyah.

Di tangan pemerintah Uthmaniyah tidak ada yang berbaki selain negeri Turki. Turki sendiri pun sudah dimasuki oleh pasukan sekutu. Angkatan Laut Inggeris menguasai selat Bosphorus. Pasukan tentera Inggeris menduduki sebahagian ibukota dan laluan pelayaran Selat Dardanella serta beberapa medan pertempuran penting di seluruh wilayah Turki. Pasukan Perancis menduduki sebahagian kota Istanbul dan memenuhi jalanijalan dengan pasukannya yang terdiri dari orang-orang Senegal. Tentera Itali pula menguasai Beira dan laluan kereta api. Para pengawas sekutu mentadbir urusan polis, pasukan pengawal tempatan dan pelabuhan. Mereka juga melucutkan senjata para polis Turki dan membubarkan sebahagian dari tentera Turki. Organisasi Kesatuan dan Kemajuan (Jam'iyatu al-Ittihaadi wa al-Taraqiy) menjadi lemah dan Jamal Pasha serta dan Anwar Pasha melarikan diri ke luar negeri. Saki baki anggotanya pula menyembunyikan diri. Pemerintahan yang konflik ini akhirnya dibentuk semula di bawah pimpinan Taufiq Pasha, yang melaksnakan arahan-arahan musuh yang berkuasa. Ketika itu khalifah Negara Islam adalah Wahiduddin. Dia melihat bahawa dirinya berdepan dengan urusan ini dan dia mesti menyelamatkan kedudukannya dengan cara yang sangat bijaksana. Langkah pertama yang dilakukannya adalah dengan membubarkan parlimen dan menyerahkan jawatan perdana menteri kepada sahabat karibnya yang paling dia percayai iaitu Farid. Dia mendukung pandangan Khalifah yang bersikap bermuka-muka dengan sekutu dan tidak melawannya, supaya tidak memberi kesan terhadap kehancurnya negeri, terutama disebabkan peperangan telah berhenti.

Khalifah akhirnya melaksanakan rancangan ini. Situasinya juga masih tetap sama, iaitu pasukan sekutu masih terus mendominasi dan Turki terus dalam keadaan jumud hingga pertengahan tahun 1919 M. Di penghujung tahun tersebut keadaan mula berubah. Kelemahan mula berlaku terhadap pasukan Sekutu. Italia, Perancis, dan Inggeris mengalami kepenatan yang sangat kronik, disebabkan

pertikaian berkenaan konflik dalaman. Konflik dalaman ini sangat bahaya sehingga nyaris memecah-belahkan barisan kesatuan mereka. Di antara negara-negara sekutu juga telah diselubungi dengan pertikaian. Situasi ini dilihat di Istanbul, di kalangan ahli politik sekutu yang saling berebut harta rampasan perang. Setiap negara sekutu berkeinginan untuk mendapatkan bahagian yang paling besar, yang mencakupi markas-markas ketenteraan dan sumber-sumber ekonomi yang dikuasainya. Situasi ini sebenarnya boleh dimanipulasi oleh Turki, cuba memanahkan anak panahnya yang terakhir, sehingga diharapkan dapat menyelamatkan kedudukan Negara. Tindakan ini sepatutnya diambil peluang oleh Turki selepas melihat pasukan sekutu dalam keadaan lemah dan saling bertelingkah sehingga saling berebut sesama mereka, saling berlawan sesama negara-negara tertentu, dan membantu mengalahkan negara-negara lainnya dari kelompok yang sama, iaitu pasukan sekutu.

Muktamar perdamaian belum dimetrai, syarat-syarat perdamaian juga belum ditetapkan lagi. Sementara di bahagian ufuk terdapat kilauan cahaya angan-angan mula kelihatan. Di kalangan manusia pula keyakinan akan kemungkinan menyusun gerakan penentangan mula terbentuk. Akan tetapi, Inggeris terlebih dahulu menghidu tanda-tanda ini. Dengan segera, Inggeris mempergunakan Mustafa Kamal. Dia perlu berkerja selari dengan strategi politik Inggeris, melaksanakan rancangan globalnya, dan mewujudkan misi utamanya yang hendak menghapuskan Negara Khilafah. Maka, di Istanbul dibentuk kumpulan-kumpulan rahsia yang jumlahnya lebih dari 10 buah kumpulan. Tujuannya untuk mencuri senjata dari gudang-gudang negara yang pengawalna sudah dibeli supaya tunduk pada musuh. Lalu menyusupkan kumpulan-kumpulan tersebut ke dalam organisasi-organisasi rahsia dalam negara. Sebahagian pejabat rasmi turut membantu aktiviti penyusupan ini. Untuk lebih melancarkan kejayaan misi politik Inggeris tersebut, maka beberapa individu membantu dalam urusan ini. Maka dilantik Asmath menjadi wakil menteri peperangan, Fauzi menjadi ketua kesatuan ketenteraan, Fathiy menjadi menteri dalam negeri, dan Rauf menjadi menteri laut. Mereka semua membantu gerakan-gerakan bawah tanah ini. Maka tidak hairan jika kumpulan-kumpulan ini terdiri dalam jumlah yang banyak. Tujuannya yang paling penting adalah menjalankan permusuhan rahsia terhadap musuh. Lalu muncul kelompok Kesatuan dan Kemajuan. Sebahagian kumpulan ketenteraan yang setia bergabung dengan gerakan-gerakan ini. Kemudian berkumpul dalam satu wadah di bawah pimpinan Mustafa Kamal. Dia memainkan peranan penting dalam memberikan penentangan terhadap sekutu selain Inggeris dan mengusir mereka dari negara.

Dalam masa yang sama, Mustafa Kamal juga memusuhi pasukan Khalifah, tatkala menentang tindakan politik dan ketenteraannya yang bermusuhan dengan pasukan Sekutu. Dalam operasi ini, Mustafa Kamal mendapatkan hasil yang amat besar. Dia melihat bahawa pemerintah pusat dan kekuasaan di Istanbul jatuh di bawah kawalan pasukan Sekutu. Oleh kerana itu, sebagai gantinya dia mesti menjalankan pemerintahan kebangsaan daerah di Anatolia.

Dalam melaksanakan tindakannya, Mustafa Kamal memulakan revolusinya dengan memakai dengan pakaian kebangsaan, dan mengakhirinya dengan menghapuskan khilafah, serta memisahkan Turki dari bahagian-bahagian wilayah negara Uthmaniyah. Realitinya menunjukkan bahawa revolusi Mustafa Kamal adalah untuk kepentingan Inggeris. Inggerislah yang menyiapkan segala kelengkapan untuk kejayaan revolusi ini. Inggeris yang menghantar Mustafa Kamal agar mengadakan revolusi.

Mustafa Kamal mengadakan muktamar kebangsaan di Swiszseland, dan berjaya menghasilkan pelbagai resolusi. Di antaranya adalah tentang wasilah dan strategi yang memberi jaminan untuk menjaga kemerdekaan Turki. Muktamar juga berjaya membuat berbagai keputusan. Antaranya adalah memilih Jawatankuasa Pelaksana dan Mustafa Kamal dipilih sebagai ketua jawatankuasa. Setelah itu muktamar menghantar peringatan kepada penguasa yang menuntut Perdana Menteri Farid dilucutkan jawatannya, dan melakukan pemilihan parlimen baru yang bebas. Melalui tekanan muktamar ini, Sultan dipaksa tunduk untuk memenuhi tuntutan-tuntutannya sehingga akhirnya Sultan melucutkan jawatan perdana menteri dan melantik 'Ali Ridha, menggantikan kedudukan Farid. Sultan juga memerintahkan perdana menteri baru mengadakan pemilihan anggota parlimen baru yang sebahagian besar tunduk pada para peserta muktamar. Mereka berjaya membentuk parlimen baru.

Kejayaan tersebut diteruskan dengan memindahkan muktamar dan para anggotanya ke Ankara. Semenjak itu, Ankara menjadi pusat kegiatan politik. Anggota muktamar mengadakan pertemuan di Ankara. Agendanya adalah mengusulkan parlimen agar berkumpul di Istanbul. Selepas itu membubarkan muktamar yang anggotanya secara rasmi menjadi anggota parlimen. Akan tetapi, Mustafa menentang kedua-dua cadangan ini dan mengatakan, "Muktamar perlu diteruskan sehingga jelas parlimen berpihak kepada keadilan serta sikap politiknya juga perlu jelas. Mengenai pemindahan parlimen ke ibukota adalah merupakan tindakan bodoh lagi gila. Seandainya kalian melakukannya, niscaya kalian menjadi manusia di bawah belas kasihan musuh yang asing. Inggeris akan

selalu mengawal negara, dan campurtangan terhadap urusan kalian dan mungkin akan menangkap kalian. Kalau begitu parlimen perlu diadakan di sini, di Ankara! Agar dipayungi dengan kebebasan tersendiri.” Mustafa Kamal terus mempromosikan ideanya, akan tetapi tidak berjaya menarik anggota dewan yang akan bersidang di Ankara. Anggota dewan pergi ke ibukota dan mengatakan pada khalifah dukungan mereka terhadapnya. Kemudian mereka bekerja fokus tugas mereka masing-masing. Itu terjadi di bulan Januari tahun 1920 M.

Sultan pula berusaha untuk memenuhi kehendak Mustafa Kamal agar anggota dewan melaksanakannya, namun mereka menolak dan menampakkan keteguhan dalam memegang hak-hak negara. Ketika tekanan Sultan terhadap mereka semakin kuat, mereka malah menyebarkan persepsi umum tentang deklarasi kebangsaan yang telah ditetapkan muktamar di Swiss. Deklarasi ini mencakupi syarat-syarat penerimaan perdamaian berdasarkan asas deklarasi. Yang paling penting, agenda menjadikan Turki merdeka termasuk dalam resolusi Deklarasi Swiss. Sudah tentu keputusan ini menggembirakan Sekutu, terutamanya Inggeris. Keputusan inilah yang sebenarnya mereka usahakan, di samping usaha lain dengan mensasarkan penduduk Negara agar mengeluarkan keputusan yang sama.

Melalui pemerhatian ini, dapat diketahui bahawa semua negeri yang diperintah oleh Negara Uthmaniyah adalah negara Islam. Pasca Perang Dunia Pertama membuat piagam kebangsaan yang mengandungi satu ketetapan sahaja, iaitu memerdekakan diri sebagai negara merdeka yang berdiri sendiri, dan terpisah dari negara Uthmaniyah. Piagam ini sama seperti yang dikehendaki oleh sekutu. Iraq telah membuat deklarasi kebangsaan. Agendanya adalah mewujudkan Negara Iraq merdeka. Syiria juga membuat piagam kebangsaan untuk memerdekakan Syiria menjadi negara Syiria yang berdiri sendiri. Begitu juga Palestin, Mesir, dan negeri-negeri Islam lainnya. Realiti ini sudah pasti amat menggembirakan sekutu, terutamanya Inggeris. Lebih-lebih dengan adanya deklarasi kebangsaan Turki. Gerakan-gerakan kebangsaan itu sesuai dengan apa yang dikehendaki mereka (Sekutu dan Inggeris). Strategi global mereka adalah untuk memecah-belah negara Uthmaniyah dan membahagi-bahaginya menjadi beberapa negara. Sehingga tidak dapat menjadi satu negara kuat; dan sehingga mereka boleh menyalpkan negara kaum Muslimin. Seandainya tidak ada deklarasi dan perjanjian ini yang diketuai oleh Sekutu, nescaya persoalannya akan menjadi lain. Ini kerana negara Uthmaniyah adalah negara kesatuan, dan kesemua wilayahnya dianggap sebahagian darinya. Semuanya mengamalkan

sistem yang satu, bukan sistem federal. Dalam negara Islam tidak ada perbezaan antara Hijaz dan Turki. Tidak ada juga perbezaan antara bendera al-Quds dan Iskandariyah. Ini kerana semuanya adalah satu negara. Dalam kes persekutuan antara Turki dan Jerman, menyerang Turki adalah sama keadaannya menyerang Jerman. Persamaannya kerana kedua-duanya bersekutu dalam peperangan. Syarat-syarat perdamaian yang ditetapkan oleh salah satu negara di antara kedua-duanya (Uthmaniyah dan Jerman) maka ia juga terpakai pada negara yang satu lagi. Jika penduduk Jerman bertekad untuk tidak melepaskan sejengkal tanah pun dari negara dan tidak akan memecah-belah kesatuan negaranya, maka demikian keadaannya dengan negara Uthmaniyah, juga tidak boleh membiarkan negaranya menjadi berpecah-belah. Sekutu mengetahui perkara tersebut dan mereka telah mempertimbangkan dengan seribu pertimbangan. Namun, orang-orang Uthmaniyah sendiri menuntut negara mereka menjadi beberapa negara bahagian yang berdiri sendiri. Bangsa Arab mahupun Turki sama-sama menghendaki demikian. Maka, adakah persoalan yang paling cepat diterima oleh sekutu. Apatah lagi tuntutan pelepasan negeri-negeri tersebut berasal dari pusat Negara Turki sendiri. Turki pula memegang peranan paling besar dalam menjalankan pemerintahan. Negara juga berusaha menjadikan Negara Turki merdeka.

Oleh kerana itu, sekutu menganggap jawatankuasa perjanjian kebangsaan Turki adalah kemenangan terakhir bagi mereka. Dengan alasan munculnya pengaruh terhadap penyebaran resolusi kebangsaan, maka sekutu membiarkan Turki bebas melakukan penentangan. Dari setiap sudut, mereka meninggalkan Turki. Sedangkan kekuatan Inggeris dan Perancis berkurang dari dalam manakala semangat kebangsaan Turki menjadi semakin kuat. Di dalam negeri timbul gerakan penentangan yang menentang musuh (sekutu). Gerakan itu bertukar menjadi revolusi menentang Sultan. Itulah yang memaksa Sultan menyiapkan pasukan dan memberikan serangan dan perlawanan sengit. Semua orang bergabung dengan Sultan, kecuali Ankara yang menjadi pusat revolusi. Ankara sendiri hampir-hampir jatuh. Semua desa yang mengepungnya bergabung menjadi satu di bawah bendera Sultan dan berpihak pada pasukan Khalifah. Mustafa Kamal dan para pengikutnya di Ankara berada dalam situasi yang sangat kritikal. Walaupun demikian, Mustafa Kamal tetap melakukan penentangan. Dia membakar api semangat baru dengan sentuhan nasionalisme Turki. Usaha Mustafa Kamal berjaya. Tekad dan semangat nasionalisme mereka berkobar-kobar kembali. Di berbagai wilayah dan desa-desa Turki tersebar berita tentang kejayaan Inggeris menduduki ibukota. Banyak yang ditawan, pejabat parlimen dipaksa tutup, sementara bantuan atau dukungan Sultan dan pemerintahannya

terhadap mereka merosot. Keadaan semakin berubah. Rakyat mula berpaling dari Sultan. Persepsi umum dialihkan untuk mendukung golongan nasionalis di Ankara. Lelaki dan wanita beramai-ramai mendatangi Ankara, untuk berjuang mempertahankan Turki. Banyak pasukan Khalifah yang cabut lari, dan bergabung dengan pasukan Mustafa Kamal yang telah menjadi fokus pandangan Turki serta figura yang membawa cita-cita kebangsaan Turki. Kelompoknya menjadi kuat. Kebanyakan negara dan wilayah-wilayah negara di dalam genggamannya. Melihat situasi yang menguntungkan pihaknya, Mustafa Kamal mengeluarkan sebaran-sebaran yang mengajak untuk memilih Jawatankuasa Kebangsaan yang berada di Ankara. Pemilihan berjaya dilaksanakan dan anggota-anggota dewan yang baru juga berjaya dikumpulkan. Mereka (para anggota dewan) mendeklarasikan diri sebagai al-Jam'iyah al-Wathaniyyah al-Kubraa. Bahkan, mereka juga menyatakan mereka sebagai pemerintahan yang sah, kemudian memilih Mushthafa Kamal menjadi ketua Jawatankuasa.

Ankara menjadi pusat pemerintahan kebangsaan. Semua unsur kebangsaan Turki bergabung dan memusat di Ankara. Mustafa Kamal berdiri tegak. Secara halus, dia meneruskan operasinya, menghancurkan saki-baki pasukan Khalifah, dan menghentikan perang saudara. Kemudian dia memfokuskan perhatian untuk memerangi dan bertempur dengan Yunani melalui peperangan berdarah. Pada permulaannya kemenangan berpihak pada sekutu. Kemudian situasinya berubah dan kelebihan kepada Mustafa Kamal. Bulan Agus 1921 adalah masa yang menguntungkan, Mustafa Kamal berjaya berdiri tegak. Dengan suatu serangan, dia mampu mengakhiri pertempuran dengan kemenangannya terhadap Yunani yang telah menduduki daerah Izmir dan sebagian pesisir Turki. Di awal September 1921, Mustafa Kamal menghantar delegasi ke 'Ashamta untuk menemui Harnajitun dalam rangka untuk melakukan kesepakatan memecah-belah wilayah khilafah. Di sana sekutu sepakat untuk mengusir Yunani dari daerah Turis, Konstantinopel, dan menyerahkannya kepada Turki. Melalui langkah-langkah Mustafa Kamal yang sistematik, dapat dilihat bahawa kesepakatan Sekutu merupakan bentuk efektif Mustafa Kamal untuk menghapuskan pemerintahan Islam. Oleh itu, tidak menghairankan jika anda mendapati bahawa ketika jawatankuasa kebangsaan memperdebatkan tentang masalah Turki, Mustafa Kamal berpidato dengan mengatakan: "Aku bukanlah seorang mukmin yang terikat dengan liga negeri-negeri Islam, tidak juga dengan kelompok bangsa-bangsa Uthmaniyah. Setiap kita mempercayai pendapat yang dilihatnya. Adapun pemerintahan perlu meyakini (memegang teguh) politik yang kukuh, yang disusun dan dibangun di atas sejumlah hakikat

yang memiliki tujuan satu dan tunggal. Politik itu untuk menjaga kehidupan kebangsaan. Wilayah berasingan masuk dalam ruang yang bersifat geografi. Maka, tidak ada sentimen rasa (iman) dan juga angan-angan (kekhilafahan) yang patut berpengaruh dalam politik kita. Kita perlu menjauhkan mimpi dan khayalan. Di masa lalu hal itu telah membebani kita dengan bayaran yang sangat mahal.”

Begitulah Mustafa Kamal mengumumkan bahawa dirinya menginginkan kemerdekaan Turki yang bersifat kebangsaan, bukan bersifat umat Islam. Sebahagian anggota dewan dan ahli politik menuntut kepadanya untuk menjelaskan pendapatnya tentang perkara-perkara yang menjadi keperluannya dalam membentuk pemerintahan baru di Turki. Sudah tentu tidak masuk akal sekiranya Turki memiliki dua pemerintahan sebagaimana yang ditetapkan ketika itu, iaitu pemerintahan sementara yang memiliki kekuasaan yang kedudukannya di Ankara; dan pemerintahan rasmi di ibukota (Istanbul) yang diketuai oleh Sultan dan para menterinya. Para ahli politik terus mendesak untuk meminta penjelasan pendapat Mustafa Kamal tentang perkara ini. Namun, dia tidak menjawab dan menyembunyikan niatnya. Akibatnya, persepsi umum mencetuskan pemberontakan terhadap Khalifah Wahiduddin. Ini disebabkan dia dianggap membantu Inggeris dan Yunani sehingga kemarahan bangsa berkobar-kobar terhadap Khalifah.

Dalam suasana kebangkitan politik dan kemarahan terhadap Sultan, kelompok jawatankuasa Kebangsaan ini menjelaskan perancangan yang sepatutnya terhadap Sultan dan pemerintahan. Mustafa Kamal mengetahui bahawa dirinya mampu memuaskan hati anggota dewan dengan membuang Wahiduddin dan menghapus kesultanan. Akan tetapi, dia tidak berani untuk dengan menyerang khilafah. Ini disebabkan perkara itu sendirinya akan menyentuh perasaan keislaman seluruh bangsa. Oleh itu, dia tidak menghapus khilafah dan tidak menentangnya. Cuma dia mencadangkan adanya peraturan yang memisahkan antara kekuasaan politik (pemerintahan) dengan khilafah. Kemudian menghapus kesultanan dan memecat Wahiduddin. Apa yang didengar anggota dewan mengenai cadangan ini membuatkan mereka terdiam. Mereka mulai menyedari bahaya cadangan ini yang dibebankan oleh Mustafa Kamal kepada mereka agar menetapkannya. Mereka mahu membincangkan cadangan tersebut. Namun, Mustafa Kamal bimbang terhadap perbincangan tersebut. Maka, dia mendesak agar dewan agar menerima cadangannya. Untuk menjayakan cadangannya ini, Mustafa Kamal diperkuatkan dengan 80 anggota



dewan dari para pengikut setianya. Akan tetapi, majlis tetap menolaknya dan menyerahkan atau memberi mandat cadangan tersebut kepada jawatankuasa Perundangan agar membahaskannya.

Ketika jawatankuasa mengadakan pertemuan di hari berikutnya, Mustafa Kamal menghadiri majlis yang menjadi tempat perjumpaan anggota Jawatankuasa. Dia duduk sambil mengamati reaksi para anggota Jawatankuasa. Akhirnya, perdebatan tentang cadangan Mustafa Kamal tidak boleh dielakkan, bahkan terus berlaku sehingga beberapa jam. Sejumlah anggota majlis dari kalangan ulamak dan peguam menentang cadangan ini. Mereka memberikan hujah-hujah yang kuat berdasarkan pada nas-nas syarak. Menurut mereka, cadangan Mustafa Kamal itu bertentangan dengan syarak kerana di dalam Islam tidak terdapat kekuasaan agama, dan kekuasaan dunia. Kekuasaan dan khilafah adalah satu. Di sana tidak terdapat juga sesuatu yang dinamakan agama, dan lainnya dinamakan sebagai negara. Bahkan, dalam sistem Islam negara merupakan sebahagian dari sistem ini. Negaralah yang menjalankan sistem ini. Oleh itu, jawatankuasa Perundangan tidak menemui alasan konkrit yang membenarkan pemisahan ini berlaku, bahkan tidak menemui rasionalnya pembahasan tersebut. Nas-nas Islam sangat jelas menjelaskan berkenaan persoalan ini. Jawatankuasa menolak cadangan ini. Akan tetapi, Mustafa Kamal tetap berfikiran lain. Dia sudah bertekad akan memisahkan agama dari negara. Caranya dengan memisahkan kekuasaan dari khilafah. Ini merupakan langkah awal untuk menghapuskan khilafah, di samping sebagai peranan yang telah dipersiapkan oleh Inggeris untuknya menghancurkan negara Khilafah. Ia juga sebagai bentuk tuntutan sekutu terhadapnya sehingga dia berjaya menamatkan riwayat negara Islam melalui tangan rakyatnya sendiri.

Melihat perdebatan-perdebatan Jawatankuasa dan arah perbincangannya yang bertegang urat, maka Mustafa Kamal dengan spontan berdiri. Dia kemudian melangkah ke hadapan dan mengambil tempat. Dia duduk dalam keadaan marah, dan memutus perdebatan Jawatankuasa dengan berteriak kuat: "Wahai Tuan-tuan! Kesultanan Uthmaniyah telah merampas kepimpinan bangsa dan kekuatan yang diyakini bangsa yang hendak menuntut kembali dari Sultan. Kesultanan merampasnya dengan kekuatan. Kekuasaan mesti dipisahkan dari khilafah dan dihapuskan, samada anda semua bersetuju atau tidak, perkara itu pasti akan berlaku! Setiap perkara yang terdapat dalam urusan ini pasti akan menjatuhkan sebahagian ketua kamu selama itu." Dia berkata-kata dengan gaya bahasa seorang

diktator. Dia mengasingkan kumpulan Jawatankuasa. Kemudian Jawatankuasa Kebangsaan dipanggil agar membahas cadangannya.

Dalam perbincangan tersebut, Mustafa Kamal nampak bahawa arah pandangan Jawatankuasa adalah cenderung ke arah pembatalan cadangannya. Tanda-tanda ini mendorong para pendukungnya berkumpul dan meminta sidang dewan memberikan pendapat tentang cadangan Mustafa Kamal dengan cara mengangkat tangan. Akan tetapi, anggota dewan tidak bersetuju dan memprotes cara ini dengan berkata, "Jika memberikan pendapat, maka perlu dipanggil dengan nama." Namun, Mustafa Kamal menolaknya. Dengan suara nada mengancam, dia berteriak kuat, "Aku setuju dengan majlis yang menerima cadangan dengan kesepakatan pendapat. Pengambilan suara cukup dengan mengangkat tangan." Cadangan dilontarkan untuk meminta suara dan tidak ada yang mengangkat kecuali amat sedikit. Akan tetapi keputusan akhir tetap memutuskan bahawa majlis telah memperakui cadangan Mustafa Kamal dengan sebulat suara. Anggota dewan sangat terkejut keputusan itu. Sebahagian mereka melompat ke atas tempat duduk dan berteriak lantang, "Keputusan ini tidak sah dan kami tidak setuju!" Para pendukung Mustafa Kamal pula berteriak untuk mendiamkan mereka. Maka suasana sidang menjadi kacau bilau. Mereka saling mencerca. Sementara pemimpin dewan mengumumkan sekali lagi "keputusan akhir sidang" dengan menyatakan bahawa Jawatankuasa Kebangsaan Besar Turki (al-Jam'iyatu al-Wathaniyyah al-Kubraa) memutuskan dengan "sebulat suara" bahawa kesultanan dihapus iaitu dipisahkan dari khilafah. Kemudian persidangan ditutup. Mustafa segera meninggalkan dewan sambil diiringi para pengikutnya. Ketika Khalifah Wahiduddin mengetahui perkara tersebut, dia lari ketakutan. Pengaruh "keputusan dewan" yang diumumkan membuatkan dia lari. Kekosongan khalifah ini perlu segera diisi. Maka, saudaranya, Abdul Majid dipanggil dan didaulat menjadi khalifah kaum Muslimin yang kosong. Abdul Majid menjadi khalifah tanpa kekuasaan. Negara menjadi negara yang tidak mempunyai penguasa yang syar'i.

Jika kesultanan atau kekuasaan dipisahkan dari khilafah, maka siapa yang akan menerapkan hukum dan menjalankan pemerintahan? Mustafa Kamal berusaha bersungguh-sungguh untuk memisahkan kesultanan dari khilafah. Dia sudah merancang terlebih dulu sebelum menentukan bentuk pemerintahan yang akan menggantikan khilafah. Khilafah akan diubah menjadi Pemerintahan Turki. Oleh sebab itu, dia menentukan bentuk pemerintahan baru selepas menghapuskan kesultanan. Adakah Mustafa Kamal akan menyusun kabinet,

ketika masih menjadi ketua pemerintahan bidang perundangan, sedangkan khalifah masih “memiliki” kekuasaan, disebabkan penghapusan (kekuasaan) dianggapnya tidak sah? Khalifah tidak menerima Mustafa Kamal yang mahu membentuk kabinet. Namun, Mustafa Kamal menyembunyikan keazamannya. Dia meneruskan perancangannya dengan kekuatan dan kekuasaan yang dimilikinya. Dia juga menjalankan pemerintahan melalui rakyat. Dia membentuk parti yang dinamakan Parti Rakyat. Tujuannya adalah untuk mengambil pandangan umum untuk menjadi miliknya. Walaupun langkah-langkahnya sudah jauh, Mustafa Kamal tidak boleh mengabaikan bahawa suara majoriti dalam Jawatankuasa adalah bertentangan dengan kehendaknya, selepas dia mengumumkan secara paksa pemisahan kesultanan dari khilafah. Oleh sebab itu, dia perlu mengambil inisiatif untuk mengumumkan bentuk pemerintahan yang ditetapkannya, iaitu Pemerintahan Republik Turki, dan mengumumkan dirinya sebagai presiden. Kemudian Mustafa Kamal bekerja keras untuk menjerumuskan Jawatankuasa dalam berbagai krisis berdarah sehingga dia memiliki alasan kukuh untuk meminta pembubaran parlimen, dan mengajukan pembubarannya terhadap Jawatankuasa Kebangsaan. Jawatankuasa juga tidak menemukan orang yang tepat untuk menguasai parlemen. Selepas krisis memuncak, dia mengusulkan pada jawatankuasa agar Mustafa Kamal juga menguasai parlimen. Jawatankuasa menerima cadangannya disebabkan keadaannya sangat genting, dan Mustafa Kamal dipercayai boleh mengatasinya. Jawatankuasa meminta Mustafa Kamal menguasai (memerintah) parlimen dan menyelesaikan krisis. Pada mulanya, dia nampak keberatan, kemudian menjawab permintaan, dia naik ke podium dan berkata kepada anggota dewan: “Kamu telah menghantar utusan untuk memintaku agar menyelamatkan keadaan krisis yang bertali arus. Akan tetapi, krisis ini akibat perbuatan kamu. Tempat tercetusnya krisis ini adalah perkara yang amat mudah, tetapi telah menjadi kesalahan asas dalam sistem pemerintahan kita. Jawatankuasa Kebangsaan menjalankan fungsi kekuasaan untuk merumuskan hukum dan undang-undang, serta jawatankuasa pelaksana dalam satu masa. Setiap timbalan kamu perlu bersama-sama dalam mengeluarkan setiap keputusan dengan menteri saya, dan memasukkan jaringannya dalam pejabat pemerintahan. Setiap keputusan ada di tangan menteri. Wahai Tuan-tuan, tidak seorang menteri pun (pejabat tinggi dalam pemerintahan khilafah) yang mampu memikul tanggung jawab dan menerima kedudukan dalam situasi seperti ini? Kamu perlu menyedari bahawa pemerintahan yang tertegak di atas asas ini adalah pemerintahan yang mustahil mampu mewujudkannya. Jika terdapat pemerintahan seperti itu, maka itu bukanlah

pemerintahan, bahkan merupakan kekacauan. Kita wajib mengubah kedudukan ini. Oleh itu, saya memutuskan Turki menjadi Republik yang memiliki seorang presiden yang dipilih melalui pilihanraya." Selepas menyelesaikan pidatonya, dia mengumumkan rumusan yang dijanjikan sebelumnya, iaitu mengubah negara Islam menjadi Republik Turki dan Mustafa Kamal dipilih menjadi presiden Turki yang pertama. Dengan demikian, dia mengangkat dirinya menjadi penguasa hukum undang-undang negara.

Namun begitu, urusannya tidak semudah sebagaimana yang dikehendaki oleh Mustafa Kamal. Rakyat Turki adalah rakyat beragama Islam. Apa yang dilakukan Mustafa Kamal adalah menyalahi Islam. Negara pula didominasi pemikiran yang menyatakan bahawa Mustafa Kamal berazam untuk menghapuskan Islam. Pemikiran ini diperkuat dengan tindakan-tindakan Mustafa Kamal sendiri yang amat jelas mengingkari dan melanggar Islam di dalam kehidupannya, terutama penentangannya terhadap semua hukum syarak. Dia juga selalu merendahkan setiap keputusan suci atau hukum yang berlaku di dalam kehidupan kaum Muslimin. Majoriti umat yakin bahawa Pemerintahan Ankara adalah pemerintahan kufur yang dilaknat. Masyarakat akhirnya berkumpul mengelilingi Khalifah Abdul Majid dan berusaha untuk mengembalikan kekuasaan kepadanya. Mereka juga menjadikannya penguasa yang akan menghukum golongan murtad tersebut. Mustafa Kamal mengetahui bahaya yang semakin merebak. Dia juga melihat bahawa majoriti rakyat membencinya dan menuduhnya sebagai seorang zindiq, kafir, dan atheis. Mustafa Kamal berfikir dengan serius tentang urusan ini. Akhirnya, dia mengambil langkahnya dengan meningkatkan aktiviti propaganda menentang khalifah dan khilafah. Di setiap tempat dan peluang, dia membangkitkan semangat Jawatankuasa Kebangsaan hingga Undang-undang Pembenterasan (subversif) semakin diperhebatkan dengan menyatakan bahawa setiap orang yang menentang Republik dan setiap orang yang menyokong Sultan dianggap sebagai pengkhianat yang akan dibalas dengan hukuman mati. Dalam setiap majlis pertemuan terutamanya dalam Jawatankuasa Kebangsaan (Dewan Nasional), Mustafa Kamal akan memperkatakan akan bahayanya Khilafah. Lebih dari itu lagi Mustafa Kamal menyediakan suasana yang mendorong kepada penghapusan khilafah. Sebagian anggota dewan pula memperkatakan manfaat khilafah bagi Turki dari aspek diplomasi. Akan tetapi, Mustafa Kamal menentang mereka dan berkata pada Jawatankuasa Nasional: "Bukankah khilafah, Islam, dan tokoh-tokoh agama, yang telah memerangi penduduk kampung Turki dan mereka mati selama 5 abad? Sekarang ini Turki melihat kepada kepentingannya dan tidak

mengendahkan India dan Arab, serta melaksanakan pemerintahan sendiri yang bebas dari penguasaan kaum Muslimin.”

Begitulah langkah-langkah yang diambil oleh Mushthafa Kamal. Dia melakukan propaganda menentang khilafah dengan menjelaskan bahaya-bahayanya bagi Turki, sebagaimana menjelaskan bahaya-bahaya khilafah terhadap dirinya. Dia menggambarkan khilafah dan para pendukungnya dengan gambaran yang tidak tepat, dan menampakkan kebaikan Inggeris. Tidak cukup itu saja, dia juga melabelkan penganas terhadap orang-orang yang mendukung khilafah. Seorang anggota dewan meneriakkan dengan kuat yang berpihak pada khilafah. Dengan tegas dia menunjukkan pembelaannya pada agama. Melihat penentangan ini, tidak ada cara lain yang boleh dilakukan oleh Mustafa Kamal kecuali menugaskan seseorang secara rahsia untuk membunuh anggota dewan itu pada malam hari. Dengan cepat, petugas rahsia dari konco-konco Mustafa Kamal membunuh anggota dewan tersebut dalam perjalanan pulang ke rumahnya dari pertemuan Jawatankuasa Nasional. Seorang anggota dewan lain menyampaikan ucapan berkenaan Islam, lalu Mustafa Kamal mendatanginya dan mengancamnya dengan hukuman gantung jika dia masih membuka mulutnya sekali lagi. Seperti inilah tindakan yang dilakukan Mustafa Kamal. Dia menebarkan ketakutan di sepanjang pemerintahannya. Dia juga menugaskan seorang hakim Istanbul untuk menghapus tanda-tanda kebesaran yang berada disekeliling konvoi khilafah ketika pelaksanaan solat Jumaat. Akibatnya, martabat khilafah jatuh sehingga ke tahap yang paling rendah. Mustafa Kamal juga memperingatkan dengan tegas kepada para pengikut khilafah supaya melepaskan diri darinya. Peringatannya mesti dilaksanakan. Melihat perkembangan ini, sebahagian golongan moderat dari para pendukung Mustafa Kamal yang masih memiliki semangat Islam yang bimbang terhapusnya khilafah. Maka, mereka meminta agar Mustafa Kamal untuk menempatkan dirinya menjadi khilafah kaum Muslimin. Namun, Mustafa Kamal tidak menerimanya. Kemudian dua orang utusan daripada dari Mesir dan India datang berjumpa Mustafa Kamal. Kedua-duanya juga meminta agar Mustafa Kamal melantik dirinya menjadi khilafah. Harapan ini berulang kali disampaikan, tetapi Mustafa Kamal tetap menolaknya. Dia telah menyiapkan pukulan yang mematikan dengan mengumumkan penghapusan khilafah. Di tengah kehidupan bangsa, di tengah pasukan, dan di tengah jawatankuasa Naional, dia membangkitkan kemarahan terhadap pihak-pihak asing, musuh, dan sekutu khilafah. Usaha membangkitkan kemarahan terhadap pihak asing ini merupakan tipudaya untuk memanipulasi tujuan, di antaranya menghubungkan tuduhan terhadap khilafah yang dipersepsikan sebagai sekutu asing, sehingga

polemik ini akan membangkitkan kemarahan rakyat terhadap khalifah. Mustafa Kamal juga mencipta isu-isu yang mampu membangkitkan penentangan terhadap khalifah. Ketika suasana yang sudah panas ini mendominasi negara, maka Mustafa Kamal maju selangkah lagi dengan lebih berani. Pada tarikh 3 Mac 1924 Masehi, Mustafa Kamal mengadakan sidang Jawatankuasa Nasional dengan rumusan yang sudah ditetapkan iaitu menetapkan penghapusan khilafah, menghalau khalifah, dan memisahkan agama dari negara. Di antara pidato yang disampaikan pada anggota dewan ketika menetapkan rumusan ini adalah: "Dengan harga apa yang perlu dibayar untuk menjaga Republik yang terancam ini dan menjadikannya berdiri teguh di atas prinsip ilmiah yang kuat? Khalifah dan semua keturunan keluarga 'Uthman perlu pergi (dari Turki), pengadilan agama yang kuno dan undang-undangnya perlu diganti dengan keadilan dan undang-undang moden, sekolah-sekolah kaum agamawan perlu dihapuskan tempatnya untuk dijadikan sekolah-sekolah negeri yang tanpa agama." Kemudian dia menyerang Islam dan orang-orang yang dinamakan kaum agamawan.

Dengan kekuatan diktator, Mustafa Kamal menetapkan rumusan ini melalui Jawatankuasa Nasional. Keputusan ditetapkan tanpa melalui sebarang diskusi. Kemudian dia menghantar arahan kepada hakim Istanbul agar memutuskan hukuman pengusiran untuk Khalifah Abdul Majid. Khalifah perlu meninggalkan Turki sebelum fajar sehari selepas dikeluarkan keputusan ini. Hakim dan sejumlah polis yang menyertainya, disertai tentera berangkat ke istana khalifah di tengah malam. Mereka memaksanya menaiki kereta lalu membawanya keluar ke sempadan Turki. Mereka tidak diberikan toleransi, kecuali hanya dibenarkan membawa satu beg yang mengandungi beberapa helai pakaian dan sedikit wang.

Demikianlah Mustafa Kamal meruntuhkan negara Islam dan sistem Islam. Dia mendirikan negara kapitalis dan sistem kapitalis. Dengan demikian, dia telah merobohkan negara Islam dan merealisasikan mimpi kaum kafir yang menjadi senda gurau mereka semenjak Perang Salib. Ingatlah, Mustafa Kamal yang menghancurkan Daulah Islam![]

## **Halangan Tertegaknya Negara Islam**

Perang Dunia Pertama berakhir, pasukan sekutu berjaya menguasai hampir keseluruhan wilayah negara Islam. Cita-cita mereka adalah menghapuskan negara Islam secara total dan berusaha menghalang tertegaknya kembali untuk kali keduanya. Untuk menghapuskannya secara total, mereka perlu memecah-belahnya terlebih dulu, tanpa memberi peluang untuk mendirikan negara Islam di mana-mana belahan bumi Islam. Mereka telah meletakkan strategi global dengan menggunakan berbagai uslub yang menjamin negara Islam tidak akan hidup kembali. Mereka sentiasa melakukan usaha penghapusan ini demi tujuan tersebut.

Semenjak kafir penjajah menduduki negeri-negeri kaum Muslimin, mereka memantapkan kekuasaannya dengan mengukuhkan sistem hukum berdasarkan perancangan mereka. Pada tahun 1918 Masehi, mereka berjaya menduduki negeri-negeri yang selama ini bernaung di bawah pemerintahan negara Uthmaniyah. Kemudian di negeri-negeri tersebut melaksanakan sistem hukum ketenteraan hingga tahun 1922 Masehi. Kemudian mereka mengukuhkan pemerintahannya dengan nama Pemerintahan Kolonial di sebagian negeri dan menggunakan nama kemerdekaan penuh di negeri lainnya hingga tahun 1924 Masehi. Pada tahun itu, pihak musuh terutama Inggeris telah melakukan pelbagai persiapan untuk berbagai wasilah penentangan terhadap semua unsur yang dijangka akan menjadi kekuatan untuk mengembalikan negara Islam. Ketika itu Mustafa Kamal menghapuskan sistem khilafah Negara Uthmaniyah, menjadi Republik Demokrasi Turki. Mustafa Kamal menghapuskan khilafah hingga menghapuskan secara total angan-angan terakhir yang menghendaki kembalinya negara Islam. Pada pertengahan tahun itu, Hussain bin Ali keluar dari Hijaz, dan ditahan di Tripoli disebabkan sangat menginginkan kembalinya khilafah. Pada tahun itu juga, melalui agennya, Inggeris menyusup masuk ke dalam pertemuan muktamar khilafah yang diadakan di Kaherah Mesir. Mereka berusaha memecah-belah dan menghancurkannya. Pada tahun yang sama, Inggeris bekerja keras untuk menghapuskan Jam'iyah Khilafah (jawatankuasa yang memperjuangkan khilafah) di India, membatalkan usaha-usahanya, dan mengubah serta mengalihkan halatuju perjuangannya kepada fahaman nasionalisme dan kebangsaan. Di Mesir, tahun yang sama diterbitkan sejumlah karangan dari segelintir ulama al-Azhar yang dipengaruhi kafir penjajah. Isi kandungannya mengajak umat untuk memisahkan agama dengan negara, dan menyerukan

bahawa di dalam Islam tidak ada dasar-dasar pemerintahan, serta menggambarkan Islam sebagai agama kependetaan. Dikatakan juga bahawa dalam Islam, tidak terdapat konsep tentang pemerintahan dan negara. Tahun itu dan tahun-tahun berikutnya, di negeri-negeri Arab terjadi perdebatan-perdebatan seputar dua tema, yaitu Adakah persekutuan Arab lebih patut dan lebih memungkinkan atautkah persekutuan Islami. Berbagai surat kabar dan majalah sibuk memperbincangkan tema-tema itu, padahal kedua-duanya, apakah persekutuan Arab atau persekutuan Islam, sama-sama tidak sesuai dengan Islam. Kewujudan kedua-duanya hanyalah berusaha mengadakan perubahan tanpa mendirikan negara Islam. Akan tetapi, bagi kafir penjajah, perdebatan ini mengandung kepentingan lain, iaitu untuk mengalihkan fokus umat dari negara Islam. Dengan diskusi-diskusi ini, mereka mampu menjauhkan umat dari pandangan tentang khilafah dan negara Islam.

Sebelum melakukan penjajahan, kaum kafir imperialis telah mempropagandakan slogan-slogan nasionalis Turki terhadap generasi muda Turki. Dipropagandakan bahawa Turki memikul beban berat bangsa-bangsa yang bukan bangsa Turki. Turki perlu membebaskan diri dari bangsa-bangsa selain Turki. Turki perlu menyusun parti-parti politik yang bekerja untuk mewujudkan nasionalisme Turki, dan membebaskan Turki dari negeri-negeri selain Turki. Begitu juga di kalangan para pemuda Arab. Slogan-slogan nasionalisme Arab juga disebarluaskan oleh kafir penjajah. Mereka mempropagandakan Turki adalah negara penjajah. Maka sekaranglah masanya bagi bangsa Arab untuk membebaskan diri dari penjajahan Turki. Dengan slogan-slogan itu mereka membentuk parti-parti politik yang bekerja untuk mewujudkan persatuan Arab dan membebaskan Arab. Penjajahan belum dilaksanakan, sehingga kafir penjajah berjaya menyebarkan slogan-slogan nasionalisme dan menjadikannya semangat perjuangan yang mengambil alih kedudukan Islam sebelum ini. Maka kemerdekaan Turki adalah di atas dasar kebangsaan dan nasionalisme. Bangsa Arab juga bekerja untuk pemerintahan yang berdiri atas dasar kebangsaan dan nasionalisme. Kata-kata nasionalisme dan kebangsaan menyebar dan memenuhi persekitaran dunia Islam. Kata-kata itu akhirnya menjadi tumpuan kebanggaan dan kemuliaan. Usaha penjajah tidak cukup dengan itu saja. Mereka juga menyebarkan pemahaman-pemahaman yang menyesatkan tentang pemerintahan dalam Islam, tentang Islam, dan gambaran khilafah yang dinyatakan seperti jawatan Paul dalam Kristian, dan menamalkan bentuk pemerintahan agama yang bersifat kependetaan. Sehingga kaum Muslimin sendiri akhirnya merasa malu menyebut perkataan khalifah dan juga orang yang menuntut khilafah. Di



kalangan kaum Muslimin juga didapati pemahaman umum yang menyatakan bahawa persoalan khilafah adalah perkara terbelakang dan jumud, yang tidak sepatutnya keluar daripada seorang yang cedikiawan dan seorang pemikir.

Di tengah-tengah suasana kebangsaan dan nasionalisme ini, negara Islam dibahagi-bahagi menjadi beberapa negara. Penduduk setiap negara berpusat dan berkelompok di negara asal mereka tinggal. Negara Uthmaniyah dibahagikan menjadi beberapa negara, di antaranya Turki, Mesir, Iraq, Syiria, Labenon, Palestin, kawasan Timur Jordan, Hijaz, Najd, dan Yaman. Para ahli politik yang menjadi agen kafir penjajah mengadakan pelbagai muktamar dan kongres di setiap negara tempat mereka tinggal. Mereka semua menuntut kemerdekaan dari negara Uthmaniyah. Tuntutan kemerdekaan di masing-masing negeri yang digariskan dalam muktamar, ditetapkan menjadi negara yang berdiri sendiri dan terpisah dari negeri-negeri Islam lainnya. Atas dasar ini berdirilah Negara Turki, Iraq, Mesir, Syiria, dan seterusnya. Kemudian di Palestin didirikan gerakan nasionalis kebangsaan Yahudi, yang beberapa masa kemudian berubah menjadi 'Gerakan Perjuangan Kemerdekaan' atas nama negara. Ianya bermotifkan untuk menjadi kepala jambatan demi kepentingan kafir, dan untuk menyibukkan kaum muslimin terhadap isu tersebut berbanding kafir penjajah. Akhirnya kaum Muslimin lupa terhadap kafir penjajah, iaitu negara-negara Barat, seperti Inggeris, Amerika, dan Perancis. Mereka meletakkan penghalang yang akan memecah-belah negeri-negeri kaum Muslimin, sehingga kaum Muslimin tidak mampu mengembalikan negara Islam. Dengan demikian, fokus terhadap kedudukan geografi dan persepsi umum sudah berubah dan sudah lagi tidak bermotifkan pembebasan kaum Muslim.

Maka tertegaklah pemerintahan yang menerapkan sistem kapitalis di bidang ekonomi; menerapkan sistem demokrasi di bidang pemerintahan; dan menerapkan undang-undang Barat di aspek pengurusan dan penghakiman. Pemerintahan tersebut juga mengambil peradaban dan pemahaman tentang kehidupan dari Barat. Maka berlakulah fokus terhadap pandangan hidup Barat, sehingga nilai-nilai kehidupannya menjadi panduan hidup kaum Muslimin. Kafir penjajah ini berjaya mendapatkan kejayaan yang besar. Mesir menjadi wilayah kekuasaannya, kemudian diterapkan sistem kerajaan berparlimen. Di Iraq juga diterapkan sistem kerajaan berparlimen. Di Labenon dan Syiria dilaksanakan sistem republik. Di Timur Jordan pula diterapkan sistem beraja, dan di Palestin ditetapkan sistem pemerintahan koloni, yang berakhir dengan tertegaknya sistem demokrasi parlimen bersama Yahudi sebagai negara. dan Baki wilayahnya yang

lain pula digabungkan dengan kawasan Timur Jordan, lalu menjadikannya kerajaan berparlimen. Di Hijaz dan Yaman ditegakkan sistem monarki mutlak. Di Turki pula didirikan republik. Di Afganistan ditegakkan kerajaan pewarisan. Kafir penjajah juga mendorong Iran agar memegang teguh sistem kekaisaran. Mereka juga membiarkan India menjadi daerah jajahan, kemudian membahagikannya kepada dua negara. Dengan strategi ini, kafir penjajah menjadikan sistemnya diterapkan di dalam negeri kaum Muslimin. Melalui penerapannya akan melemahkan fikiran dan jiwa kaum Muslim untuk mengembalikan pemerintahan Islam. Usaha kafir penjajah tidak terhenti di sini sahaja, bahkan jiwa-jiwa penduduk negeri-negeri Islam dikondisikan dalam suasana agar mereka memiliki, dan dapat mempertahankan sistem yang diterapkan. Ini kerana penduduk setiap negeri dari negeri-negeri negara Islam beranggapan bahawa negeri mereka sahaja yang dikira sebagai negara yang berdiri sendiri. Akibatnya, kaum Muslimin memahami wajibnya memerdekakan negeri mereka dari negeri-negeri Islam lainnya. Maka tidak pelik jika orang Iraq di Turki dianggap sebagai orang asing. Orang Syiria di Mesir juga dilabelkan sebagai orang asing. Begitulah cara-cara para penguasa di setiap negeri dalam rangka untuk menjaga pemahaman sistem kapitalis demokrasi. Penjagaan mereka terhadap sistem ini jauh lebih hebat daripada penjagaan penduduknya. Mereka menjadi pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk memelihara sistem dan undang-undang yang dibentuk penjajah, dan dipraktikkan di kalangan mereka. Setiap usaha untuk mengubah sistem yang berlaku, dianggap sebagai gerakan yang legal. Gerakan ini akan dikenai hukuman berat oleh undang-undang penjajah yang dilaksanakan oleh para penguasa.

Kafir penjajah menerapkan undang-undang Barat di negeri kaum Muslim dengan segera melalui agen-agensinya. Semenjak separuh pertama abad 19 lagi, penjajah sudah berusaha memasukkan undang-undang Barat ke negara Islam. Di Mesir penjajah mendorong untuk dimasukkan undang-undang Perancis menggantikan kedudukan hukum-hukum syara'. Usaha ini berjaya dan Mesir semenjak tahun 1883 Masehi sudah mula menerapkan undang-undang Perancis, juga mentemahkan undang-undang Perancis lama, dan menerapkannya sebagai menjadi undang-undang rasmi negara, menggantikan kedudukan undang-undang syara'. Undang-undang ini diterapkan di mahkamah-mahkamah Mesir. Dalam negara Uthmaniyah, semenjak tahun 1856 lagi, muncul gerakan untuk menjadikan undang-undang Barat sebagai undang-undang Turki. Pada permulaannya gerakan ini tidak berjalan lancar seperti di Mesir. Ini disebabkan masih terdapat Khilafah Islam Negara Uthmaniyah. Akan tetapi, kaum kafir

berterusan mendesak, mengkader, dan meletakkan agen-agen mereka pada jabatan-jabatan strategik. Akhirnya agen-agen tersebut menerima kemasukan undang-undang hukuman, undang-undang tentang hak, dan undang-undang perdagangan melalui fatwa-fatwa yang dinyatakan bahawa undang-undang tersebut tidak bertentangan dengan Islam. Kemudian kaum kafir memasukkan idea penggubalan undang-undang, menyusun kodifikasi hukum-hukum syara' sebagai undang-undang, dan membahagikan mahkamah menjadi dua. Pertama, mahkamah yang menjalankan sistem hukum Islam, dan kedua yang menjalankan sistem hukum Barat yang difatwakan oleh ulamak bahawa ianya tidak bertentangan dengan Islam. Maka undang-undang syarak disesuaikan dan merujuk pada undang-undang Barat. Inilah campurtangan kafir penjajah yang berkaitan dengan undang-undang.

Melalui perlembagaan pula, ia lebih terarah pada penggubalan perlembagaan negara, yang diambil dari perlembagaan Perancis. Penggubalannya adalah dilakukan dengan mengadaptasi undang-undang tersebut. Pada tahun 1878, usaha ini hampir berjaya. Namun, disebabkan penentangan kaum Muslimin masih kuat, maka prosesnya berjaya dipatahkan dan statik di situ. Tetapi, kafir penjajah terus menghimpit, didukung pula oleh kejayaan agen-agensya dan orang-orang yang terpengaruh dengan ilmu pengetahuan Barat, maka terbuka peluang yang kemungkinan untuk menyusun perlembagaan tersebut. Pada tahun 1908, Negara menetapkan perlembagaan. Dengan ditetapkannya undang-undang dan perlembagaan di negara Uthmaniyah, maka hampir seluruh wilayah negara Islam, kecuali semenanjung Arab dan Afganistan, berjalan mengikuti arah undang-undang Barat. Penjajah kafir tidak menduduki suatu negeri itu melainkan berusaha menjadikan negeri itu berdiri dengan menerapkan seluruh undang-undang Barat, dan menganggapnya sebagai undang-undang rasmi. Sedangkan kedudukan undang-undang tersebut tidak ada hubungannya dengan Islam, bahkan meninggalkan hukum-hukum syarak. Ini bermaksud bahawa negara telah menetapkan hukum atau sistem pemerintahan kufur, dan menjauhkan sistem pemerintahan Islam. Kejayaan penjajah kafir dibantu dengan makin mantapnya asas-asas dan penegakan semua perkara berlandaskan politik pendidikan yang dirangka. Di samping juga sistem pendidikan penjajah kafir yang hingga kini masih diterapkan di seluruh negeri-negeri Islam. Semua ini menghasilkan "pasukan besar" tenaga pengajar, yang sebahagian besarnya menjaga dan memelihara sistem ini. Ia juga melahirkan orang-orang yang sebahagian besar memegang jawatan penting yang berkaitan

dengan mengatur urusan kehidupan. Mereka berjalan sesuai dengan kehendak kafir penjajah.

Politik pendidikan pula dibangun dan disusun berdasarkan dua dasar. Pertama, memisahkan urusan agama dari kehidupan. Pemisahan ini dengan sendirinya menghasilkan pemisahan agama dari negara. Ini akan mendorong anak-anak kaum Muslimin berjuang memerangi penegakkan negara Islam, dengan alasan bahwa perkara itu bertentangan dengan asas pendidikan mereka. Kedua, membentuk keperibadian kafir penjajah yang dijadikan sumber utama yang mengisi akal kaum Muslimin, iaitu pemahaman yang terbentuk dari pengetahuan dan informasi-informasi yang disampaikan kepada mereka. Penerapan ini mewajibkan murid menghormati dan mengagungkan kafir penjajah, dan berusaha meneladaninya, walaupun yang dicontohi itu adalah penjajah kafir. Di samping itu, murid juga dituntut merendahkan orang Islam dan menjauhinya, merasa jijik terhadapnya, angkuh dan memandangnya rendah, serta meremehkan setiap orang yang merujuk kepada Islam. Tidak menghairankan jika ajaran-ajaran ini melahirkan permusuhan terhadap pembentukan negara Islam. Menuduhnya sebagai perbuatan terbelakang dan mundur. Penjajah tidak cukup dengan meletakkan sistem pendidikan, yang diasuh dan dibimbing oleh para penguasa, melainkan juga mendirikan sekolah-sekolah misionari yang berlandaskan pada program penjajahan. Didirikan pula institut-institut ilmu pengetahuan yang dibentuk berdasarkan hala tuju politik yang tidak tepat dan ilmu pengetahuan yang salah. Dengan demikian, bentuk pemikiran di pelbagai sekolah dan institut-institut yang beraneka ragam dan memiliki banyak cabang itu, akan membentuk umat dengan ilmu pengetahuan yang akan menjauhkan mereka dari pemikiran mengenai negara Islam, dan usaha-usaha untuk mewujudkannya.

Selain itu, dilaksanakan sistem politik di seluruh negeri Islam berdasarkan idea pemisahan agama dari kehidupan (sekularisme). Dengan demikian, berkembang di kalangan intelektual pemikiran tentang pemisahan agama dari negara. Sementara itu di kalangan masyarakat juga berkembang pemikiran tentang pemisahan agama dari politik. Akibatnya, banyak dijumpai kumpulan-kumpulan intelektual yang berpendapat bahawa penyebab kemunduran umat Islam adalah keteguhan mereka berpegang dengan agamanya. Satu-satunya jalan

kebangkitan adalah berpegang pada fahaman kebangsaan dan berjuang untuknya. Dijumpai jumpa kumpulan-kumpulan yang berpendapat bahawa penyebab kemunduran umat adalah krisis akhlak.

Berdasarkan asas yang pertama tersebut banyak pembentukan kumpulan-kumpulan dengan sebutan 'Parti Politik' yang berorientasi pada kesukuan dan nasionalisme. Sementara itu aktiviti yang berorientasi pada Islam dianggap sebagai tipudaya penjajah, dianggap sebagai kemunduran dan kejumudan, yang akan membawa kepada kemunduran dan kemerosotan. Adapun berdasarkan asas kedua, berdiri beberapa organisasi atas dasar akhlak, nasihat, dan petunjuk. Mereka berjuang untuk meraih nilai-nilai keutamaan dan akhlak, serta menjauhkan diri daripada campurtangan politik. Parti-parti politik dan kumpulan-kumpulan tersebut aktiviti hanya akan berkisar kawasan setempat tanpa dapat sampai kepada terbentuknya negara Islam. Oleh sebab itu, mereka telah mengganti aktiviti politik yang memang diwajibkan syara' iaitu menegakkan negara Islam, dengan aktiviti yang bersifat akhlak semata. Di mana akhlak merupakan hasil daripada kesempurnaan seorang Muslim dalam mengamalkan Islam dan hasil dari penegakkan Pemerintahan Islam. Sesungguhnya parti-parti yang berdiri dengan asas penjajah, sangat jelas bertentangan dengan Islam dan tidak akan menegakkan negara Islam.

Di samping melalui sistem politik, dibentuk pula undang-undang yang mampu menjaga dan memelihara pelaksanaan sistem tersebut. Undang-undang itu menetapkan pelbagai peraturan yang melarang pembentukan parti-parti politik, atau gerakan-gerakan politik yang berlandaskan Islam. Undang-undang itu melabelkan kaum Muslimin yang menyertai parti-parti Islam sebagai kumpulan-kumpulan radikal dan ekstrem, walaupun secara faktanya mereka adalah penduduk negeri itu sendiri. Undang-undang tersebut juga menetapkan berbagai peraturan yang mensyaratkan parti-parti dan gerakan-gerakan politik menggunakan sistem demokrasi. Anggota-anggotanya tidak terhad kepada kumpulannya sahaja. Ini bermaksud undang-undang tidak membolehkan di negeri-negeri Islam terbentuknya parti-parti atau gerakan-gerakan politik yang berlandaskan Islam supaya negara Islam tidak kembali lagi. Kaum Muslimin tidak memiliki hak kecuali mendirikan kumpulan-kumpulan atau organisasi kebajikan dan yang sejenisnya. Mereka dilarang melakukan aktiviti politik yang berlandaskan Islam. Sebahagian undang-undang menganggapnya sebagai perbuatan jenayah yang menjatuhkan hukuman bagi mereka yang berusaha mewujudkan parti politik. Dengan demikian, sistem politik telah dikawal selia di

atas landasan yang akan menghalang usaha pembentukan negara Islam. Halangan tersebut dilakukan dengan undang-undang.

Penjajah tidak melakukan itu sahaja. Mereka berusaha memalingkan kaum Muslimin dari pemikiran tentang negara Islam. Perkara ini dilakukan dengan beberapa tindakan. Barat menggalakkan muktamar-muktamar Islam agar umat berpaling dari aktivitas yang berusaha kepada dakwah Islam dan mewujudkan kehidupan Islam di bawah naungan negara Islam. Muktamar-muktamar ini sebenarnya hanya memuat kegiatan-kegiatan yang sifatnya meraih simpati, mengambil keputusan-keputusan yang bersifat verbal, dan menyebarkannya di berbagai surat kabar dan media massa yang lainnya, semata-mata hanya untuk diberitakan saja, bukan untuk dilaksanakan. Bahkan, tidak ada usaha sedikit pun untuk melaksanakannya. Barat menggalakkan para pengarang dan penyarah untuk menjelaskan bahayanya kewujudan negara Islam. Menjelaskan bahawa di dalam Islam tidak ada sistem pemerintahan. Lalu dikeluarkanlah buku-buku, artikel-artikel dan jurnal-jurnal oleh sekelompok umat Islam, agar mereka mengembangkan propaganda penjajah ini, sehingga kaum Muslimin tersesat, berpaling dari agama mereka dan dari aktiviti yang berupaya mewujudkan kehidupan menurut sistem hukum Islam. Demikianlah langkah-langkah proaktif penjajah. Semenjak berjaya menghancurkan negara Islam sehingga sekarang, mereka terus berusaha menciptakan berbagai krisis dan halangan-halangan yang akan menghalang terbentuknya negara Islam. Aktivitinya difokuskan pada kegiatan yang tertumpu pada melumpuhkan politik Islam, dan menghalang pembentukan negara Islam setelah negara itu runtuh dari muka bumi.[]

# **Mendirikan Negara Islam Kewajiban Terhadap Kaum Muslimin**

Negara dibangun di atas 8 struktur iaitu: Khalifah, Mu'awin Tafwid, Mu'awin Tanfiz, Amirul Jihad, para Wali, Qadha, masoleh Negara, dan Majlis Umat. Jika negara telah memiliki 8 struktur tersebut, bermaksud strukturnya sudah sempurna. Apabila salah satu daripadanya kurang, maka struktur negara juga kurang, tetapi masih dalam kategori sebagai negara Islam. Berkurangnya salah satu dari struktur tersebut tidak membahayakan negara, selagi khalifah masih ada, di sebabkan struktur ini adalah asas dalam negara.

Adapun kaidah-kaidah pemerintahan dalam negara Islam ada 4 iaitu: perlantikan seorang khalifah, kekuasaan adalah milik umat, kedaulatan berada di tangan syarak dan hanya khalifah yang buat keputusan memilih hukum-hukum syarak dengan kata lain menjadikannya sebagai perundangan. Jika salah satu dari kaedah-kaedah ini hilang, maka pemerintahannya menjadi tidak Islam, dan perlu menyempurnakan seluruh 4 kaedah itu keseluruhannya. Asas negara Islam adalah khalifah, sedangkan selainnya adalah wakil dari khalifah atau timbalan penasihat untuknya. Dengan demikian, negara Islam adalah khalifah yang menerapkan sistem Islam. Khilafah atau Imamah adalah berhak mengatur secara umum atas kaum Muslimin. Khilafah bukan sebahagian dari akidah, tetapi sebahagian dari hukum syarak Dengan demikian khilafah adalah masalah furuk yang berhubungan dengan perbuatan-perbuatan hamba.

Melantik seorang khalifah adalah kewajiban seluruh kaum Muslimin dan tidak dihalalkan bagi mereka hidup selama 3 tanpa adanya baiah. Sekiranya kaum Muslimin tidak memiliki khalifah selama tiga hari, maka kesemuanya berdosa sehingga mereka melantik seorang khalifah. Dosa tersebut tidak akan gugur, sehingga mereka mencurahkan segenap daya dan upaya untuk melantik seorang khalifah dan meneruskan aktivitiya sehingga berjaya melantiknya.

Kewajiban melantik seorang khalifah ditetapkan berdasarkan Al-Quran, As-Sunah dan Ijmak Sahabat. Adapun penetapannya berdasarkan Al-Quran, maka sesungguhnya Allah SWT memerintahkan Rasulullah saw supaya menjalankan pemerintahan di kalangan kaum Muslimin dengan apa yang telah diturunkan kepadanya. Perintah-Nya tersebut bersifat pasti. Allah berfirman:

﴿فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ

مِنَ الْحَقِّ﴾

*“Maka berhukumlah perkara di antara mereka dengan apa yang telah Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu” (Surah al-Maaidah [5]: 48)*

﴿وَأَنْ أَحْكُم بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَأُحْذَرُهُمْ

أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ﴾

*“Dan hendaklah kamu menghukum perkara di antara mereka dengan apa yang telah Allah turunkan, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Berhati-hatilah kamu terhadap mereka supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebagian apa yang telah Allah turunkan kepadamu” (Surah al-Maaidah [5]: 49).*

Seruan kepada Rasulullah saw adalah seruan untuk umatnya selagi tidak ada dalil yang mengkhususkan bagi baginda sahaja. Dalam perkara ini tidak ada dalil yang dimaksudkan sehingga seruan tersebut ditujukan bagi seluruh kaum Muslimin untuk mendirikan pemerintahan. Melantik seorang khalifah bermaksud mendirikan pemerintahan dan kekuasaan.

Sedangkan penetapan berdasarkan As-Sunnah pula, Imam Ahmad dan Thabrani telah meriwayatkan hadith:

«وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً»

*“Dan siapa saja mati dan tidak ada baiah di tengkuknya, maka dia mati dalam keadaan jahiliyah”.*

Dua orang perawi ini meriwayatkannya dari hadith Mu’awiyah. Dalam sahihnya, Imam Muslim dari Ibnu Umar berkata, aku mendengar Rasulullah saw bersabda:



«مَنْ خَلَعَ يَدًا مِنْ طَاعَةِ لَقِيَّ اللَّهَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا حُجَّةَ لَهُ وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً»

*“Sesiapa sahaja melepaskan tangan dari ketaatan kepada Allah, maka dia pasti akan bertemu Allah di hari kiamat dalam keadaan tidak memiliki hujjah bagi-Nya. Dan sesiapa saja mati dan tidak ada baiat di tengkuknya, maka dia mati dalam keadaan mati jahiliah”.*

Hisyam bin ‘Urwah meriwayatkan dari Abu Salih dari Abu Hurairah yang mengatakan bahawa Rasul saw bersabda: “Selepasku akan ada para wali yang memerintah kamu semua. Lalu orang baik akan memerintah kamu dengan kebajikannya dan orang yang jahat akan memerintah kamu dengan kejahatannya. Maka dengarkanlah mereka dan taatilah dalam perkara-perkara yang sesuai dengan kebenaran. Jika mereka melakukan kebaikan, maka itu bagi kamu. Jika mereka melakukan kejahatan, maka itu bagi kamu dan tanggung jawab mereka”

Adapun penetapan berdasarkan Ijma, para sahabat telah menjadikan perkara yang paling penting bagi mereka selepas kewafatan Nabi saw adalah melantik seorang khalifah. Perkara ini berdasarkan riwayat yang ada di dalam dua kitab sahih dari peristiwa Saqifah bani Sa’idah. Demikian juga selepas kematian setiap khalifah, secara mutawatir telah sampai adanya ijma sahabat tentang kewajiban melantik seorang khalifah bahkan mereka menjadikannya sebagai kewajiban yang paling penting. perkara itu dianggap sebagai dalil yang qath’i. Ada lagi ijma sahabat mutawatir tentang tidak boleh tiada kalangan umat seorang khalifah pada satu masa tertentu. Maka wajib bagi umat melantik seorang imam atau menegakkannya dan melantik menjadi seorang pemerintah. Seluruh umat diseru dengan kewajiban tersebut semenjak awal wafatnya baginda saw sehingga tibanya hari Kiamat.

Kewajipan yang pasti untuk mengangkat seorang khalifah sangat jelas. Ini dapat dilihat pada pemahaman para sahabat terhadap perkara tersebut. Iaitu apa yang telah sahabat lakukan dengan mendahulukan perlantikan seorang khalifah dan membaiahnya berbanding mengkebumikan jenazah Rasulullah saw. Begitu juga nampak jelas melalui tindakan Umar bin Khattab ketika beliau ditikam dan sedang menghadapi saat kematian. Kaum Muslimin meminta kepadanya untuk menunjukkan pengganti, namun beliau menolak. Mereka sekali lagi meminta kepadanya, maka akhirnya beliau menunjuk pencalonan seramai 6 orang. Dengan kata lain beliau telah menghadkan pencalonan seramai 6 orang yang akan dipilih

kalangan mereka dilantik seorang khalifah. Dia tidak mencukupkan diri dengan keputusan itu, tetapi membuat batasan waktu bagi mereka iaitu 3 hari. Kemudian beliau berpesan apabila ada yang tidak bersepakat terhadap seorang khalifah setelah tempoh tiga hari, maka bunuhlah orang tersebut. Beliau juga mewakilkan kepada mereka siapa yang akan membunuh orang yang tidak bersepakat tersebut, sedangkan mereka adalah ahli syura dan kalangan sahabat yang besar. Mereka adalah Ali, Uthman, Abdurrahman bin 'Auf, Zubair bin 'Awwam, Thalhah bin Ubaidillah dan Sa'ad bin Abi Waqash. Apabila mereka membunuh salah seorang di antara mereka sendiri apabila orang tersebut tidak sepakat untuk memilih seorang khalifah, perkara itu menunjukkan terdapat kepastian yang untuk memilih seorang khalifah.

Perlu diketahuai bahawa banyak kewajipan syariat yang pelaksanaannya yang tertumpu kepada seorang khalifah, seperti menjalankan hukum-hukum, menegakkan hudud, menjaga wilayah sempadan dan mempersiapkan pasukan tentera, menyelesaikan perselisihan yang berlaku di antara anggota masyarakat, menjaga keamanan dan sebagainya daripada urusan-urusan yang berlaku di antara anggota masyarakat. Oleh sebab itu perlantikan khalifah adalah wajib.

Meminta jawatan Khilafah hukumnya adalah tidak makruh. Para sahabat ridhwanullah alaihim telah saling bersaing di Saqifah yang di antara mereka adalah ahli syura. Tidak ada seorang pun yang mengingkari tindakan mereka tersebut. Maka telah berlaku ijmak sahabat semenjak awal untuk menerima persaingan menduduki Khilafah.

Tidak pernah berlaku yang menjawat jawatan Khilafah lebih dari seorang khalifah untuk seluruh Kaum Muslimin, berdasarkan sabda Baginda saw:

«إِذَا بُويعَ لِخَلِيفَتَيْنِ فَاقْتُلُوا الْآخَرَ مِنْهُمَا»

*“Apabila dibaiah untuk dua orang khalifah, maka bunuhlah oleh kamu yang (dibaiah) terakhir dari kedua-duanya”.* (HR. Muslim dari hadits Abu Sa'id Al-Khudriy)

Juga berdasarkan sabda baginda saw :

«وَمَنْ بَايَعَ إِمَامًا فَأَعْطَاهُ صَفْقَةً يَدِهِ وَثَمْرَةَ قَلْبِهِ فَلْيُطِعْهُ مَا اسْتَطَاعَ  
فَإِنْ جَاءَ آخَرٌ يُنَازِعُهُ فَاضْرِبُوا عُنُقَ الْآخَرِ»

*“Sesiapa sahaja yang membaiah seorang imam, maka hendaklah dia memberikan baiah tangannya dan memberikan kasih sayang hatinya dan hendaklah dia mentaatinya semampunya dia. Maka apabila datang yang lain cuba merampas darinya, penggallah leher orang tersebut”*

Dalam satu riwayat yang lain :

«فَاضْرِبُوهُ بِالشَّيْفِ كَأَنَّا مَنْ كَانَ»

*“Maka penggallah dia dengan pedang sesiapaapun”.*

Perintah membunuh orang lain tersebut menunjukkan bahawa tidak ada cara lain lagi untuk mempertahankannya kecuali dengan membunuh. Apabila berkumpul sejumlah orang yang dalam diri mereka dipenuhi sifat-sifat khalifah, maka khalifah yang sah adalah yang memperoleh baiah secara majoriti. Sedangkan yang menentang kemahuan majoriti tersebut dianggap membangkang. Perkara ini berlaku apabila mereka berkumpul untuk mewujudkan seorang khalifah. Ianya tidak berkaitan dengan akad kekuasaan bagi setiap mereka. Adapun jika akad kekuasaan telah ditetapkan terhadap seseorang yang memenuhi syarat-syarat khalifah, kemudian majoriti masyarakat membaiah yang lain, maka yang pertamalah yang layak menjadi khalifah dan yang kedua mesti ditolak.

Syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk khalifah adalah: Islam, lelaki, baligh, berakal, adil, mampu, dan merdeka (bukan hamba). Adapun syarat Islam berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَلَنْ تَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا﴾

*“Dan Allah tidak akan pernah memberikan kesempatan bagi orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang yang mukmin(Surah an-Nisaa’ [4]: 141).*

Adapun syarat lelaki berdasarkan sabda baginda saw:

«لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ»

*“Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang menyerahkan urusan pemerintahan mereka kepada seorang wanita”*

Adapun syarat baligh dan berakal adalah berdasarkan sabda baginda saw :

«رَفَعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَ عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ»

*“Diangkat pencatat amal dari tiga orang : daripada yang sedang tidur hingga terjaga semula, daripada anak kecil hingga bermimpi dan daripada orang gila hingga berakal kembali”.*

Seiapa saja yang diangkat pencatat amal daripadanya bermaksud dia tidak dikategorikan mukallaf menurut syarak. Dengan demikian dia tidak sah untuk menjadi khalifah atau yang selain itu dalam pemerintahan, disebabkan dia tidak memiliki hak untuk menguruskan tindakannya.

Adapun syarat adil yang merupakan syarat yang wajib untuk melantik Khilafah dan kelangsungannya berdasarkan kenyataan hukum bahawa Allah SWT telah mensyaratkan adil pada diri seorang saksi dengan firman-Nya :

﴿وَأَشْهِدُوا ذَوَىٰ عَدْلٍ مِّنكُمْ﴾

*“Dan jadikanlah seorang saksi oleh kalian seseorang yang adil di antara kalian”* (Surah at-Thalaq [65]: 2).

Khalifah lebih utama untuk bersifat adil jika dibandingkan dengan seseorang yang mempunyai kedudukannya sebagai saksi.

Adapun syarat merdeka adalah berdasarkan kenyataan bahawa seorang hamba yang dimiliki oleh tuannya maka dia tidak mempunyai tindak tanduknya sendiri. Sudah pasti dia tidak boleh mengawal tindak tanduk orang lain terutamanya mempunyai kekuasaan atas masyarakat.

Adapun syarat mampu berdasarkan kenyataan bahawa sesiapa sahaja yang tidak mampu menjalankan suatu taklifan, sudah tentu tidak boleh ditaklifkan taklifan tersebut kepadanya sia-sia disebabkan boleh akan membawa kepada pengabaian hukum dan hak. Islam tidak membolehkan perkara tersebut.

Ini adalah syarat-syarat khalifah yang tetap. Adapun syarat-syarat lain yang disebutkan para fuqaha, seperti berani, berilmu, berasal dari suku Quraisy atau dari keluarga Fatimah dan sejenisnya, maka hal itu bukan syarat-syarat perlantikan untuk Khilafah. Tidak ada satu pun dalil yang sah dan menyatakan bahawa itu adalah syarat perlantikan Khilafah dan keabsahan bai'ah. Oleh itu, tidak dianggap sebagai syarat, sehingga setiap lelaki, muslim, baligh, berakal, adil, merdeka, dan mampu adalah sah untuk diba'iah menjadi khalifah kaum Muslimin. Tidak disyaratkan baginya selain syarat tersebut.

Dengan demikian, menegakkan negara Islam adalah wajib atas seluruh kaum Muslimin. Perkara tersebut telah ditetapkan berdasarkan al-Quran, as-Sunah dan Ijma' Sahabat. Oleh kerana kaum Muslim tunduk kepada kekuasaan kufur di negeri-negeri mereka dan diterapkan kepada mereka hukum-hukum kufur, maka negeri mereka menjadi sebagai negara kufur yang sebelumnya berstatus sebagai negara Islam. Dengan kata lain, kewarganegaraan mereka bukan lagi kewarganegaraan Islam walaupun negeri mereka adalah negeri Islam. Wajib bagi mereka untuk hidup dalam negara Islam dengan memiliki kewarganegaraan Islam. Perkara itu tidak akan mereka peroleh kecuali dengan menegakkan negara Islam. Kaum Muslimin akan tetap berdosa, sehingga mereka berjuang untuk menegakkan negara Islam dan memba'iah seorang khalifah yang akan menerapkan Islam dan mengembangkan dakwahnya ke seluruh penjuru dunia.[]

## **Kesukaran-Kesukaran Mendirikan Negara Islam**

Mendirikan negara Islam bukan suatu yang mudah dan senang. Ini kerana untuk meneruskan kehidupan Islamik juga bukanlah suatu perkara yang mudah. Banyak halangan besar pelbagai bentuk yang menghalang usaha mendirikan negara Islam. Halangan-halangan ini perlu dihilangkan. Di samping itu juga terdapat kesukaran yang besar dan banyak yang merintang jalan untuk meneruskan kehidupan Islam. Kesukaran-kesukaran ini juga perlu diatasi. Kerana persoalannya bukanlah sekadar mendirikan negara seperti mana-mana negara. Begitu juga bukan hanya sekadar mendirikan negara yang diberi nama Islam sahaja. Tetapi, persoalannya adalah berkenaan dengan mendirikan negara Islam yang akan menerapkan Islam sebagai suatu sistem yang terpancar dari akidah Islam. Negara tersebut akan menerapkan hukum syarak sebagai hukum Allah, meneruskan kehidupan Islam secara komprehensif di dalam negeri, dan mengembangkan dakwah Islam kepada seluruh umat manusia di luar negeri.

Negara Islam ini wajib ditegakkan berasaskan akidah Islam di samping segala perkara yang dibangun di atasnya serta cabang pemikiran yang terhasil juga perlu berasaskan akidah Islam. Kemudian negara Islam tersebut didirikan dengan perundangan dan peraturan yang juga berasaskan akidah Islam. Begitulah sehingga terdapat dorongan dari dalam jiwa untuk mencapai kehidupan tersebut. Maka terbentuklah pemikiran Islam dan peribadi Islam yang akan menjamin pelaksanaan peraturan dan perundangan dengan penuh ketaatan, yang muncul dari kerinduan dan ketenangan baik dari pihak pemerintah mahupun rakyat. Perlu negara Islam yang ditegakkan umat dan dipimpin oleh Ulil Amri yang menjalankan pemeliharaan urusan umat, mestilah menerapkan Islam dalam seluruh aspek kehidupannya. Begitu juga perlu mampu untuk mewujudkan kehidupan Islam yang memungkinkan untuk mengembangkan risalahnya ke seluruh dunia. Inilah yang memungkinkan orang-orang non Muslim menyaksikan cahaya Islam di negaranya, sehingga mereka beramai-ramai masuk ke dalam agama Allah. Oleh sebab itu, akan banyak terdapat kesukaran-kesukaran yang merintang jalan perjuangan untuk meneruskan kehidupan Islam atau usaha mendirikan negara Islam. Kesukaran-kesukaran ini perlulah diketahui. Selain itu, perlu ada usaha untuk mengatasi kesukaran tersebut. Adapun kesukaran-kesukaran yang paling penting adalah berikut:

1. Terdapatnya pemikiran-pemikiran tidak Islamik yang menyerang dunia Islam. Ini disebabkan dunia Islam pada era kemundurannya, telah mengalami kedangkalan pemikiran, tidak adanya pengetahuan, dan lemahnya akal disebabkan kemunduran Islam yang meliputi yang telah dikalahkan. Dalam situasi seumpama ini, kaum Muslimin di kuasai oleh pemikiran-pemikiran tidak Islamik dan bertentangan dengan pemikiran-pemikiran Islam. Mereka juga berdiri di atas asas yang cacat dan pemahaman yang salah tentang kehidupan, termasuk apa-apa yang ada sebelum dan sesudah kehidupan. Maka, pemikiran-pemikiran tersebut mewujudkan keraguan dan menguatkan sikap kosong dari penentangan, sehingga semakin bertapak kukuh. Pemikiran kaum Muslimin terutamanya golongan intelektualnya, dipenuhi oleh pemikiran-pemikiran tersebut, sehingga terbentuklah pemikiran politik yang penuh dengan taklid, jauh dari kreativiti, tidak bersedia menerima pemikiran Islam sebagai politik, dan tidak memahami hakikat pemikiran tersebut, khususnya dalam aspek politik. Oleh sebab itu, dakwah Islam perlu menjadi dakwah mengajak kepada Islam dan meneruskan kehidupan Islam. Orang-orang non Muslim perlu diajak kepada Islam dengan menjelaskan pemikiran-pemikiran Islam. Kaum Muslimin perlu diajak untuk berusaha bersungguh-sungguh meneruskan kehidupan Islam dengan memberi kefahaman Islam kepada mereka. Semua ini menuntut adanya usaha menjelaskan kepalsuan pemikiran-pemikiran lain yang tidak Islamik termasuk bahaya-bahaya yang akan dicetuskannya. Selain itu, perlu menjadikan kegiatan politik sebagai jalan dakwah. Juga berjuang membina umat dengan ilmu pengetahuan Islam dengan menampilkan aspek politiknya. Dengan modal ini, dakwah berpeluang untuk mengatasi kesukaran ini.
2. Terdapatnya program-program pendidikan yang diasaskan oleh penjajah. Program-program pendidikan tersebut dipraktikkan di sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi. Sekolah dan institut pengajian tinggi tersebut akan mengeluarkan graduan yang akan dilantik untuk menjalankan urusan pemerintahan, pentadbiran, kehakiman, pendidikan, kedoktoran, dan seluruh urusan kehidupan dengan dengan pemikiran khusus yang berjalan sesuai dengan kerangka yang dikehendaki oleh kafir penjajah. Perkara ini terus berlangsung sehingga kita menyaksikan berlakunya proses mengambil alih para pegawai pemerintahan dari

kalangan kaum Muslimin kepada para pegawai kalangan penjajah. Tugas mereka yang utama adalah menjaga kepentingan dan perancangan yang telah digariskan oleh penjajah seperti hudud, perundangan, ilmu pengetahuan, politik, sistem, peradaban, dan lain-lainnya. Mereka diminta untuk mempertahankannya seperti para penjajah yang mempertahankannya atau bahkan lebih dari itu. Pendekatan untuk mengatasi kesukaran ini adalah dengan membongkar kegiatan tersebut kepada para penguasa, pegawai, dan lain-lainnya, juga kepada seluruh masyarakat. Pembongkaran ini dilakukan agar keburukan penjajah menjadi nampak jelas. Motifnya adalah untuk membebaskan orang-orang tersebut daripada sikap mereka dalam mempertahankan kepentingan-kepentingan itu. Di samping itu bertujuan agar dakwah menemui jalannya untuk menyampaikan misinya kepada kaum Muslimin.

3. Penerapan program pendidikan yang diasaskan oleh penjajah secara berterusan melalui pendekatan yang dikehendaki oleh mereka. Perkara itu menjadikan ramai pemuda yang bergraduan dan yang masih belajar, "berjalan" dengan arah yang bertentangan dengan Islam. Program pendidikan yang kami maksudkan di sini bukan program sains dan perindustrian. Ini kerana perkara tersebut bersifat universal tidak dikhususkan untuk umat tertentu, tetapi bersifat universal untuk seluruh umat manusia. Yang kami maksudkan adalah program keilmuan yang memberi kesan terhadap sudut pandang kehidupan. Program pendidikan seperti inilah yang dapat menjadi kesukaran bagi usaha meneruskan kehidupan Islam. Pengetahuan ini mencakupi sejarah, sastera, falsafah, dan perundangan. Ini kerana sejarah adalah tafsiran realiti terhadap kehidupan, dan sastera pula adalah gambaran perasaan tentang kehidupan. Adapun falsafah adalah pemikiran asas yang membentuk suatu pandangan hidup. Sedangkan perundangan adalah solusi praktikal terhadap seluruh permasalahan kehidupan dan mekanisme yang digunakan untuk menyusun sistem hubungan individu dan kumpulan. Semua itu telah digunakan kafir penjajah untuk membentuk pemikiran anak-anak kaum Muslimin. Ini menjadikan sebagian mereka tidak merasakan pentingnya kewujudan Islam dalam kehidupan dirinya dan umatnya. Ia juga menjadikan sebahagian lainnya menebarkan permusuhan terhadap Islam sehingga mengingkari kelayakan Islam sebagai solusi terhadap masalah kehidupan. Oleh sebab itu, perlu mengubah pemikiran



tersebut dengan cara membina para pemuda di luar sekolah dan institut pegajian tinggi dengan pembinaan khusus dan pembinaan umum. Pembinaan ini dilakukan dengan menggunakan pemikiran-pemikiran Islam dan hukum-hukum syarak, sehingga dimungkinkan untuk mengatasi kesukaran ini.

4. Terdapatnya kebanggaan secara umumnya terhadap sebahagian ilmu pengetahuan yang dianggap sebagai ilmu yang bersifat universal. Sebagai contohnya adalah ilmu sosiologi, ilmu psikologi, dan ilmu-ilmu pendidikan. Manusia beranggapan bahawa pengetahuan-pengetahuan tersebut adalah sebagai ilmu. Mereka juga beranggapan bahawa hakikat-hakikat yang terdapat pada ilmu tersebut merupakan hasil dari eksperimen. Mereka mengembangkan dan membanggakan ilmu-ilmu tersebut secara umum. Mereka juga mengambil apa-apa yang dihasilkan oleh ilmu tersebut untuk menyelesaikan pelbagai persoalan kehidupan. Pengetahuan-pengetahuan tersebut dipelajari sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi seperti ilmu sains. Kita juga menerapkannya dalam kehidupan dan menjadikannya sebagai mekanisme untuk menyelesaikan permasalahan kehidupan. Oleh sebab itu, mereka lebih banyak mendapatkan pendapat pakar psikologi, sosiologi, dan pakar pendidikan daripada berpandukan dengan al-Quran dan Hadits. Oleh kerana itu kita banyak berjumpa di kalangan kita pelbagai pemikiran dan pandangan hidup yang salah sebagai akibat buruk mempelajari ilmu-ilmu tersebut, mengagungkannya, dan menjadikannya sebagai solusi terhadap persoalan-persoalan kehidupan. Akibatnya muncullah kesukaran, iaitu kehendak mereka untuk menerima kata-kata yang bertentangan dengan ilmu-ilmu tersebut. Secara keseluruhan kesukaran ini memacu kepada sikap pemisahan agama dari kehidupan dan penentangannya terhadap usaha menegakkan negara Islam.

Realitinya, pengetahuan-pengetahuan ini adalah pengetahuan yang bukan ilmu. Ini disebabkan pengetahuan tersebut diperolehi melalui pengamatan dan instinbat, tanpa adanya eksperimen. Penerapannya terhadap manusia tidak boleh dikategorikan sebagai eksperimen. Melainkan dengan cara pengkajian yang berulang kali terhadap sejumlah orang yang berbeza-beza dalam keadaan dan situasi yang berbeza-beza juga. Dengan kata lain, ia merupakan pengkajian dan instinbat dan bukan eksperimen seperti ujikaji yang dilakukan seseorang di makmal ketika dia

menguji sesuatu atau menerapkan sesuatu kepadanya. Oleh sebab itu, pengetahuan tersebut dikategorikan sebagai pengetahuan bukannya ilmu. Lebih dari itu lagi pengetahuan tersebut berupa agakan yang terdedah kepada salah dan benar kerana dibina di atas landasan yang salah. Ia juga dibina berdasarkan pandangan terhadap individu dan masyarakat. Ini bermaksud dibina berdasarkan pandangan individu sehinggalah pandangannya tersebut beralih daripada individu kepada keluarga, kemudian kepada kelompok, dan akhirnya kepada masyarakat. Ini dilakukan berdasarkan anggapan bahawa masyarakat terbentuk dari individu-individu. Oleh itu, masyarakat dianggap terpisah-pisah. Apa yang sesuai untuk suatu masyarakat tidak semestinya sesuai terhadap masyarakat lainnya. Realitinya, masyarakat terbentuk dari kumpulan manusia, pemikiran, perasaan, dan peraturan. Maka pemikiran-pemikiran serta penyelesaian masalah yang sesuai untuk manusia di tempat tertentu, belum pasti sesuai untuk manusia di tempat yang lain. Oleh itu, masyarakat yang berbeza-beza dapat diubah menjadi masyarakat yang satu melalui pemikiran, perasaan, dan peraturan tertentu. Kekeliruan pandangan mengenai masyarakat berpunca kekeliruan terhadap pelbagai pandangan pendidikan dalam ilmu-ilmu pendidikan dan kekeliruan pandangan dalam ilmu sosial. Ini kerana ia dibangun berlandaskan pandangan tersebut. Sama perkara melalui pandangan yang dibangun berlandaskan ilmu psikologi, yang secara keseluruhannya terdapat kekeliruan dalam dua aspek:

Pertama: Ini kerana ilmu tersebut menganggap otak dibahagikan kepada beberapa bahagian dan setiap bahagian pula mempunyai kemampuan yang khusus. Pada bahagian otak tertentu ada kemampuan yang berbeza dengan bahagian otak yang lain. Sedangkan secara realitinya otak itu adalah satu. Berlakunya kepelbagaian serta perbezaan pemikiran yang dihasilkan adalah sebagai akibat pelbagai dan berbezanya fakta yang diperolehi serta informasi awal yang diterima. Jadi, di dalam otak tidak ditemui terdapatnya kemampuan yang tidak ditemui pada otak yang lain. Tetapi secara keseluruhan otak memiliki kemampuan untuk berfikir dalam segala perkara apabila memenuhi empat perkara iaitu fakta yang diperolehi, pancaindera, informasi-informasi sebelumnya untuk otak. Kepelbagaian otak hanya berlaku pada kekuatan untuk mengingat dan mencerap seperti juga kepelbagaian mata berlaku dalam aspek kuat dan lemahnya dalam memandang. Oleh yang demikian, setiap orang boleh diberikan apa sahaja

informasi dan dalam dirinya memiliki kemampuan untuk mengolah pelbagai informasi yang diterima. Oleh itu, kemampuan-kemampuan yang dibahasakan dalam ilmu psikologi tidak memiliki asas. Kedua: Ilmu psikologi menganggap naluri itu banyak jenisnya. Ada yang dapat disingkap ada pula yang tidak dapat disingkap. Para ilmuwan membina pandangan terhadap naluri berdasarkan pemahaman tersebut terbukti pandangannya tersebut salah. Realitinya yang dapat disaksikan oleh indera dengan cara mengamati kemanfaatan atau tidak suatu perbuatan tersebut. Ini menunjukkan bahawa dalam diri manusia terdapat potensi kehidupan yang memiliki dua ekspresi, iaitu yang pertama adalah yang menuntut untuk memenuhinya secara pasti dan apabila tidak dipenuhi maka manusia akan mati. Sedangkan yang kedua, juga menuntut untuk memenuhinya dan apabila tidak dipenuhi manusia tetap akan hidup namun mengalami kegelisahan akibat tidak dapat memenuhi tuntutan tersebut. Ekspresi yang pertama adalah keperluan-keperluan asas seperti rasa lapar, haus dan qadha hajat. Ekspresi kedua pula yang bersifat naluri, iaitu naluri beragama, naluri berketurunan dan naluri mempertahankan diri. Naluri-naluri tersebut merupakan suatu perasaan lemah, perasaan melangsungkan keturunan, dan perasaan mempertahankan diri. Selain itu tidak ada lagi naluri-naluri yang lain. Selain daripada tiga jenis naluri tersebut merupakan bentuk-bentuk ekspresi naluri itu sendiri, seperti rasa takut, ingin menguasai dan pemilikan yang merupakan ekspresi naluri mempertahankan diri. Pengagungan dan ibadah merupakan ekspresi naluri beragama. Sikap kebapakan dan persaudaraan merupakan ekspresi naluri mempertahankan keturunan. Dengan demikian, anggapan ilmu psikologi berkenaan naluri adalah keliru seperti juga tentang otak yang juga membawa kepada kekeliruan. Kesemuanya membawa kepada kekeliruan pandangan yang dibina berlandaskan kedua-duanya. Seterusnya ia membawa kepada kekeliruan ilmu pendidikan yang dipengaruhi oleh ilmu psikologi.

Dengan demikian ilmu sosial, pendidikan, dan psikologi adalah merupakan pengetahuan. Ilmu-ilmu tersebut terdapat nilai-nilai yang bertentangan dengan pemikiran Islam. Secara umum, ilmu-ilmu tersebut adalah salah. Sikap yang masih tetap membanggakan ilmu-ilmu tersebut dan digunakan untuk menyelesaikan suatu masalah, maka pasti tindakan tersebut akan mengundang kesukaran yang akan menghalang akitiviti mendirikan negara Islam. Oleh sebab itu, ilmu-ilmu tersebut perlu

dijelaskan kedudukannya iaitu sebagai pengetahuan bukan ilmu, dan bersifat agakan bukan hakikat yang pasti ia juga dibina dengan asas yang keliru. Oleh kerana itu, ilmu-ilmu tersebut tidak boleh digunakan untuk mengatur kehidupan. Hanya Islam saja yang mampu mengaturnya.

5. Masyarakat di dunia Islam berada dalam suasana kehidupan yang tidak islamik. Mereka hidup dengan model kehidupan yang bertentangan dengan Islam. Ini disebabkan kerana struktur negara dan sistem pemerintahan yang asas struktur negara dan masyarakat, kaedah-kaedah kehidupan yang menjadi asas masyarakat, kecenderungan jiwa yang ingin diraih kaum Muslimin dan pembentukan akal yang membentuk pemikiran mereka, kesemuanya dibangun dengan asas pemahaman tentang kehidupan yang bertentangan dengan pemahaman Islam. Selama asas ini tidak diubah dan selama pemahaman-pemahaman yang salah ini dibenarkan, maka menjadi kesukaran untuk megubah kehidupan manusia dalam masyarakat, kesukaran dalam megubah struktur negara, kaedah-kaedah masyarakat, dan halatuju peribadi serta pemikiran yang dijadikan sebagai penentu hukum oleh kaum Muslimin.
6. Jurang yang jauh antara kaum Muslimin dan pemerintahan Islam, terutamanya dalam aspek politik pemerintahan dan politik pengurusan harta, menjadikan gambaran kaum Muslimin terhadap kehidupan islam sangat lemah. Ia juga menjadikan gambaran orang-orang kafir tentang Islam terhadap kehidupan islam merupakan gambaran yang bertentangan. Terutamanya selepas kaum Muslimin hidup dalam zaman buruknya penerapan Islam oleh para pemerintah kepada mereka. Begitu juga situasinya mereka telah hidup semenjak keruntuhan Khilafah hingga hari ini dikuasai oleh musuh-musuh mereka dengan peraturan yang bertentangan dengan Islam dalam segala perkara, baik dalam bidang politik pemerintahan maupun politik pengurusan harta dengan pandangan khusus. Oleh sebab itu, perlu mengeluarkan manusia dari realiti yang buruk tempat mereka hidup dan menggambarkan kepada mereka perubahan kehidupan yang wajib mereka jalani serta wajib bagi mereka untuk mengubah realiti kehidupan mereka ketika ini lalu meninggalkannya. Menjadi kemestian untuk melakukan perubahan total bukannya bahagian tertentu sahaja. Begitu juga penerapan Islam perlulah dibuat secara sekali gus tanpa bukannya bertahap baik secara bahagian

- tertentu atau hanya menampal kekurangan yang ada sehingga menghampiri gambaran realiti kehidupan yang pernah berlaku di era kejayaan Islam.
7. Kewujudan pelbagai pemerintahan di negeri-negeri Islam yang berdiri dengan asas demokrasi dan penerapan sistem kapitalist secara menyeluruh terhadap masyarakat. Di samping itu juga pemerintahan tersebut senantiasa terikat dengan negara-negara Barat dengan ikatan politik yang diasaskan dengan landasan pemisahan wilayah-wilayah serta berpecah-pecah. Situasi tersebut menjadikan aktiviti untuk meneruskan kehidupan islam menjadi sukar disebabkan kehidupan seumpama ini tidak mungkin dicapai kecuali dilakukan secara sempurna. Islam tidak membolehkan untuk menjadikan negeri-negeri Islam berpecah menjadi banyak negara, melainkan mesti menjadikannya sebagai negara yang satu sahaja. Perkara ini menuntut kepada kesempurnaan dakwah, aktiviti dan penerapannya. Perjuangan ini jelas akan berhadapan dengan para pemerintah yang menentang dakwah Islam, walaupun mereka adalah juga orang-orang Islam. Oleh sebab itu, pengembangan dakwah perlu dilakukan di setiap wilayah walaupun akan membawa kepada pelbagai kesukaran dan kesengsaraan yang terhasil daripada penentangan para pemerintah di negeri-negeri Islam tersebut.
  8. Terdapatnya persepsi umum tentang nasionalisme, dan sosialisme termasuk juga gerakan-gerakan politik yang berasaskan nasionalisme dan sosialisme. Ini kerana dominasi Barat terhadap negeri-negeri Islam, penyerahan tampuk pemerintahan kepada Barat dan penerapan sistem kapitalis di negeri-negeri Islam, membawa pengaruh terhadap pemikiran kaum Muslimin berbentuk kecenderungan untuk mempertahankan diri. Seterusnya ia akan melahirkan sentimen nasionalisme untuk mempertahankan tempat yang masyarakat hidup di dalamnya. Juga akan membangkitkan fahaman yang menjadikan seseorang itu cenderung untuk mempertahankan diri, keluarga dan kaumnya, serta berjuang menjadikan pemerintahan untuk mereka. Maka terbentuklah gerakan-gerakan politik menggunakan nama nasionalisme untuk mengusir musuh dari negerinya, dan atas nama nasionalisme juga untuk menjadikan pemerintahan dikuasai oleh ahli keluarganya. Oleh sebab itu, perlu dijelaskan kepada masyarakat kerosakan sistem kapitalis serta ketidaksesuaiannya. Di kalangan mereka

juga tersebar propaganda ke arah sosialisme sehingga terbentuklah pelbagai kumpulan atas nama sosialisme untuk menambahbaik kapitalisme. Gerakan-gerakan tersebut sebenarnya tidak memiliki apa-apa gambaran tentang sistem kehidupan, kecuali gambaran secara spontan, yang akan menjauhkan mereka dari kepercayaan serta menjauhkan mereka dari Islam sebagai kepercayaan universal.[]

## **Bagaimana Mendirikan Negara Islam**

Kekuatan pemikiran Islam yang disertai dengan pendekatannya sudah cukup untuk mendirikan negara Islam dan meneruskan kehidupan islamik. Jika pemikiran ini telah meresap ke dalam hati, menusuk dalam jiwa, dan sebat di dalam jasad kaum Muslimin, maka ia akan menjadikan Islam itu hidup dan berfungsi dalam kehidupan. Walau bagaimanapun ia perlu menyempurnakan sejumlah aktiviti yang sangat besar sebelum mendirikan negara dan perlu mencurahkan segenap kekuatan untuk meneruskan kehidupan Islam.

Oleh kerana itu, untuk mendirikan negara Islam tidak cukup hanya sekadar berminat dan optimis untuk mewujudkan negara yang tertegak ini. Tidak cukup hanya dengan semangat dan cita-cita untuk meneruskan kehidupan Islam. Ada satu perkara yang penting perlu diperhatikan dan perlu dilaksanakan, iaitu mengambilkira pelbagai halangan besar yang menghalang Islam sebaik mungkin agar mampu dihilangkannya. Kaum Muslimin juga perlu memperhalusi tentang natijah berat yang selalu menunggu orang-orang yang berusaha bangkit untuk mencapai tujuan tersebut. Pandangan para pemikir perlu diarahkan secara spesifik menuju tanggungjawab yang amat besar ini. Setiap pemikir memberikan sumbangan pemikiran tentang masalah yang penting itu, sehingga ucapan dan tindakannya berjalan seiring dalam pendekatan yang sama disertai dengan kesedaran, keinginan, kepastian dan keberanian. Perlu diketahui juga bahawa orang-orang yang berjalan di jalan perjuangan untuk meneruskan kehidupan Islam adalah orang-orang yang memahat jalan di batu yang sangat keras. Akan tetapi, dengan adanya cangkul mereka yang tajam dan besar, maka ia menjadi jaminan yang mampu memecahkan batu tersebut. Mereka adalah orang-orang yang berjuang menyelesaikan persoalan yang sangat sukar. Akan tetapi, disebabkan adanya bantuan mereka, maka perkara itu menjadi jaminan sempurnanya penyelesaian persoalan tersebut. Sesungguhnya mereka akan bertembung dengan peristiwa-peristiwa yang besar tetapi akan berjaya mengatasinya. Mereka tidak akan menyimpang dari pendekatan yang sedang dilaluinya, kerana pendekatan tersebut adalah pendekatan yang pernah Rasulullah SAW pratikkan. Jalan mereka adalah benar yang akan menghasilkan natijah yang pasti tidak ada keraguan padanya. Kemenangan pula adalah suatu yang pasti untuk direalisasikan. Pendekatan ini adalah pendekatan yang wajib untuk kaum Muslimin jalani hari ini dengan sangat teliti disertai dengan mencontohi Rasulullah SAW secara mendalam. Di samping itu melalui langkah-

langkah baginda dengan benar sehingga jalan pengembang dakwah itu tidak terpesong. Ini kerana setiap kesalahan dalam melakukan qiyas dan setiap penyimpangan dari pendekatan yang sedang dilakukan akan menyebabkan perjalanan tergelincir dan aktiviti menjadi tidak berguna.

Oleh sebab itu, mengadakan banyak seminar tentang Khilafah bukan cara untuk mendirikan negara Islam. Kerja keras untuk menyatukan negara-negara yang memerintah bangsa-bangsa Islam bukan menjadi wasilah menuju terbentuknya negara Islam. Begitu juga kesepakatan pelbagai persidangan untuk bangsa-bangsa Islam bukanlah jalan yang dapat merealisasikan usaha untuk meneruskan kehidupan Islam. Semuanya itu bukanlah pendekatan, melainkan sekadar hiburan seketika yang sedikit sebanyak menyegarkan jiwa kaum Muslimin. Kemudian semangat pelbagai aktiviti tersebut lambat laun akan padam dan akhirnya berdiam diri tidak lagi melakukan apa-apa tindakan. Di samping itu, semuanya adalah jalan yang bertentangan dengan pendekatan Islam.

Satu-satunya pendekatan untuk mendirikan negara Islam hanya dengan mengembangkan dakwah Islam dan melakukan usaha untuk meneruskan kehidupan Islam. Perkara itu menuntut adanya usaha menjadikan negeri-negeri Islam menjadi satu kesatuan. Ini kerana kaum Muslimin adalah umat yang satu yang tiada lain merupakan kumpulan manusia yang disatukan oleh akidah yang satu, yang terpancar darinya sistem-sistem Islam. Oleh sebab itu, munculnya apa jua aktiviti di suatu negeri Islam akan memberi pengaruh terhadap wilayah-wilayah Islam lainnya. Dalam situasi seumpama itu juga akan menggerakkan perasaan dan pemikiran. Oleh itu, seluruh negeri-negeri Islam perlu dijadikan sebagai negeri yang satu dan dakwah perlu dikembangkan di seluruh negeri tersebut sehingga berpengaruh di kalangan masyarakatnya. Ini kerana masyarakat yang satu akan mampu membentuk umat sedemikian rupa seperti air dalam periuk. Jika anda meletakkan api di bawah periuk itu sehingga bisa memanaskan air sampai mendidih, kemudian air yang mendidih ini berubah menjadi wap yang akan menolak penutup periuk dan akhirnya melahirkan gerakan yang menolak. Begitu juga pula keadaannya dengan masyarakat, seandainya di tengah mereka diletakkan kepercayaan Islam, maka panas dari pemanas tersebut akan menghasilkan pergerakan kemudian berubah menjadi wap, lalu panas tersebut akan berubah menjadi sesuatu yang mampu mendorong masyarakat untuk bergerak dan bertindak. Oleh sebab itu, perlulah menyebarkan dakwah ke seluruh dunia Islam untuk digunakan dalam usaha meneruskan kehidupan Islam. Langkah itu boleh dilakukan dengan penerbitan



buku-buku, sebaran-sebaran, menjalin pelbagai hubungan dan memanfaatkan seluruh wasilah dakwah, terutamanya membentuk berbagai jalinan perhubungan. Ini kerana ia merupakan jalan dakwah yang paling berjaya. Penyebaran dakwah dengan cara yang terbuka itu dilakukan untuk “membakar” masyarakat, sehinggakan mengubah kejumudan yang ada menjadi panas yang membara. Tidak mungkin mengubah tenaga panas menjadi gerakan, kecuali seandainya dakwah yang bersifat praktikal dalam bentuk politik difokuskan terhadap aktiviti-aktiviti di satu wilayah atau beberapa wilayah yang menjadi permulaan dakwah. Kemudian dakwah bergerak menuju seluruh bahagian dunia Islam lainnya dan setelah itu satu wilayah atau beberapa wilayah dijadikan pusat iaitu tempat yang di dalamnya dapat didirikan negara Islam. Bermula di pusat itulah berlaku perkembangan dalam pembentukan negara Islam yang lebih besar yang akan mengembangkan risalah Islam ke seluruh dunia seperti yang pernah Rasulullah SAW lakukan, iaitu baginda menyampaikan dakwahnya kepada seluruh umat manusia.

Langkah-langkah penyampaian baginda berjalan melalui pendekatan yang praktikal. Baginda mengajak penduduk Makkah dan seluruh bangsa Arab di musim haji. Maka dakwahnya kemudian tersebar ke seluruh penjuru semenanjung Arab. Baginda seakan-akan menciptakan bara di bawah masyarakat semenanjung Arab, yang mampu membangkitkan panas di seluruh bangsa Arab. Islam menyeru bangsa Arab melalui Rasulullah saw melalui jalinan hubungan dengan mereka dan mendakwah mereka di musim haji serta pertemuan baginda dengan berbagai kabilah di tempat tinggal mereka dan mengajak mereka kepada Islam. Demikianlah gambaran dakwah yang sampai ke seluruh Arab dengan berlakunya pergeseran antara Rasulullah SAW dan kaum Quraisy. Sebegitu rupa dengan pertembungan yang sangat sengit, hingga bergema pertembungan tersebut memenuhi pendengaran bangsa Arab. Ledakan pertembungan itu membangkitkan mereka untuk mengkaji dan bertanya. Walaupun dakwah disebarluaskan ke seluruh Arab, tetapi pusat dakwah masih berada di Makkah. Kemudian baginda melebarkan sayap dakwahnya ke Madinah sehingga terbentuk negara Islam di Hijaz. Ketika itu api dakwah dan kemenangan Rasulullah saw berjaya mendidihkan bangsa Arab dan memunculkan gerakan pembukaan. Maka berimanlah keseluruhannya sehingga negara Islam mencakupi seluruh wilayah semenanjung Arab dan mengembangkan risalahnya ke seluruh alam.

Oleh itu, kita wajib menjadikan pengembangan dakwah Islam dan berjuang untuk meneruskan kehidupan Islam sebagai pendekatan untuk mendirikan negara Islam. Kita juga perlu menggabungkan seluruh negeri-negeri Islam menjadi satu negara yang memiliki tujuan dakwah. Kita hanya wajib menghadkan daerah untuk aktiviti di satu atau beberapa wilayah sebagai tempat bagi kita untuk membina masyarakat dengan Islam, sehingga Islam betul-betul hidup dalam diri mereka dan mereka hidup dengannya demi Islam. Di wilayah itu juga kita membentuk kesedaran umum atas dasar Islam dan persepsi umum untuk Islam, sehingga terjadi dialog antara pengembang dakwah dan masyarakat dengan dialog yang menghasilkan respon dan berpengaruh dalam mengubah dakwah ke arah interaksi dan pencapaian hasilnya. Interaksi tersebut adalah gerakan perjuangan yang bertujuan mewujudkan negara Islam yang terpancar dari umat yang tinggal di wilayah tersebut atau yang lainnya. Ketika itu dakwah telah berjalan dari tahap pemikiran yang sudah terbentuk dalam pemikiran, menuju kewujudannya di kalangan masyarakat. Dari gerakan yang bersifat tempatan menuju sebuah negara. Putaran-putaran gerakan ini telah dilalui, lalu beralih dari titik awal ke titik tolak dan akhirnya menuju titik pusat. Suatu tempat yang memfokuskan unsur-unsur negara dan kekuatan dakwah dalam sebuah negara yang sempurna. Ketika itu pula peringkat praktikal dakwah yang diwajibkan syara' terhadap negara tersebut dan kaum Muslimin yang hidup di wilayah-wilayah yang belum mencakupi oleh kekuasaan negara itu mula dilaksanakan.

Berkenaan kewajipan negara pula adalah menjalankan pemerintahan sesuai dengan peraturan yang telah Allah turunkan secara menyeluruh. Kemudian negara menyatukan wilayah-wilayah yang lainnya atau menyatukan negara Islam dengan wilayah-wilayah baru sebagai sebahagian dari politik dalam negeri negara Islam. Selepas itu negara juga mengatur pengembangan dakwah dan pelbagai tuntutan untuk meneruskan kehidupan Islam di seluruh wilayah Islam, terutama wilayah-wilayah yang berjiran dengannya. Kemudian negara juga akan menghapus undang-undang lapok yang telah ditetapkan oleh penjajah di wilayah-wilayah tersebut dan menjadikan para pemerintah negeri-negeri yang tunduk kepadanya sebagai penjaga sempadan-sempadan politik tersebut. Oleh kerana itu, wajib bagi negara tersebut untuk membatalkan sempadan-sempadan tersebut, walaupun wilayah yang berjiran dengannya belum membatalkannya. Dengan demikian dapat dihentikan semua visa sempadan, pejabat pungutan cukai, dan membuka pintu-pintunya untuk penduduk wilayah yang Islam. Dengan demikian seluruh masyarakat yang tinggal di wilayah-wilayah yang

Islam, merasakan bahawa negara ini adalah negara Islam dan mereka menyaksikan secara sendiri penerapan dan pelaksanaan Islam.

Adapun kewajiban kaum Muslimin pula adalah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan negeri mereka yang masih tidak menerapkan Islam dan dianggap sebagai negara kufur untuk menjadi negara Islam. Perkara tersebut dilakukan dengan cara menyatukan wilayah tersebut ke dalam negara Islam melalui ajakan dan seruan Islam. Dengan cara seperti ini masyarakat di dunia Islam di seluruh wilayahnya mengalami anjakan yang mendorong mereka melakukan gerakan yang akan menyatukan kaum Muslimin seluruhnya dalam negara yang satu. Oleh itu maka wujudlah negara Islam yang besar sekaligus terbentuk negara Islam yang menampilkan kepimpinan pemikiran yang universal. Seterusnya negara tersebut memiliki kehormatan dan kedudukan yang membolehkannya untuk mengembangkan dakwah dan menyelamatkan dunia dari kejahatan.

Apabila umat Islam pada masa lampau hidup di negeri-negeri yang belum merangkumi semenanjung Arab dengan jumlah penduduknya tidak lebih beberapa juta sahaja, ketika itu Islam dianuti dan dakwahnya dikembangkan sebagai kekuatan antarabangsa berhadapan dengan dua kekuatan ketenteraan yang ada pada ketika itu, lalu dapat mengalahkan kedua-duanya, menguasai kedua-dua wilayah negerinya, serta menyebarkan Islam di pelbagai wilayah pada ketika itu. Maka bagaimana keadaannya dengan kita kalangan umat Islam ketika ini, yang jumlahnya menghampiri seperempat penduduk dunia yang tersebar di berbagai negeri yang saling bertautan, sehingga menjadi negeri yang satu, yang terbentang luas dari Maghribi sehingga India dan Indonesia. Mereka tinggal di tempat-tempat yang terbaik di atas muka bumi, baik aspek kekayaan alamnya mahupun secara geografinya dan mengembangkan kepercayaan Islam yang merupakan satu-satunya kepercayaan yang benar. Maka tidak diragukan lagi akan dapat membentuk blok hadapan yang lebih kuat berbanding negara-negara besar yang lain dalam segala aspek.

Oleh kerana itu, bermula saat ini menjadi kewajipan bagi setiap Muslim untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan kembali negara Islam yang akan mengembangkan risalah Islam ke seluruh penjuru dunia dan memulakan perjuangannya dengan mengembang dakwah Islam, melakukan aktiviti untuk meneruskan kehidupan Islam di seluruh negeri Islam, menghadkan pusat aktivitinya di satu atau beberapa wilayah agar menjadi pusat, sehingga dapat memulakan aktiviti dengan lebih serius. Inilah tujuan yang sangat besar

yang wajib dilalui, berani menanggung pelbagai risiko penderitaan di jalannya, mengerahkan segala kemampuan dan berjalan penuh bertawakal kepada Allah tanpa menuntut apa-apa balasan selain untuk meraih redha Allah SWT.

# Draf Perlembagaan

## PERUNTUKAN AM (AHKAMUL AMMAH)

### Perkara 1

Akidah Islam merupakan asas negara. Tidak ada apa yang dibenarkan wujud dalam struktur, akauntabiliti, atau mana-mana aspek lain yang berkaitan dengan kerajaan, yang tidak mengambil akidah Islam sebagai asasnya. Akidah ini juga menjadi sumber perlembagaan dan undang-undang syariah negara. Tidak dibenarkan diwujudkan mana-mana perkara yang berkaitan dengan perlembagaan atau undang-undang melainkan ianya berasal daripada akidah Islam.

### Perkara 2

Negara Islam adalah negara yang menerapkan hukum-hukum Islam, dan keamanannya berada pada keamanan Islam (di tangan kaum Muslimin-pent). Negara kufur adalah negara yang menerapkan sistem kufur dan keamanannya berada pada selain keamanan Islam.

### Perkara 3

Khalifah berkuasa mengambil dan menetapkan(tabanni) hukum-hukum syarak tertentu yang dijadikan sebagai perlembagaan dan undang-undang. Apabila khalifah telah menetapkan(tabanni) suatu hukum syarak, maka hukum tersebut sendiri menjadi hukum syarak yang wajib diamalkan dan menjadi undang-undang rasmi yang wajib ditaati oleh setiap rakyat secara zahir mahupun batin.

### Perkara 4

Khalifah tidak menetapkan(tabanni) sebarang hukum syarak yang berkaitan dengan ibadah, kecuali dalam masalah zakat dan jihad. Khalifah juga tidak menetapkan sebarang pemikiran yang berkaitan dengan akidah Islam.

### Perkara 5

Semua individu yang memegang kerakyatan Islam(Khilafah) layak menikmati hak-hak dan kewajiban-kewajiban syariah.

## **Perkara 6**

Semua warganegara akan dilayan secara adil dan saksama tidak mengira agama, bangsa, warna kulit atau sebagainya. Negara dilarang melakukan diskriminasi di kalangan warganegaranya dalam apa jua aspek samada perundangan atau keadilan dan penjagaan hal ehwal kebajikan atau yang lainnya.

## **Perkara 7**

Negara mengimplementasi (tunafidz) syariah Islam ke atas seluruh rakyat yang memegang kerakyatan Islam (Khilafah), samada muslim mahupun non-muslim dalam bentuk-bentuk berikut ini:

- a. Negara mengimplementasi seluruh hukum Islam ke atas kaum Muslimin tanpa terkecuali.
- b. Orang-orang non-muslim dibenarkan memeluk akidah dan menjalankan ibadahnya di bawah jaminan sistem umum (nizhamul 'am).
- c. Orang-orang yang murtad daripada Islam dilaksanakan terhadap mereka hukuman murtad jika mereka sendiri yang melakukan kemurtadan. Jika mereka adalah anak-anak orang murtad atau dilahirkan sebagai non-muslim, maka mereka diperlakukan sebagai non-muslim, selari status mereka selaku orang-orang musyrik atau ahli kitab.
- d. Dalam hal-hal makanan dan pakaian, orang-orang non-Muslim dilayan mengikut agama mereka dalam had yang dibenarkan oleh hukum-hukum syarak.
- e. Hal-hal penceraian dan talak di antara sesama non-muslim diselesaikan mengikut agama mereka, namun jika ia terjadi di antara muslim dan non-muslim, perkara tersebut diselesaikan menurut hukum Islam.
- f. Negara mengimplementasikan hukum-hukum syarak selain perkara-perkara di atas terhadap seluruh rakyat -muslim dan juga non muslim-, samada yang berkaitan hukum muamalat, uqubat (hukuman), bayyinat (pembuktian), sistem pemerintahan, ekonomi dan sebagainya. Hal yang sama juga berlaku terhadap mu'ahidin (iaitu orang-orang yang negaranya terikat perjanjian), musta'minin (iaitu orang-orang yang mendapat jaminan keamanan untuk masuk ke negara Islam), dan terhadap siapa sahaja yang berada di bawah kekuasaan Islam, kecuali terhadap para duta, konsulat, utusan negara asing dan sejenisnya. Mereka memiliki kekebalan diplomatik.

## **Perkara 8**

Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa Islam, dan satu-satunya bahasa rasmi yang digunakan oleh negara.

## **Perkara 9**

Ijtihad adalah fardhu kifayah. Setiap muslim berhak berijtihad apabila telah memenuhi syarat-syaratnya.

## **Perkara 10**

Seluruh kaum Muslimin memikul tanggung jawab terhadap Islam. Tiada agamawan dalam Islam dan negara mencegah sebarang perkara yang boleh mewujudkan golongan agamawan di kalangan kaum Muslimin.

## **Perkara 11**

Mengembangkan dakwah Islam adalah tugas utama negara.

## **Perkara 12**

Hanya Al-Kitab (Al-Quran), As-Sunah, Ijma' Sahabat dan Qiyas yang diakui bagi hukum syarak sebagai dalil.

## **Perkara 13**

Setiap individu adalah tidak bersalah sehingga terbukti bersalah. Seseorang tidak dikenakan hukuman, kecuali dengan keputusan pengadilan. Tidak dibenarkan menyiksa mana-mana individu dan sesiapa sahaja yang didapati melakukannya akan menerima hukuman.

## **Perkara 14**

Hukum asal perbuatan manusia terikat dengan hukum syarak. Tidak dibenarkan untuk melakukan sesuatu perbuatan, kecuali setelah mengetahui hukumnya. Hukum asal benda adalah mubah(harus), selama tidak ada dalil yang mengharamkannya.

## **Perkara 15**

Setiap sesuatu yang membawa kepada keharaman hukumnya adalah haram, apabila ianya diduga kuat dapat membawa kepada keharaman. Namun jika sesuatu itu hanya dikhuatiri membawa keharaman, maka ianya tidak haram.

## SISTEM PEMERINTAHAN (NIZHAMUL HUKMI)

### Perkara 16

Sistem pemerintahan negara adalah sistem kesatuan (wahidah) dan bukan sistem persekutuan (federal).

### Perkara 17

Pemerintahan bersifat berpusat (centralised), sedangkan sistem pentadbiran adalah tidak berpusat (de-centralised)

### Perkara 18

Jawatan pemerintah/penguasa (al-hukam) terdiri daripada empat iaitu Khalifah, Mu'awin Tafwidh, Wali dan Amil. Selain mereka, tidak tergolong sebagai pemerintah, melainkan hanyalah pegawai pemerintahan.

### Perkara 19

Sesiapapun tidak dibenarkan berkuasa atau bertindak sebagai penguasa, kecuali dia adalah lelaki, merdeka, baligh, berakal, adil, memiliki kemampuan dan beragama Islam.

### Perkara 20

Muhasabah terhadap pemerintah merupakan salah satu hak kaum Muslimin dan hukumnya fardhu kifayah (kewajiban secara kolektif). Sementara bagi warganegara non-muslim, mereka memiliki hak untuk mengadukan kezaliman/ketidakadilan penguasa atau penyimpangan pemerintah dalam penerapan hukum-hukum Islam terhadap mereka.

### Perkara 21

Kaum Muslimin berhak mewujudkan parti-parti politik untuk mengkritik/memuhasabah penguasa/pemerintah atau sebagai jalan untuk menduduki jawatan pemerintah melalui jalan(thariq) umat, dengan syarat asasnya adalah akidah Islam dan hukum-hukum yang diambil(tabanni) adalah hukum-hukum syarak. Penubuhan parti seumpama itu tidak memerlukan lesen (yang dikeluarkan oleh negara). Sebarang perkumpulan atau parti yang tidak berasaskan Islam adalah dilarang.



## **Perkara 22**

Sistem pemerintahan berdiri di atas 4 asas iaitu :

1. Kedaulatan (As-siyadah) adalah milik syarak, bukan milik rakyat.
2. Kekuasaan (As-Sulthan) berada di tangan umat.
3. Perlantikan seorang Khalifah adalah fardhu atas seluruh kaum Muslimin.
4. Hanya Khalifah yang mempunyai hak untuk mengambil (tabanni) hukum-hukum syarak dan meluluskan perlembagaan dan undang-undang.

## **Perkara 23**

Institusi negara terdiri daripada 13 institusi iaitu:

- 1) Khalifah.
- 2) Al-Mu'awinun (Pembantu) – Wuzara' Al-tafwidh (Menteri Delegasi).
- 3) Wuzara' Al-Tanfidz (Menteri Esekutif/Perlaksanaan).
- 4) Al-Wulat (Para Wali).
- 5) Amirul Jihad.
- 6) Dairah Al- Aminu Al-Dakhili (Jabatan Keamanan Dalam Negeri).
- 7) Dairah Al-Khariyyah (Jabatan Hal Ehwal Luar Negara).
- 8) Dairah Al-Sina'ah (Jabatan Perindustrian).
- 9) Al-Qadha' (Kehakiman).
- 10) Jihaz Idari (Jentera-Jentera Pentadbiran).
- 11) Baitul Mal (Perbendaharaan Negara)
- 12) Dairah Al- 'lamiy (Jabatan Penerangan)
- 13) Majlis Al-Ummah (Musyawarah dan Muhasabah)

## KHALIFAH

### Perkara 24

Khalifah bertindak sebagai wakil umat dalam kekuasaan dan dalam pelaksanaan syarak.

### Perkara 25

Khilafah adalah aqad (kontrak) atas dasar sukarela dan pilihan. Tiada paksaan bagi seseorang untuk menerima jawatan Khalifah, dan tiada paksaan bagi seseorang untuk mencalonkan orang tertentu untuk jawatan Khalifah.

### Perkara 26

Setiap muslim yang baligh, berakal, baik lelaki mahupun wanita berhak memilih Khalifah dan membai'ahnya. Orang-orang bukan muslim tidak memiliki hak memilih tersebut.

### Perkara 27

Apabila aqad Khilafah telah disempurnakan dengan pembai'atan oleh pihak yang berhak melakukan *bai'ah in'iqad* (perlantikan), maka bai'ah oleh kaum Muslim lainnya adalah *bai'ah taat* bukan *bai'ah in'iqad*. Setiap individu yang menunjukkan pengingkaran, penentangan dan memecah-belahkan kaum muslimin dipaksa untuk berbai'ah.

### Perkara 28

Tidak seorang pun berhak menjadi Khalifah kecuali setelah dilantik oleh kaum Muslimin. Dan tidak seorang pun memiliki wewenang (hak dan kekuasaan) Khilafah, kecuali jika aqadnya telah sempurna berdasarkan hukum syarak, sebagaimana halnya pelaksanaan aqad-aqad lain di dalam Islam.

### Perkara 29

Mana-mana negara yang ingin membai'ah Khalifah dengan *bai'ah in'iqad* disyaratkan bahawa pemerintahnya mempunyai kekuasaan mandiri (independent), yang bersandar kepada kekuasaan kaum Muslimin sahaja, dan tidak bergantung kepada mana-mana negara kafir. Keamanan kaum Muslimin samada di dalam mahupun di luar negara tersebut adalah dengan keamanan Islam sahaja, bukan dengan keamanan kufur. Namun, *bai'at taat* yang diambil daripada kaum Muslimin di negara-negara lain tidak disyaratkan demikian.

### **Perkara 30**

Individu yang diberikan bai'ah Khilafah (iaitu Khalifah pent.) hanya perlu memenuhi syarat bai'ah in'iqad, dan tidak semestinya memiliki syarat keutamaan (afdhaliyyah). Yang paling penting adalah syarat-syarat in'iqad.

### **Perkara 31**

Terdapat 7 syarat diperlukan bagi seorang Khalifah sehingga akad Khilafah terhadapnya adalah sah iaitu lelaki, muslim, merdeka, baligh, berakal, adil dan memiliki kemampuan untuk memegang tugas tersebut.

### **Perkara 32**

Apabila Jawatan Khilafah (Mansibul Khilafah) kosong, disebabkan oleh kematian atau perletakan jawatan atau pemecatan, maka wajib hukumnya melantik seorang pengganti sebagai Khalifah, dalam tempoh masa 3 hari termasuk 2 malam semenjak kekosongannya dalam jawatan (Mansibul) Khilafah.

### **Perkara 33**

Amir sementara (Amir Muaqqat) dilantik untuk menangani urusan kaum Muslimin dan melaksanakan proses perlantikan Khalifah yang baru setelah kekosongan jawatan (Mansibul) Khilafah sebagai berikut:

- a. Ketika Khalifah sebelumnya merasakan ajalnya sudah hampir atau dia bertekad untuk mengundurkan diri, dia memiliki hak bagi menunjukkan amir sementara.
- b. Jika Khalifah meninggal dunia atau diberhentikan sebelum ditetapkan amir sementara, atau kekosongan jawatan Khilafah bukan akibat daripada Khalifah sebelumnya meninggal atau diberhentikan, maka Mu'awin (Mu'awin Tafwidl, pen.) yang paling tua usianya menjadi amir sementara, kecuali jika dia ingin mencalonkan diri untuk jawatan Khilafah, maka yang menjawat amir sementara ialah Mu'awin Mu'awin Tafwidl, pen.) yang lebih muda, dan seterusnya.
- c. Jika semua Mu'awin ingin mencalonkan diri maka Mu'awin Tanfizh yang paling tua menjadi amir sementara, jika dia ingin mencalonkan diri maka yang lebih muda berikutnya, dan demikian seterusnya.
- d. Jika semua Mu'awin Tanfizh ingin mencalonkan diri untuk jabatan Khilafah maka amir sementara dihadkan kepada Mu'awin Tanfizh yang paling muda.
- e. Amir sementara tidak berkuasa tabanni (mengambil dan menetapkan) hukum

f. Amir sementara diberikan kuasa penuh untuk melaksanakan proses pengangkatan Khalifah yang baru secara sempurna dalam tempoh masa tiga hari. Had masa tersebut tidak boleh dipanjangkan kecuali di atas sebab-sebab yang memaksa atas persetujuan Mahkamah Mazhalim

#### **Perkara 34**

Metode untuk melantik Khalifah adalah bai'ah. Adapun tatacara pengamalan untuk melantik dan membaiah Khalifah adalah sebagai berikut:

- a. Mahkamah Mazhalim mengumumkan kekosongan Jabatan Khilafah
- b. Amir sementara melaksanakan tugasnya dan mengumumkan pembukaan pintu pencalonan dengan segera.
- c. Penerimaan pencalonan para calon yang memenuhi syarat-syarat in'iqad dan penolakan pencalonan mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat in'iqad ditetapkan oleh Mahkamah Mazhalim.
- d. Para calon yang pencalonannya diterima oleh Mahkamah Mazhalim akan melalui saringan oleh anggota-anggota Muslim dalam Majlis Ummah dalam dua peringkat. Peringkat pertama, dipilih enam orang daripada para calon mengikut suara majoriti. Peringkat Kedua, dipilih dua orang daripada enam calon sebelum itu dengan suara majoriti.
- e. Nama kedua-dua calon terpilih diumumkan. Kaum Muslim dituntut untuk memilih satu di antara mereka.
- f. Hasil pemilihan diumumkan dan kaum Muslimin diberitahu siapa calon yang mendapat suara majoriti.
- g. Kaum Muslimin memulakan pembaiatan terhadap calon yang mendapat suara majoriti sebagai Khalifah bagi kaum Muslimin untuk melaksanakan Kitabullah dan Sunnah Rasulullah SAW
- h. Setelah proses bai'ah selesai, Khalifah kaum Muslimin diumumkan ke seluruh penjuru sehingga sampai kepada umat seluruhnya. Pengumuman itu disertai penyebutan nama Khalifah dan bahwa dia memenuhi sifat-sifat yang menjadikannya berhak untuk menduduki Jabatan Khilafah.
- i. Setelah proses pengangkatan Khalifah yang baru selesai, mandat amir sementara juga berakhir.

### **Perkara 35**

Umat memiliki hak melantik Khalifah, tetapi umat tidak memiliki hak memberhentikanannya selepas bai'at in'iqadnya telah sempurna menurut ketentuan syarak.

### **Perkara 36**

Khalifah memiliki wewenang(hak dan kuasa) seperti berikut:

a. Khalifah yang mengambil(tabanni) hukum-hukum syarak yang diperlukan untuk memelihara urusan-urusan umat, yang digali dengan ijtihad yang sahih dari Kitabullah dan Sunnah Rasulullah, sehingga menjadi undang-undang yang wajib ditaati dan tidak boleh dilanggar.

b. Khalifah yang bertanggung jawab terhadap dasar politik di dalam dan juga luar negara. Dialah yang memegang kepemimpinan ketenteraan. Dia berhak mengumumkan perang, mengikat perjanjian damai, gencatan senjata serta seluruh perjanjian lainnya.

c. Khalifah yang berhak menerima atau menolak duta-duta negara asing. Dia juga yang berhak menentukan dan memberhentikan duta kaum Muslimin.

d. Khalifah yang menentukan dan memberhentikan para mu'awin dan para Wali. Kesemua mereka bertanggung jawab kepada Khalifah sebagaimana mereka juga bertanggung jawab kepada Majlis Al-Ummah.

e. Khalifah yang menentukan dan memberhentikan Ketua Qadhi (Qadhi Al-Qudhat) dan seluruh qadhi kecuali Qadhi Mazhalim dalam situasi di mana Qadhi Mazhalim sedang mengadili suatu perkara ke atas Khalifah, Mu'awin atau Ketua Qadhi. Khalifahlah yang berhak menentukan dan memberhentikan ketua-ketua jabatan, Ketua Panglima Tentera dan para panglima tentera. Mereka bertanggung jawab kepada Khalifah, dan tidak bertanggung jawab terhadap Majlis Al-Ummah.

f. Khalifah yang mengambil(tabanni) hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan hasil pendapatan dan belanjawan negara. Khalifah memutuskan bahagian-bahagiannya dan jumlah dana yang diperlukan untuk setiap bidang, sama ada yang berkaitan dengan hasil pendapatan atau perbelanjaan.

### **Perkara 37**

Khalifah terikat dengan hukum-hukum syarak yang diambilnya (tabanni). Dia diharamkan mengambil (tabanni) hukum yang tidak diambil melalui proses ijtihad yang benar dari dalil-dalil syarak. Khalifah terikat dengan hukum yang ditetapkan (tabanni), dan terikat dengan metodologi ijtihad yang dipilihnya sebagai panduan dalam pengambilan (tabanni) sesuatu hukum. Khalifah tidak dibenarkan mengambil (tabanni) hukum berdasarkan metodologi ijtihad yang bertentangan dengan metode yang telah ditetapkan, dan tidak diperkenankan mengeluarkan perintah yang bertentangan dengan hukum-hukum yang telah ditetapkan (tabanni).

### **Perkara 38**

Khalifah memiliki hak mutlak untuk mengatur urusan-urusan rakyat menurut pendapat dan ijtihadnya. Khalifah berhak menetapkan (tabanni) hal-hal mubah yang diperlukan demi memudahkan pengaturan urusan negara dan urusan rakyat. Khalifah tidak boleh menyalahi hukum syarak dengan alasan maslahat. Sebagai contoh, Khalifah tidak boleh melarang sebuah keluarga untuk memiliki lebih daripada seorang anak dengan alasan kekurangan bekalan makanan atau Khalifah tidak boleh menetapkan harga kepada rakyat dengan dalih mencegah eksploitasi atau Khalifah tidak boleh melantik orang kafir atau seorang wanita sebagai Wali dengan alasan (memudahkan) pengaturan urusan rakyat atau terdapat kemaslahatan, atau tindakan-tindakan lain yang bertentangan dengan hukum syarak. Khalifah tidak boleh mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram.

### **Perkara 39**

Tidak ada batasan waktu bagi jawatan Khalifah. Selagi mana dia mempertahankan syarak dan melaksanakan hukum-hukumnya, serta mampu menjalankan tugas-tugas negara, dia tetap menjawat sebagai Khalifah, melainkan terdapat perubahan keadaan yang menyebabkannya dia tidak layak lagi menjawat sebagai Khalifah sehingga dia wajib diberhentikan segera.

### **Perkara 40**

Hal-hal yang mengubah keadaan Khalifah sehingga dia dikeluarkan daripada Jabatan Khilafah ada 3 perkara:

a. Jika melanggar salah satu syarat dari syarat-syarat in'iqad Khilafah, yang menjadi syarat kelangsungan jabatan Khalifah, misalnya murtad, fasik secara terang-terangan, gila dan lain-lain. Ini kerana inilah syarat-syarat in'iqad dan syarat-syarat kelangsungannya.

b. Tidak mampu memikul tugas-tugas Khilafah dengan apa jua sebab sekalipun.

c. Terdapat tekanan yang menyebabkan Khalifah tidak mampu lagi menjalankan urusan kaum Muslimin menurut pendapatnya selari dengan ketentuan hukum syarak. Apabila terdapat tekanan dari pihak tertentu sehingga Khalifah tidak mampu memelihara urusan rakyat menurut pendapatnya sendiri selari dengan hukum syarak, maka secara rasminya dia tidak mampu menjalankan tugas-tugas negara, sehingga tidak layak lagi memegang jawatan Khalifah. Hal ini berlaku dalam 2 situasi:

**Pertama:** Apabila salah seorang atau beberapa orang daripada para pendampingnya menguasai Khalifah sehingga mereka mendominasi pelaksanaan urusan pemerintahan. Apabila masih ada harapan dapat terbebas daripada kekuasaan mereka, maka Khalifah akan ditegur dan diberi waktu untuk membebaskan diri. Jika terbukti tidak mampu mengatasi dominasi mereka, maka dia akan diberhentikan. Apabila tidak ada harapan lagi maka segera Khalifah diberhentikan.

**Kedua:** Apabila Khalifah menjadi tawanan musuh, baik ditawan atau di bawah kawalan musuh. Pada situasi seperti ini perlu dipertimbangkan. Jika masih ada harapan untuk dibebaskan maka pemberhentiannya ditangguhkan sampai batas tidak ada harapan lagi untuk membebaskannya, dan jika ternyata demikian, barulah dia diberhentikan. Jika tidak ada harapan sama sekali untuk membebaskannya maka segera diganti.

#### **Perkara 41**

Mahkamah Mazhalim adalah satu-satunya lembaga yang menentukan apakah ada atau tidak perubahan keadaan pada diri Khalifah yang menjadikannya tidak layak memegang jawatan Khalifah. Mahkamah ini merupakan satu-satunya lembaga yang memiliki autoriti(hak dan kuasa) untuk memberhentikan atau menegur Khalifah.

## MU'AWIN AT-TAFWIDH (PEMBANTU DELEGASI)

### Perkara 42

Khalifah melantik seorang Mu'awin Tafwidh(pembantu delegasi) atau lebih dengan kuasa untuk membantunya dalam menjalankan tanggungjawab pemerintahan. Mu'awin Tafwidh diberi wewenang ( hak dan kuasa) untuk mengatur pelbagai urusan berdasarkan pendapat dan ijtihadnya. Apabila Khalifah wafat, maka jawatan Mu'awin juga ditamatkan. Dia tidak melanjutkan aktivitinya kecuali sepanjang beradanya Amir sementara saja.

### Perkara 43

Syarat-syarat Mu'awin Tafwidh sama seperti persyaratan Khalifah, iaitu lelaki, merdeka, muslim, baligh, berakal, adil dan memiliki kemampuan dalam tugas-tugas yang dipikulnya.

### Perkara 44

Dalam perlantikan Mu'awin Tafwidh, disyaratkan 2 perkara: Pertama, tugasnya melibatkan semua urusan negara secara umum. Kedua, sebagai wakil Khalifah. Oleh itu, ketika perlantikannya Khalifah mesti menyatakan: 'Saya melantik anda bagi pihak saya sebagai pembantu saya', atau dengan redaksi lain yang mencakup kedudukannya yang umum dan bersifat mewakili. Penyerahan tugas ini memungkinkan Khalifah untuk mengirimkan para Mu'awin ke mana-mana tempat, atau memindahkan mereka dari satu tempat ke tempat yang lain atau tugas yang lain mengikut keperluan Khalifah, tanpa memerlukan perlantikan yang baru kerana semua itu termasuk di dalam cakupan penyerahan. tugas mereka sebelumnya

### Perkara 45

Fungsi Mu'awin Tafwidh yang membezakannya dengan Khalifah dalam kekuasaannya adalah mereka perlu memberi laporan kepada Khalifah tentang apa yang mereka putuskan dan pelaksanaan tugas-tugas yang diberikan kepada mereka. Mu'awin Tafwidh wajib memberi laporan kepada Khalifah dan melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Khalifah.

### Perkara 46

Khalifah wajib memeriksa aktiviti dan pengaturan Mu'awin Tafwidh dalam semua urusan yang dilakukannya, agar Khalifah dapat mengesahkannya



sekiranya tindakan mereka selari dengan kebenaran dan membetulkannya sekiranya berlaku kesalahan. Hal ini kerana pengurusan urusan umat adalah tugas Khalifah (yang hakiki) yang dijalankan berdasar ijtihadnya.

#### **Perkara 47**

Apabila Mu'awin Tafwidh telah mengatur sesuatu urusan, lalu disetujui Khalifah, maka dia berhak melaksanakannya sebagaimana dipersetujui Khalifah, tanpa mengurangi atau menambahnya. Jika Khalifah menarik kembali persetujuannya, dan Mu'awin menolak mengembalikan apa yang telah diputuskan, maka dalam hal ini perlu dilihat; jika masih dalam rangka pelaksanaan hukum selari dengan perintahnya atau berkaitan harta yang sudah diserahkan kepada yang berhak, maka pendapat mu'awin yang dilaksanakannya, sebab pada asasnya hal itu adalah pendapat Khalifah juga. Khalifah tidak boleh menarik kembali hukum yang sudah dilaksanakan, atau harta yang sudah diagihkan. Sebaliknya jika apa yang sudah dilaksanakan oleh Mu'awin diluar ketentuan-ketentuan tersebut, seperti melantik Wali atau mempersiapkan bala tentera, maka Khalifah berhak menolak perbuatan Mu'awin dan melaksanakan pendapatnya sendiri serta menghapuskan apa yang telah dilakukan oleh Mu'awin. Ini kerana Khalifah berhak untuk mengubah kembali kebijaksanaannya ataupun kebijaksanaan Mu'awinnya.

#### **Perkara 48**

Mu'awin Tafwidh memiliki kekuasaan delegasi yang umum. Oleh yang demikian, dia tidak terikat dengan sesebuah jabatan tertentu atau tugas-tugas yang spesifik. Ini kerana mereka yang melaksanakan aktiviti administratif adalah para pegawai dan bukan penguasa, sedangkan Mu'awin Tafwidh adalah seorang penguasa. Maka dia tidak ditugaskan secara khusus dengan urusan-urusan administratif tersebut, kerana kekuasaannya bersifat umum.

### **MU'AWIN AT-TANFIDZ (PEMBANTU EKSEKUTIF)**

#### **Perkara 49**

Khalifah melantik Mu'awin Tanfidz sebagai pembantu dalam pentadbiran(administrative) dan bukan dalam pemerintahan. Tugasnya adalah melaksanakan perintah-perintah Khalifah samada urusan di dalam mahupun di luar negara dan menyampaikan laporan apa yang diterima dalam bidang tersebut

kepada Khalifah. Jabatan Pentadbiran ini adalah perantara antara Khalifah dengan jabatan-jabatan yang lain, menyampaikan tugas daripada Khalifah atau sebaliknya menyampaikan laporan kepadanya dalam urusan berikut:

- a. Hubungan dengan rakyat
- b. Hubungan internasional
- c. Ketenteraan
- d. Institusi negara lainnya selain ketenteraan

#### **Perkara 50**

Mu'awin Tanfidz mestilah seorang lelaki dan muslim kerana dia mendampingi Khalifah.

#### **Perkara 51**

Mu'awin Tanfidz selalu berhubungan langsung dengan Khalifah, seperti halnya Mu'awin Tafwidh. Dia dipandang sebagai Mu'awin (Pembantu) dalam hal pelaksanaan (esekutif), bukan berkaitan pemerintahan.

### **AL- WULAT (PARA GABENOR DI SETIAP WILAYAH)**

#### **Perkara 52**

Seluruh wilayah yang dikuasai oleh negara dibahagikan kepada beberapa bahagian. Setiap bahagian dinamakan wilayah. Setiap wilayah dibahagikan menjadi beberapa 'imalat (daerah). Orang yang memerintah wilayah disebut Wali atau Amir dan yang memerintah 'imalat disebut 'Amil atau Hâkim.

#### **Perkara 53**

Para Wali dilantik oleh Khalifah. Manakala para 'Amil dilantik oleh Khalifah atau Wali apabila Khalifah memberikan mandat tersebut kepada Wali. Syarat bagi seorang Wali dan Amil sama seperti persyaratan Mu'awin, iaitu laki-laki, merdeka, muslim, baligh, berakal, adil, memiliki kemampuan yang sesuai dengan tugas yang diberikan, dan dipilih daripada kalangan orang yang bertaqwa serta kuat.

#### **Perkara 54**

Wali mempunyai autoriti(hak dan kuasa) dalam bidang pemerintahan dan mengawasi seluruh aktiviti jabatan-jabatan pentadbiran di wilayahnya, sebagai wakil Khalifah. Wali memiliki seluruh autoriti di wilayahnya kecuali urusan kewangan, pengadilan, dan ketenteraan. Dia memiliki kepemimpinan ke atas penduduk di wilayahnya dan memerhatikan seluruh urusan yang berhubungan dengan wilayahnya. Dia memimpin pasukan polis di dalam aspek operasi, bukan dalam aspek pentadbiran pasukan polis.

#### **Perkara 55**

Wali tidak wajib memberi laporan kepada Khalifah tentang apa yang dilakukannya di bawah kuasa pemerintahannya, kecuali dia berhadapan dengan beberapa pilihan. Apabila terdapat perkara baru yang belum pernah ditetapkan, dia perlu menunggu dan memberikan laporan kepada Khalifah, kemudian baru bertindak berdasarkan perintah Khalifah. Jika dengan menunggu persetujuan daripada Khalifah dikhuatiri keadaan bertambah buruk, maka dia boleh bertindak dahulu dan kemudian wajib melaporkannya kepada Khalifah, dan menjelaskan tentang sebab-sebab tiada laporan sebelum pelaksanaan.

#### **Perkara 56**

Di setiap wilayah terdapat sebuah majlis, yang mana anggota-anggotanya dipilih oleh penduduk wilayah tersebut dan dipimpin oleh Wali. Majlis tersebut memiliki autoriti untuk turut serta dalam menyampaikan pendapat terhadap urusan-urusan pentadbiran, bukan dalam urusan kekuasaan (pemerintahan). Hal itu untuk 2 tujuan: Pertama, memberikan informasi penting kepada Wali tentang fakta wilayah dan keperluannya serta menyampaikan pendapat mereka dalam masalah tersebut. Kedua, bagi mengungkapkan persetujuan atau pengaduan tentang pemerintahan Wali ke atas mereka. Pendapat Majlis dalam hal yang pertama tidak mengikat (ghairu mulzamun). Namun pendapat majlis dalam hal yang kedua adalah mengikat (mulzamun). Jika Majlis mengadu tentang Wali, maka Wali tersebut diberhentikan.

#### **Perkara 57**

Tempoh jawatan seorang Wali di sesuatu wilayah tidak boleh dalam jangka waktu yang sangat panjang (lama). Dia mesti diberhentikan apabila dia kelihatan

lebih berkuasa dan/atau para penduduknya menjadi terpengaruh dengan dirinya.

#### **Perkara 58**

Seorang Wali tidak boleh dipindahkan dari satu wilayah ke wilayah yang lain, kerana walaupun perantikannya bersifat umum tetapi hanya bagi satu tempat yang ditetapkan sahaja. Akan tetapi seorang Wali boleh diberhentikan kemudian dilantik lagi di tempat lain.

#### **Perkara 59**

Wali diberhentikan apabila Khalifah memutuskan untuk memberhentikannya atau apabila Majlis Umat menyatakan ketidakpuasan (ketidakrelaan) terhadap Wali, atau jika Majlis Wilayah menampakkan ketidaksukaan terhadapnya. Pemberhentiannya dilakukan oleh Khalifah.

#### **Perkara 60**

Khalifah wajib sentiasa meneliti dan mengawasi tindakan setiap Wali dengan ketat. Khalifah boleh melantik orang yang mewakilinya untuk mengawasi dan memeriksa para Wali. Khalifah mesti mengumpulkan mereka satu persatu atau sebahagian daripada mereka dari masa ke semasa, dan mendengar pengaduan-pengaduan rakyat terhadap mereka.

### **AMIRUL JIHAD: DA'IRAH(JABATAN) PEPERANGAN - TENTERA**

#### **Perkara 61**

Da'irah(Jabatan) peperangan menangi seluruh hal ehwal yang berkaitan dengan angkatan bersenjata samada pasukan tentera, polis, kelengkapan persenjataan, misi-misinya, amunisi, dan sebagainya. Juga semua akademi ketenteraan (kuliyyat askariah), semua misi ketenteraan (ba'asat askariah) dan segala hal yang menjadi tuntutan samada thaqafah Islamiyah, mahupun thaqafah umum bagi pasukan. Dan semua hal yang berhubungan dengan peperangan dan persiapannya. Ketua bagi jabatan ini disebut Amirul Jihad.

#### **Perkara 61**

Jihad adalah kewajiban bagi seluruh kaum Muslimin dan latihan ketenteraan adalah wajib. Setiap lelaki muslim yang telah berusia 15 tahun

diwajibkan mengikuti latihan ketenteraan, sebagai persiapan untuk berjihad. Sementara pengambilan anggota tetap pasukan tentera merupakan fardhu kifayah.

### **Perkara 63**

Tentera terdiri daripada 2 bahagian: Pertama, bahagian/pasukan cadangan (qasam ihtiyathin) yang terdiri daripada seluruh kaum Muslimin yang mampu mengangkat senjata. Kedua, bahagian/pasukan tetap (qasam daimun) dalam tentera yang memperolehi gaji daripada belanjawan negara sebagaimana para pegawai negara yang lain.

### **Perkara 64**

Pasukan memiliki liwa(bendera) dan rayah(panji). Khalifah yang menyerahkan liwa kepada Ketua barisan peperangan (Panglima Perang/Commander-in chief). Sedangkan panji diserahkan oleh ketua-ketua brigid (ru'asul alwiyati), (brigid - sepasukan tentera yang terdiri daripada beberapa battalion pent).

### **Perkara 65**

Khalifah adalah merupakan Ketua Angkatan Tentera (Qaaidul Jaishy). Khalifah melantik Ketua Staff Tentera (Rais al-Arkaan), Amir bagi setiap Brigid (Liwa'an Amiran) dan Ketua bagi setiap Divisyen (Firqah Qaaidan). Para Amir setiap brigid dan para ketua setiap divisyen melantik struktur barisan tentera yang lain. Pegawai-pegawai staff tentera (alshakhshu fil Al-Arkaan) ditentukan berdasarkan tahap pengetahuan perang (thaqafah al-harbiyah) masing-masing dan yang menetapkannya adalah Panglima Tentera.

### **Perkara 66**

Seluruh tentera ditetapkan sebagai satu kesatuan, yang ditempatkan diberbagai-bagai kem tentera. Sebahagian kem tentera mesti ditempatkan di wilayah yang berbeza, sebahagian lainnya ditempatkan di lokasi-lokasi strategik, dan sebahagian lainnya hendaklah kekal sebagai pasukan gerak tempur. Kem-kem tentera disusun dalam berbagai unit. Setiap unitnya boleh dinamakan dalam bentuk nombor seperti tentera 1, tentera 3 misalnya atau dinamakan mengikut wilayah atau daerah (imalah).

### **Perkara 67**

Setiap anggota tentera wajib diberikan pendidikan ketenteraan semaksimal mungkin dan meningkatkan kemampuan berfikir mereka sesuai dengan kemampuan yang ada. Setiap anggota tentera hendaklah dibekalkan dengan thaqofah Islam, sehingga memiliki kesedaran Islam secara keseluruhannya.

### **Perkara 68**

Dalam setiap kem tentera wajib terdapat sejumlah pegawai staff tentera (al-arkaan) yang cukup dan memiliki pengetahuan yang tinggi tentang ketenteraan, serta berpengalaman dalam menyusun strategi dan mengatur peperangan. Seluruh tentera perlu memiliki pegawai atasan tentera (al-arkaan) sebanyak mungkin dalam setiap batalion.

### **Perkara 69**

Setiap pasukan wajib dilengkapi dengan kelengkapan persenjataan, bekalan dan peralatan yang diperlukan serta keperluan-keperluan lain, yang membolehkan pasukan melaksanakan tugasnya sebaik mungkin sebagai pasukan tentera Islam.

## **JABATAN KEAMANAN DALAM NEGERI (DAIRAH AL-AMNI)**

### **Perkara 70**

Da'irah (Jabatan) Keamanan Dalam Negeri menangani segala perkara yang boleh mengganggu gugat kemananan, mencegah segala perkara yang dapat mengancam keamanan dalam negeri, menjaga keamanan di dalam negeri melalui pasukan polis (Al-Syurtah) dan tidak diserahkan kepada pasukan tentera (Al-Jaish) kecuali dengan perintah daripada Khalifah. Ketua bagi da'irah ini dinamakan Pengarah Keamananan Dalam Negeri. Da'irah ini memiliki cawangan di setiap wilayah yang disebut Jabatan Keamanan Dalam Negeri dan ketuanya dinamakan Ketua Pentadbiran (Ketua Polis) di wilayah tersebut.

### **Perkara 71**

Terdapat dua jenis polis (Al-Syurtah):

1. Polis Tentera (Syurtah Al-Jaish) yang berada di bawah Amirul Jihad atau Da'irah Perang, dan
2. Polis yang ada di bawah penguasa untuk menjaga

keamanan; polis ini berada di bawah Da'irah(Direktorat) Keamanan Dalam Negeri. Kedua-dua jenis polis tersebut diberi latihan khusus dengan thaqafah khusus demi melaksanakan tugas-tugasnya dengan baik.

#### **Perkara 72**

Ancaman-ancaman terhadap keamanan dalam negeri yang ditangani oleh Da'irah(Direktorat) Keamanan Dalam Negeri untuk diselesaikan adalah: murtad, bughat(pemberontakan), hirabah(rompakan), serangan terhadap harta benda masyarakat, pelanggaran terhadap jiwa dan kehormatan, interaksi dengan orang-orang yang diragukan iaitu orang-orang yang menjadi perisik untuk orang kafir harbi.

### **JABATAN LUAR NEGARA (DA'IRAH AL-KHARAJIAH)**

#### **Perkara 73**

Da'irah (Jabatan) Luar Negara menangani seluruh urusan luar negara yang berkaitan dengan hubungan negara Khilafah dengan negara-negara luar (al-dual al-ajnabi) samada dalam aspek politik, ekonomi, perindustrian, pertanian, perdagangan, perkhidmatan POS, perkhidmatan telekomunikasi baik berwayar atau tanpa wayar dan sebagainya.

### **JABATAN PERINDUSTRIAN (DA'IRAH AS-SINA'AH)**

#### **Perkara 74**

Da'irah (Jabatan) perindustrian adalah da'irah yang menangani seluruh urusan yang berhubungan dengan industri, samasa industri berat seperti industri mesin dan peralatan, industri automotif dan transportasi, industri bahan mentah dan industri elektronik mahupun industri ringan. Samada kilang-kilang tersebut termasuk kepemilikan umum mahupun termasuk kepemilikan individu, namun memiliki hubungan dengan industri ketenteraan dan segala jenis industri, semuanya wajib dijalankan berdasarkan politik perang.

## AL QADHA (KEHAKIMAN)

### Perkara 75

Al-Qadha adalah pemberitahuan keputusan hukum dalam bentuk yang mengikat (*al-ilzam*). Al-Qadha menyelesaikan perselisihan yang terjadi antara masyarakat atau mencegah hal-hal yang dapat merugikan hak jama'ah, atau mengatasi perselisihan yang terjadi antara rakyat dengan struktur pemerintahan para penguasa atau para pegawainya termasuk Khalifah atau pegawai bahasanya yang lain.

### Perkara 76

Khalifah melantik Qadhi Qudhat (Ketua Hakim) daripada kalangan lelaki, baligh, merdeka, muslim, berakal, adil dan faqih. Jika Khalifah memberinya wewenang (hak dan kuasa) untuk melantik dan memberhentikan Qadhi Mazhalim, maka Qadhi Qudhat wajib seorang mujtahid. Qadhi Qudhat memiliki hak dan kuasa melantik para Qadhi, memberi peringatan dan memberhentikan mereka daripada jawatannya, selari dengan peraturan pentadbiran yang berlaku. Pegawai-pegawai Mahkamah yang lain terikat dengan Pengarah Jabatan Keadilan, yang mengatur urusan administratif untuk lembaga Keadilan.

### Perkara 77

Para Qadhi terbagi dalam tiga jenis:

1. Qadhi, iaitu Qadhi yang mempunyai hak dan kuasa menyelesaikan perselisihan antara masyarakat dalam urusan muamalat dan uqubat.
2. Al-Muhtasib, Qadhi yang mempunyai hak dan kuasa menyelesaikan pelanggaran-pelanggaran yang merugikan hak-hak jama'ah/masyarakat.
3. Qadhi Mazhalim, yang mempunyai hak dan kuasa mengatasi perselisihan yang terjadi antara rakyat dengan negara.

### Perkara 78

Orang yang menduduki jawatan Qadhi (Qadhi dan al-Muhtasib, pen.) disyaratkan seorang muslim, merdeka, baligh, berakal, adil dan faqih serta memahami cara mengaplikasikan hukum terhadap fakta/realiti. Sementara Qadhi Mazhalim ditambahkan pencyaratannya iaitu lelaki dan mujtahid.



## **Perkara 79**

Qadhi, al-Muhtasib dan Qadhi Mazhalim yang dilantik diberi hak dan kuasa secara umum ke atas seluruh kes yang terjadi di seluruh negara, atau boleh juga dilantik dan diberi hak dan kuasa secara khusus untuk sesuatu tempat atau untuk kes-kes tertentu.

## **Perkara 80**

Sidang pengadilan (mahkamah) tidak boleh dibentuk lebih daripada satu Qadhi yang berhak memutuskan perkara. Seorang Qadhi boleh dibantu oleh seorang atau lebih qadhi lain, yang mana mereka diberikan hak untuk bermusyawarah dan mengemukakan pendapat. Namun, mereka tidak mempunyai hak dan kuasa untuk menjatuhkan hukuman manakala pendapat mereka tidak memaksa Qadhi untuk menerimanya.

## **Perkara 81**

Seorang Qadhi tidak boleh memutuskan sesuatu perkara kecuali dalam majlis (sidang) pengadilan. Pembuktian dan sumpah hanya yang disampaikan di dalam sidang pengadilan dianggap sah.

## **Perkara 82**

Ia adalah dibenarkan untuk mengelaskan tahap mahkamah bersesuaian dengan jenis kes. Sesetengah qadhi boleh ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes tertentu pada tahap tertentu manakala kes-kes yang lain dikendalikan oleh sidang mahkamah yang lain.

## **Perkara 83**

Tidak ada mahkamah rayuan kerana semua bentuk pengadilan (dalam memutuskan sesuatu perkara) mempunyai kedudukan yang sama. Apabila seorang qadhi telah memutuskan suatu perkara, maka keputusannya adalah sah dan tiada Qadhi lain yang boleh membatalkan keputusannya, kecuali dia memutuskan dengan selain daripada Islam (hukum syarak), atau keputusannya bertentangan dengan nas yang pasti daripada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' Sahabat, atau keputusannya bertentangan dengan realiti yang sebenarnya.

#### **Perkara 84**

Al-Muhtasib adalah Qadhi/Hakim yang mempertimbangkan (*yanzhuru*) semua kes yang berkaitan dengan hak-hak masyarakat secara umum, dan di dalamnya tidak perlu terdapat penuntut, dengan syarat tidak termasuk masalah hudud dan jinayat (jenayah).

#### **Perkara 85**

Al-Muhtasib memiliki hak dan kuasa untuk memutuskan perkara terhadap pelanggaran/pencabulan yang diketahuinya secara langsung, di mana-mana tempat sekalipun tanpa memerlukan majlis/sidang pengadilan. Beberapa anggota polis ditempatkan di bawah hak dan kuasanya untuk melaksanakan perintahnya dan mesti melaksanakan keputusan yang diambil oleh Al-Muhtasib dengan segera.

#### **Perkara 86**

Al-Muhtasib memiliki hak untuk memilih wakil-wakilnya yang memenuhi syarat-syarat seorang muhtasib. Mereka boleh ditugaskan dipelbagai lokasi, dan masing-masing memiliki wewenang(hak dan kuasa) dalam menjalankan tugas hisbahnya, samada di bandar-bandar (*Al-Mantiqah*) ataupun di pekan-pekan (*al-Mahaliyah*) yang sudah ditentukan dalam perkara yang didelegasikan kepada mereka.

#### **Perkara 87**

Qadhi Mazhalim adalah Qadhi yang dilantik untuk menghilangkan setiap tindakan zalim yang dilakukan oleh pihak negara yang menimpa ke atas setiap orang yang hidup di bawah kekuasaan negara, samada rakyatnya sendiri mahupun, tidak kira kezaliman itu dilakukan oleh Khalifah ataupun selain daripada Khalifah iaitu di kalangan para penguasa dan para pegawai yang lain.

#### **Perkara 88**

Para Qadhi Mazhalim dilantik oleh Khalifah atau oleh Qadhi Qudhat(Ketua Qadhi). Sementara aktiviti memuhasabah, tindakan tatatertib dan pemecatan terhadap Qadhi Mazhalim dilakukan oleh Khalifah, atau Qadhi Qudhat -jika Khalifah memberikan hak dan kuasa tersebut kepada kepadanya. Kecuali ketika Qadhi Madzalim sedang menyiasat kes kezaliman Khalifah, atau

Mu'awin Tafwidh atau Qadhi Qudhat. Dalam keadaan seperti itu, hak dan kuasa memberhentikan Qadhi Mazhalim berada di tangan Mahkamah Mazhalim.

### **Perkara 89**

Bilangan Qadhi Madzalim tidak terhad dengan jumlah seorang atau lebih. Khalifah boleh melantik seramai mungkin bilangan Qadhi Madzalim yang difikirkannya perlu dalam membasmi tindakan kezaliman yang ada. Walaupun dibenarkan lebih daripada seorang Qadhi Mazhalim untuk mengendalikan suatu perbicaraan, namun hak dan kuasa membuat keputusan hanya berada pada tangan seorang Qadhi. Qadh-qadhi Mazhalim yang lain boleh mengikuti dan mendampingi hakim ketika perbicaraan, namun wewenang (hak dan kuasa) mereka hanya terbatas kepada memberi pendapat, dan pendapat mereka pula tidak mengikat terhadap Qadhi Mazhalim yang mempunyai hak dan kuasa untuk menjatuhkan hukuman.

### **Perkara 90**

Mahkamah Mazhalim berhak memberhentikan mana-mana penguasa atau pegawai negara. Mahkamah itu juga berhak memecat Khalifah sekiranya pemecatan tersebut diperlukan demi menghapuskan kezaliman.

### **Perkara 91**

Mahkamah Madzalim berhak menyiasat sebarang kezaliman, sama ada yang berkaitan dengan pegawai-pegawai pemerintahan, tindakan Khalifah yang berkaitan dengan pelanggaran-pelanggaran hukum syarak; atau yang berkaitan dengan penafsiran terhadap salah satu dari nas-nas syarak yang terdapat dalam perlembagaan, undang-undang dan semua hukum syarak yang ditetapkan (tabanni) oleh Khalifah; atau yang berkaitan dengan penentuan salah satu jenis cukai (dharibah) atau tindakan zalim yang lain.

### **Perkara 92**

Tidak disyaratkan ke atas Qadhi Mazhalim perlu ada sesi perbicaraan, atau adanya tuntutan daripada defendan (penuntut) atau kehadiran planitif (tertuduh). Mahkamah Mazhalim berhak menyiasat suatu kezaliman, walaupun tiada tuntutan daripada sesiapa pun.

### **Perkara 93**

Setiap orang (kedua-dua pihak defendan dan plaintif) berhak mewakilkan perkara dan pembelaannya kepada orang lain (peguam). Hak tersebut mencakupi semua orang, samada muslim mahupun bukan-Muslim, lelaki mahupun wanita, tanpa ada perbezaan antara pihak yang diwakili dan pihak yang mewakili. Pihak yang mewakilkan boleh memberi upah/bayaran kepada wakilnya, sesuai dengan kesepakatan di antara kedua-duanya.

### **Perkara 94**

Setiap orang yang memiliki kuasa dalam suatu tugas, baik tugas khusus, seperti wasi - yang disertai wasiat- atau Wali, mahupun tugas umum seperti Khalifah, pegawai pemerintah lainnya, pegawai negara, qadhi mazhalim dan muhtasib; semuanya berhak melantik seseorang- contohnya peguam- yang menggantikannya dan bertindak selaku wakil dalam perkara perselisihan dan pembelaan, dilihat dari segi kedudukan mereka sebagai wasi, Wali, ketua negara, pegawai pemerintah, pegawai negara, qadhi mazhalim atau muhtasib. Tidak ada perbezaan -kedudukan mereka masing-masing sebagai terdakwa atau penuntut.

### **Perkara 95**

Pelbagai transaksi/akad, muamalah dan keputusan mahkamah yang dilakukan dan telah selesai pelaksanaannya sebelum penubuhan Khilafah, tidak dibatalkan oleh para qadha Khilafah dan tidak diadili kembali kecuali jika perkara itu:

- a. Memiliki pengaruh yang berterusan yang bertentangan dengan Islam, maka perkara tersebut dibicarakan semula.
- b. Jika perkara tersebut berkaitan dengan pelanggaran/ penyerangan terhadap Islam dan kaum Muslimin yang dilakukan oleh para penguasa lama dan pengikut mereka, maka Khalifah boleh menggerakkan kembali perkara tersebut.

## **JHAZ AL-IDARI (JENTERA-JENTERA PENTADBIRAN)**

### **Perkara 96**

Pengurusan hal ehwal pentadbiran(*idarah*) negara dan penjagaan kepentingan rakyat, dilaksanakan, dan dipertanggungjawabkan kepada para

pentadbir (masolih), direktorat-direktorat (dawairu) dan jabatan-jabatan (idaarat) yang bertugas menjalankan pentadbiran negara dan melayani kepentingan rakyat.

#### **Perkara 97**

Dasar pentadbiran (siyasa idarah) bagi pentadbir-pentadbir, direktorat-direktorat dan jabatan-jabatan adalah bersederhana dalam sistem, cepat dalam pelaksanaan tugas serta memiliki kompetensi (mahir dan cekap) bagi mereka yang memimpin urusan pentadbiran.

#### **Perkara 98**

Setiap warga negara yang memiliki kompetensi, sama ada lelaki ataupun wanita, muslim ataupun non-muslim boleh dilantik sebagai pengarah (mudir) atau pegawai (muwazafan) dalam mana-mana pentadbiran, direktorat atau jabatan.

#### **Perkara 99**

Setiap pentadbiran mesti mempunyai pengarah umum dan setiap direktorat dan jabatan mesti mempunyai pengarah khas yang bertanggungjawab untuknya. Semua pengarah bertanggungjawab di hadapan pengarah umum pentadbiran, direktorat dan jabatan mereka, dan bertanggung jawab terhadap pentadbiran, direktorat dan jabatan yang mereka pimpin dalam aspek pelaksanaan tugas-tugasnya dan bertanggung jawab pula kepada Wali dan Amil dalam aspek keterikatannya terhadap hukum-hukum dan peraturan umum.

#### **Perkara 100**

Para pengarah di semua pentadbiran, direktorat dan jabatan tidak boleh diberhentikan, kecuali terdapat alasan yang berkaitan dengan peraturan administrasi. Mereka dibenarkan untuk dipindahkan dari satu jawatan kepada jawatan yang lainnya, dan boleh digantung tugas. Pengarah umum bagi setiap pentadbiran, direktorat atau jabatan bertanggungjawab terhadap perlantikan, pemberhentian, pemindahan, penggantungan tugas dan tindakan tatatertib.

#### **Perkara 101**

Para pegawai selain daripada pengarah akan dilantik, dipindahkan, digantung tugas, dikenakan tindakan tatatertib atau diberhentikan oleh pihak

pengurusan tertinggi (al- idarah al-'uliya) bagi pentadbiran, direktorat atau jabatan masing-masing.

## **BAITUL MAL**

### **Perkara 102**

Baitul Mal adalah direktorat yang menguruskan pemasukan (al-waridat) dan pengeluaran (al-nafaqat) sesuai hukum syarak dari segi pengumpulan, penjagaan, dan perbelanjaannya. Ketua Direktorat Baitul Mal disebut Khazin Baitul Mal. Direktorat ini memiliki cawangan di setiap wilayah dan ketuanya di setiap cawangan disebut Shahib Baitul Mal.

## **JABATAN PENERANGAN (DA'IRAH AL-I'LAMI)**

### **Perkara 103**

Jabatan Penerangan adalah direktorat yang menangani penetapan dan pelaksanaan politik penerangan (siyasah i'lamiah) negara demi kemaslahatan Islam dan kaum Muslimin di dalam negara: untuk membangun masyarakat Islam yang kuat dan kukuh, menghilangkan keburukannya, dan menonjolkan kebajikannya dan di luar negara: untuk memaparkan Islam yang damai dan perang dengan pemaparan yang menjelaskan keagungan Islam dan keadilannya, kekuatan pasukannya, dan menjelaskan kerosakan sistem buatan manusia dan kezalimannya serta kelemahan pasukannya.

### **Perkara 104**

Media yang dimiliki warga negara tidak memerlukan keizinan. Tetapi hanya perlu dimaklumkan kepada Jabatan Penerangan tentang bentuk (wasilah) media yang dibentuk. Pemilik dan pemimpin wasilah media itu bertanggung jawab terhadap setiap perkara yang disebarkan. Dia akan diminta pertanggungjawaban terhadap setiap bentuk penyimpangan syar'ie seperti individu rakyat lainnya.

## MAJLIS UMAT

### Perkara 105

Ahli-ahli Majlis Umat adalah mereka yang mewakili kaum Muslimin dalam menyampaikan pendapat, sebagai bahan pertimbangan bagi Khalifah. Mereka yang mewakili penduduk wilayah disebut Majlis Wilayah. Orang non-muslim dibolehkan menjadi anggota Majlis Umat untuk menyampaikan pengaduan tentang kezaliman atau penyimpangan para penguasa dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam.

### Perkara 106

Anggota Majlis Wilayah dipilih secara langsung oleh penduduk wilayah tertentu. Jumlah anggota Majlis Wilayah ditentukan sesuai dengan perbandingan jumlah penduduk setiap wilayah di dalam negara. Anggota-anggota Majlis Umat dipilih secara langsung oleh Majlis Wilayah. Tempoh masa keanggotaan Majlis Umat sama dengan Majlis Wilayah.

### Perkara 107

Setiap warga negara yang baligh, dan berakal berhak menjadi anggota Majlis Umat atau Majlis Wilayah, sama ada lelaki ataupun wanita, muslim ataupun non-muslim. Namun, keanggotaan orang-orang non-muslim terhad hanya pada penyampaian pengaduan tentang kezaliman atau penyimpangan para penguasa dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam.

### Perkara 108

Syura dan masyurah ialah pengambilan pendapat secara mutlak. Pendapatnya tidak mengikat (muzalma) dalam masalah tasyri', definisi, masalah-masalah yang berkaitan pemikiran seperti menyingkap hakikat fakta, masalah-masalah sains dan teknologi. Walau bagaimanapun, pendapat hasil syura dan masyurah mengikat Khalifah dalam perkara-perkara dan tindakan-tindakan yang praktikal yang tidak memerlukan pembahasan dan penelitian.

### Perkara 109

Syura merupakan hak bagi kaum Muslimin sahaja dan bukan hak rakyat non-muslim. Namun, penyampaian pendapat boleh dilakukan oleh setiap warga negara, baik muslim mahupun non-muslim.

## **Perkara 110**

Persoalan-persoalan yang terdapat di dalam ruang lingkup syura yang bersifat mengikat, ketika Khalifah meminta pendapat, keputusan diambil berdasarkan pendapat majoriti, tanpa mempertimbangkan pendapat tersebut tepat atau keliru. Selain perkara tersebut, ia termasuk di dalam syura yang bersifat tidak mengikat, maka yang dipertimbangkan adalah kebenarannya, tanpa melihat lagi suara majoriti atau minoriti.

## **Perkara 111**

Majlis Umat memiliki 5 hak dan kuasa :

1a) Dirujuk oleh Khalifah dan menyampaikan pendapat kepada Khalifah dalam aktiviti dan perkara-perkara yang praktikal yang berkaitan dengan pemeliharaan urusan dalam masalah politik dalam negeri yang tidak memerlukan pendalaman dan penelitian yang mendalam seperti urusan pemerintahan, pendidikan, kesihatan, ekonomi, perdagangan, industri, pertanian dan seumpamanya, maka pendapat Majlis Umat dalam perkara tersebut adalah mengikat.

1b) Sementara perkara-perkara yang memerlukan perbincangan mendalam dan penelitian, dan perkara-perkara yang bersifat teknikal, sains, kewangan, ketenteraan dan politik luar negara, maka Khalifah berhak merujuk dan meminta pendapat Majlis, namun pendapat Majlis adalah tidak mengikat.

2) Khalifah boleh menyampaikan hukum-hukum dan undang-undang yang ingin diambalnya (tabanni) kepada Majlis Umat. Sementara kaum Muslimin di kalangan anggota Majlis berhak membincangkannya, serta menjelaskan keadaannya benar atau salah. Jika mereka berselisih dengan Khalifah dalam metodologi penetapan (tabanni) berbentuk usul syariah yang telah ditetapkan (tabanni) oleh negara, maka penyelesaiannya dirujuk kepada Mahkamah Mazhalim. Pendapat Mahkamah dalam masalah ini adalah mengikat.

3) Majlis Umat berhak mengkritik Khalifah terhadap seluruh aktiviti yang telah dilaksanakannya di dalam Negara, sama ada urusan dalam negara, luar negara, kewangan, ketenteraan, atau yang lainnya. Pendapat Majlis adalah mengikat dalam masalah yang di dalamnya pendapat majoriti bersifat mengikat. Dan pendapat Majlis tidak bersifat mengikat dalam masalah yang di dalamnya pendapat majoriti tidak bersifat mengikat. Jika Majlis umat berbeza pendapat dengan Khalifah dalam suatu aktiviti yang telah dilaksanakan dari aspek syar'ie,



maka hal itu dikembalikan kepada mahkamah mazhalim, untuk memastikan sama ada aktiviti tersebut syar'ie atau tidak. Dan pendapat Mahkamah Mazhalim dalam hal itu adalah mengikat.

4) Majlis Umat berhak menampakkan ketidaksenangannya terhadap para Mu'awin, Wali dan 'Amil. Dan pendapat Majlis dalam hal ini adalah mengikat. Khalifah mesti segera memberhentikan mereka. Jika pendapat Majlis Umat bertentangan dengan pendapat Majlis Wilayah yang berkaitan keredhaan dan pengaduan atas Wali dan 'Amil, maka pendapat Majlis Wilayah lebih diutamakan dalam hal itu.

5) Kaum Muslimin di kalangan anggota Majlis Umat berhak menghadkan calon Khalifah di kalangan mereka yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Madzalim memenuhi syarat-syarat in'iqad, dan pendapat majoriti anggota Majlis dalam perkara itu adalah mengikat, sehingga tidak boleh dipilih kecuali calon yang telah dihadkan oleh Majlis.

## SISTEM SOSIAL

### **Perkara112**

Hukum asal seorang wanita adalah ibu dan pengatur rumah tangga. Wanita merupakan kehormatan yang wajib dijaga.

### **Perkara 113**

Hukum asal kehidupan kaum lelaki terpisah dengan kaum wanita. Mereka tidak boleh berkumpul bersama-sama, kecuali terdapat suatu keperluan hidup yang dibolehkan syarak atau mengharuskannya berkumpul seperti ibadah haji dan berjual beli.

### **Perkara 114**

Wanita memiliki hak dan kewajiban yang sama dengan lelaki, kecuali apa yang telah dikhususkan oleh Islam untuk wanita atau lelaki berdasarkan dalil-dalil syarak. Wanita memiliki hak dalam aktiviti perdagangan, pertanian, perindustrian dan mengendalikan pelbagai akad dan muamalat yang lain. Wanita dibolehkan memiliki setiap jenis pemilikan dan mengembangkan kekayaannya oleh dirinya sendiri mahupun bekerjasama dengan orang lain serta berhak menjalankan seluruh urusan kehidupan.

### **Perkara 115**

Wanita boleh dilantik sebagai pegawai negara, dilantik sebagai Qadhi kecuali Qadhi Mazhalim, memilih anggota Majlis Umat dan menjadi anggota Majlis Umat, serta berhak memilih Khalifah dan memba'ahnya.

### **Perkara 116**

Seorang wanita tidak boleh memegang jawatan pemerintah. Tidak boleh menjadi Khalifah, Mu'awin, Wali, atau Amil; dan tidak boleh mengamalkan aktiviti yang berkaitan dengan (kekuasaan) pemerintahan. Begitu juga tidak boleh menjawat sebagai Qadhi Qudhat, Qadhi Mahkamah Mazhalim dan Amirul Jihad.

### **Perkara 117**

Wanita hidup dalam lingkungan kehidupan umum dan juga kehidupan peribadi. Di dalam kehidupan umum wanita boleh bergaul bersama kaum wanita atau kaum lelaki samada yang muhrim mahupun yang bukan selama tidak menampakkan auratnya kecuali wajah dan tapak tangan, tidak bertabarruj dan tidak menampilkan bentuk tubuhnya. Namun, di dalam kehidupan peribadi tidak boleh bergaul kecuali dengan sesama kaum wanita, atau dengan dengan kaum lelaki yang menjadi muhrimnya. Tidak dibolehkan bergaul dengan lelaki ajnabi (bukan mahram). Di dalam kedua bentuk kehidupan itu, seorang wanita mesti tetap terikat dengan seluruh hukum syarak.

### **Perkara 118**

Wanita dilarang bersendirian(berkhalwat) tanpa disertai mahramnya. Wanita dilarang melakukan tabarruj atau menampakkan auratnya di hadapan lelaki ajnabi (bukan mahram).

### **Perkara 119**

Seorang lelaki atau wanita tidak boleh melakukan perbuatan yang boleh membahayakan akhlak atau mengundang kerosakan di dalam masyarakat.

### **Perkara 120**

Kehidupan suami-isteri(*al-hayah az-zawjiyyah*) adalah kehidupan yang menghasilkan ketenangan. Pergaulan suami isteri adalah pergaulan yang penuh persahabatan. Kepemimpinan (*quwamah*) suami terhadap isteri adalah kepemimpinan yang bertanggung jawab, bukan kepemimpinan seperti seorang

pemerintah. Seorang isteri diwajibkan taat, dan seorang suami diwajibkan memberi nafkah yang layak, menurut kesesuaian taraf hidup.

### **Perkara 121**

Suami isteri bekerja secara harmoni dalam melaksanakan tugas-tugas rumah tangga. Suami wajib melaksanakan seluruh tugas-tugas yang biasanya dilakukan di luar rumah, sementara isteri wajib melaksanakan seluruh tugas-tugas yang biasanya dilakukan di dalam rumah sesuai dengan kemampuannya. Suami wajib menyediakan pembantu rumah dalam kadar yang memadai untuk membantu pekerjaan rumah tangga yang tidak mampu dilaksanakan oleh isterinya.

### **Perkara 122**

Hak penjagaan anak-anak adalah hak dan kewajiban bagi wanita, tidak kira sama ada dia adalah Muslimah ataupun bukan, selama anak kecil tersebut memerlukan penjagaan/ perawatan. Apabila anak-anak tersebut sudah tidak memerlukan penjagaan lagi maka akan dipertimbangkan jika ibu yang mengasuh anak atau walinya -kedua-duanya Islam-, maka terhadap anak tersebut diberikan pilihan untuk tinggal bersama orang yang dikehendaknya. Bagi orang yang dipilihnya maka dia berhak hidup bersamanya sama ada lelaki ataupun wanita, tanpa membezakan lagi adakah anak tersebut lelaki ataupun wanita. Apabila salah seorang di antara kedua-duanya itu non-muslim, maka anak tersebut tidak diberikan pilihan lain, kecuali diserahkan kepada pihak yang muslim.

## **SISTEM EKONOMI**

### **Perkara 123**

Politik ekonomi (*siyasa al-iqtishodi*) merupakan pandangan terhadap apakah bentuk masyarakat yang hendak diwujudkan, ketika menangani pemenuhan keperluan (manusia). Maka apakah bentuk masyarakat yang hendak diwujudkan akan dijadikan asas untuk memenuhi keperluan.

### **Perkara 124**

Masalah ekonomi yang fundamental ialah pengagihan dana/kekayaan dan perkhidmatan kepada seluruh individu masyarakat, serta memberi mereka

peluang untuk memanfaatkannya dengan memberi kesempatan untuk mengusahakan dan memilikinya.

#### **Perkara 125**

Pemenuhan seluruh keperluan asas individu masyarakat secara sempurna wajib dijamin ke atas setiap individu, dan setiap individu juga dijamin untuk membolehkannya memenuhi keperluan sekunder semaksimum mungkin.

#### **Perkara 126**

Harta adalah milik Allah semata-mata. Dialah yang memberi hak pemilikan –secara umum- kepada manusia untuk menguasainya, maka dengan itu harta tersebut benar-benar menjadi hak miliknya (manusia tersebut). Dia juga yang mengizinkan setiap individu untuk mendapatkannya, sehingga dengan keizinan yang bersifat khusus itu harta tersebut benar-benar menjadi miliknya secara nyata.

#### **Perkara 127**

Terdapat 3 jenis pemilikan: pemilikan individu, pemilikan umum dan pemilikan negara.

#### **Perkara 128**

Pemilikan individu adalah hukum syarak terhadap benda itu sendiri atau manfaat daripadanya, yang memberi peluang kepada orang yang memilikinya untuk memperoleh manfaat serta mendapatkan imbalan daripada penggunaannya.

#### **Perkara 129**

Pemilikan umum adalah keizinan As-Syari' (Allah SWT) kepada jama'ah (masyarakat) untuk memanfaatkan benda-benda secara bersama-sama.

#### **Perkara 130**

Setiap harta kekayaan yang penggunaannya bergantung kepada pendapat Khalifah dan ijtihadnya, dianggap sebagai pemilikan negara seperti cukai (Al-dharib), kharaj dan jizyah.

### **Perkara 131**

Pemilikan individu terhadap aset-aset cair dan aset-aset tetap hanya bergantung kepada 5 sebab syar'i, iaitu:

- a. Bekerja.
- b. Warisan.
- c. Keperluan (mendesak) terhadap dana/harta demi mempertahankan hidup.
- d. Pemberian dana/kekayaan negara kepada rakyat.
- e. Harta yang diperolehi individu tanpa mengeluarkan pembiayaan atau usaha keras.

### **Perkara 132**

Penggunaan hak milik, terikat dengan keizinan dari Allah - selaku pembuat hukum-, sama ada ia digunakan untuk perbelanjaan ataupun untuk pelaburan/pengembangan harta. Dilarang berfoya-foya, pemborosan dan bakhil. Tidak boleh mewujudkan syarikat berdasarkan sistem kapitalis, atau koperasi dan semua bentuk transaksi yang bertentangan dengan syarak. Dilarang mengambil riba, memanipulasi harta secara berlebihan (al-gabn al-fahsy), penimbunan harta (al-ihthikar), perjudian dan sebagainya.

### **Perkara 133**

Tanah usyriyah adalah tanah suatu negara yang penduduknya masuk Islam (i.e. tanpa Jihad daripada negara Islam) dan tanah semenanjung Arab. Tanah kharaj adalah tanah sesuatu negara yang dibebaskan (futuhat) melalui peperangan atau perdamaian, kecuali tanah semenanjung Arab. Tanah usyriyah menjadi hak milik individu, samada tanahnya mahupun manfaatnya. Sedangkan tanah kharaj (tanahnya) menjadi milik negara, namun manfaatnya milik individu. Setiap individu dibolehkan menjual/memberikan tanah usyriyah, atau menjual/ memberikan manfaat tanah kharajiyah selaras dengan aqad/perjanjian yang dibolehkan syarak serta dapat diwariskan seperti harta-harta yang lain.

### **Perkara 134**

Tanah mati (al-mawwat- tanah yang tidak diusahakan selama 3 tahun atau lebih) dapat dimiliki dengan cara membuka (menghidupkan) tanahnya dan

memberinya batas/ pagar. Selain tanah mawwat, tidak dapat dimiliki kecuali dengan sebab-sebab pemilikan yang dibolehkan syarak, seperti waris, pembelian atau pemberian daripada negara.

### **Perkara 135**

Dilarang menyewakan tanah untuk pertanian secara mutlak, samada tanah kharaj mahupun tanah usyriyah seperti mana larangan Muzara'ah - bagi hasil atas tanah pertanian, tetapi musaqat iaitu mengupah orang untuk menjaga dan menyiram kebun adalah dibolehkan.

### **Perkara 136**

Setiap orang yang memiliki tanah (pertanian), mestilah mengelolaknya. Baitul Mal memberikan modal kepada para petani yang tidak memiliki modal untuk mengusahakan tanahnya. Setiap orang yang membiarkan tanahnya mati selama tiga tahun berturut-turut tanpa mengusahakannya- , maka tanahnya akan diambil dan diserahkan kepada yang lain.

### **Pasal 137**

Pemilikan umum berlaku dalam 3 perkara:

- a. Setiap sesuatu yang diperlukan masyarakat umum (keperluan utiliti umum) seperti dataran-dataran bandar
- b. Sumber mineral (Al-ma'adin) yang jumlahnya tidak terbatas, seperti sumber minyak.
- c. Benda-benda yang secara tabie tidak boleh dimonopoli seseorang, seperti sungai.

### **Perkara 138**

Kilang/Industri pembuatan (al-mashona'u) dari segi sifatnya termasuk pemilikan individu, namun hukum terhadap kilang bergantung kepada produk yang dihasilkannya. Jika produknya termasuk di kalangan pemilikan individu maka industri/kilang tersebut menjadi hak milik individu, seperti kilang tenunan/ pemintalan. Sebaliknya jika produknya termasuk di kalangan pemilikan umum, maka industri/kilang tersebut menjadi hak milik umum, seperti kilang pembuatan besi.

### **Perkara 139**

Negara tidak boleh menukarkan hak milik individu menjadi hak milik umum kerana pemilikan umum ditentukan oleh sifat tabiinya harta tersebut, bukan berdasarkan pandangan negara.

### **Perkara 140**

Setiap individu di kalangan umat berhak menggunakan sesuatu yang termasuk dalam pemilikan umum. Negara tidak dibenarkan untuk mengizinkan orang-orang tertentu sahaja di kalangan rakyat, untuk memiliki atau mengelola pemilikan umum.

### **Perkara 141**

Negara dibenarkan memagari sebahagian tanah mati atau melindungi sesuatu yang termasuk dalam pemilikan umum, untuk kemaslahatan yang dilihatnya sebagai kemaslahatan rakyat.

### **Perkara 142**

Dilarang menimbun harta kekayaan (kanzul mal), sekalipun zakatnya dikeluarkan.

### **Perkara 143**

Zakat hanya diambil daripada kaum Muslimin, dan dikutip bersandarkan jenis kekayaan yang sudah ditentukan oleh syarak, samada dalam bentuk mata wang, barang-barang dagangan, binatang-binatang ternak mahupun bijirin. Selain yang sudah ditentukan oleh syarak tidak boleh dikutip. Zakat dikutip daripada para pemiliknya, samada dia mukallaf yang baligh dan berakal, ataupun bukan mukallaf, seperti anak kecil dan orang gila. Harta zakat disimpan/ dipisahkan di bahagian khusus dalam Baitul Mal, dan tidak diagihkan kecuali kepada satu atau lebih daripada 8 asnaf yang tercatat dalam al - Qurannul Karim.

### **Perkara 144**

Jizyah dikutip daripada orang-orang non-Muslim (zhimmi) sahaja, dan diambil dari kalangan lelaki baligh sahaja jika dia mampu. Jizyah tidak dikenakan terhadap kaum wanita dan anak-anak.

### **Pasal 145**

Kharaj dikutip ke atas tanah kharaj berdasarkan potensi hasilnya. Sedangkan tanah usyriyah zakatnya dikutip berdasarkan hasil sebenar/nyata.

### **Perkara 146**

Cukai (al-dharibah) hanya dikutip daripada kaum Muslimin berdasarkan ketentuan syarak untuk menampung perbelanjaan Baitul Mal, dengan syarat pungutannya diambil daripada lebih keperluan individu—setelah pemilik harta memenuhi kewajiban tanggungannya dengan cara yang ma'ruf-. Hendaknya diperhatikan bahawa jumlah cukai adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan negara.

### **Perkara 147**

Setiap amal yang diwajibkan syarak terhadap umat untuk melaksanakannya, sedangkan Baitul Mal tidak ada harta yang cukup untuk memenuhinya, maka kewajiban tersebut beralih kepada umat. Pada ketika itu negara berhak mengumpulkan harta daripada umat dengan mewajibkan cukai (al-dharibah) terhadap mereka. Apa yang tidak diwajibkan syarak terhadap umat, maka negara tidak dibenarkan memungut cukai dalam apa jua bentuk, seperti mengambil bayaran untuk proses peradilan, atau urusan birokrasi, atau apa-apa bentuk maslahat yang lain.

### **Perkara 148**

Belanjawan negara memiliki sumber-sumber yang tetap yang telah ditentukan hukum syarak. Belanjawan tersebut dipecahkan kepada beberapa bahagian. Dana ditentukan bagi setiap bahagian dan perkara-perkara yang mana dana-dana ini akan diperuntukkan, semuanya ini ditentukan oleh pandangan dan ijtihad Khalifah.

### **Perkara 149**

Sumber tetap pendapatan (wardatid daimiyati) Baitul Mal dalam bentuk fa'i, jizyah, kharaj, seperlima harta rikaz dan zakat. Seluruh dana ini dipungut secara tetap, baik diperlukan atau tidak.



### **Perkara 150**

Apabila sumber tetap pendapatan Baitul Mal tidak mencukupi untuk menampung belanjawan negara, maka negara boleh memungut cukai(dharibah) daripada kaum Muslimin untuk menampung belanjawan wajib bagi Baitul mal dengan ketentuan sebagai berikut:

- a. Untuk memenuhi pembiayaan yang menjadi kewajiban Baitul Mal kepada para fakir, miskin, Ibnu Sabil dan pelaksanaan kewajiban jihad.
- b. Untuk memenuhi pembiayaan yang menjadi kewajiban Baitul Mal sebagai bayaran(sara diri) memberi khidmat kepada negara, seperti gaji para pegawai, gaji tentera dan kompensasi para penguasa.
- c. Untuk biaya-biaya yang menjadi kewajiban Baitul Mal dengan pertimbangan kemaslahatan dan pembangunan, tanpa mendapatkan pulangan, seperti pembangunan jalan raya, penyediaan bekalan air yang bersih, pembangunan masjid, sekolah dan hospital.
- d. Untuk keperluan biaya yang menjadi tanggung jawab Baitul Mal dalam keadaan darurat akibat bencana mendadak yang menimpa rakyat, contohnya bencana disebabkan kebuluran, ribut taufan, atau gempa bumi.

### **Perkara 151**

Sumber pendapatan yang disimpan di Baitul Mal merangkumi harta yang dipungut daripada duti kastam (thoghur) di sepanjang perbatasan negara, harta yang dihasilkan daripada pemilikan umum atau pemilikan negara, dan daripada harta pusaka tanpa warisnya.

### **Perkara 152**

Perbelanjaan Baitul Mal disalurkan kepada 6 bahagian:

- i. 8 golongan yang berhak menerima zakat. Mereka berhak mendapatkannya daripada bahagian/seksyen(bab) harta zakat.
- ii. Jika daripada seksyen harta zakat tidak ada dana, maka bagi orang fakir, miskin, Ibnu Sabil, jihad dan gharimin (orang yang dililit hutang) akan diberikan daripada sumber pendapatan Baitul Mal yang lain. Dan jika itupun tidak ada dana, maka para gharimin tidak akan mendapatkan sebarang bantuan. Sementara bagi memenuhi keperluan orang fakir, miskin, Ibnu Sabil dan jihad, akan dipungut

cukai(dharaib). Negara membuat pinjaman demi memenuhi keperluan tersebut apabila situasi dikhuatiri akan menimbulkan bencana/malapetaka(fasad).

iii. Orang-orang yang memberikan perkhidmatan kepada negara seperti para pegawai, penguasa dan tentera, diberikan harta dari Baitul Mal untuk mereka. Apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi, maka segera dipungut cukai(dharaib) untuk memenuhi pembayaran tersebut. Negara membuat pinjaman demi memenuhi keperluan tersebut apabila situasi dikhawatiri menimbulkan bencana/mala petaka(fasad).

iv. Pembangunan keperluan servis dan utiliti penting (al-masalih wal murafaq assasiyyah) masyarakat yang seperti jalan raya, masjid, hospital dan sekolah mendapatkan biaya dari Baitu Mal. Apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi, segera dipungut cukai untuk memenuhi keperluan tersebut.

v. Manakala Pembangunan kemudahan fasiliti pelengkap (al-masalih wal murafaq al-kamaliyyah) juga mendapatkan biaya dari Baitu Mal. Namun apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi maka pendanaannya ditunda.

vi. Bencana alam mendadak, seperti gempa bumi dan ribut taufan, pembiayaannya mesti ditanggung Baitul Mal. Apabila dana Baitul Mal tidak mencukupi maka negara berusaha mendapatkan pinjaman secepatnya, yang kemudian dibayar daripada hasil pungutan cukai.

### **Perkara 153**

Negara menjamin peluang pekerjaan bagi setiap warga negaranya.

### **Perkara 154**

Para pekerja syarikat dan mereka yang bekerja sendiri memiliki hak dan kewajiban yang sama seperti para pegawai pemerintahan. Setiap orang yang bekerja dengan upah/gaji merupakan pekerja, tanpa mengira jenis pekerjaan atau pihak yang bekerja. Apabila terjadi perselisihan antara pekerja dengan majikan mengenai kadar upah/gaji, maka kadar upah dinilai sesuai dengan nilai upah/gaji pasaran semasa. Apabila perselisihannya bukan berkaitan dengan upah, maka kontrak pekerjaan dinilai semula berdasarkan hukum-hukum syarak.

### **Perkara 155**

Upah/Gaji (Al-ujrah) ditentukan mengikut manfaat/hasil kerja ataupun manfaat kepada majikan, bukan berdasarkan pengalaman atau ijazah pekerja.

Tidak ada kenaikan gaji bagi para pekerja, namun mereka diberikan upah yang layak menjadi haknya secara utuh samada berdasarkan hasil pekerjaannya atau mengikut manfaat kepada majikannya.

#### **Perkara 156**

Negara menjamin perbelanjaan hidup bagi orang yang tidak memiliki harta, tidak pekerjaan, atau tidak ada orang yang wajib menanggung nafkahnya. Negara bertanggungjawab terhadap penginapan orang-orang tua dan orang-orang yang cacat.

#### **Perkara 157**

Negara bertindak mengedarkan harta kekayaan (tadawul almal) di kalangan (seluruh) rakyat, dan mencegah berlakunya peredaran kekayaan hanya pada suatu kelompok tertentu.

#### **Perkara 158**

Negara memberikan kesempatan bagi setiap warganya untuk memenuhi kehendak kemewahan, serta mewujudkan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat dengan cara sebagai berikut:

- a. Dengan memberikan aset cair atau aset tetap yang dimiliki Baitul Mal, daripada harta fa'i dan lain-lain.
- b. Dengan mengurniakan tanah sama ada tanah yang hidup atau tidak kepada orang yang tidak memiliki tanah yang mencukupi. Bagi orang yang memiliki tanah tetapi tidak diusahakan oleh mereka, maka dia tidak diberikan sebarang tanah. Negara memberikan bantuan kewangan kepada mereka yang tidak mampu mengusahakan tanah pertaniannya agar dapat bertani/mengolahnya.
- c. Melunaskan hutang orang-orang yang tidak mampu membayarnya, yang diambil daripada zakat atau fa'i atau sebagainya.

#### **Perkara 159**

Negara menyelia (tashrif) hal ehwal pertanian dan hasil pertanian selaras dengan dasar-dasar strategik pertanian negara untuk mencapai potensi maksimum tahap penggunaan tanah.

### **Perkara 160**

Negara menyelia semua sektor perindustrian dan menjalankan secara langsung industri yang termasuk ke dalam jenis pemilikan umum.

### **Perkara 161**

Perdagangan luar negara (foreign trade) berlaku menurut kewarganegaraan pedagang, bukan berdasarkan tempat asal barangannya. Para pedagang dari negara kafir harbi dilarang mengadakan aktiviti perdagangan di dalam negara, kecuali dengan keizinan khusus kepada pedagang atau barangannya. Pedagang yang berasal dari negara yang terikat perjanjian (kafir muahid) diperlakukan selari dengan syarat-syarat perjanjian antara negara dengan mereka. Pedagang di kalangan rakyat negara tidak dibenarkan mengeksport bahan-bahan/barang-barang yang diperlukan negara, termasuk bahan-bahan yang akan memperkuat musuh baik secara ketenteraan, industri mahupun ekonomi. Namun, pedagang tidak dilarang mengimport harta/barang yang sudah mereka miliki. Mana-mana negara yang kita sedang menghadapi peperangan sebenar antara kita dan rakyatnya (seperti Israel) adalah dikecualikan daripada peruntukan ini. Hukum-hukum Darul Harb berlaku ke atas negara seumpama itu dalam semua bentuk hubungan tidak kira sama ada perdagangan atau bentuk yang lain.

### **Perkara 162**

Setiap individu rakyat berhak mendirikan makmal kajian dan pembangunan (R&D) yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan. Negara wajib membangunkan makmal-makmal seumpamanya.

### **Perkara 163**

Setiap individu dilarang memiliki makmal-makmal yang menghasilkan bahan-bahan yang mana kepemilikannya dapat membahayakan umat atau negara.

### **Perkara 164**

Negara menyediakan seluruh perkhidmatan kesihatan kepada seluruh rakyat secara percuma. Namun negara tidak melarang rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan doktor swasta, ataupun menjual ubat-ubatan.

### **Perkara 165**

Penggunaan modal asing dan pelaburannya di dalam negara adalah dilarang. Ia juga dilarang memberi francais kepada orang asing. Investasi dan pengelolaan modal asing diseluruh negara tidak dibolehkan, termasuk larangan memberikan hak istimewa kepada pihak asing.

### **Perkara 166**

Negara mencetak dan mengeluarkan sendiri mata wang khusus yang mandiri, dan tidak boleh terikat dengan manamana mata wang asing.

### **Perkara 167**

Mata wang negara terdiri daripada emas dan perak, baik yang dicetak atau tidak. Negara tidak dibenarkan memiliki mata wang selain daripada keduanya itu. Negara dibenarkan mencetak dan mengeluarkan mata wang dalam bentuk lain, sebagai pengganti emas dan perak dengan syarat Negara (Baitul Mal) memiliki simpanan emas dan perak yang setara untuk menampung pengeluaran wang tersebut. Justeru itu, Negara boleh mengeluarkan mata wang daripada tembaga, gangsa atau wang kertas dan sebagainya, yang dicetak atas nama negara sebagai mata wang negara yang memiliki nilai yang setara dengan simpanan emas dan perak.

### **Perkara 168**

Pertukaran mata wang negara dengan mata wang asing dibolehkan seperti halnya penukaran di antara berbagai-bagai jenis mata wang negara. Adalah dibenarkan bagi kadar pertukaran antara dua jenis mata wang untuk berbeza dengan syarat mata wangnya berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, transaksinya adalah tunai dan tidak boleh ditangguhkan. Kadar pertukaran boleh berubah-ubah tanpa sebarang sekatan selagi ia berada di antara dua mata wang yang berlainan. Setiap individu rakyat bebas membeli mata wang yang diinginkan, baik di dalam ataupun di luar negara tanpa perlu meminta izin sesiapa.

### **Perkara 169**

Mewujudkan bank-bank adalah dilarang sama sekali, kecuali bank milik negara, yang tidak menjalankan amalan riba dan merupakan salah satu da'irah

daripada Baitul Mal. Bank ini memberikan pinjaman dana sesuai hukum syarak, dengan transaksi kewangan yang mudah.

## DASAR PENDIDIKAN (SIYASAH AL-TA'LIM)

### Perkara 170

Kurikulum pendidikan wajib berasaskan akidah Islamiyah. Sukatan mata pelajaran serta metodologi penyampaian pelajaran seluruhnya disusun tanpa sebarang penyimpangan daripada asas tersebut dalam pendidikan.

### Perkara 171

Dasar pendidikan adalah untuk membentuk mentaliti dan sikap Islami (*al-aqliyah wa al-nafsiyah al-Islamiyyah*). Seluruh mata pelajaran disusun berdasarkan dasar strategi tersebut.

### Perkara 172

Matlamat (*al-ghayah*) pendidikan adalah membentuk keperibadian Islam (*as-syakhsiyah al-islamiyyah*) serta menyediakan manusia dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan yang berkaitan dengan kehidupan. Metodologi pengajaran diwujudkan untuk mencapai matlamat ini. Sebarang metodologi yang membawa kepada selain matlamat ini adalah dilarang.

### Perkara 173

Waktu pelajaran untuk ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab yang wajib diberikan setiap minggu dengan disesuaikan dengan waktu pelajaran untuk ilmu-ilmu lain, baik dari segi jumlah mahupun waktu.

### Perkara 174

Wajib dipisahkan dalam pendidikan di antara ilmu-ilmu sains teknologi dan ko-kurikulum dengan ilmu-ilmu thaqofah. Ilmu-ilmu sains diajarkan menurut keperluan dan tidak terikat dengan peringkat pendidikan tertentu. Ilmu-ilmu thaqofah diberikan bermula dari peringkat awal (sekolah) sehingga tahap tinggi/al-'aliyyah (pengajian tinggi) mengikut dasar pendidikan yang tidak bertentangan dengan konsep(akfar) dan hukum Islam. Di peringkat pengajian tinggi ilmu-ilmu thaqofah boleh diajarkan secara utuh seperti mana ilmu

pengetahuan yang lain, dengan syarat tidak mengakibatkan sebarang penyimpangan daripada strategi dan tujuan pendidikan.

#### **Perkara 175**

Thaqofah Islam wajib diajarkan pada semua peringkat pendidikan. Namun di peringkat pengajian tinggi (marhalah 'aliyah) dibuka kepada pelbagai cabang disiplin ilmu keislaman, di samping ditawarkan jurusan yang lain seperti perubatan, kejuruteraan, fizik dan sebagainya.

#### **Perkara 176**

Ilmu kesenian dan teknologi pembuatan dapat digolongkan sebagai ilmu pengetahuan, seperti perdagangan, pelayaran dan pertanian yang boleh dipelajari tanpa terikat batasan atau syarat tertentu; namun kadang-kadang digolongkan sebagai suatu ketamadunan (thaqofah) apabila telah dipengaruhi oleh pandangan hidup tertentu, seperti seni lukis dan seni ukir yang tidak boleh dipelajari apabila ia bertentangan dengan pandangan Islam.

#### **Perkara 177**

Kurikulum pendidikan (manhaj al-ta'lim) hanya satu. Tidak boleh menggunakan kurikulum selain kurikulum negara. Tiada larangan untuk mendirikan sekolah-sekolah swasta selagi mana mengikut kurikulum negara dan ia berdiri dengan mencapai dasar dan tujuan pendidikan. Hanya sahaja pendidikan di sekolah itu tidak boleh bercampur baur antara lelaki dengan perempuan baik di kalangan pelajar mahupun guru. Juga tidak boleh dikhususkan untuk sesuatu kelompok, agama, mazhab, ras atau warna kulit tertentu.

#### **Perkara 178**

Pengajaran tentang semua perkara yang diperlukan manusia dalam kehidupannya merupakan kewajiban negara ke atas setiap individu, tidak kira lelaki mahupun perempuan di peringkat pendidikan rendah dan menengah. Negara wajib menyediakan bagi seluruh warga negara pendidikan percuma. Sementara peluang melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi secara percuma dibuka seluas-luasnya dengan fasiliti pendidikan yang terbaik.

### **Perkara 179**

Negara menyediakan kemudahan untuk pengembangan ilmu pengetahuan seperti perpustakaan dan makmal-makmal, di samping sekolah-sekolah dan universiti-universiti bagi membolehkan mereka yang ingin melanjutkan kajian dalam berbagai-bagai bidang pengetahuan, seperti fiqh, usul fiqh, hadith dan tafsir, termasuk di bidang ilmu pemikiran, kedoktoran, teknikal, kimia, penemuan-penemuan dan ciptaan-ciptaan baru. Ini dilakukan demi mewujudkan sebanyak mungkin para mujtahid, saintis dan pencipta yang cemerlang.

### **Perkara 180**

Larangan wujudnya hak milik dalam mengarang buku-buku pendidikan untuk semua peringkat. Tidak dibolehkan seseorang -baik pengarang mahupun bukan-memiliki hak cetak dan penerbitan, apabila sesebuah buku telah dicetak dan diterbitkan. Jika ia masih dalam pemikiran/idea yang dimiliki seseorang dan ia belum dicetak atau diedar, maka pemilik idea boleh mengambil imbalan/bayaran kerana telah memindahkan ideanya ke dalam masyarakat, seperti mana mendapatkan bayaran kerana mengajar.

## **DASAR LUAR NEGARA (SIYASAH AL-KHARIJIYYAH)**

### **Perkara 181**

Politik adalah pemeliharaan urusan umat di dalam mahupun luar negara. Ia dilakukan oleh negara dan juga umat. Negara melaksanakan tindakan pemeliharaan tersebut, sedangkan umat memuhasabah negara terhadap pelaksanaannya.

### **Perkara 182**

Larangan mutlak ke atas mana-mana individu, parti, kumpulan atau persatuan untuk mengadakan hubungan dengan negara asing. Hubungan dengan negara-negara asing hanya dilakukan oleh negara, kerana hanya negara satu-satunya yang mempunyai hak untuk melaksanakan tindakan pemeliharaan urusan umat. Tugas umat dan kelompok-kelompok masyarakat adalah memuhasabah negara terhadap pelaksanaan hubungan luar negara tersebut.



### **Perkara183**

Tujuan tidak akan menghalalkan semua cara, kerana thariqah(metodologi) seiring dengan pemikiran(fikrah). Maka tidak boleh mencapai suatu kewajiban atau suatu yang harus(mubah) dengan jalan yang haram. Sarana-sarana (wasilah) politik tidak boleh bertentangan dengan thariqah(metodologi) politik.

### **Perkara 184**

Manuver politik (al-munawarat as-siyasah) sangat penting dalam politik luar negara. Kekuatannya terletak dengan menzahirkan tindakan tetapi sebaliknya merahsiakan tujuan.

### **Perkara 185**

Keberanian dalam mendedahkan pelbagai jenayah/kejahatan yang dilakukan oleh negara-negara lain, menjelaskan bahaya politik yang penuh kepalsuan, membongkar konspirasi jahat dan menghancurkan kredibiliti para pemimpin yang menyesatkan, merupakan cara-cara yang paling penting dalam menjalankan politik.

### **Perkara 186**

Menampilkan keagungan pemikiran Islam dalam memelihara urusan-urusan baik individu-individu, bangsa-bangsa mahupun negara, merupakan thariqah (metodologi) politik yang paling penting.

### **Perkara 187**

Prinsip utama politik(al-qadhiyah as-siyasah) umat adalah menampilkan Islam dalam susuk sebuah negara yang kuat, penerapan hukum-hukumnya secara baik, serta usaha yang berterusan dalam mengembangkan dakwahnya ke seluruh dunia.

### **Perkara 188**

Mengembangkan dakwah Islam merupakan teras kepada seluruh dasar-dasar politik luar negaranya dan atas dasar inilah dibina hubungan dengan negara-negara lain.

## **Perkara 189**

Hubungan negara ini dengan negara-negara lain yang ada di dunia dibina berdasarkan 4 pertimbangan:

Pertama, negara-negara yang berada di dalam dunia Islam sekarang dianggap berada dalam sebuah negara, sehingga tidak termasuk ke dalam aspek hubungan luar negara. Hubungan dengan negara-negara ini tidak dianggap berada dalam bidang dasar luar negara dan semua usaha mesti dilakukan untuk menyatukan semua negara-negara ini menjadi sebuah negara.

Kedua, negara-negara yang mempunyai perjanjian di bidang ekonomi, perdagangan, persahabatan atau kebudayaan, maka negaranegara tersebut diperlakukan sesuai dengan syarat-syarat perjanjian. Warga negaranya keadaan tertentu yang dilihat amat diperlukan, serta tidak menyebabkan negara yang terlibat menjadi bertambah kuat.

Ketiga, negara-negara yang tidak mempunyai sebarang perjanjian, termasuk negara-negara imperialis seperti Britain, Amerika, dan Perancis, begitu pula dengan negara-negara yang memiliki cita-cita ke atas negeri-negeri Islam seperti Russia maka secara hukum dianggap sebagai negara yang bermusuhan (muhariban hukman). Semua tindakan pencegahan perlu diambil terhadap mereka dan adalah salah untuk membina hubungan diplomatik dengan mereka. Rakyat mereka boleh hanya memasuki negara Islam dengan passport dan visa khusus untuk setiap individu dan bagi setiap lawatan, kecuali jika ia menjadi negara berperang sebenar (muhariban fi'lan).

Keempat, negara-negara yang sedang berperang (muhariban fi'lan) seperti Israel, maka terhadap negara tersebut wajib bersikap seperti dalam keadaan darurat perang sebagai asas dalam setiap perlakuan dan tindakan terhadapnya, tidak kira terdapat perjanjian gencatan senjata ataupun tidak. Manakala seluruh penduduknya adalah dilarang memasuki wilayah Islam.

## **Perkara 190**

Larangan keras mengadakan perjanjian dan kesepakatan militer, atau yang terikat secara langsung dengan perjanjian tersebut, seperti perjanjian politik dan persetujuan penyewaan pangkalan tentera serta lapangan terbang. Namun dibolehkan mengadakan perjanjian antara negara tetangga, perjanjian dalam bidang ekonomi, perdagangan, kewangan, kebudayaan dan gencatan senjata.

Dibolehkan memasuki negaranegara Islam dengan membawa kad pengenalan tanpa memerlukan pasport, jika hal ini dinyatakan dalam teks perjanjian, dengan syarat warganegara kita juga mendapat perlakuan yang sama. Hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara tersebut terbatas kepada barang dan gencatan senjata.

### **Perkara 191**

Negara tidak boleh menjadi sebahagian daripada organisasi yang tidak berasaskan Islam atau menerapkan hukum-hukum selain Islam. Seperti organisasi internasional PBB, Mahkamah Antarabangsa, IMF, Bank Dunia. Begitu juga dengan organisasi serantau seperti Liga Arab.